

DARI PERBENDAHARAAN LAMA

Penerbitan Pustaka Antara
399-A, Jalan Tuanku Abdul Rahman,
Kuala Lumpur

-- hak pengarang terpelihara --
cetakan pertama 1981

M
959.8
HDM

559459

dicetak oleh:
Percetakan Polygraphic Sdn. Bhd.,
No. 2, Jalan 202, Petaling Jaya,
SELANGOR.

IV

1 JUL 1981
Perpustakaan Negara

KANDUNGAN

	<i>Halaman</i>
Lidah Pengarang	ix
BAHAGIAN PERTAMA	1
I. Pengembara Arab Yang Pertama	1
— Akhir Abad XIII Perebutan Pengaruh Terakhir	5
— Tentang Masuknya Islam Ke Tanah Air Kita	5
KESIMPULAN	11
— Seminar Sejarah Masuknya Islam Ke Indonesia Di Medan	11
I. Kesimpulan	12
II. Anjuran-anjuran	12
III. Giri	14
— Pusat Agama Yang Pertama Di Tanah Jawa	14
IV. Islam Dan Majapahit	17
V. Islam Di Madura	21
VI. Agama Kesatuan	37
VII. Syeikh Yusuf Tajul Khalwati	40
— Dikenang Pada Empat Negeri	40
— Asal-Usul Dan Nama Lengkap Syeikh Yusuf	42
— Masa Kelahirannya	43
— Pulang Ke Makassar	46
— Perkembangan Di Bantem	48
— Syeikh Yusuf Di Negeri Ceylon	52
— Dipindahkan Ke Tanjung Pengharapan	54
— Mempunyai Dua Kuburan	55
— Penutup	57
VIII. Hasanuddin Dan Arupalaka	59
IX. Khairun Dan Babullah	62

BAHAGIAN KEDUA

- I. Selebar Daerah Pertemuan
- II. Pengaruh Kadi
- III. Kesedihan Banten Yang Pertama
- IV. Sebab-sebab Penyerangan Palembang
- V. Mangkabumi Ranamanggala
- VI. Sultan Ageng Tirtayasa (1651-1690)
- VII. Nama Dan Gelar Sultan-sultan Banten
- VIII. Dari Runtuhan Banten Lama
- IX. Pemberontakan Di Cilegon
 - Peristiwa Sebelum Pemberontakan Cilegon


BAHAGIAN KETIGA

- I. Nan Tonggal Megat Jebang
- II. Tuanku Imam Bonjol Gading Bertuah
- III. Basyah Sentot Di Minangkabau
- IV. Sayid Sulaiman Al-Jufri
- V. Sultan Alam Bagagar Shah
 - Sentot Dikirim Ke Minangkabau
 - Daulat Yang Dipertuan Mulai Dikepung
 - Peristiwa Tuanku Alam
 - Yang Dipertuan Dibuang
 - Harapan Dan Penutup
- VI. Tuanku Laras
- VII. Bulan Tabut
- VIII. Tugu Kekecewaan

BAHAGIAN KEEMPAT

- I. Dekat Melaka Akan Jatuh
- II. Kota Melaka
 - Pemerintahan Yang Adil
- III. Usaha Pertama Merebut Melaka (Dari Jawa)
- IV. Usaha Kedua Merebut Melaka (Dari Aceh)

V. Usaha Ketiga Merebut Melaka (Kisah Marhum Teluk Ketapang)	180
VI. Negeri Naning	185
VII. Burung Terlepas Dari Tangan	188
VIII. Tun Jana Khatib (Pasai Madrasah Islam Pertama)	191
BAHAGIAN KELIMA	199
I. Islam Memupuk Persatuan Bangsa	199
II. "Dongeng" Kaum Tasauf Untuk Mendewakan Raja	202
III. Gerakan Wahabi Di Indonesia	243
BAHAGIAN KEENAM	247
I. Dewan Perwakilan Rakyat Di Aceh (Di Abad Ketujuh Belas)	247
— Tugas Balai Majlis Mahkamah Rakyat	248
II. Wasiat Iskandar Muda Kepada Zuriatnya	251
III. Iskandar Tsani 'Alauddin Moghayat Shah	253
IV. Bolehkah Perempuan Jadi Sultan?	256
V. Salik Buta & Pengajian Tubuh	261



DARI PERBENDAHARAAN LAMA

Membaca sejarah nenek moyang adalah suatu hal yang meninggalkan kesan yang mendalam di jiwa kita, apatah lagi apabila kita baca dengan rasa cinta. Kian dia dibaca, kian terbayanglah masa-masa yang lampau dan masa lampau akan meninggalkan jejak yang dalam untuk menghadapi zaman kini dan zaman depan.

Dalam sejarah kita melihat betapa mereka itu, nenek moyang kita, telah menanamkan dasar-dasar bagi berdirinya pusaka suci yang kita perjuangkan sekarang.

Meninjau sejarah hendaklah dengan rasa cinta. Meninjau sejarah hendaklah kita seakan-akan merasai bahawa kita turut hidup dengan mereka. Sebab rasa hati kita sekarang, suka duka kita sekarang, adalah rasa hati dan suka duka yang mereka telah tinggalkan buat kita.

Kadang-kadang kita berjumpa dengan dongeng-dongeng yang sepintas lalu kita merasa bahawa itu hanya khayal belaka, cerita yang tidak-tidak. Tetapi apabila kita tukikkan pandang dan kita renungkan lebih mendalam, akan kelihatanlah bahawa dongeng khayal itu mengandungi kebenaran. Dalam yang tersurat nampak yang "tersirat". Ternyata bahawa dongeng adalah mengandungi filsafat.

Orang pernah bertanya kepada saya buku apa yang saya baca ketika saya menyusun "Dari Perbendaharaan Lama" ini, lalu saya katakan bahawa buku-buku yang saya baca, selain dari buku-buku lama pusaka nenek moyang kita, yang setengahnya benar-benar dikeluarkan dari simpanan perbendaharaan lama, adalah buku-buku yang mereka baca juga. Perbezaannya hanya sedikit, iaitu bahawa saya melihat apa yang tidak mereka lihat. Saya pun membaca buku-buku catetan sarjana sejarah Belanda, namun setelah saya baca buku-buku itu, ternyata pula bahawa mereka pun kadang-kadang tidak melihat apa yang saya lihat.

Penyelidik-penyelidik Belanda menyusun sejarah bangsa-bangsa dan kerajaan-kerajaan kita di zaman purbakala, tetapi mereka melihat dari luar. Yang mereka banggakan ialah ke-

menangan mereka dan kekalahan nenek moyang kita, ataupun rasa kemegahan bangsa Belanda dapat menaklukkan suku-suku bangsa Indonesia yang jauh lebih besar daripada mereka. Dan kadangkadangkang tersilap jugalah rasa kebencian orang Belanda Kristian kepada suku-suku bangsa Indonesia Islam. Sedang saya adalah seorang Muslim Indonesia.

Maka saya tinjaulah Perbendaharaan Lama itu kembali, meskipun fakta yang dinilai satu macam, tetapi caranya menilai terdapat perbezaan yang jauh.

Hasil renungan saya "Dari Perbendaharaan Lama" ini telah saya mulai pada tahun 1955 dimuat berturut-turut dalam "Mingguan Abadi" yang terbit di Jakarta, dan barulah terhenti setelah suratkhbar harian "Abadi" itu diberhentikan terbitannya pada tahun 1960.

Syukurlah kerana di dalam membina keperibadian Indonesia pemimpin-pemimpin Negara kita selalu menganjurkan supaya meninjau kembali sejarah Tanah Air Kita dengan perasaan kita sebagai bangsa, terutama lagi sebagai seorang Islam yang melihat apa yang tidak dilihat oleh orang lain. Syukurlah beberapa kali seminar tentang sejarah Tanah Air Kita telah diadakan dan pada bulan Mac 1963 telah diadakan pula seminar Sejarah Masuknya Islam ke Sumatera Utara di Medan.

Maka dalam seminar itu mulailah tumbuh dengan suburnya penilaian sejarah dengan pandangan kita sendiri sebagai bangsa. Perasaan inilah yang telah saya pupuk, terutama dalam "Dari Perbendaharaan Lama" ini.

Apabila saudara membaca rangkaian "Dari Perbendaharaan Lama" ini, saya berharap moga-moga kisah perjuangan zaman lampau akan bertumbuh dalam jiwa saudara, seakan-akan mereka hidup di tengah-tengah saudara, atau saudara hidup di tengah-tengah mereka. Itulah modal kita menghadapi zaman kini dan zaman depan.

Kerana pada keyakinan saya kita yang sekarang tidaklah putus dengan zaman lampau melainkan penyambut pusaka, untuk dilanjutkan pula kepada generasi yang akan datang.

Kebayoran Baru, Julai 1963.

Pengarang.

BAHAGIAN PERTAMA

1. PENGEMBARA ARAB YANG PERTAMA

DI dalam catatan sejarah China ada tersebut, bahawa pada pertengahan kurun yang ketujuh, terdapatlah sebuah Kerajaan bernama Holing, dan sebuah negeri bernama Cho-po. Yang menjadi rajanya pada waktu itu ialah seorang raja perempuan bernama Simo.

Penulis sejarah bangsa China itu menceritakan, bagaimana aman dan makmurnya negeri di bawah perintah Ratu Perempuan itu. Tanahnya subur, padinya menjadi. Upacara-upacara Kerajaan berjalan dengan lancar. Ratu dijaga atau diiringkan oleh biti-bitu perwara, kipas dari bulu merak bersabung kiri kanan dan singgah sana tempat baginda semayam bersalutkan emas. Keris dan pedang kerajaan pun bersalutkan emas dan bertatahkan ratna-mutu manikam. Agama yang dipeluk, ialah Agama Buddha. Dengan kerjasama antara I-Tsing pengembara China dengan Jnabadhra, yang dalam bahasa Cina ditulis Yoh-na-poh-to-lo disalinlah buku-buku Agama Buddha ke dalam bahasa anak negeri.

Tentang keamanan dan kemakmuran negeri Holing itu, kata pencatat sejarah tersebut, sampai juga akhbar beritanya ke Ta-Cheh, sehingga tertariklah hati pengembara-pengembara bangsa Ta-Cheh itu hendak melawat ke negeri Holing, hendak berhubungan dengan raja perempuan Simo itu, supaya perniagaan di antara kedua negeri menjadi ramai. Di antara tahun-tahun 674-675 sampailah satu perutusan bangsa Ta-Cheh ke Holing. Kagumlah utusan Ta-Cheh itu melihat bagaimana amannya negeri Holing di bawah perintah Ratu Simo. Sehingga pada satu ketika, Raja Ta-Cheh itu mencuba mencirikan satu pura emas di tengah jalan, namun orang yang sudi mengambilnya tidaklah ada. Sampai tiga tahun pundi-pundi emas itu terletak saja di tengah jalan. Bila ada orang sampai ke tempat barang itu terletak, orang sengaja mengelak ke tepi. Pada suatu hari setelah tiga tahun, lalulah Putera Mahkota Kerajaan Holing di tempat itu. Demi beliau melihat

pundi-pundi terletak di tengah jalan, disepakkannya barang itu, sehingga pecahlah pundi-pundi itu dan tersembullah emas dari dalamnya.

Perbuatan Putera Mahkota itu rupanya dipandang suatu kesalahan besar oleh Ratu Simo ibunya. Amatlah murka Baginda setelah mengetahui kesalahan anaknya. Memberi malu bagi kerajaan di hadapan bangsa asing, yang datang hendak menyaksikan keamanan dan kemakmuran negeri. Putera baginda dipandang telah melanggar keluhuran budi. Oleh sebab itu putera baginda dihukum; kaki yang menyepak pundi-pundi wajib dipotong. Bagaimanapun para menteri membujuk agar baginda Ratu membatalkan niatnya melakukan hukuman, namun Ratu tidaklah mahu undur. Kaki Putera Mahkota dipotong.

Demikianlah cerita yang terakam di dalam catetan sejarah Tiongkok, yang menjadi bahan penyelidikan dari masa ke masa oleh peminat sejarah, sampai kepada zaman sekarang ini.

Hasil penyelidikan ialah, bahawa Cho-po itu adalah tanah "Jowo"; Pulau Jawa.

Kerajaan Holing ialah Kerajaan Kalinga, yang memang pernah berdiri di Jawa Tengah (kata setengah penyelidik) dan di Jawa Timur (kata setengahnya pula) pada pertengahan kurun (abad) ketujuh. Dan memang ada seorang Ratu yang bernama Sima, atau Simo.

Raja Ta-Cheh yang menjatuhkan pundi-pundi emas di tengah jalan itu ialah Raja "Arab". Sebab Ta-Cheh itu ialah nama yang diberikan oleh orang Tiongkok kepada bangsa Arab pada zaman-zaman itu.

Setelah disesuaikan dengan perhitungan tahun Hijrah, ternyata bahawa tahun 674 adalah 12 tahun setelah Nabi Muhammad s.a.w. wafat. Beliau wafat pada tahun 632 Masehi, tahun ke-11 daripada Hijrah beliau. Maka tahun 674 itu, bertepatanlah dengan tahun 51 Hijratul-Mustafa. Dan Khalifah yang memerintah pada masa itu ialah Yazid bin Mu'awiyah, Khalif yang kedua daripada Bani Umayyah.

Penyelidik-penyelidik sejarah yang "mengorek-ngorek" sejarah tersebut, mencari kecocokan di sana sini menyatakan "tidak tahu" siapakah yang disebut "Raja" Arab yang mencicirkan pundi-pundi di tengah jalan dalam negeri Holing itu. Tetapi bagi kita yang menyelami pula tarikh dan ketentuan-ketentuan istiadat bangsa Arab, atau Ummat Islam, tidaklah kita akan mengatakan "tidak

tahu" siapa raja itu. Sebab Nabi Muhammad s.a.w. sendiri telah memberikan peraturan, apabila orang mengembara musafir jauh, hendaklah mereka "merajakan" seorang di antara mereka, yang lebih tua usianya, atau yang banyak pengalamannya, atau yang gagah berani walaupun usianya lebih muda, dan yang fasih lidahnya berkata-kata, terutama dapat diimamkan dalam sembahyang.

Itulah dia ketua rombongan yang disebut di dalam bahasa Arab "Amir" dalam perjalanan, merangkap juga menjadi "Imam" dalam sembahyang. Dan "Amir" itu dapat juga diertikan dengan "raja".

Seorang pencatat sejarah China yang lain, yang mengembara pada tahun itu juga (674 Masehi) di Pesisir Barat Pulau Sumatera, telah mendapati pula satu kelompok bangsa Arab yang membuat kampung di tepi pantai.

Catatan inilah yang mengubah pandangan orang tentang sejarah masuknya Agama Islam ke tanah air kita. Kalau yang terbiasa, catatan masuknya Islam dimulai pada abad-abad 11 Masehi, maka sekarang telah dinaikkan 4 abad lagi ke atasnya, iaitu abad ketujuh Masehi.

Tidaklah dicatat di dalam sejarah-sejarah Islam yang besar permulaan masuknya Islam ke Nusantara umumnya. Sebab pengembara Muslim yang datang bukanlah ekspedisi rasmi dari Khalif di Damaskus atau di Baghdad. Dan pengembaranya bukanlah orang yang membawa senjata, melainkan orang yang berniaga dan berdagang. Mereka datang ke tanah air kita dengan sukarela.

Kerajaan Hindu atau Buddha, masih kuat dan teguh. Kerajaan Sriwijaya di Sumatera, Kerajaan Kalinga di tanah Jawa, dan Kerajaan Hindu yang lain di tempat lain, masih dalam keadaan sangat kuat kuasanya. Sebab itu maka pengembara-pengembara yang pertama itu belumlah dapat dengan leluasa menyampaikan dakwahnya kepada penduduk. Bahkan seketika mereka cuba mencicirkan pundi-pundi emas di tengah jalanraya, tidak ada orang yang berani mengambil, kerana takut kena murka Sang Ratu. Dan Sang Ratu sendiripun tidaklah ragu-ragu menjatuhkan hukuman memotong kaki Putera Mahkotanya, seketika dia mencuba menyepak pundi-pundi emas kepunyaan "Orang Arab" itu.

Pelayaran "ke bawah angin" ini masih sukar dilakukan. Tetapi orang Arab atau orang Islam itu, masuk tetap meramaikan pelayaran dan perniagaan melalui Selat Melaka, sehingga sampai ke Tiongkok. Di Kanton pernah berdiri sebuah markas perdagangan

orang Arab. Oleh sebab itu tersebutlah nama pulau-pulau di negeri kita ini dalam catetan Al-Idrisi dan Al-Mas'udi, dan kemudian lebih jelas lagi pada tulisan Ibnu Bathuthah. Bahkan menjadi cerita khayal yang indah dalam cerita dongeng "Sinbad Orang Laut" yang berlayar sampai ke pulau Waq-Waq, yang payah buat memindahkan daripada Fak-Fak di daerah pulau Irian.

Tambahan lagi, belum akan begitu terkenal kedudukan pengembara-pengembara yang permulaan itu kepada anak negeri. Mereka dihormati, kerana kebersihannya, mencuci muka sekurangnya 5 kali sehari dan mandi sekurangnya dua kali sehari. Tetapi belum diikuti, sebab Raja masih dipandang Tuhan!

Oleh sebab itu, dapatlah kita menentukan letak sejarah, bahawa Islam masuk ke negeri kita sejak abadnya yang pertama. Pencatet sejarah Dunia Islam dari Princeton University di Amerika sudah memegang *kemungkinan* ini dan menyatakan bahawa masuknya Islam ke mari ialah di abad ketujuh, tegasnya pada kurunnya yang pertama.

Tetapi seorang Ulama Tua yang berminat besar kepada sejarah Islam di tanah air kita, Indonesia dan Semenanjung Tanah Melayu, iaitu Mufti Kerajaan Johor Said Alwi bin Taher Al-Hadad menganut pendapat, bahawa telah pun dahulu dari zaman Yazid bin Mu'awiyah, iaitu di zaman Khalifah Ketiga, Othman bin Affan. Beliau tunjukkan nombor-nombor sumber buku bacaannya dalam Muzium Jakarta, sehingga ZA'BA sarjana dan pendita Bahasa Melayu yang terkenal itu telah dengan sengaja pada tahun 1956 datang ke Jawa dan mencari buku tersebut di muzium; *sayang tidak beliau jumpai*.

Dalam buku-buku bahasa Arab sendiri daripada tarikh-tarikh yang mu'tabar, belumlah bertemu isyarat ke jurusan itu. Yang tertulis di sana hanyalah masuknya Ekspedisi Amr bin Ash ke Mesir, Okbah bin Nafi' ke Afrika, Tharik bin Zayad ke Andalusia, Mohammad bin Kasim ke Sind; sebab memang orang-orang itu adalah rasmi belaka. Dan catetan itu, ada pada pencatet orang China.

Mungkinkah agaknya telah ada sahabat-sahabat Nabi, walaupun bukan dari golongan KubbarishShahabah (Sahabat-sahabat Nabi yang besar-besar) yang telah menginjak bumi tanah air kita, dan lebih mungkin lagi ada tabi'in, iaitu generasi Ummat Islam yang berjumpa dengan sahabat Nabi. Tetapi rupanya tidak ada di antara mereka yang meninggal dunia di negeri kita, mereka hanya

singgah dan kembali lagi! Kerana kalau ada, baik di Barus atau Pariaman (di Sumatera Barat) atau di Kudus atau Japara atau yang lain, nescaya telah menjadi pusat ziarah yang ramai....!

Akhir Abad XIII perebutan pengaruh terakhir.

Barulah di akhir abad ketiga belas, terjadi perebutan pengaruh yang menentukan, antara anutan yang lama dengan yang baru!

1292 adalah tahun mangkatnya Kartanegara, Prabu Majapahit yang pertama. Baginda yang berusaha menggabungkan agama Shiwa dengan agama Buddha, menjadi agama Kerajaan.

Prabu Siliwangi dan Prabu Niskalawastu dan Prabu Dawaniskala memerintah berganti-ganti dalam kerajaan Galuh (Jawa Barat) dalam keadaan tidak tenteram lagi.

Tetapi di tahun 1292 itu pulalah, Kepala kampung di negeri Pasai Samudra (di Aceh), yang bernama Merah Silu, memaklumkan dirinya menjadi Sultan yang pertama dari Kerajaan Islam, yang pertama di bumi kita.

Dan bila masuk abad kelima belas, kian lama Hindu kian muram, dan kian lama Islam kian naik, sehingga berhaklah "Abad ketiga belas" dihitung permulaan bersyiarinya Islam, yang akan menentukan nasib tanah air kita.

Tentang masuknya Islam ke Tanah Air Kita.

Telah agak lama masanya timbul keyakinan pada diri saya, bahawa Agama Islam telah masuk ke dalam tanah air kita, Pulau-pulau Melayu Indonesia ini dan Semenanjung Tanah Melayu sejak abadnya yang pertama, iaitu di dalam kurun ketujuh Masehi. Buku-buku yang saya baca berkenaan dengan itu dan bahan-bahan yang saya dapati, tidak lain daripada buku-buku dan bahan-bahan yang dibaca oleh orang lain juga. Tetapi bahan-bahan itu dipandang enteng saja, tidak mendapat penilaian. Sebab ahli-ahli Ketimuran (Orientalist) terutama orang Belanda telah mengeluarkan hasil penyelidikan bahawasanya Agama Islam baru masuk ke tanah air kita ini di dalam kurun Kedua Belas. Dan masuknya itu *bukan* dari tanah Arab, bukan dari Mekah, atau Damaskus atau Baghdad atau Mesir, melainkan dari Gujarat. Oleh sebab itu ditambah lagi kesan bahawasanya Islam di negeri kita ini tidaklah asli dari Arab, melainkan dari India. Lalu dikemukakan berbagai alasan yang sepintas lalu kelihatan "ilmiah", padahal kalau sudah diuji kebenarannya, ternyatalah kelemahannya.

Pendapat saya ialah bahawa Agama Islam telah mulai masuk ke Indonesia pada abad-abadnya yang pertama. Salah satu di antara berbagai bahan bukti ialah riwayat Ratu Simo di negeri Kalinga di tanah Jawa yang didatangi oleh Raja "Cho-po" (yang bererti Jawa) pada tahun 674 itu. Dan didapatinya masyarakat orang Arab di pantai Barat Pulau Sumatera pada sekitar tahun 678.

Saya pun mengakui bahawa pada kemasukan yang mula-mula itu belum dapat Islam berkembang sebab kekuasaan Kerajaan Buddha Sriwijaya masih kukuh.

Beberapa Orientalist Belanda sengaja memperlemah bahan berita itu. Sebab kata mereka Raja Ta-Cheh yang diertikan oleh orang China dengan Raja Arab itu tidak terang. Padahal sejak zaman Mu'awiyah memang Raja Ta-Cheh, iaitu Mu'awiyah sendiri telah mulai membentuk Angkatan Laut dan mengirimi utusan-utusannya buat menyelidiki negeri-negeri yang jauh.

Saya tidak dapat menerima pendapat bahawa Islam baru masuk ke tanah air kita pada Abad Ketiga Belas, meskipun saya mengakui memang pada Abad Ketiga Belas itulah mula berdiri Kerajaan Islam, iaitu Pasai. Di antara berdirinya satu Kerajaan dengan mulai adanya pemeluk Islam adalah perbezaan yang nyata sekali. Seumpama di Makassar; jauh sebelum Kerajaan Islam Goa-Tallo masuk Islam (1600), orang Melayu Islam telah ada di Makassar sejak 1511 setelah Melaka jatuh. Bahkan mungkin pula sebelum itu.

Dan dalam kemasukan yang dikatakan pada Abad Ketiga Belas itu dikatakan pula bahawa masuknya bukan dari Arab, melainkan dari Gujarat; dan bukan ahli-sunnah, melainkan Syiah dan beberapa keterangan yang lain, yang meninggalkan kesan bahawasanya Islam di sini lain dari di Arab!

Kadang-kadang dikatakan bahawa Islam di sini berasal dari Iran (Persia), sebab raja-raja Melayu yang mula-mula memakai gelar *Shah*. Lalu saya bantah bahawasanya Raja-raja Melayu yang pertama bukanlah memakai gelar Shah, melainkan memakai gelar "Al-Malik"; seumpama "Al-Malukuzh-Zhahir", "Al-Malikush-Shalih", "Al-Malikul-Manshur" dan sebagainya, yang di waktu itu bukan menjadi gelar raja-raja Iran melainkan gelar raja-raja Mesir.

Dikeluarkan pula keterangan bahawa batu-batu nisan di Pasai dan di Gresik serupa benar dengan batu-batu nisan di Gujarat. Lalu saya keluarkan pula gambar-gambar dari batu-batu nisan

Raja-raja Mesir di zaman itu, rupanya serupa dengan yang ada di Pasai dan di Gresik.

Maka dikeluarkan pulalah bahan, bahawasanya di negeri kita ini terpakai suatu gelar kaum agama, iaitu "Lebai", dari kata "Labbay", yang asal ertinya ialah pedagang, dan katanya kalimat ini berasal dari Gujerat. Lalu saya kemukakan pula beberapa gelar keagamaan yang dari Arab, bukan satu kalimat, melainkan ber-puluh kalimat; sebagai marbot, modin, kali, pakih, malim, kari, bilal, imam, katik, sidi dan berpuluh lagi yang lain, yang terdapat di daerah-daerah, yang orang tidak dapat mengemukakan bukti bahawa kata "lebai" lebih dahulu terpakai di negeri kita dari kata-kata yang banyak itu.

Dikemukakan orang bahawa salah satu alamat pengaruh datangnya dari India ialah kerana ada nama-nama negeri Indrapura, Indrapuri, Tanjungpura dan lain-lain. Lalu saya kemukakan pula bahawa di negeri kita ada nama negeri Basrah, Madinah dan Baghdad (di Teluk Kuntan), ada Kuntu-Darus-Salam (di Rokan), ada Kudus dan ada Muria (keduanya di Jawa), dan keduanya itu nama dua buah bukit yang mulia di Palestin, tempat Baitil Maqdis berdiri.

Lama-lama pendapat itu menjadi keyakinan. Akhirnya saya beranikanlah diri menyatakan pendapat saya itu pada Pidato Dies-Natalis Perguruan Tinggi Agama Islam Negeri (P.T.A.I.N.) di Yogyakarta pada bulan September 1958. Di waktu itulah saya mulai menjelaskan faham saya bahawa Islam telah masuk ke tanah air kita dalam kurunnya yang pertama (Kurun Ketujuh Masehi). Dan berkembang sebagai suatu Kerajaan pada Abad Ketiga Belas, dan masuknya langsung dari tanah Arab.

Sungguh berbagai ragamiah *reaksi* atas pendapat yang saya cetuskan itu. Kerana pendapat atau teori saya itu telah merubah semasekali anggapan yang dipusakakan oleh Belanda, terutama oleh Prof. Snouck Hurgronje dan beberapa Profesor yang lain. Ada yang menyambutnya dengan gembira dan menyambungkannya dengan politik. Katanya untunglah saya mengeluarkan pendapat itu, sebab kita tidak mau lagi didikte saja oleh penjajah. Dan ada pula yang mengatakan bahawa saya "Terlalu Berani", padahal ilmu saya belum sekuku ahli-ahli penyelidik Barat itu.

Almarhum Prof. Dr. Husain Jayadiningrat, Sarjana ulung bangsa Indonesia, yang menurut pengetahuan saya dialah orang Indonesia yang mula-mula mencapai gelar Profesor dalam Ilmu

sejarah tanah air, berminat juga kepada pendapat saya itu kerana jauh berbeza dengan pendapatnya. Tetapi oleh kerana beliau benar-benar seorang lautan ilmu yang jarang taranya, tidaklah beliau menyombong mematahkan pendapat saya. Sebab beliau selain daripada ahli bahasa-bahasa Barat, mendalam juga dalam bahasa Arab. Maka beliau suruhlah seorang Mahasiswa menghubungi saya secara halus, seakan-akan mengajuk dari mana agaknya sumber-telaga yang saya ambil. Lalu dengan halus pula saya jawab, sebaiknya hal ini diperkatakan secara ilmiah. Alangkah baiknya jika beliau berkenaan mengadakan satu Simposium atau seminar ahli-ahli peminat sejarah. Lalu saya dipanggil menghadirinya dan menguji pendapat saya itu dalam majlis itu. Pendeknya tidaklah saya mau memberikan keterangan kepada Mahasiswa tersebut dari mana sumber saya. Kerana kadang-kadang dalam hal Ilmu Pengetahuan ini tidak juga kurang kiriman yang "hilang di jalan".

Sayang tidak berapa lama kemudian Prof. Jayadiningrat yang amat saya hormati itu telah meninggal dunia.

Dan beberapa Profesor yang lain seumpama Prof. Dr. Can Cu Sim pernah mengatakan kepada Mahasiswanya bahawa pendapat saya itu patut diperhatikan.

Tetapi yang sebahagian besar lagi tidak mau menilainya. Telah memutuskan saja sebelum menilai, bahawa pendapat saya hanya kerana fanatik agama, kerana terlalu terpengaruh oleh Arab dan kerana saya bukan mendapat pendidikan secara Barat. Tetapi ada yang tidak mahu memandang enteng, sebab setengah tahun sebelum saya melontarkan pendapat itu di muka majlis Ilmiah di-Jogjakarta tersebut, saya sudah memakai gelar Doctor (H.C.) dari Al-Azhar. Dan kita pun maklum bahawa kerana sekian dalamnya pengaruh berfikir secara barat di kalangan bangsa kita, maka perkataan yang dikeluarkan orang yang bertitel (degree) banyak yang lekas diterima orang saja.

Lima tahun lamanya pendapat saya ini terkatung-katung, belum berani orang merasmikannya dan belum pula ada yang sudi menghubungi saya, sampai akhirnya pada permulaan tahun 1963 saudara Haji Mohamad Said di Medan mengambil prakarsa mengadakan satu Seminar di Medan, yang dilangsungkan pada 17 sampai 20 Mac 1963, khusus untuk mengkaji dan membahas kebenaran teori saya itu. Apatah lagi dia pun telah mengorek-ngorek pula Sejarah masuknya Islam ke Indonesia itu dengan

teknik, sehingga dia pun telah mempunyai pendapat yang hampir sama dengan pendapat saya.

Minat sahabat saya Haji Mohammad Said ini tertarik mengadakan Seminar tersebut, sebab sebelum dibahas bersama-sama pada tahun 1961 saya sudah berani menuliskan pendapat saya itu di dalam sebuah buku iaitu "Sejarah Ummat Islam", yang mengenai Indonesia dan Semenanjung (jilid ke-IV).

Bersyukur saya dengan adanya Seminar itu, yang mendapat perhatian besar sekali daripada ahli-ahli dalam bidang sejarah. Peminat-peminat sejarah terutama "Sejarah Islam" sebagai Dr. Mukti Ali. (Dari McGill University di Kanada), Prof. Dr. Tudjimah (Mendapat Doktorinya dalam studinya tentang Nuruddin Ar-Raniri di Universiti Indonesia) dan beberapa sarjana lain turut hadir dalam seminar itu. Di antaranya pula seorang Sarjana Anak Aceh keturunan Sultan-sultan Aceh, Tuanku Mohammad Hashim (Sarjana Hukum), yang banyak penyelidikannya tentang Islam di Aceh pun turut berbincang. Pertukaran fikiran yang agak berdalaman-dalam adalah di antara saya dengan sahabat saya Drs. D.M. Mansur dan Drs. Hasbullah Bakry, (yang kedua ini bekas salah seorang Mahasiswa saya di P.T.A.I.N.).

Perbincangan dan perbincangan selama tiga hari tiga malam itu amatlah asyik dan tinggi mutunya. Waktu itulah saya merasa bersyukur kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana segala alasan dan pendapat sudah sama-sama dikeluarkan. Dan akhirnya saya dengan tidak sadar menjadi titik air mata kerana terharu. Sebab keputusan dan kesimpulan seminar mengakui samasekali apa yang saya gagaskan.

Dan sejak keluar hasil kesimpulan seminar itu, mulailah beransur berubah pandangan ahli-ahli di Indonesia tentang masuknya Islam ke mari. Dan mulailah di dalam Sekolah-Sekolah Tinggi, Universiti dan Fakulti, jika membicarakan sejarah, orang berkata: "Menurut pendapat Hamka, Islam telah masuk ke Indonesia di abad-abadnya yang pertama dan langsung dari Tanah Arab".

Seakan-akan sudah diatur oleh manusia, padahal diatur oleh Allah Taala sendiri, pada bulan Mac 1963 itu juga keluarlah sebuah karangan ilmiah di dalam majallah "Islamic Studies" di Pakistan, tulisan Prof. Fatemi yang menjelaskan bahawa Khalifah Umar bin Abdul Aziz telah mengirim Utusan Muballigh ke Sriwijaya di zaman pemerintahan baginda, di ujung Abad Pertama Hijrah,

tahun 718 Masihi. Dan kata beliau, Sriwijaya bukan di Palembang, tetapi di Muara Takus.

Sebelum itu bertemu pula saya catatan Dr. Morrison, seorang penyelidik bangsa Inggeris yang lama menyelidik di Tanah Melayu. Yang dengan tegas membatalkan teori lama bahawa Islam masuk ke tanah Melayu dan Indonesia dari *Cambay*.

Mana boleh jadi? Katanya: "Al-Malikush Shaleh yang dikatakan raja yang mula-mula menerima Islam itu, wafat pada tahun 1297, sedang negeri Cambay belum jatuh ke tangan Islam sebelum tahun 1298".

Dengan segala keterangan ini bersyukurlah saya kerana saya tidak berdiri sendiri lagi.

1. Dan dapatlah saya mengangkat muka dan mengatakan: "Islam telah masuk ke tanah air kita sejak kurunnya yang pertama.
2. Di zaman-zamannya yang pertama itu dia belum kuat, tetapi telah ada. Sebab di waktu itu masyarakat Buddha masih kuat.
3. Masyarakat Islam yang berupa Kerajaan, memang baru ada setelah Abad Ketiga Belas Masehi.
4. Islam datang langsung dari Tanah Arab.
Saya tidak dapat memungkirinya bahawa dia singgah di beberapa negeri, sebagai Malabar atau India Selatan atau yang lain. Kerana pada waktu itu orang berlayar baru dengan kapal layar. Tetapi perkataan singgah di satu tempat sebagai Malabar, sangatlah jauh maknanya dengan ungkapan bahawa Islam di Indonesia datang dari Malabar.
5. Yang membawanya orang Arab, dibantu oleh orang Islam lain.

Ketika Seminar di Medan itu saudara Drs. D.M. Mansur mengemukakan prasaran membanding atau kadang-kadang membantah pendapat saya yang saya cetuskan pada Dies Natalies P.T.A.I.N. di Yogya pada tahun 1958 itu. Lalu bantahan dan bandingannya itu saya jelaskan dan saya pertahankan di dalam beberapa kali bertukar fikiran, berganti-ganti, sampai saudara Drs. D.M. Mansur akhirnya menyetujuinya dan disetujui pula oleh seluruh anggota Seminar, sehingga dijadikan kesimpulan. Kesimpulan itu persis sebagai jalan fikiran saya yang telah saya cetuskan sejak bertahun-tahun itu.

Alhamdulillah!

KESIMPULAN.

Seminar Sejarah masuknya Islam ke Indonesia di Medan

Dari 17 sampai 20 haribulan Mac 1963.

Bismillahir Rahmanir Rahim

Sadar akan tanggungjawab untuk merealisasi ketetapan M.P.R.S. No. II/M.P.R.S./1960 dalam bidang mental/Kerohanian dan Penelitian;

Mendesaknya keperluan akan buku-buku Sejarah Nasional umumnya dan Sejarah Islam di Indonesia khususnya untuk keperluan Universiti, Institut, Perguruan Tinggi, Akademi, Sekolah-sekolah dan Madrasah-madrasah menengah dan rendah, dan umumnya untuk masyarakat Indonesia;

Kenyataan adanya buku-buku Sejarah Indonesia umumnya dan Sejarah Islam khususnya disusun oleh Sarjana-sarjana/Penulis-penulis Barat yang belum tentu sesuai dengan Keperibadian Nasional Indonesia.

Belum adanya buku-buku tentang Sejarah Indonesia umumnya, Sejarah Islam khususnya yang dapat dipergunakan untuk keperluan tersebut di atas.

Maka sebuah Panitia yang didukung oleh segenap masyarakat telah dibentuk di Medan untuk mengadakan:

SEMINAR SEJARAH MASUKNYA ISLAM KE INDONESIA

Setelah Seminar mengadakan sidang-sidangnya mulai Hari Ahad tanggal 21 sampai dengan 24 Syawal 1382 H. (17 sampai dengan 20 Mac 1963).

Setelah mendengar dan memperhatikan sambutan-sambutan:

1. J.M. Wampa/Kasab Jenderal DR. A.H.Nasution,
2. J.M. Wampa Bidang Khusus/Menteri Dr. H.A. Ruslan Abdulgani,
3. J.M. Wampa/Ketua MPRS Khairul Saleh,
4. J.M. Menteri Agama Saifuddin Zuhri,
5. Deyah Sumatera Bigien R.A. Kosasih,
6. Pangdam II Bukit Barisan Kolonel A. Manaf Lubis,
7. Gabenor/K.D.H. Sumatera Utara Raja Junjungan Lubis,

Dan setelah membahas Prasaran ke-I yang diberikan oleh:

Drs. M.D. Mansur

Dengan pembahas Utama *Dr. H. Abdulmalik Abdulkarim Amrullah (HAMKA)*

Dan Prasaran ke-II yang diberikan oleh *H. Mohammad Said*

Dengan Pembahas Utama; *Prof. Dr. Tujimah* dan *D.Q. Nasution* dan beberapa bandingan dari para peserta, telah mengambil kesimpulan;

I. KESIMPULAN:

1. Bahawa menurut sumber-sumber yang kita ketahui, Islam untuk pertama kalinya telah masuk ke Indonesia pada Abad pertama Hijrah Abad Ketujuh/Kedelapan Masehi, dan langsung dari Arab.
2. Bahawa daerah yang pertama didatangi oleh Islam ialah pesisir Sumatera; dan bahawa setelah terbentuknya masyarakat Islam, maka Raja Islam pertama berada di Aceh.
3. Bahawa dalam proses pengislaman selanjutnya orang-orang Indonesia ikut aktif mengambil bahagian.
4. Bahawa Muballigh-muballigh Islam yang mula-mula itu selain sebagai penyar Agama, juga sebagai saudagar.
5. Bahawa penyiaran Islam di Indonesia ini dilakukan dengan cara damai.
6. Bahawa kedatangan Agama Islam ke Indonesia itu membawa kecerdasan dan peradaban yang tinggi dalam membentuk keperibadian Bangsa Indonesia.
7. Bahawa sebuah Badan Penelitian dan Sejarah Islam di Indonesia yang lebih luas dan tetap harus dibentuk. Disarankan supaya badan ini berpusat di Medan, sedang di tempat-tempat lain yang dipandang perlu, dibentuk pula cabang-cabangnya, teristimewa di Jakarta.

II. ANJURAN-ANJURAN:

1. *Kepada Pemerintah.*
 - a. Supaya membantu Badan tersebut di dalam keputusan Nombor 7 di atas dengan bantuan moral dan material, istimewa dalam hal ini, Departemen-departemen, Research Nasional, Agama, P.T.I.P. dan P.D.K.

- b. Supaya masyarakat Islam Indonesia khususnya, dan masyarakat Indonesia umumnya lebih giat mempelajari Sejarah Tanah Airnya.

M E D A N, Seminar 24 Syawal 1382 H.

20 Mac 1963 M.

PANITIA PENGURUS SEKSI I:

Ketua/Anggota

1. H. Bahrum Jamil S.H.

Pemerasaran/Anggota

2. Drs. D.M. Mansur

Pembahas Utama/Anggota

3. Dr. H. Abdulmalik Karim
Amrullah

(H A M K A)

Anggota-anggota

4. T.M. Usman El-Muhammadiy
5. Mayor Drs. Hasbullah Bakry
6. Sabaruddin Ahmad
7. Harun Lubis
8. H. Abdullah bin Nuh

Sekretaris Rapat

9. M. Yamin Lubis B.A.
10. Drs. Osra M. Akbar
11. Maskani Syarkawi

PANITIA PENGURUS SEKSI II:

Ketua/Anggota

1. Orang Kaya Rahmat S.H.

Pemerasaran/Anggota

2. H. Mohammad Said

Pembahas Utama/Anggota

3. Dr. Tudjimah
4. D.Q. Nasution

Anggota-anggota

5. Drs. Ma'mun Syukry
6. Chalid Mawardi
7. Sanusi B.A.

8. Nu'man Sulaiman B.A.
9. Tuanku Hashim S.H.
10. D. Shahab
11. Shaleh As'ad Djamhary
12. Nona Dra. Alfiah

Sekretaris Rapat

13. Usman Polly B.A.
14. Syarbaini Ghazali
15. Husin 'Umar

Koordinator Ketua Panitia: Dr. 'Abdul Mu'thi Ali

**PANITIA SEMINAR SEJARAH MASUKNYA ISLAM
KE INDONESIA**

dto.

(H. Mohammad Said),
Ketua

dto.

(H. Bahrum Djamil S.H.)
Ketua I

dto.

(Drs. Astuti Hendrato)
Ketua II

**II. GIRI
PUSAT AGAMA YANG PERTAMA
DI TANAH JAWA**

**TEMPAT YANG PENUH KENANG-KENANGAN DAN
KEBESARAN**

TIDAK berapa belas kilo meter saja dari kota Surabaya terdapatlah bukit Giri. Di sana indah benar pandangan ke laut, dan angin sepoi-sepoi lautan mengelus-elus muka kita setelah payah mendaki. Di sanalah berkubur seorang di antara "Wali Sanga", Raden Paku, yang lebih masyhur dengan gelar Sunan Giri, sebab

dia mengajar dan berkubur di Giri; Putera dari Maulana Ishak, teman Maulana Malik Ibrahim penyiari-penyiari Islam yang pertama di tanah Jawa.

Oleh kerana ayahnya kembali ke Pasai dan lama belum juga kembali ke Jawa, Raden Paku diangkat anak oleh seorang perempuan kaya raya Nyi Gede Maloka.

Setelah dia besar diserahkan mempelajari Agama Islam ke Ngampel, belajar bersama-sama dengan putera Raden Rahmat (Sunan Ngampel) yang bernama Machdum Ibrahim, yang kemudian lebih terkenal dengan sebutan Sunan Bonang.

Di antara 9 Wali penyiari Islam di tanah Jawa, kedua beliau inilah yang lebih mendalam pengetahuannya tentang Agama Islam. Setelah Sunan Ngampel melihat kedua anak muda ini ada harapan akan berpengetahuan lebih dalam, mereka disuruh naik Haji ke Mekah.

Tetapi mereka singgah lebih dahulu di Pasai Aceh, menuntut ilmu kepada ulama di sana. Dan di sana pula, Raden Paku bertemu kembali dengan ayahnya.

Ilmu yang dipandang menjadi inti segala ilmu di waktu itu, atau yang disebut "ilmu sejati" ialah Ilmu Ketuhanan menurut ajaran Tasauf.

Banyak ulama keturunan India dan Persia membuka pengajian di Pasai di waktu itu. Sehingga ulama-ulama di Melaka kalau ada yang amat musykil, bertanya juga ke Pasai.

Setelah kedua pemuda itu, Machdum Ibrahim dan Raden Paku mendapat "ilmul-ladunni", ertinya ilmu yang langsung diterima dari Tuhan, sehingga gurunya di Pasai memberinya nama yang tinggi, iaitu "Ainul Yaqin".

Sebab itu siasat mereka menyebarkan Islam pun berjalan menurut bakat masing-masing. Sunan Bonang memasukkan pengaruh Islam ke dalam kalangan orang atas, iaitu ke Kraton Majapahit, dan membuat tempat berkumpul murid-muridnya di Demak. Sedang Syekh 'Ainul Yaqin mengadakan tempat berkumpul di Giri, terdiri dari "orang kecil". Jika Bonang menanamkan pengaruh ke dalam, maka Sunan Giri selalu mengirim utusan ke luar Jawa. Terdiri dari pelajar, saudagar, nelayan. Dari Pulau Madura sampai Bawean dan Kangean, bahkan sampai ke Ternate dan Haruku.

Siasat Sunan Bonang memberi didikan Islam Raden Fattah putera Batara Majapahit dan terlebih dahulu menyediakan Demak

(Bintoro) untuk menegakkan Negara Islam yang pertama, nampak berat kepada politis. Dan siasat Sunan Giri mengajarkan Agama Islam dan mengirim Muballigh ke mana-mana adalah siasat mendekati masyarakat.

Sunan Bonang berhasil maksudnya mendirikan Kerajaan Demak. Tetapi harapannya agar Demak menjadi pusat Islam selama-lamanya tidak berhasil. Setelah naik hanya tiga orang Raja (Raden Fattah dan Fatih Junus, dan Pangeran Trenggana), dirampas oleh Adiwijoyo, Adipati Pajang (1546). Dan dari Pajang dirampas pula oleh Ki Gede Pamenahan dan dipindahkan ke Mataram, dan sampai di sana banyaklah ajaran Islam dicampurkan dengan ajaran Hindu dan Buddha.

Tetapi kedudukan Giri tetap teguh sebagai pusat keagamaan. Anak cucu Giri mempertahankan keistimewaan Giri sebagai pusat Agama, sampai seketika Mas Rangsang hendak memakai gelar Sultan, menurut setengah riwayat adalah dapat lantikan dari Giri. Dan kemudian setelah dilihatnya keislaman Mataram telah banyak berubah, Sunan Giri membantu Adipati Surabaya dan Adipati-Adipati Madura berontak melawan Mataram (1615). Tahun 1625 masih berperang. Adipati-adipati Jawa Timur melawan Mataram, dan Sunan Giri tetap pelopor. Tetapi perlawanan itu kalah dan Sunan Giri tertawan dan dibawa ke Mataram. Kemudian diantarkan pulang ke Giri kembali, dan diturunkan gelar kebesarannya dari Sunan jadi Panembahan.

Tetapi setelah Sultan Agung wafat dan digantikan oleh puteranya Amangkurat I, Trunojoyo berontak pula, melawan Sunan Amangkurat dan Kompeni Belanda. Trunojoyo dibantu oleh Karaeng Galesong dari Makassar (1675). Trunojoyo diakui sebagai Kepala perang sabil. Turunan-turunan ulama-ulama Giri pun membantu perlawanan itu.

Sebab itu tidaklah heran, jika Trunojoyo dapat dikepung di lereng Utara Gunung Kelut dan dapat ditawan oleh Kapitan Jonker (orang Ambon), dan dihukum bunuh (ditikam dengan keris) oleh Amangkurat II (27 Disember 1679), maka yang langsung diserang besar-besaran oleh tentera Belanda dan Mataram sesudah itu ialah Giri! Sebab Girilah rupanya latar belakang perlawanan yang tidak putus-putusnya dari Jawa Timur itu. Pangeran Giri, keturunan yang paling akhir dari Syekh 'Ainul Yaqin, Raden Paku, ditahan dan dihukum mati pula. Keris kebesaran Giri yang bersejarah, yang

telah turut mengalahkan Majapahit bertahun-tahun lamanya keris itu disimpan di Mataram. Sejak itu Giri tidak bangun lagi!

Setelah itu untuk menghilangkan anasir-anasir yang berbahaya "di antara 5000 dengan 6000 kaum Kiai dan Santri dihukum bunuh di muka umum. Agar jangan orang menyebut-nyebut juga Agama Islam yang bersih dan Tauhid yang Khalis!

Dan semuanya itu ditakukan seketika pengaruh Belanda mulai tertancap dalam Kerajaan Mataram.

Demikianlah kisah pendek dari Bukit Giri, di dekat Gresik, yang di zaman sekarang pun menjadi tempat yang penuh kenangan, dan indah dihembus angin laut.....

III. ISLAM DAN MAJAPAHIT

MESKIPUN telah hidup di zaman baru dan penyelidik sejarah sudah lebih daripada dahulu, masih banyak juga orang yang mencuba memutar-balikkan sejarah. Satu di antara pemutar-balikkan itu ialah dakwaan setengah orang-orang yang lebih tebal rasa Hindunya daripada Islamnya, berkata bahawa keruntuhan Majapahit adalah kerana serangan Islam. Padahal bukanlah begitu kejadiannya. Malahan sebaliknya.

Majapahit pada zaman kebesarannya, terutama semasa dalam kendali Patih Gajah Mada, memang adalah sebuah Kerajaan Hindu yang besar di Indonesia, dan pernah mengadakan Ekspansi, serangan dan tekanan atas pulau-pulau Indonesia yang lain.

Gajah Mada bagi Majapahit adalah laksana Bismarck bagi Jerman. Mencita-citakan suatu Emporium besar atas seluruh Kepulauan Indonesia, malahan sampai ke Semenanjung Tanah Melayu dan telah mendekati Siam. Emporium besar di bawah kekuasaan Kerajaan Majapahit dan beralas dasar kepada Suku Jawa! Terlebih banyak serangan-serangan dan tekanan itu dipimpin oleh Patih Gajah Mada sendiri, ataupun orang lain yang disuruhnya. Tetapi Kerajaan Pajajaran, sebuah Kerajaan Hindu lain di Jawa Barat, yang beralas dasar kepada Suku Sunda, tidaklah mau takluk demikian saja. Sampai jatuhnya Majapahit, Pajajaran tidak dapat ditaklukkan.

Dalam kitab pusaka "Negerakertaghama" disebut daftar negeri-negeri yang ditaklukkan itu. Kerajaan Hindu di Singapura, sebagai lanjutan dari Sriwijaya pun tidak dapat bertahan. Di

Semenanjung Tanah Melayu ditaklukkannya sampai-sampai ke Kelantan dan Trengganu. Dan dia pun sampai ke Pasai!

Pasai adalah Kerajaan Islam yang pertama di Sumatera!

Dan di Trengganu di waktu itupun telah berdiri sebuah Kerajaan Islam. Menurut penyelidikan, batu bersurat Trengganu, yang sekarang tersimpan di Muzium Kuala Lumpur menyatakan bahawa sebuah pemerintahan Islam yang menjalankan Hukum Islam telah berdiri di sana dalam Abad Keempat Belas. Sebagai Pasai telah berdiri dalam Abad Kedua Belas.

Kedua Kerajaan Islam yang tua itu hancur lebur dilinyak Ekspansi Majapahit! Ialah kira-kira pada tahun 1360. Gajah Mada mati menceburkan diri ke dalam laut (1364).

Jadi, Majapahitlah yang menyerang Kerajaan Islam yang dua itu dengan kekerasan senjata. Setelah itu Pasai pun tidak pernah bangun lagi. Hanya tinggalah Ulama-ulama yang merasa kecewa hati, kerana semarak Pasai telah hilang, pelabuhan telah dangkal dan kapal-kapal dagang pun tidak banyak lagi yang berlabuh, negeri sudah laksana dialahkan garuda!

Sungguhpun Kerajaan telah jatuh, namun semangat ulama-ulama Islam itu tidaklah kendur. Meskipun Pasai tidak menjadi pusat politik lagi, ulama-ulama itu menjadikannya pusat penyiaran Islam! Di dalam sejarah Melayu, Tun Sri Lanang menulis, bahawa setelah Melaka naik dan maju, senantiasa juga ahli-ahli agama di Melaka menanyakan hukum-hukum Islam yang sulit ke Pasai. Dan jika ada orang-orang besar Pasai yang datang ziarah ke Melaka, mereka disambut juga oleh Sultan-sultan di Melaka dengan serba kebesaran.

Mereka telah melakukan pekerjaan besar. Jika Pasai diserang dengan kekerasan senjata dan ditaklukkan, mereka pun berniat pula hendak menaklukkan Majapahit itu sendiri. Bukan dengan kekerasan senjata, melainkan dengan keteguhan cita, atau ideologi, menurut istilah kita sekarang. Mereka pun berangkatlah ke tanah Jawa, menetap ke Jawa Timur (Gresik), menyiarkan Islam sambil berniaga, atau berniaga sambil menyiarkan Islam. Terdapatlah nama-nama Maulana Malik Ibrahim Asmoro, atau Jumadil Kubra.

Beliaulah ayah Maulana Ishak yang berputerakan Sunan Giri (Raden Paku), dan Sunan Ngampel (Makhдум Ibrahim). Dengan sabar dan mempunyai rancangan yang teratur, guru-guru Islam berdarah Arab-Acheh, itu menyebarkan agamanya di Jawa Timur, sampai Giri menjadi pusat penyiaran Islam, bukan saja untuk

tanah Jawa, bahkan sampai ke Maluku. Sampai akhirnya Sunan Bonang (Raden Rahmat) dapat mengambil Raden Fattah, putera Raja Majapahit yang terakhir (Brawijaya) dikahwinkan dengan cucunya, dan akhirnya dijadikan Raja Islam yang pertama di Demak.

Sikap Wali-wali itu dalam penyiaran Islam tidak dapat dicela oleh raja-raja Majapahit. Bahkan kekuasaan mereka yang kian besar dalam keagamaan dan keduniawian, menyebabkan di antara mereka diakui sebagai Adipati dari Kerajaan Majapahit di pesisir. Lebih 70 tahun kekuasaan Islam telah ada di Jawa Timur sebelum Majapahit jatuh pada tahun 1478.

Bukanlah kerana sikap kekerasan dan penyerangan senjata makanya Majapahit runtuh. Keruntuhan Majapahit adalah sejak Majapahit tidak mempunyai orang besar lagi. Dan rakyat pun dapat melihat perbezaan hidup Islam yang selalu menganjurkan kesucian, mencuci muka sekurang-kurangnya 5 kali sehari semalam, mencuci hati daripada ria dan takabbur, berjemaah ke mesjid, bersusun bersyaf dan tidak ada perbezaan kasta. Jauh bezanya dengan ajaran Agama Hindu dan susunan masyarakatnya.

Semasa Islam masih disiarkan sedemikian, lebih banyaklah berhasil untuk menambah pengikutnya. Tetapi setelah runtuh Kerajaan Demak dan naik Pajang, dia telah menaklukkan Blambangan dengan kekerasan senjata. Maka bila Senapati telah pulang ke Mataram, Blambangan pun berdiri kembali. Padahal di zaman Sunan Giri, Sunan Giri itu sendiri pernah diterima menjadi menantu Raja Blambangan.

Maka percubaan memutar-balik sejarah mengatakan Majapahit runtuh kerana diserang Islam, adalah satu kesalahan yang disengaja terhadap sejarah. Inilah cita-cita yang tertanam dari Prof. Snouck Hurgronje, yang setelah mengetahui bagaimana teguhnya urat keislaman di Indonesia, memberikan adpis kepada pemerintah Belanda supaya ditanamkan rasa "Kebangsaan" yang meruncing pada bangsa Indonesia. Supaya dengan semangat kebangsaan itu dapat dibendung banjir Islam yang datang dari Arab! Maksud ini berhasil! Maka hilangnya penghargaan kepada Sunan Ngampel dan Sunan Giri, dan tertonjollah ke muka nama Gajah Mada. Turunlah nilai Raden Fattah dan Patih Unus yang mencuba mengusir Portugis dari Melaka dan tertonjollah ke muka Raden Airlangga dan Hayam Wuruk.

Padahal rasa kebangsaan dengan warna yang demikian itu tidaklah akan memperteguh rasa kebangsaan yang kita bina di saat sekarang, bahkan akan memecahkannya.

Sebab jika orang yang masih mengasihi dan memimpikan Zaman Kehinduan merasa kecil hati melihat runtuhnya Majapahit Hindu, tidaklah kurang dari itu rasa hiba hati bangsa Indonesia yang lebih besar pengaruh Islam pada jiwanya mengingat sejarah runtuhnya Kerajaan Islam Pasai dan Kerajaan Islam Trengganu oleh senjata Majapahit.

Marilah kita jadikan saja segala kejadian itu, menjadi kekayaan sejarah kita, dan jangan dicuba memutar-balik keadaan, agak kukuhlah Kesatuan Bangsa Indonesia, di bawah lambaian Merah-Putih!

Kalau tuan membusungkan dada menyebut Gajah Mada, maka orang di Sriwijaya akan berkata bahawa yang mendirikan candi Borobudur itu ialah seorang Raja Buddha dari Sumatera yang pernah menduduki pulau Jawa.

Kalau tuan membanggakan Majapahit, maka orang Melayu akan membuka tambo lamanya, menyatakan bahawa Hang Tuah pernah mengamuk dalam Kraton Sang Prabu Majapahit dan tidak ada sateria Jawa yang berani menangkapnya.

Memang, di zaman Jahiliah kita bermusuhan, kita berdendam, kita tidak bersatu! Islam kemudiannya adalah sebagai penanam pertama dari jiwa persatuan. Dan Kompeni Belanda kembali memakai alat perpecahannya, untuk menguatkan kekuasaannya.

Tahukah tuan, bahawasanya tatkala Pangeran Diponegoro, Amirul Mu'minin Tanah Jawa telah dapat ditipu dan perangnya dikalahkan, maka Belanda membawa Pangeran Sentot Ali Basyah ke Minangkabau buat mengalahkan Paderi? Tahukah tuan bahawa setelah Sentot merasa dirinya tertipu, sebab yang diperangnya itu adalah kawan sefahamnya dalam Islam, dan setelah kaum Paderi dan Raja-raja Minangkabau memperhatikan ikatan serbannya sama dengan ikatan serban Ulama Minangkabau, sudi menerima Sentot sebagai "Amir" Islam di Minangkabau? Teringatlah tuan, bahawa lantaran rahsia bocor dan Belanda tahu, Sentot pun diasingkan ke Bangkahulu dan di sana beliau berkubur buat selama-lamanya?

Maka dengan memakai faham Islam, dengan sendirinya Kebangsaan dan Kesatuan Indonesia terjamin. Tetapi dengan mengemukakan Kebangsaan saja tanpa Islam, orang harus kembali

mengeruk, mengorek tambo lama, dan itulah pangkal bala dan bencana!

IV. ISLAM DI MADURA

I

PULAU Madura yang kecil itu, yang hanya berbatas belasan mil laut saja dari pantai Surabaya, adalah sebuah pulau yang mempunyai "peribadi" sendiri. Madura tidak dapat dipisahkan lagi dari Islam, walaupun diakui bahawa banyak penduduknya kerana buta huruf dan buta agama tidak tahu benar hakikat ajaran Islam itu. Jiwanya mirip dengan jiwa suku Bugis, sama-sama berani mengharung lautan besar, mengadu untung di antara alunan ombak dan gelombang.

Tatkala pada tanggal 25 November 1959 beberapa tahun yang lalu, saya sempat menziarahi Madura kembali, sesudah ziarah pertama pada tahun 1934. Nampak bahawa tradisi-tradisi yang ditanamkan Islam sejak zaman bahari masih banyak yang belum dapat dibongkar oleh tradisi-tradisi moden pengaruh Barat, yang di daerah lain sudah banyak luntur. Misalnya saja tidak memakai peci atau kopiah jika sembahyang di mesjid masih akan mendapat teguran keras, mungkin akan dilempari dengan batu!

Satu istiadat yang utama pada beberapa kampung, ialah mendirikan surau kepunyaan keluarga di samping rumahtangga, walaupun dari rumah itu mesjid tidak begitu jauh!

Surau kepunyaan keluarga, yang didirikan di samping rumah-tangga, adalah tempat bersembahyang keluarga bersama-sama. Dan juga tempat bermesyuarat memperkatakan urusan kekeluargaan dan apabila tetamu datang dari jauh, tidaklah akan kekurangan pondokan tempat bermalam sebab surau ada!

Kawan-kawan yang menyambut saya di Madura berkata dengan penuh kebanggaan, bahawa inilah satu-satunya pulau di Indonesia yang agamanya tidak bercampur! Pulau Sumatera — kata kawan itu — masih mempunyai daerah Kristian, iaitu di Batak! Pulau Sulawesi masih mempunyai daerah Kristian, iaitu di Minahasa dan Toraja! Pulau Kalimantan bahagian pedalaman (Dayak) telah jadi Kristian! "Tetapi pulau kami 100% Islam!" kata kawan itu.

Memang! Pulau Madura telah menerima Islam sejak Islam masuk ke tangan Jawa! Sebelum pun runtuh Majapahit, Madura termasuk daerah-daerah Pesisir, atau Mancanegara yang mendapat Islam sebagai *sagu jiwa* di dalam membebaskan diri daripada kekuasaan Patih Gajah Mada! Tatkala Majapahit berkuasa, segala sesuatu diatur dari pusat, dan daerah hanya menjadi alas-kaki saja! Segala pujaan diberikan kepada Sang Ratu di Majapahit. Shri dan Syakti Majapahit tidak dapat ditentang mata, tidak dapat dilawan hati! Tersebaranya Islam di pesisir Jawa Timur, dimulai dari Jaratan, Giri, Geresik dan Tuban, langsung ke Madura dan akhirnya menjadi kenyataan dengan berdirinya Kerajaan Demak, adalah tantangan rohani yang telah berubah menjadi bebas-merdeka kerana ajaran Tauhid! Untuk menentang ajaran mendewakan Raja yang telah berurat-berakar dalam masyarakat Indonesia umumnya dan pulau Jawa khususnya sejak zaman Mataram Pertama, Kalinga, Singosari, sampai kepada Majapahit!

Sudah sejak dari zaman dahulu penduduk Madura, pulau kecil yang di dinding lautan itu, mengharung ombak gelombang, menempuh lautan besar dengan perahu layarnya! Sudah sejak dahulu anak Madura dengan perahunya itu berlayar ke Melaka, Kerajaan Islam!

Bila hari telah malam, dari pantai Madura jelas kelihatan pelita-pelita dipasang di mesjid Giri. Laksana Musa melihat api di puncak Tursina, demikianlah anak Madura melihat "api", terutama dalam malam-malam likuran bulan puasa! Api apakah itu? Itulah api petunjuk hidayat Islam yang telah mulai diajarkan oleh Syaikh 'Ainul Yaqin, Sunan Giri yang pertama! Sebab itu Madura mendapat Islam yang mula-mula adalah daripada pembawanya yang mula-mula pula. Sebab itu usia Islam di Madura telah setua masuknya Islam ke Jawa. Cuma sejarah Madura tidak mencatat nama dari salah seorang Wali. Kerana Islam di Indonesia lebih pesat dan mendalam jika disiarkan oleh orang-orang yang tidak dikenal, daripada nama-nama yang mentereng.

Tatkala Kerajaan Islam Pertama, Kerajaan Demak berdiri, dengan tidak ragu-ragu Madura menggabungkan diri di dalam perjuangan Demak. Perjuangan Demak amat berat! Pertama melawan sisa Majapahit. Kedua melawan sisa Kerajaan Medang Kemulan. Pengaruh Islam lebih kuat di pesisir sampai sekarang, kerana sisa perjuangan Demak! Dan mulai saja Demak berdiri (1520), Melaka telah direbut oleh Portugis dan Portugis telah

berkuku di sana. Islam yang baru tumbuh di Jawa tersepit di antara ajaran Hindu pusaka Majapahit dan ajaran Kristian pembawaan Portugis!

Di Jawa Timur masih berdiri Kerajaan Supit Urang yang beragama Hindu. Tatkala Sultan Trenggana naik takhta Kerajaan, dia meneruskan rencana datuk neneknya memperluas kuasa Demak ke Jawa Timur dan ke Jawa Barat. Trenggana adalah seorang Sultan yang pintar dan banyak mempunyai anak perempuan. Masing-masing anak perempuannya itu dikahwinkannya dengan pahlawan-pahlawan Islam; seorang puterinya dikahwinkannya dengan Syarif Hidayatullah, yang bergelar Sunan Gunung Jati, bangsa Sayid keturunan Aceh (Pasai). Dan menantu ini disuruhnya menyiarkan Islam di Jawa Barat, sampai dapat mendirikan Kerajaan Banten dan Chirebon dan dapat mendirikan kota Jakarta (Jaya-Karta). Seorang lagi menantunya Pangeran Langgar, Pahlawan Madura! Nama kecilnya tak diingat orang lagi, dan dia pun keturunan orang biasa saja sebagai juga Gajah Mada di Majapahit. Tetapi dalam gelar rasminya "Pangeran Langgar" sudah nampak "siapa" dia. Seorang santri yang saleh, hidup bertafakkur dalam langgar, berjiwa tauhid yang tinggi. Dan tauhid apabila telah tertanam dalam dada, tidak ada tempat merasa takut lagi, kecuali kepada Allah! Sebagai seorang pemuda Islam yang ingin memperdalam ilmu pengetahuannya, dia pergi ke Kudus, belajar kepada Syekh Ja'far Shadiq, yang lebih dikenal dengan panggilannya "Sunan Kudus". Dan ketinggian budi anak Madura ini, kesatriaannya dan gejala semangat agamanya, menyebabkan dia dikenal di istana Demak. Sultan Trenggana melihat ada sesuatu yang diperlukan dari anak muda ini, sehingga dia diambil jadi menantu baginda dan diberi gelar Pangeran.

Cuma seorang menantu Trenggana yang tidak memenuhi harapannya, iaitu Adiwijoyo Bupati Pajang. Menantu inilah kelak yang akan memindahkan kekuasaan dari Demak ke Pajang. Dan dari Pajang ini pulalah kelak kekuasaan itu akan dirampas pula oleh Ki Gede Pemanahan dibawa ke Mataram.

Sultan Trenggana tewas dalam memimpin pertempuran hendak menaklukkan Pasuruan yang masih beragama Hindu. Di Demak terjadi perebutan kuasa. Pangeran langgar berhak menjadi Raja di Demak, tetapi dia tidak datang ke Demak, sehingga terbuka kesempatan bagi Adiwijoyo mengambil kekuasaan dari keturunan Sunan Prawoto dan membunuhnya.

Dengan pindahannya kekuasaan dari Demak ke Pajang dan akhirnya kelak ke Mataram, nampaklah perkisaran angin dari pandangan Islam yang luas, seluas laut yang dapat dilayari oleh anak Madura, ke dalam suasana pedalaman, suasana pertanian dan suasana adat-istiadat kuno yang masih dipertahankan. Apatah lagi setelah Syeikh Siti Jenar membawa ajaran Tasauf yang amat jauh keluar dari pagar Tauhid Islam. Maka digabungkanlah Tauhid Islam dengan Brahmana Hindu; timbullah kasta-kasta Hindu "Brahmana, Kesatria, Waisya dan Sudra" dengan nama baru "Kiyai, Priyahi, Saudagar dan Wong Cilik". Pindahlah pemusatan dari kepercayaan kepada Allah, kepada pemusatan penyembahan kepada Raja! Ditukarlah nama "Wali" menjadi "Sunan". Pudarlah ke-Islam-an, timbullah ke-Jawa-an (Kejawen).

Maka kian lama kian nyatalah perbezaan pandangan hidup di antara dua Jawa; Jawa Pedalaman dan Jawa Pesisir! Masuk Belanda memperkuat perbezaan itu.

Madura menempuh jalannya sendiri dalam lingkungan pandang hidup Jawa Pesisir. Tanahnya miskin dan tandus, tetapi penduduknya kaya-raya dengan Iman!

Pulaunya kecil, tetapi semangat Islam telah masuk ke dalam sum-sum mereka, sebab itu mereka berjiwa besar. Dengan perahu-perahu, yang sekarang pun masih kita lihat berserak di pelabuhan-pelabuhan Indonesia, anak Madura berlayar. Tak takut angin, tak takut badai, pisau belati tersisip di pinggangnya. Mereka lebih segan kepada Kiyahnya daripada kepada Priyahinya. Mereka berlayar ke Bugis, ke Ternate, ke Pontianak, ke Melaka dan juga ke Mekah.

Di darat mereka mengadakan "karapan sapi", di laut mereka berselaju perahu! Beberapa bahagian daripada pulaunya tidak dapat ditanami, kerana tandusnya; namun anak Madura tidak pernah merasa dirinya miskin. "kekayaan ada di laut!"

Guntingan bajunya dan pakaiannya menunjukkan kebebasan langkah-tindak! Kaki celana besar dan tidak terlalu dalam, sehingga mudah mengangkat kaki untuk menyepak halangan; lengan bajunya dan tidak boleh terlalu tebal dan destar menghiasi kepala yang membawa kemanisan sendiri!

Jiwa mereka lebih berdekatan dengan jiwa orang Bugis, yang sama suka berlayar. Maka tidaklah heran, jika setelah pamor Kerajaan Goa jatuh, salah seorang Bangsawan Goa (Makassar) Karaeng Galesong mengembara dengan perahunya bersama anak

buahnya, sampai ke Madura. Meskipun bahasa Madura dan bahasa Bugis jauh perbezaannya, namun bahasa Melayu sebagai bahasa penghubung pada zaman itu, telah menghubungkan juga di antara penduduk pulau-pulau Indonesia. Tidaklah heran jika semangat mengadu untung dengan gelombang lautan betapa pun besarnya, yang ada pada orang Madura, dan yang ada pada orang Bugis, dapat berpadu jadi satu; kerana lima kali sekali mereka disuruh bersatu dalam sembahyang berjemaah.

Tidaklah heran jika kemudiannya darah turunan Pangeran Langgar yang bernama Trunojoyo, memadukan tenaga dan menegakkan cita. Tidaklah heran jika Trunojoyo mengambil Karaeng Galesong menjadi menantunya!

Maka sisa yang kelihatan sekarang ini, keteguhan pengaruh Islam di Madura, meskipun tidak kita lupakan beberapa hal yang masih "kolot", jika dilihat dengan kaca mata sekarang..... bukanlah semata-mata tumbuh pada masa ini, tetapi adalah dia pusaka lama turun temurun, sejak zaman Demak! Sejak kelihatan berkelap-kelipnya api di hadapan mesjid Giri pantai Geresik, pada malam likuran bulan puasa! Anak Madura melihat api di puncak bukit itu, laksana Musa melihat api di puncak Tursina. Mereka pun datang ke sana. Kedapatanlah bahawa api hanyalah unggun biasa, batok tempurung dibakar tengah malam! Dan setelah mereka masuk ke dalam mesjid, bertemulah mereka "api sejati", sinar Tauhid yang tetap menyala. Api itulah yang mereka bawa ke Madura di akhir Abad Keempat Belas! Dan api begitu pula yang mereka temui ketika berlayar ke Melaka. Api itulah yang mereka pasangkan sampai sekarang dalam hati mereka.

Api Iman!

II.

SETELAH Ki Gede Pemanahan dapat merebut kuasa dari Pajang dan memindahkan sekalian lambang kebesaran Majapahit ke Mataram, kian terasalah perbezaan "Islam Pesisir" dengan "Islam Pedalaman". Dalam gelar yang dipakai oleh Sutowijoyo putera Ki Gede Pemanahan yang menggantikan beliau (1575) telah nyata bahawa kebudayaan Hindu pusaka lama hendak digabungkan dengan Kebudayaan Islam mistik, untuk menjadi dasar ke-

agungan Raja. Sutowijoyo bergelar "Senopati ing Alogo" (Kepala Balatentara) ditambah dengan "Saiyidin Panatagama" (Yang dipertuan pengatur Agama).

Kemudian setelah Senopati mangkat (1601), digantikan oleh puteranya Mas Jolang (mangkat 1613), dan dia digantikan pula oleh puteranya Mas Ransang.

Mas Ransanglah yang membentuk Filsafat Negara yang menunjukkan keahliannya menggabungkan pusaka lama (Hindu) dengan faham baru (Islam), laksana Kertanegara dahulu telah menggabung pula di antara agama Shiwa dengan Buddha; dicari kira-kira mana yang sama, lalu dibangun campuran baru yang tidak Hindu lagi, dan nyata tidak pula Islam.

Gelar "Senopati" pusaka neneknya tetap dipakai "Senopati Ing Alogo" ditambah dengan Ngabdurrahman. Ditambah lagi gelar lain, iaitu "Prabu Pandito Cokrokusumo", disebut juga "Hanyokrokusumo", dan pernah dikirimnya pula utusan ke Mekah, agar Sharif Mekah mengakui dia sebagai SULTAN Tanah Jawa.

Maka masyhurlah baginda dengan gelar SULTAN AGUNG!

Dikarangnya sendiri filsafat pandangan hidupnya berupa nyanyian, yang terkenal dengan sebutan "Sastera Gending". Beliau menyuruh susun silsilat (salasilah) keturunannya daripada Nabi Adam dan Nabi Syis; tetapi juga keturunan Sang Hyang Nur Cahaya dan Sang Hyang Nur Rasa dan Sang Hyang Nur Wening. Termasuk juga keturunan Batara Guru, Sang Hyang Tunggal dan Brahmana dan Arjuna; tetapi ada juga hubungan dengan Hayam Wuruk dan Bhara-Wijaya. Sebab itu dia pun keturunan Raden Fattah dan Ariya Damar.

Nescaya Ulama-ulama penyiar Islam, termasuk dua orang di antara 9 Wali yang terkenal, atau keturunan yang menyambut mereka, yang hidup di pesisir memandang bahawa "filsafat" yang ditimbulkan Sultan ini membahayakan sangat bagi perkembangan Islam. Mereka mengakui bahawa ini adalah satu cara yang sangat cerdik; sisa-sisa kehinduan menerima baginda sebagai raja, kerana baginda adalah "Prabu Pandita". Dan orang Islam pun rela pula, kerana beliau adalah "Sultan Ngabdurrahman Saiyidin Panatagama".

Oleh kerana yang demikian, maka diperkuatlah "Giri" sebagai pusat mempertahankan benteng Islam dan sebagai penyair Islam. Daerah terdekat untuk menyiarkan Islam ialah Madura. Dari seluruh Indonesia bahagian Timur datanglah penuntut ilmu ke

Giri, atau giri sendiri mengirim Muballigh ke Ternate, dan ke pulau-pulau Nusantara. Sunan Giri diakui sebagai Sultan Agama.

Beberapa Bupati merdeka di Jawa Timur telah terpengaruh oleh ajaran Giri. Di antaranya ialah Adipati Surabaya, Pangeran Faqih. Tetapi di samping membangunkan dasar Filsafat Negara yang demikian, Sultan Agung pun mempunyai cita hendak menyatukan seluruh Tanah Jawa di bawah satu pemerintahan. Dia juga ingin memasukkan daerah Banten ke dalam kekuasaannya. Sedang Chirebon sudah takluk. Baginda pun memasukkan pengaruh juga ke luar Jawa. Ke Palembang dan Jambi.

Orang besar Indonesia itu menghadapi ujian berat. Sebab dia berhadapan dengan kekuatan Kompeni Belanda yang sedang tumbuh. Nafsu berkuasa Baginda dan tentangan dari Jawa Timur terhadap Baginda diketahui oleh Kompeni. Lawan Sultan Agung yang unggul ialah Jan Pieterzon Coen!

Pembantu utama dari Sultan Agung ialah seorang Ulama bergelar Khalifah Imam dan seorang ahli Tasauf, Kiyahi Suro Dono! Demi setelah baginda mengetahui bahawa Kompeni hendak membuat kontak dengan Bupati Surabaya, baginda mengirim tentera di bawah pimpinan Suroantani hendak menaklukkan Jawa Timur. Mendengar tentera itu datang, maka Adipati Surabaya dengan pimpinan Rohani dari Sunan Giri mengadakan persatuan Bupati-bupati yang sefaham; Bupati Lasem, Tuban, Japan, Wiro-sobo, Pasuruan dan Arisbaya (di Madura) dan Sumenep. Bukan saja mereka hendak bertahan, tetapi bersiap hendak menyerang Mataram. Pajang pun bersedia membantu. Sayang sampai di Pajang tentera itu kekurangan makanan, sehingga Sultan Agung dapat mengalahkannya (1615).

Setelah tentera itu dapat dikalahkan, Sultan Agung pula yang menyerang! Wirosobo direbutnya. Tetapi bandar-bandar sukar ditaklukkan. Kerana angkatan laut Baginda kurang kuat untuk mengepung dari laut. Lasem, Baginda rebut di tahun 1616.

Marto Loyo memimpin tentera Baginda menaklukkan Pasuruan. Bupati Pajang yang memberi bantuan banyak sekali kepada pemberontak segera dapat ditundukkan. Tuban diduduki. Dan pada tahun 1622 Baginda kirim tentera terdiri daripada 80,000 perajurit buat menaklukkan Surabaya. Tetapi kerana kehabisan perbekalan terpaksa kembali. Tetapi Geresik dan Jaratan baginda hancurkan, sehingga sampai sekarang nama Jaratan itu tidak terdengar lagi.

Dua tahun di belakang itu (1624) baginda kirim pula tentera di bawah pimpinan Kiyahi Sujonopuro buat menaklukkan Madura. Madura waktu itu diperintah oleh lima orang Bupati yang takluk kepada Adipati Surabaya Kelima Kabupaten itu ialah Arisbaya, Pamekasan, Sumenap, Sampang dan Balega.

Madura bertahan dengan gagah perkasa. Kelima Bupati bangun serentak, sehingga mulai saja tentera Mataram mendarat, sudah terpukul mundur. Askar Madura dari Balega menyerang dengan tiba-tiba pada tengah malam ke pusat pimpinan Mataram, sehingga tentera Mataram kucar-kacir dan Kepala Perang sendiri, Kiyahi Sujonopuro tewas terbunuh. Lantaran pukulan yang keras itu, tentera Mataram terpaksa bertahan dan berlindung saja sehingga datang bantuan baru. Sultan Agung mengirinkan bala bantuan baru di bawah pimpinan Kiyahi Juru Kiting. Kerana bantuan baru itu, dapatlah tentera Madura dikalahkan.

Tetapi Sultan Agung memang seorang raja yang berpandangan jauh dan kaya raya dengan siasat perang dan politik. Setelah Madura ditaklukkan, segera baginda angkat anak saudara dari Bupati Arisbaya menjadi Adipati buat seluruh Madura. Namanya ialah Raden Praseno! Diberi gelar *Cakraninggrat* dan ditetapkan kedudukannya di Sampang! Dan diberi hak pula memakai titel (gelar) Pangeran.

Bukan main gembira Pangeran Cakraninggrat menerima budi yang tinggi itu dari Sri Sultan Agung. Sultan Agung telah mengerti bahawa pengaruh Islam lebih mendalam di daerah itu dan penduduk lebih menyukai diketuai oleh kaumnya sendiri. Sebab itu baginda taklukkan negeri itu dengan budi yang luhur. Dia "mandikan" Cakraninggrat dengan serba-serbi kemuliaan, sehingga kerap-kali Pangeran Cakraninggrat menghadap ke Mataram, bahkan menyediakan tenaga di mana perlu membantu Sultan, bahkan memimpin tentera yang gagah berani membela kemuliaan Mataram. Madura mendapat autonomi yang luas di bawah pimpinan Pangerannya!

Setelah Sultan Agung merasa aman terhadap Madura, barulah beliau kerahkan tentera menaklukkan Surabaya dan baginda sendiri memimpinya. Oleh kerana amat besar jumlah tentera Mataram dan bantuan dari Madura tidak diharapkan lagi, maka Adipati Surabaya Pangeran Fakih mengirim utusan kepada baginda ingin berdamai. Bilamana Pangeran Faqih datang menghadap Sultan, beliau dialu-alukan dengan serba kebesaran yang layak bagi raja-

raja yang besar. Dan tidak ada seorang perajurit pun, atau orang-orang besar Kerajaan yang mengangkat muka atau kurang hormat seketika beliau datang ke perkemahan Sultan! Dia diperlakukan bukan sebagai musuh.

Ketika itulah Sultan Agung memperlihatkan kebesaran jiwanya. Meskipun dia seorang "Senopati" sejati, kepala perang gagah perkasa, muka manisnyalah yang dipertunjukkannya kepada musuhnya itu. Dia ingin menaklukkan Surabaya dengan kasih dan cinta! Suatu kejadian gilang-gemilang dalam sejarah Tanah Air kita!

Penaklukan Surabaya sudah tidak disebut-sebut lagi, kerana hati Pangeran Faqih sendiri yang sudah takluk. Apatah lagi Sultan pandai membawakan dirinya sebagai Sultan beragama Islam, sebagaimana di daerah Hindu, dia pun dapat menunjukkan toleransinya dalam sikap yang lain pula. Yang dibicarakan tidak lagi urusan penyerahan kekuasaan, tetapi Sultan "meminang" Pangeran Faqih, sudi kiranya menerima nasib puteri baginda yang dikasihi, Ratu Wandan Sari. Dan biarlah puteri itu tinggal bersama-sama di Surabaya.

Satu siasat yang amat tinggi dan payah menolaknya. Apatah lagi Ratu Wandan Sari pun seorang puteri yang cantik rupawan.

Ertinya Surabaya takluk di bawah Mataram dan Sultan Agung meninggalkan puterinya yang dikasihi mendampingi Adipati yang telah takluk itu. Dan dengan sendirinya kekuasaan tertinggi telah di Mataram.

Setelah itu Sultan Agung kembali ke Mataram!

Ratu Wandan Sari meneruskan siasat ayahnya! Dapat dibujuknya Adipati Surabaya supaya menyerang Giri. Itulah suatu ujian yang amat besar bagi Adipati Surabaya; bujuk-cumbu isterinya menyebabkan beliau sudi melawan gurunya. Tetapi perangnya kalah; sebab Sunan Giri melawan dengan gigih. Akhirnya puteri Wandan Sari memimpin penyerangan yang kedua dengan memakai pakaian laki-laki. Waktu itulah baru Sunan Giri dapat dikalahkan dan ditawan, dibawa ke Mataram. Dalam bersoal-jawab, Sunan Giri menyatakan terus-terang tidak puas hatinya kerana Sultan Mataram tidak betul-betul menegakkan Islam. Tetapi Sultan pun membela pendiriannya dan berjanji tidak akan mengganggu perkembangan Islam dan pimpinan Giri dalam hal agama! Sunan Giri diangkat kembali dan diberi izin memerintah Giri sebagai

sediakala. Cuma gelarnya sebagai "Sunan" diturunkan menjadi Panembahan saja!

Demikianlah kisah perlawanan Pesisir terhadap Pedalaman pada waktu itu. Dan bagi Sultan Agung sendiri, seluruh penaklukan yang dilakukannya ke Jawa Timur dan Jawa Barat adalah rangka mempersatukan Tanah Jawa, dan dalam rangka menghadapi musuh besarnya; Kompeni Belanda.

III.

Perang Trunojoyo

Sultan Agung yang benar-benar "Agung" itu mangkat pada tahun 1654. Dia adalah seorang pahlawan yang besar sekali minatnya untuk menyatukan Tanah Jawa, supaya satu kekuatan menghadapi Kompeni. Baginda pernah mengatur tentera mengepung Jakarta, walaupun tak berhasil, Jan Pieterzon Coen yang terkenal sebagai lambang penjajahan Belanda "nombor 1", adalah dari beracun dalam mata Sultan. Kompeni telah berhasil memutuskan hubungan Jawa dengan Indonesia Timur.

Yang berhak menjadi gantinya ialah Pangeran Ario Prabu Adi Mataram. Sebab ibunya ialah Puteri dari Istana Chirebon. Baginda bergelar Amangkurat I (Amangku = memangku. Rat = Bumi). Jadi yang memangku bumi ini.

Jika Almarhum Sultan Agung berusaha "membuat" satu filsafat kenegaraan menggabungkan Tauhid Islam dengan segala macam khurafat Hindu, sehingga itu ternyata dalam gelarnya sebagai "Sultan" dan sebagai "Prabu", namun pada puteranya adalah satu sikap yang lebih tegas terhadap Islam!

Infiltrasi Islam "Ahlussunnah wal Jamaah" tetap mengalir juga dari pesisir. Dari Giri, Kudus dan Demak. Islam yang demikian tidak mau mengakui bahawa Raja adalah Wakil-Mutlak Tuhan memerintah Alam! Mereka lebih tertarik akan cara pemerintahan Iskandar Muda Mahkota Alam di Aceh; yakni kaum agama diberi hak luas menyiarkan Islam dan menuntunkannya. Raja jangan hanya semata-mata menenggang hati golongan yang belum Islam, sehingga kemajuan Islam terhambat. Apalah ertinya Tanah Jawa menerima Islam sebagai Agama, padahal Hukum Agama tidak menjadi kenyataan. Bahkan upacara-upacara kehidupan masih berlaku.

Dan lagi kaum Ulama itu, didesak oleh rasa Tauhid yang bergelora di dadanya, bersikap kadang-kadang seperti orang "kurang ajar". Mereka datang ke istana dengan "pakaian Arab", memakai serban, jubah, tasbih di tangan dan tidak mau menyembah sujud kepada "Ingkang Sinuhun" (Yang disembah).

Berbeza Sultan Agung dengan Amangkurat! Kerana baginda Sultan Agung masih dapat membawakan hidup dalam kalangan kaum agama. Tetapi Amangkurat I benci melihat *Kiyahi-kiyahi* itu; sebab mereka sombong, tidak mengenal hormat dan kadang-kadang berani bercakap terus terang di hadapan Raja! Kadang-kadang pula tidak mempedulikan tata bahasa percakapan istana yang sampai 5 tingkatnya itu. Kalau ditanya mengapa demikian, mereka menjawab "sedangkan kepada Allah, kami hanya mengucapkan engkau saja (anta), betapa kepada Raja kami akan mengucapkan lebih daripada itu?"

Apakah maunya baginda?

Maunya baginda ialah supaya ajaran Islam yang tegas itu jangan diajarkan kepada rakyat. Ulama jangan menghadapi masyarakat dengan langsung. Yang bertanggungjawab menghadapi rakyat cilik (kecil) hanyalah Lurah, Lurah kepada Carik, Carik atau Camat dan Camat kepada Wedana atau Demang, Kepada Patih, Bupati, Adipati, baru kepada "Kanjeng Gusti Ingkang Sinuhun". Dan Ulama yang sah, hanyalah yang rasmi dalam pemerintahan. Kerjanya mengurus mesjid, tinggal sekeliling kauman, mencukupkan jemaah 40 orang. Kedudukan mereka ialah sebagai "Yogoworo"!

Kalau ajaran Ulama sampai kepada rakyat kecil, kacaulah pemerintahan dan hilang lenyaplah kepatuhan kepada yang di atas!

Akhirnya sampailah pertentangan Ulama dalam Kerajaan Mataram dengan Susuhunan meningkat demikian tinggi, sehingga Susuhunan memerintahkan menangkap seluruh Kiyahi dan Santrinya dalam seluruh Kerajaan yang tidak kurang dari 7000 (tujuh ribu) orang banyaknya. Menyuruh mereka naik.....tiang gantungan!

Yang tinggal hidup hanyalah Ulama yang diakui oleh Kraton!

Yang sempat lari terus lari ke daerah lain!

Adapun Kompeni Belanda, setelah Sultan Agung yang gagah perkasa mangkat, mulailah mengatur siasatnya lebih ketat dari yang sudah-sudah. Kompeni sudah menguasai Banten, Ambon, Ternate dan Makassar. Padahal Hitu (Maluku) telah sejak zaman

Majapahit adalah lapangan perniagaan orang Jawa yang membawa kemakmuran. Sejak daerah itu dikuasai Kompeni, Jawa bertambah miskin. Kompeni menyodorkan perjanjian bahawasanya Kompeni mengakui keagungan Mataram. Kompeni mengirinkan Delegasi ke Mataram setiap tahun, alamat persahabatan. Tetapi jika orang Mataram hendak keluar ke daerah-daerah yang dikuasai Kompeni hendaklah membawa surat "izin" daripadanya.

Dari sebelah Pesisir timbullah rasa tidak puas. Kaum Ulama memandang Amangkurat musuh Islam. Perasaan ini dipelopori oleh Giri.

Rasa Islam lebih mendalam di MADURA. Di Madura pun berkembanglah rasa dendam terhadap Mataram. Apatah lagi Cakraningrat II yang menerima pusaka jabatan Adipati tertinggi bagi Madura, lebih lekat hatinya ke Mataram daripada ke Madura sendiri. Jodoh yang dipilih adalah puteri Mataram, bukan puteri Madura. Menjadi Raja di Madura, tetapi sangat jarang datang ke Madura. Dan jika pulang dia membawa adat istiadat istana yang sangat berat, tidak sesuai dengan jiwa orang Madura. Di Madura pun tumbuh rasa tidak puas.

Di Makassar telah tumbuh pula perasaan tidak puas itu. Perjanjian Bongaya (1667) sangat merugikan Makassar. Perahu-perahu Makassar hanya boleh berlayar bila telah dapat izin dari Kompeni. Hanya Kompeni yang boleh memasukkan (import) kain-kain dan barang-barang dari China ke Makassar. Makassar diwajibkan membayar ganti kerugian perang. Lebih menyakitkan hati lagi kerana yang dijadikan alat menaklukkan dan mengalahkan Makassar ialah Anak Bugis sendiri, Aru Palaka anak Raja Sopeng.

Dari itu banyaklah pahlawan Bugis dan Makassar mengembara meninggalkan kampung halaman dengan hati hiba! Banyak di antara mereka pergi ke Jawa, baik Jawa Timur atau Jawa Barat. Di mana saja ada perlawanan kepada Kompeni, dengan tidak fikir panjang, mereka turut membantu, turut berjuang. Di antara mereka ialah Syekh Jusuf yang menjadi Mufti Kerajaan Banten, di zaman Sultan Agung Tirtayasa. Di antara mereka pula ialah Karaeng Galesong yang bertemu di Madura dengan Trunojoyo dan memadukan kekuatan jadi satu melawan Kompeni.

Tidak puasnya kaum Ulama di bawah pimpinan Pangeran Giri, bertambah dengan tidak puasnya pahlawan Makassar Karaeng Galesong ditambah lagi dengan tidak puasnya Madura kerana perangai Adipatinya Cakraningrat II, inilah yang ber-

kumpul jadi satu untuk menimbulkan "Perang Trunojoyo" yang terlukis dalam sejarah Abad Ketujuh Belas itu.

Trunojoyo anak bangsawan Madura dianggap sebagai Kepala Perang Sabil.

Udara telah bertukar! Jika tatkala Sultan Agung masih hidup, musuhnya yang utama ialah Kompeni Belanda dan Belanda menyokong Adipati Surabaya untuk melawan Mataram, sekarang keadaan telah terbalik. Hidup mati, naik turunnya Mataram, sejak Amangkurat I adalah di bawah belas kasihan Kompeni.

Tentera Mataram dibantu oleh tentera Kompeni Belanda berbaris rapat menentang serangan. Untuk itu Amangkurat terpaksa mengurbankan lagi kemerdekaan Mataram. Kompeni berjanji akan membantunya sampai menang, dengan bayaran 250.000 rial dan 3000 pikul beras. Kalau perang lebih lama, maka Susuhunan akan menambah bayaran 20.000 rial lagi. Dan sejak itu hendaklah Kompeni dibebaskan dari biaya-cukai memasukkan barang-barang di seluruh pelabuhan Jawa. Kompeni berhak mendirikan kantor (logi-logi) di mana dipandang perlu dan dapat bayaran pula 4000 pikul beras menurut harga pasar.

Setelah perjanjian ini disetujui oleh Susuhunan Amangkurat I barulah Kompeni bertindak tegas menghadapi gabungan tiga pahlawan yakni Trunojoyo yang merasmikan gelar Prabu Maduretno, Karaeng Galesong pahlawan Makassar dan Pangeran Giri dari kalangan Ulama.

Maka mulailah Speelman pahlawan Kompeni yang memelopori perjanjian Bongaya itu melakukan peranannya, di samping perang senjata dipakainya juga perang siasat. Tetapi pahlawan Madura Trunojoyo adalah keras kersang, tak dapat ditawar, laksana gunung-gunung kapur di pulau Madura juga. Tiap berperang, tiap terdesaklah Kompeni dan semakin luaslah daerah yang dapat dikuasainya; sudah hampir seluruh Pesisir Jawa dapat direbutnya, perlawanan pun timbul di mana-mana. Sejak dari Kediri di Jawa Timur sampai ke Banten di Jawa Barat.

Kediri di Jawa Timur sudah menggelegak menanti masa dan ketika buat menyatakan terang-terang menjadi pengikut Trunojoyo.

Sedang di ibukota Mataram sendiri, kebencian orang bertambah memuncak kepada Susuhunan. Dengan terang-terang orang telah berani memuji Trunojoyo di hadapan majlis baginda! Baginda dicap kena "keparat" para Kiyahi dan santri yang baginda

suruh bunuh. Malahan Raden Kejoran, seorang pegawai tinggi yang dipercayai selama ini, hilang dengan tiba-tiba dari ibukota dan terdengar telah ada di Kediri menggabungkan diri kepada tentera Trunojoyo.

Sangatlah keras tekanan batin yang menekan perasaan baginda; Negeri terjual, rakyat benci, kaum agama menyumpah, sampai akhirnya terganggu jiwa beliau, sehingga baginda meninggalkan istana dengan diam-diam.

Keluarnya Susuhunan dari Istana dipandang melanggar adat yang sakti. Kerana istana tempat baginda bersemayam dipandang memancarkan sinar yang dinamai "Shri" atau "Syakti"; dengan sinar itulah negeri diperintah. Speelman yang cerdik tahu akan adat itu. Maka diangkatlah putera Pangeran Adipati Anom menjadi gantinya, atas kehendak Belanda, memakai gelar Susuhunan Amangkurat II (1677 - 1703).

Dan seketika dia akan naik takhta dihulurkan lagi perjanjian-perjanjian baru yang lebih mengikat. Kelemahan pertahanan Mataram memaksa Susuhunan yang baru itu menerimanya pula. Bahkan diberi ancaman halus bahawa ayahnya akan dibawa pulang kembali, kalau perjanjian itu tidak ditandatangani. Adiknya Pangeran Puger berontak pula dan diangkat pula oleh pengikutnya jadi Susuhunan!

Ada pun sang ayah, Amangkurat I mengembaralah dia dari satu negeri ke negeri lain dalam keadaan sakit-sakit, akibat tekanan jiwa, yang boleh disebut gila. Sebab kebesaran pusaka ayahnya Sultan Agung telah hancur lebur sesampai di tangannya; apatah lagi setelah dalam terdesak itu terasa pentingnya Agama Islam sebagai pegangan hidup padahal Ulama Islam dibunuh! Akhirnya kerana berat sakitnya itu, sesampai di suatu tempat bernama Wonosoyo beliau wafat dan dikuburkan di daerah Tegal, di satu tempat bernama Tegal-Wangi, atau Tegal-Arum.

Setelah kekuasaan yang sebenarnya ada dalam tangan Kompeni, dan tentera Mataram sendiri pada hakikatnya pun telah dalam Komando Kompeni, mulailah dilancarkan gerakan "membasmi pemberontak". Tiga sekawan itu; Trunojoyo, Karaeng Gale-song, Pangeran Giri.

Tidaklah akan kita panjangkan cerita bagaimana hebatnya peperangan itu, sehingga sebahagian besar dari Jawa Timur dan Pesisir Jawa Tengah telah jatuh ke bawah kekuasaan Trunojoyo.

Inti kekuatan terletak di pulau Madura; hembusan semangat dari Giri dan kegagah-perkasaan dari Makassar.

Oleh kerana bantuan yang bertubi-tubi datangnya dari "Batavia", kian lama kian terdesak jugalah tentera Trunojoyo. Tetapi yang menentukan bukanlah tentera Belanda, kerana dia tidak tahan berperang di tempat yang panas. Belanda terpaksa mendatangkan Aru Palaka. Aru Palaka lagi! Dia sanggup melawan taktik Perang Karaeng Galesong orang Makassar, dengan taktik anak Bugis! Setelah kekalahan Karaeng Galesong, dan jalan dibuka oleh Aru Palaka, barulah Kompeni dapat merebut Porong, akhirnya sampai ke Ngantang di Timur Laut. Tetapi seketika Trunojoyo terdesak dan naik ke lereng gunung Kelut, Kompeni mengirim Kapten Jonker, anak Ambon yang terkenal itu untuk mengepung beliau. Setelah habis segala pertahanan dan perbekalan tidak ada lagi, Trunojoyo, atau Prabu Maduretno mengirim utusan membawa kerisnya kepada Kapten itu, alamat menyerah. (27 Disember 1679). Seketika menyerah itu dia berkata: "Aku serahkan diriku kepadamu, Kapten. Kerana aku lihat engkau seorang satria yang teguh janji. Aku hanya menyerah kepadamu, bukan kepada Susuhunan. Hendaklah engkau memperlakukan daku sebagai tawanan perang!"

Mulanya Jonker meyakinkan akan menepuhi janjinya. Tetapi janji itu tidak dapat dipertahankannya lama. Kerana desakan Kompeni dia mesti menyerahkan Trunojoyo kepada Kompeni. Dan oleh Kompeni diserahkan kepada Amangkurat II. Dan beberapa hari kemudian itu Amangkurat II menyentak kerisnya dalam majlis dan menikam Trunojoyo!

Ada pun Kapten Jonker anak Islam dari Ambon yang selama ini setia kepada Kompeni itu, kerana tawanannya dibunuh, padahal dia telah berjanji akan memberikan perlindungan, sehingga bisa Trunojoyo dibuang saja, sakitlah hatinya melihat perbuatan yang pengecut itu. (Inilah salah satu sebab maka 10 tahun di belakang Jonker sendiri pun dihukum mati Kompeni, kerana ikut dalam satu komplotan menentang Kompeni di "Batavia" (1798).

Dan bersamaan dengan itu dibunuh pula Pangeran Giri, bahkan dimusnahkan bersama dengan keturunannya, dirampas keris pusakanya, yang dengan keris itu nenek-moyangnya dahulu melawan Kerajaan Majapahit.

Demikianlah kisah perjuangan Islam meminta tempatnya di sebahagian tanah air kita ini dalam Abad Ketujuh Belas. Madura menempati sejarah istimewa.

Dan sejak itu pula kekuasaan Kompeni tertanamlah atas Kerajaan Mataram dan seluruh Tanah Jawa, sampai timbul beberapa pemberontakan lagi, baik di Jawa Barat (Pangeran Purbaya, Kiyahi Topo) atau di Jawa Timur (Surapati).

Dan sejak itu pula bekerja keraslah para "pujangga" membuat sanjak dan gending, mengejek menghina Ulama, mengolok-olok serbannya. Belanda pun kerja keras pula memupuk perasaan demikian, sehingga timbul kata "Mutihan" dan "Ngabangan"; kerana di daerah Kerajaan Ulama merasa hanya jadi ejekan, mereka pun mengungsi ke Jawa Timur atau ke Madura. Di sebelah Jawa Timur dan di Madura lebih banyak berdiri pondok-pondok tempat santri belajar. Dan orang-orang Arab pun dilarang masuk ke Surakarta beberapa waktu lamanya.

Sejarah berjalan terus. Meskipun telah diusahakan membuat Islam menjadi agama yang hanya untuk dilagakkan, bukan untuk dijadikan dasar hidup dan sejati, namun polopor penegakan Kerajaan Islam, dan yang kembali memakai pakaian yang dahulu diejek, iaitu jubah dan serban, rambut panjang dicukur dan dipakai kopiah putih, dengan keris tersisip di pinggang dan tasbih di tangan bersama pedang, ialah Putera keturunan Amangkurat dan Sultan Agung jua; Pangeran Amirul Mu'minin Abdul Hamid Diponegoro! Dibantu oleh Kiyahi Mojo..... Kiyahi lagi.

Betapapun jua Islam diperkuat di Jawa Tengah, namun kebangkitan perjuangan Islam secara baru, dimulai oleh seorang anak bangsawan. Dari pihak ibu dia keturunan Susuhunan Sala sendiri dan dari pihak bapa dia keturunan Kiyahi. Itulah Raden Omar Said Cokroaminoto.

Dan kebangkitan yang lain dari segi Agama, timbul dari Jawa Tengah juga dari kalangan "Abdidalam" Kerajaan Jogjakarta, iaitu Kiyahi H. Ahmad Dahlan, pendiri Muhammadiyah!

Itulah satu Mukjizat Islam! Bagaimanapun dia dihalangi dan dicuba menghancurkan kadang-kadang keturunan dari yang menghalanginya itu tegak menjadi pembela daripada apa yang pernah dihalangi oleh nenek-moyangnya.

Kerajaan Moghul yang menyemarakkan Islam di India dan sanggup suatu waktu mempersatukan seluruh India di bawah bendera Islam, adalah keturunan daripada Jenghiz-Khan dan

Hulagu-Khan yang pernah menghancurkan kemegahan Islam di Baghdad!

V. AGAMA KESATUAN

MAS RANSANG, yang setelah menjadi Sultan Mataram bergelar "Panembahan AGUNG Senopati Ing Alogo Abdurrahman", yang disebut juga Prabu Pandito Cokrokusumo, atau Hanyokrokusumo, yang lebih terkenal dengan sebutan Sultan Agung, (1613-1645), memanglah seorang di antara Raja-raja di tanah air kita yang terhitung Raja Besar. Di samping dia kita mengingat nama-nama lain yang sezaman dengan dia, sebagai Iskandar Muda Mahkota Alam di Aceh, Hasanuddin Makassar, Ranamanggala Mahkubumi di Banten. Di luar negeri terkenal nama-nama Sultan Akbar Abul Ftah Jalaluddin Muhammad di India (Delhi) dan Sultan Salim di Turki.

Sultan Agung naik takhta, kebetulan di waktu Kompeni Belanda baru saja ditubuhkan, dan baru saja merangkakan jalannya hendak menguasai tanah air kita, kerana hendak merebut rempah-rempah.

Keistimewaannya dalam peperangan, percubaannya hendak merebut Jakarta kembali dan mengusir Belanda, meskipun tidak berhasil, kerana Belanda telah kuat di waktu itu, bukanlah akan menjadi pokok pembicaraan kita di sini. Yang menjadi tekanan perhatian kita sekarang ialah, kebesarannya dalam segi filsafat dan agama, dan citanya hendak menyesuaikan ajaran Islam sebagai agama yang telah diterima dan menjadi kenyataan, dengan jiwa asli bangsa Jawa.

Islam telah masuk ke Jawa dan pernah berpusat di Demak. Padahal sisa perasaan kehinduan belumlah hilang. Di Jawa Timur pada masa itu masih ada juga Kerajaan Hindu yang kuat (Blambangan). Beliau merasa bahawa kedudukannya sebagai seorang Raja besar tidaklah akan teguh, kalau dia tidak mendapat sokongan yang kuat, bukan saja daripada pemeluk Agama Islam, tetapi juga daripada kaum bangsawan yang rasa kehinduan belum hilang sama sekali dari hati mereka.

Untuk mensahkan kedudukannya sebagai kepala Agama Islam, dia minta dilantik gelaran Sultan dari Sunan Giri. Sebab Giri masih menjadi pusat dari penyiaran Islam. Dan untuk me-

nguatkan gelar itu dimintanya pengakuan dari Sharif Mekah. Tetapi di samping menjadi Sultan, beliau adalah kepala adat pusaka turun-temuran. Baginda adalah Cokrokusumo dan Prabu Pandito. Agama berjalanlah sebagaimana mestinya, tetapi jangan lebih daripada batas-batas kekuasaan yang telah ditentukan. Pengurus urusan-urusan agama dinamai "Jogosworo", terambil dari kata-kata "Yogi", salah satu amalan tafakkur daripada penganut agama Hindu.

Keturunan beliau disusun demikian rupa, sehingga terpadulah di antara Islam dan Hindu dan cerita wayang. Di samping silsilat (salasilah) dan keturunan beliau daripada Nabi Adam dan Nabi Syis, beliau adalah keturunan Batara Guru, bernama Arjuna, Abimayu, Parikesit. Kadang-kadang disebut hubungan beliau dengan Nabi Muhammad, sebagai keturunan daripada Saidina Ali dan Fatimah, tetapi juga disambungkan dengan Kuda Lalean Raja Pajajaran Hindu, dan Brawijaya dan Hayam Wuruk, sebagai Raja-raja besar Majapahit.

Untuk menunjukkan bahawasanya negeri beragama Islam, setiap bulan Maulud diadakan Sekaten khabarnya konon diambil daripada Kalimat-Syahadat (Syahadatain) dan orang berkumpul ke dalam mesjid, mendengarkan Guru Agama membacakan kisah Maulud Nabi, tetapi sebelum itu dengarkan dahulu gamelan Ki Sekati dan Nyi Sekati.

Salah satu usaha beliau dari segi filsafat buat mendamaikan di antara pelajaran syirk Hindu dengan Tauhid Islam, ialah karangannya yang terkenal "Sastragending". Dipertemukanlah pelajaran "Fana" dalam Tasauf Islam dengan pelajaran "Nirwana" dalam pelajaran Buddha dan "Atma" dalam pelajaran Hindu, dalam satu susunan yang sangat halus, sehingga seakan-akan menjadi satu agama berdiri sendiri. Dan usaha ini diteruskan oleh keturunan-keturunannya yang datang di belakang. Sampai kepada Ranggawarsita Pujangga Jawa yang terkenal, mengemukakan pelajaran "Kawula Gusti" campuran ajaran Al-Hallaj dan Al-Ghazali, dibumbui dengan ajaran Hindu.

Dengan memakai pelajaran seperti ini, apa saja agama yang dipeluk baik Islam ataupun Hindu, akan dapatlah dipertemukan. Dan orang tak usah memberat-berati dirinya, kerana semua pelajaran agama adalah sama, dan telah diambil sari patinya.

Inilah jasa terbesar dari Sultan Agung, yang akan dijadikan tempat tegak dan dasar oleh keturunan-keturunannya yang akan

datang di belakang. Tetapi setelah beliau wafat, tidaklah akan dapat teguh filsafat yang beliau tanamkan itu, kalau sekiranya kemudian tidak datang perlindungan daripada yang lain, iaitu kekuasaan asing.

Baru saja beliau meninggal, pada zaman pemerintahan Amangkurat I, bangkitlah Trunojoyo dari Madura, dibantu oleh Karaeng Galesong dari Makassar mengadakan pemberontakan. Pahlawan-pahlawan ini memperjuangkan tegaknya ajaran Islam yang lebih baik. Pada zaman Amangkurat II, berlakulah kekejaman pembunuhan terhadap ribuan Ulama-ulama Islam, yang mencuba menanamkan ajaran Islam yang sebenarnya. Pada zaman Amangkurat IV, dengan kehendak Belanda diusirlah beberapa Muballigh Wahabi yang datang ke Jawa hendak mengajarkan Islam yang bersih kepada penduduk. Bahkan Amangkurat IV sendiri pun tertarik oleh ajaran itu. Dan keturunannya pula, Sultan Abdul Hamid Diponegoro, terang-terang hendak mendirikan Kerajaan Islam, dan beliau Amiril Mu'minin di tanah Jawa. Beliau ganti pakaian Jawa lama dengan Jubah dan Serban. Maksud beliau nescaya akan berhasil, kalau Kompeni tidak campurtangan.

Pada zaman sekarang, untuk menyatukan Kebangsaan Indonesia, pemimpin-pemimpin Indonesia merumuskan Pancasila! Bung Karno pencipta Pancasila, mengakui bahawasanya Filsafat Pancasila bukanlah buatannya sendiri, tetapi rasa asli yang terpendam dalam jiwa raga bangsa Indonesia.

Pemimpin-pemimpin Islam ataupun Kristian ataupun Hindu menerimanya dengan baik.

Tetapi pada saat-saat terakhir, mulai pula terdengar usaha beberapa golongan, hendak menonjolkan Pancasila, bukan saja sebagai alat mempersatukan, tetapi sebagai semacam agama pula. Ada yang menyatakan bahawa Bung Karno adalah Nabi Pancasila.

Sebagaimana telah terjadi dalam riwayat, ini pun tidak akan berhasil! Beberapa tahun saja sebelum Sultan Agung, maka Sultan Akhbar di India telah mencuba pula mem"buat" sebuah agama "kesatuan". Mati Akbar, matilah agama itu.

Umur agama buatan itu hanyalah sepanjang umur orang yang mencuba-cuba membuatnya. Dan umur sejarah lebih panjang dari umur manusia.

VI. SYEIKH YUSUF TAJU'L KHALWATI

Tuanta Salamaka disebut di Bugis — Makassar.
Pinra Tomma Oppue disebut di Masenre — Pulu.
Tuan Keramat disebut di Afrika Selatan.
(1626 - 1699)

CATETAN: Sebutan lengkapnya: ASY-SYEIKH AL-HAJJI YUSUF, ABU'L MAHASIN, HADIYATUL-LAH TAJU'L KHALWATI, AL MAQASHARI.
Dilahirkan pada 8 Syawal 1036 (3 Julai 1626) meninggal dunia di tanah pembuangan Tanjung Pengharapan tanggal 23 Mei 1699.

1. Dikenang pada empat negeri.

Apabila sempat saudara melawat ke Sulawesi Selatan, kota Makassar, lanjutkanlah berziarah ke Sungguminasa, 5 km saja jauhnya dari kota Makassar; membeloklah ke sebelah kiri, tidak jauh dari tepi jalanraya, akan saudara dapatilah sebuah makam. Di sana akan saudara lihat orang banyak berkumpul setiap hari. Masuklah ke dalam pekarangan makam itu; meskipun perjalanan saudara ke dalam akan terhambat-hambat oleh banyak orang meminta sedekah, teruskan jugalah ke dalam. Di sana akan saudara lihat sebuah kuburan di sudut sebelah Utara, yang kedua batu nisannya telah berkilat-kilat kerana selalu disiram dengan minyak. Walaupun tempat kuburan itu gelap, tidak banyak masuk cahaya matahari namun di dalamnya telah menjadi terang kerana selalu dipasangi lilin. Penuhlah di atas kuburan itu kembang bunga-rumpai dan kelihatan beberapa orang lebai membaca doa dan orang-orang berganti-ganti masuk, laki-laki perempuan dan anak-anak. Semuanya datang menziarahi kuburan itu, menyampaikan hajat, memohon restu dan meminta berkat. Banyak pula orang masih berdiri di luar menunggu gilirannya, kerana tidak termuat jika masuk berbanyak-banyak. Mereka itu datang dari seluruh pelosok tanah Bugis dan Makassar, sampai ke Selayar di sebelah Selatan dan Mandar di sebelah Utara, sampai juga ke Masenren-pulu yang telah dekat ke tanah Toraja.

Tempat itu ramai tiap hari, setiap masa. Silih berganti orang yang datang, 100 tahun yang lalu, orang datang ke sana dengan

berkuda sekarang datang dengan mobil, namun yang datang belum juga berkeputusan.

Dan apabila saudara melawat ke Afrika-Selatan, ke kota Kapstad, akan saudara dapati pula sebuah kuburan yang seperti itu, diziarahi orang. Sama pula ramainya, melakukan cara-cara menurut kepercayaan setempat.

Dan apabila saudara melawat ke negeri Banten, ke kampung-kampung sekitar Tirtayasa, atau saudara bertanya kepada orang-orang Banten yang sangat cinta kepada sejarah kebesaran mereka di masa yang lampau nescaya salah satu daripada cerita sedih yang akan mereka kisahkan, ialah kisah perang Bapa dengan anak, di antara Sultan Ageng Tirtayasa dengan puteranya Sultan Haji; ayah perang kerana mempertahankan kemerdekaan Banten, kebebasan agama dan adat-istiadat, sedang si anak kerana hasutan yang amat halus dari pihak Belanda.

Dalam cerita itu nescaya akan mereka sebut "Kiyahi Besar" mereka, Guru dari Sultan mereka dan Muftinya, dan juga menantunya, Ulama yang besar dan Agung; Syeikh Yusuf Tajul Khalwati.

Sekali nescaya melawat pula saudara ke dalam Republik Lanka, pulau Sailan, yang disebut dalam sejarah lama orang Arab, pula Serendib. Di sana akan saudara dapati pula masyarakat "Melayu", satu masyarakat kecil (minoritas) dalam Republik yang baru mencapai kemerdekaannya itu. Nama masyarakat "Melayu" menurut istilah lama atas seluruh bangsa kita Indonesia dan Semenanjung, termasuk Singgora, wilayah Siam sekarang. Mereka adalah keturunan pahlawan-pahlawan, bahkan ada keturunan raja-raja besar, yang dibuang kerana kalah dalam mempertahankan tanah airnya dari jajahan Kompeni Belanda. Sampai sekarang, masih terdapat nama-nama Indonesia, seumpama Exellenci Jaya-Wardhana, bekas Menteri pada Kabinet Ceylon dan pernah jadi Duta besar Ceylon di Pakistan. Mungkin nama ini berasal dari keturunan keluarga buangan dari Jawa yang memakai nama "Joyowardhono".

Kepada orang Melayu Ceylon itu cubalah pula tanyakan, nescaya mereka akan menjawab dengan bersemangat, bahawa salah seorang nenek-moyang mereka ialah Syeikh Yusuf Tajul Khalwati, yang telah meneguhkan urat-tunggang Islam dalam jiwa mereka turun-temurun, meskipun mereka hidup dalam negeri Buddha. Nescaya orang Melayu Ceylon akan membuka naskhah-

naskah lama, bahawa Kaisar Hindustan Yang Mulia Aurangzeb Alamgir pernah meminta dengan sangat kepada Kompeni Belanda supaya orang tua itu dipelihara baik-baik, sebab kalau beliau tersinggung tentulah akan menggelisahkan hati Ummat Islam dalam negeri Hindustan.

Di kala penyusun riwayat ini menjadi guru sekolah "Ibtidaiyah & Wustha Muhammadiyah di Makassar" (1932 - 1934), banyaklah penyusun ini mendengar cerita dari mulut ke mulut tentang kebesaran Syeikh Jusuf, baik secara dongeng atau secara yang masuk akal dari sahabat penulis, seumpama Bapa Haji Nusu Daeng Manangkase, H. Sewa Daeng muntu, demikian juga dari keturunan Melayu-Makassar Encik Nuruddin Daeng Magassing almarhum. Maka insafilah penulis akan kebesaran beliau. Tetapi setelah bertahun-tahun di belakang, dengan mempelajari dan membaca riwayat mulut ke mulut dari orang tua-tua Banten, dan kalangan kaum Muslimin Afrika Selatan tentang dirinya, bertambah tariklah penyusun buku ini kepada Peribadi besar itu. Dan dalam tahun 1955 bersama-sama dengan saudara Nazaruddin Rakhmat, berkesempatanlah penyusun ziarah ke Goa. Di sana dapatlah sebuah buku yang sangat berharga, iaitu kumpulan risalah-risalah Syeikh Yusuf yang disimpan dengan sangat khushyuk di Goa, dipandang sebagai pusaka keramat. Setelah membaca buku ini, yang penuh berisi ajaran-ajaran beliau tentang Tasauf, bertambahlah besarnya Syeikh Yusuf dalam pandanganku. Yakni setelah dilepaskan peribadi itu daripada "bungkusan" dongeng penduduk.

2. Asal-usul dan nama lengkap Syeikh Yusuf.

Nama kecil beliau "Muhammad Yusuf". Sebutan lengkapnya ialah: Asy-Syeikh Al-Hajji Yusuf, Abu'l Mahasin, Hadiyyatul-Lah Taju'l Khalwati, Al-Maqashari.

(Syeikh Haji Yusuf, yang empunya berbagai macam kebajikan, Anugerah Allah, Mahkota Khalwatiyah, anak Makassar).

Gelar Syeikh diterimanya menurut tradisi ahli Tasauf setelah beliau diberi keizinan oleh Gurunya mengajarkan tarekat kepada orang lain.

Gelar Haji kerana dia telah selesai mengerjakan rukun kelima.

Abu'l-Mahasin adalah kuniat (gelar kehormatan) bila usia sudah agak tinggi. Sebagai diberikan kepada Sultan-sultan Banten: Abu'l Mafakhir, Abu'l Fatah, Abu'l Ma'ali, atau kehormatan

kerana telah beroleh putera (seumpama Abu Bakar, ayah si gadis), atau mempunyai kesukaan istimewa, sebagai sahabat Nabi yang berkuniat Abu Hurairah (Bapa si kucing).

Atau disesuaikan dengan namanya yang asli. Hal itu terdapat dalam tradisi menyesuaikan nama dengan gelar yang masih terdapat di Makassar sampai sekarang. Seumpamanya "Bebasa Daeng Lalo".

Bebasa ertinya Bebas! Daeng ertinya Tuan dan Lalo ertinya lalu; iaitu lalu saja tidak terhambat-hambat, sebab dia bebas. Atau Andi Sultan Daeng Raja; sudah sama diketahui maksud menyesuaikan nama si Sultan dengan gelar Raja.

Maka mungkin benar kuniat Syeikh Yusuf ABU'L MAHASIN disesuaikan dengan nama Yusuf. Sebab nama itu diambil berkat daripada nama Nabi Yusuf yang terkenal cekap dan bagus rupanya dan baik lakunya. Maka berbagai kebajikan dan keindahan itu kata-banyak (jamak)nya ialah MAHASIN.

Kemudian setelah beliau lulus dan mencapai darjat yang tinggi dalam Ilmu Tasauf, terutama dalam Tarikat Khalwatiyah, gurunya memberinya gelar "Taju'l Khalwati"; Mahkota daripada Tarikat Khalwatiyah, ditambah lagi dengan sebutan HADIYYATUL-LAH; Anugerah Allah! Pemberian "luqab" yang demikian bukanlah dengan sembarangan. Mungkin beliau telah pernah mencapai (Wushul) dalam Khalwatinya, pernah merasa Fana ke dalam Baqanya Ilahi!

Dan "Al-Maqashari" ialah tanah asal kelahirannya: Makassar.

3. Masa Kelahirannya.

Dalam catetan orang Makassar Syeikh Yusuf dilahirkan pada 8 Syawal 1036, bertepatan dengan 3 Julai 1626.

Dalam sejarah Bugis dan Makassar Agama Islam dipeluk dengan rasmi oleh Kerajaan Goa dan Tallo ialah pada tahun 1603, yang membawanya ialah tiga orang Guru (Datu) dari Minangkabau, Datu Tiro, Datu Ri Bandang dan Datu Patimang.

Sebelum itu di Junpandang (Makassar) sendiri sudah ada juga orang Islam iaitu orang-orang yang menyingkirkan diri dari Melaka, setelah Melaka dirampas Portugis (1511). Dan sebelum itu dua agama telah mencuba hendak merebut hati Raja-raja Goa dan Tallo, memeluk agama Kristian-Katolik sebagai Raja-raja di Flores

dan Jailolo, atau memeluk Islam di bawah pimpinan Kerajaan Islam Ternate.

Tetapi Raja-raja Goa dan Tallo tak mau memeluk Kristian sebab benci kepada Portugis, dan tak mau memeluk Islam dengan perantaraan Sultan Ternate, takut kalau-kalau negerinya kelak hanya menjadi vazal boneka saja dari Ternate, tetapi setelah datang tiga orang Guru dari Sumatera (Minangkabau) yang jauh itu, yang tidak menaruh maksud-maksud politik untuk mempengaruhi, dengan sukarela Raja-raja Goa dan Tallo menerima Islam.

Maka dengan pimpinan ketiga guru besar itu, yang disebut juga DATU, ertinya dukun sakti, Raja-raja Goa dan Tallo dan orang-orang bangsawannya memeluk Islam dan memperdalam pengetahuannya tentang Islam. Terutama Datu Tiro yang tinggal menetap di Goa — Tallo dan Datu Patimang menyiarkan Islam ke bahagian tanah Bugis dan Datu Ri Bandang melawat sampai juga ke Sumbawa dan Bhima.

Dari keluarga bangsawan-bangsawan Goa dan Tallo itulah Mohammad Yusuf dilahirkan. 23 tahun setelah keluarga Kerajaan dengan rasmi memeluk Islam.

Dari kecil dia telah diajar hidup secara Islam, belajar Al-Quran sampai khatam, kemudian melanjutkan mempelajari Fiqhi dan Ilmu-Bahasa Arab (nahwu, saraf, ma'ani dan lain-lain). Tetapi perhatiannya yang terutama tertumpah ialah kepada Ilmu Tasawuf.

Seketika itu Kerajaan Goa kian lama kian naik bersemarak, terutama di zaman pemerintahan Sultan Hasanuddin, dan ketika itu pula Kompeni Belanda mulai mengembangkan sayap penjajahan di Indonesia bahagian Timur.

Terasalah olehnya dan oleh guru-gurunya bahawa dia perlu melanjutkan menambah pengetahuan agama Islam keluar negeri. Menemui Ulama besar-besar dan masyhur, di mana saja mereka berada dan pergi menunaikan rukun Islam kelima. Goa memerlukan seorang Ulama besar yang kelak kemudian hari akan menjadi pemimpin keagamaan dalam seluruh negeri Bugis dan Makassar (Junpandang). Maka berangkatlah beliau meninggalkan pelabuhan Tallo pada tanggal 22 September 1645, menumpang sebuah kapal dagang kepunyaan Portugis. Maka berlayarlah kapal itu menuju pelabuhan Banten.

Hubungan antara Makassar dengan Banten dan Aceh, sebagai Negara-negara Islam penangkis serangan Portugis dan Kompeni Belanda, sangatlah mesranya pada waktu itu. Syeikh

Yusuf di Banten tidak merasa dirinya orang lain. Malahan dia dihormati tersebut ilmu pengetahuannya. Waktu dia singgah itulah dia bersahabat dengan Putera Mahkota yang kelak akan menjadi Sultan Banten, dan yang kelak akan terkenal sebagai Sultan Ageng Tirtayasa.

Setelah beberapa lama di Banten, diteruskannya pelayaran menuju Aceh. Di sanalah dia menemui Ulama Besar Aceh pada waktu itu, yaitu Syekh Nuruddin Ar-Raniri, pada zaman pemerintahan Ratu Tajul Alam Shafiyatu'ddin Shah. Iaitu puteri dari Sultan Iskandar Muda, dan janda dari Almarhum Iskandar Stani. Daripada Syekh itu dia mendapat ijazah dalam tarikat Al-Qadiriyyah. Dari Aceh terus berlayar menuju negeri Yaman. Dan diterimanya pula di sana ijazah tarikat Naqsyabandiyah daripada Syekh Abi 'Abdillah Muhammad Abdul Baqi. Kemudian dia terus ke Zubaid dalam negeri Yaman juga, dan diterimanya pula di sana ijazah tarikat "Assadah Al-Ba'alawiyah" daripada Sayid 'Ali. Dari sana dia pun meneruskan pelayaran ke Mekah, menunaikan fardu Haji. Setelah selesai Haji diteruskannya ziarah ke kuburan Rasulullah di Madinah-Munawwarah. Di sana dia menuntut ilmu dan menerima ijazah tarikat Syattariyyah daripada Syekh Burhanuddin Al-Mulla bin Syekh Ibrahim bin al-Husain bin Syihabuddin Al-Kurdi Al-Kaurani Al-Madani. Dari Madinah dilanjutkannya perjalanannya ke negeri Sham (Damaskus). Di sanalah dia belajar dan mengambil ijazah pula tentang tarikat "Khalawatiyyah" daripada Syekhnya Syekh Abu'l Barakat Ayub bin Ahmad bin Ayub Al-Khalwati al-Qurasyi. Syekh itu adalah Imam pada mesjid Syekh Al-Akbar Muhyiddin Ibnu Arabiy di Damaskus. Gurunya inilah yang memberinya gelar "Taju'l Khalwati Hadiyatu'Lah. Mungkin gelar itu diberikan setelah melihat kemajuan-kemajuan rohani yang telah dicapainya dalam melakukan suluk. Dan dalam risalahnya yang bernama "Safinat an-Najaat" ditulisnya silsilat (salasiah) penerimaan tarikat itu satu demi satu. Sejak dari gurunya sampai ke atas, sampai kepada Rasulullah. Dan dikatakannya pula bahwa selain dari yang lima itu, diapun mempelajari tarikat "Dasuqiyah", "Syaziliyyah". "Hasytiyyah", "Rifa'iyah", "Al-Idrusiyah", "Ahmadiyah", "Suhrawardiyah", "Maulawiyah", "Kubrawiyah", "Madariyyah", "Makhdumiyah", dan lain-lain.

Tentang gurunya Syekh Nuruddin Ar-Raniri di Aceh itu dia berkata: "Adapun silsilat (salasiah) khilafat sadaat Al-Qadiriyyah, maka saya ambil daripada Syekhku dan sandaranku; yang alim

lagi Utama. Yang Arif lagi sempurna, yang mengumpulkan ilmu syariat dan hakikat, yang menyelidiki ma'rifat dan tarikat. Tuanku dan Guruku Syeikh Muhammad Jailani yang lebih terkenal dengan sebutan Syeikh Nuruddin bin Hasanji bin Muhammad Hamid Al-Qurasyi Ar-Raniri; semoga Tuhan mensucikan roh beliau dan memberi cahaya puseranya”.

Ada cerita yang menerangkan bahawa perjalanan itu diteruskannya juga ke Stambul. Maka seketika pulang, dia telah menjadi Guru yang besar.

4. Pulang ke Makassar.

Menurut satu riwayat: Setelah merasa perjalanan itu berhasil baik, beliau pun pulang ke tanah air. Tetapi sayang, sesampai di kampung didapatinya Goa tidak Goa yang dahulu lagi. Peperangan Hasanuddin dengan Belanda dan berpihaknya Aru Palaka kepada Kompeni, dan perjanjian Bongaya yang terkenal, di antara Sultan Hasanuddin dengan General Speelman, menyebabkan kemerdekaan Goa telah terbatas.

Meskipun Kerajaan Goa masih ada, namun Belanda telah berkuasa di dalam kota Makassar dan telah mendirikan bentengnya yang kuat.

Jika orang lain meninjau hal itu dari sudut pandangan politik, maka Tuan Syeikh melihatnya dari sudut Ilmu Kerohanian. Kerusakan negara bukanlah semata-mata kerana serangan musuh dari luar, melainkan akhlak ummatlah yang telah rosak binasa. Demikian pendapat beliau.

Dia telah melihat Yaman, Hejaz dan Sham (Damaskus) dan telah melihat Istanbul juga. Islam masih baru dalam negerinya, belum cukup seratus tahun. Raja-raja mestilah bersungguhsungguh dan berusaha sekeras-kerasnya memasukkan pengaruh Islam ke dalam hati anak-negeri. Perbuatan yang munkar mesti dibenteras dengan kuasa raja. Tetapi sayang dilihatnya anak raja-rajalah yang menjadi pangkal perbuatan maksiat.

Kebiasaan mengadu ayam masih berlaku sebagai pada zaman Jahiliah. Anak Makassar masih belum dapat meninggalkan kebiasaan minum “ballo”, iaitu tuak! Dan orang berani bermain judi di gelanggang ramai!

Pernahlah disampaikannya permohonannya kepada Raja supaya dengan kuasa baginda, adat kebiasaan yang buruk itu

dilarang. Dia menghadap sendiri ke istana. Dia tidak segan menyampaikan kepada Raja. Pertama kerana dia masih keluarga Kerajaan. Kedua pengaruhnya kepada Umat telah mulai besar, kerana sejak dia di luar negeri namanya sudah harum juga sampai ke kampung.

Maka terjadilah perbezaan pandangan antara beliau dengan Raja dalam soal itu. Raja menjawab, bahawa baginda tidak dapat sekali gus menghapuskan kebiasaan buruk itu. Kata Baginda: "Meminum ballo" adalah menimbulkan kegagahan dan keberanian berperang! Senantiasa melihat ayam berlaga dan mati berdarah kerana tajinya, menghilangkan rasa ngeri dan mabuk melihat darah! Dan judi diizinkan di balai dan gelanggang supaya gelanggang itu jadi ramai dan pemuda siap selalu apabila titah datang".

Syeikh menyatakan pula terus terang pendapatnya dari sudut pandangan kerohanian: "Inilah pangkal kejatuhan Goa! Goa akan hancur pecah berderai laksana pekapuran ini". Kata beliau sambil menghempaskan tempat kapur sirih beliau dari tangannya ke lantai hingga hancur.

Demikian cerita orang tua-tua di Makassar.

Setelah diberinya ijazah kepada beberapa orang muridnya, di antaranya Syeikh Nuruddin Abu'l Fatah Abdul Bashir Adh-Dharir (buta) Ar-Rafani* (orang Rapang, Bugis), dan muridnya pula Abdul Qadir Karaeng Majeneng, maka minta izinlah dia meninggalkan Makassar, dan meskipun bagaimana ditahani, tidak mau ditahan lagi. Berangkatlah dia ke Banten! Sebab di sana banyak pula muridnya yang telah pernah belajar kepadanya tatkala dia di Mekah.

Menurut riwayat yang lain dan yang lebih tersiar, bahawasanya setelah Syeikh Yusuf meninggalkan Makassar yang pertama, beliau tidak pernah pulang lagi ke Makassar. Setelah mengembara ke negeri-negeri yang jauh itu, setelah beliau turun kembali ke tanah air, tidaklah beliau pulang ke Makassar, tetapi beliau telah menetap di Banten.

*Beliau ini buta, sebab itu diujungnya namanya dengan "Adhu-Dharir" tetapi diberi dia nama oleh gurunya Abdul Bashir (Hambar dari Yang Maha Melihat) dan diberi gelar "Abu'l Fath", ertinya orang yang terbuka hatinya, dan diberi pula gelar kemuliaan Syeikh Nur'uddin, ertinya tuan Syeikh Cahaya Agama, Ar-Rafani, ertinya orang Rappang. Sebuah kota kecil di pedalaman Bugis 30 Km dari kota Pare-Pare sekarang ini.

Golongan yang memegang pendapat ini berkata, bahawasanya soal-jawab di antara Syeikh Yusuf dengan Raja Goa itu terjadi adalah sebelum beliau berangkat meninggalkan kampung halaman. Iaitu di waktu usianya masih muda. Kesedihan hatinya kerana segala usulnya ditolak itulah yang menyebabkan dia berangkat dan tidak mau pulang lagi. Atau kewajiban-kewajipannya yang berat setelah menjadi Mufti negeri Banten, menyebabkan tidak ada tempo lagi bagi beliau waktu buat pulang atau berziarah ke Makassar. Sungguhpun demikian, kasih-sayangannya ke negeri tumpah-darahnya itu tidaklah berkurang, sehingga dua orang muridnya yang terkenal dari Bugis dan Makassar telah menyiarkan tarikatnya di negeri itu, setelah belajar kepada beliau di Banten dan di Sailan. Seorang bangsawan iaitu Abdulhamid Karaeng Karunrung dan seorang Ulama yang buta, yang disebut di dalam sejarah Islam di Bugis dengan nama "Tuan Rappang".

Dalam hal ini samalah jalan sejarah beliau dengan Tuan Syeikh Ahmad Khathib Al-Minangkabauwiy yang bermukim di Mekah sejak beliau menginjak tanah suci itu, dan tidak pulang-pulang lagi ke tanah air. Tetapi meskipun beliau tidak pulang-pulang lagi, namun cintanya kepada tumpah darah itu tidak berkurang, sehingga dikirimnya pula berpuluh-puluh muridnya ke kampung halaman buat kemudian menjadi Ulama-ulama Islam yang ternama di Sumatera Barat.

Cerita ini saya terima dari bapa H. Yunus Daeng Manangkasi di Sungguminasa Goa.

5. Perkembangan di Banten.

Sampai di Banten, didapatinya Sultan Ageng Tirtayasa telah naik takhta, menggantikan ayahnya Sultan Abul Ma'li Rahmat Rahmatullah. Gelar rasmi Sultan Ageng Tirtayasa ialah Abu'1 Fat'h Abdul Fattah (1651 - 1692).

Sangat terbuka fikirannya di tempat kediaman yang baru itu. Perhatian orang kepada Agama pada masa itu, lebih mendalam di Banten daripada di Makassar. Dan meskipun Jakarta telah terpisah dari Goa, namun Banten masih bebas dan berdaulat. Agama Islam di Banten pun jauh lebih tua daripada di Makassar dan jauh lebih mendalam. Orang-orang Alim dari luar negeri, sebagai dari Mekah, Turki dan Mesir lebih banyak datang ke Banten.

Sultan Ageng sendiripun besar perhatiannya kepada Agama Islam dan sangat tertarik kepada Tasauf. Maka tidaklah heran jika Syeikh Yusuf sangat dihormati dan disayanginya. Sebab jarang Ulama yang sebesar dan seluas itu pengetahuan dan pandangan hidupnya. Demikian rapat hubungan mereka, sehingga beliau diambil baginda menjadi menantunya.

Kian lama kian masuklah Syeikh Yusuf ke dalam percaturan politik dan agama di Banten. Beliau diangkat menjadi Mufti Kerajaan Banten dan menjadi penasihat pula dalam urusan pemerintahan. Apatah lagi ada pula kelebihan lain yang istimewa pada suku Makassar, dan terdapat pula pada diri beliau, iaitu keahlian dalam peperangan. Pada masa itu jugalah Karaeng Galesong dari Goa datang ke Madura, menjadi menantu pula dari Trunojoyo, yang kemudian memberontak melawan Amangkurat II dari Mataram.

Baginda Sultan amat ingin agar Banten menjadi Kerajaan Besar, menjadi Pembela Agama Islam dan Penyiarnya. Menentang kekuasaan Belanda dan membendung keinginan mereka menaklukkan seluruh Tanah Jawa sebagaimana yang telah mereka lakukan di Jawa Tengah.

Kerana keinginannya agar Banten menjadi sebuah negeri yang maju, diangkatlah Putera Mahkota menjadi Sultan Muda, dengan gelar Sultan Abu'n-Nashar Abdul Kahar diberinya kekuasaan lebih luas, dan disuruhnya meluaskan pandangan keluar negeri, naik Haji ke Mekah, ziarah ke Madinah dan terus ke Istambul membuat hubungan yang lebih rapat dengan Sultan Turki (1671).

Setelah setahun lebih di luar negeri, Sultan Muda Abdul Kahar yang sejak itu terkenal dengan sebutan Sultan Haji pun pulanglah. Tetapi sayang, dalam sebentar waktu saja sudah kelihatan bahawa sikap dan tindak tanduknya sangat jauh dari apa yang diharapkan oleh ayahnya. Hanya kepalanya yang memakai serban. Hatinya telah jauh lebih condong kepada Belanda. Dia lebih senang bergaul dengan orang kulit putih. Kian lama kian nyata keinginannya hendak mengambil seluruh kekuasaan dari tangan ayahnya. Dahulu Sultan muda berkuasa di bawah kuasa ayahnya. Kata terakhir tetap di tangan ayah. Tetapi sejak Sultan Haji pulang dari Mekah, kekuasaan atas Banten telah terbagi dua. Sebahagian dipegang oleh Sultan Haji, berpusat di ibu kota, dan sebahagian lagi dipegang oleh Sultan Ageng, berpusat di Tirtayasa. Adapun rakyat banyak lebih lekat hatinya kepada Sultan tua, kerana nyata bahawa si anak

mendurhaka. Dan Baginda dibantu oleh puteranya yang kedua Pangeran Purbaya bersama dengan Syeikh Yusuf yang telah menjadi keluarga istana, sebab kawin dengan puteri Sultan.

Tidak ada jalan lain bagi Sultan Haji hanyalah mencari sandaran kepada Belanda. Bertambah simpati rakyat kepada ayahnya, bertambah terpencil dia seorang diri, bertambah pula pengaruh orang-orang besar pengambil muka yang selalu mendorong baginda supaya jauh dari ayah, jauh dari rakyat dan dekat kepada Belanda. Dan bagi Belanda inilah kesempatan yang sebaik-baiknya untuk menghancurkan-leburkan Kerajaan Islam yang Besar itu. Kalau ini dilepaskan, payah akan bertemu kesempatan sebegini.

Akhirnya terjadilah perang. Sampai dua kali tentera Sultan Ageng dapat mengepung kota Banten, dan nyaris Sultan Haji tertawan oleh ayahnya. Pada waktu itulah Sultan Haji meminta bantuan kepada Belanda di "Batavia", sehingga kepungan itu dapat diusirnya. Bertambah kokohnya kekuatan Belanda atas Sultan Haji, sehingga dia tidak dapat melepaskan diri lagi. Dan bagi Sultan Ageng tidak ada pula lain jalan, melainkan meneruskan perang. Sebab Baginda yakin bahawa dia bukan berperang dengan puteranya, melainkan dengan Belanda. Sultan Haji hanya semata-mata dijadikan perisai saja. Demikian besar pengaruh Belanda atas dirinya, sehingga akhirnya Belanda memaksanya mengusir sekalian bangsa kulit-putih yang lain, Inggeris, Perancis, Denmark dan Portugis; Bantuan askar Belanda ditambah dengan satu pasukan, orang Ambon di bawah pimpinan Kapten Jonker. Maka bertemulah tentera Sultan Ageng yang berinti pasukan Makassar di bawah pimpinan Syeikh Yusuf sendiri, dengan pasukan Ambon di bawah pimpinan Kapten Jonker. Kerana keras desakan dan lengkap alat senjata, tentera baginda terpaksa mengundurkan diri ke Cipontang dan Cisdane. Akhirnya Jonker mengadakan serangan penghabisan yang lebih hebat, sehingga Tirtayasa sendiri Markas Besar Sultan dapat dikepung. Sebelum tentera itu memasuki kota, Sultan telah memerintahkan membakar istananya, sehingga seketika tentera Sultan menarik diri dan tentera Jonker masuk, yang didapatinya hanya abu dan puing belaka. Jatuhnya Tirtayasa ialah pada tahun 1682.

Setelah mengundurkan diri lebih ke dalam, masih sempat Sri Sultan meneruskan perjuangan setahun lamanya. Tetapi kerana

peralatan telah habis, maka setahun kemudian (1683) Sultan pun menyerahkan diri kepada puteranya yang durhaka itu (pada lahir), dan kepada Belanda (pada batin). Bersama dengan baginda, menyerah pulalah Syekh Yusuf, dan tinggallah putera Sultan yang lebih muda, iaitu Pangeran Purbaya melanjutkan perjuangan. Beliau, Sri Sultan diasingkan ke Jakarta dan hidup di sana memakai gelar Pangeran Tirtayasa, sampai beliau wafat pada tahun 1695, iaitu di zaman Banten diperintah oleh cucunya, Pangeran Dipati bin Sultan Haji yang memakai gelar Sultan Abu'l Mahsin Muhammad Zainal Abidin (1690 - 1733), yang memerintah menggantikan saudaranya Pangeran Ratu, yang diberi gelar Sultan Abu'l Fadhal Muhammad Yahya (1687 - 1690). Jenazah Sultan Tua itu dibawa dari Betawi ke Banten dan dimakamkan di Tirtayasa.

Adapun Syekh Yusuf, setelah ditangkap bersama Sultan yang dicintainya itu, tidaklah lama ditahan, lalu dibuang pada tahun itu juga ke negeri Ceylon. Kerana rupanya Belanda insaf benar bahawa inilah biang keladi sebenarnya dari perlawanan Banten.

Setelah Sultan Tua ditawan dan Syekh Yusuf dibuang, maka pada tahun 1684, Kompeni membuat perjanjian dengan Sultan Haji, bahawasanya Banten tidak boleh berniaga langsung lagi ke Maluku, dan harus melepaskan Cilegon. Ertinya dengan naiknya Sultan Haji, Banten tidak merdeka lagi. Hanya 3 tahun saja kemudian, baginda pun wafat kerana tekanan batin yang sangat dalam* iaitu tahun 1687.

*Menurut cerita mulut ke mulut orang tua-tua di Banten, bila Sultan Tua duduk dengan pengikut-pengikutnya yang setia, kerap baginda berkata: "Itu bukanlah anakku si Kahar! Si Kahar anakku, telah lama mati. Yang kita hadapi sekarang bukan si Kahar, tetapi Belanda". Perkataan hiba-bati yang demikian, diterima oleh orang Banten menjadi kepercayaan. Sehingga orang tua-tua di Banten yakin benar bahawa yang berperang dengan Sultan Ageng itu bukanlah Sultan Haji puteranya, sebab dia telah "mati" di Mekah! Yang menjadi "Sultan Haji" itu ialah seorang Belanda yang persis rupanya dengan Sultan Haji! Perkataan dan kepercayaan demikian boleh disebut "dongeng",..... tetapi itulah keadaan yang sebenarnya!

Sebagai juga dongeng "Perang Paderi" atau "Perang Aceh", bahawa Belanda menampakkan meriam berpelurukan ringgit kepada parti pertahanan mereka. Maka adalah orang yang meruntuhkan sendiri parti-rintang bentengnya itu, kerana hendak mengambil ringgit. Itupun adalah "dongeng", tetapi dongeng yang benar!

Fahamkanlah! Bangsa Indonesia memang pandai memilih kata-kata yang berkias....!

6. Syekh Yusuf di negeri Ceylon.

Ketika diasingkan itu usia beliau 57 tahun.

Di tempat kediaman baru, berhentilah kehidupan politik beliau yang penuh pengalaman dan penderitaan itu. Tetapi dapatlah beliau kembali kepada pangkalan jiwanya yang asal; Ilmu Tasauf, apatah lagi usia telah lanjut. Bagi seorang Mukmin yang telah terlatih, semua corak hidup adalah bahagia belaka. Inilah kesempatan memperbanyak zikir, menajat, tafakkur, mengarang dan mengajar.

Saat-saat yang penting bagi perkembangan jiwa beliau, di Ceylon inilah. Di sanalah beliau dapat menyusun pelajaran Tasauf yang lebih mendalam dan mengarangnya.

Di dalam satu karangannya yang bernama "Safinat An-Najaat" (Bahtera Kelepasan), berkatalah beliau: "Amm Ba'du, (adapun kemudian daripada itu), berkatalah penulis huruf-huruf ini, semoga Allah memberi bantuan dengan pertolongan dan dipelihara Allah kiranya dia dari awal sampai ke akhir; tatkala Takdir Ilahi Yang Azali telah menarik ubun-ubunku, dan kehendak Rabbani di zaman dahulu telah menghalauku, sehingga aku sampai ke negeri Ceylon, iaitu tempat turunnya Bapa kita Adam dari dalam syurga, iaitu pulau Serendib, tempat terbuang orang yang dipandang bersalah dan tempat berlindung orang merantau, maka kuharapkanlah daripada Allah Yang Maha Mulia, adalah sebagai menerima pusaka daripada Adam 'Alaihis-Salam; dan hal yang demikian tidaklah sukar bagi Tuhan. Sebab Dialah Yang Maha Kuasa, Maha Dermawan dan..... Maha memberi anugerah, dan kurniaNya meliputi segala. Maka setelah beberapa lamanya, dapatlah saya berkumpul dengan teman-teman, dan hilanglah segala penghalang, sehingga dapat berkumpul dengan seorang Alim Pendita yang bijaksana, yang mengumpulkan ilmu lahir dan ilmu batin, mengumpul akan segala budi pekerti yang baik dan sopan-santun tinggi, temanku yang utama di antara segala sahabat pada jalan Allah, tolan yang sangat kukintai dalam menuntut inti-sari Ketuhanan, yang tidak cukup kita buat memujinya, iaitu Sidi dan Maulaya Syekh Abil Ma'ani Ibrahim bin Mukhan".

Melihat kepada susun tulisan itu nyatalah bahawa tidak bera- pa lama sesampai di Ceylon dia telah dapat berhubungan dengan seorang Ulama Tasauf yang lain, Syekh Ibrahim bin Mikhan berbangsa Hindustan. Bahasa Arab sebagai bahasa penghubung

utama telah mempertautkan kepada orang Sufi itu. Maka Syeikh Ibrahim bin Mikhan telah meminta kepada beliau supaya beliau mengarang sebuah risalah untuk memberikan pimpinan tentang Kaifiyat Tasauf dan mencari Syeikh yang mursyid.

Dalam Kitab itu Syeikh Yusuf menyatakan bahawa ilmu beliau tentang itu tidaklah dalam. Memang demikianlah kebiasaan tawadukh orang-orang yang disebutkan Ahul-Lah; yang seorang mengatakan dirinya kurang daripada yang lain. Padahal kalau bukanlah martabat Syeikh Yusuf lebih tinggi, nescaya tidaklah Syeikh bangsa Hindustan itu akan meminta supaya dia mengarang buku demikian.

Rupanya setelah sampai di tempat pembuangan itu, selain daripada mengajar dan memimpin murid-muridnya sendiri yang sama-sama terbuang dengan dia, beliau pun mengajar pula orang lain yang didapatinya di Ceylon, dan berhubungan dengan Ulama-ulama Tasauf yang ada di sana. Dan setelah jauh dari kampung halaman, teringatlah selalu tanah tumpah-darah, padahal badan diri tidak dapat kembali ke sana lagi. Maka dikirimnyalah risalah-risalah itu kepada bekas murid-muridnya yang ada di Makassar ataupun di Banten, dengan perantaraan orang-orang Haji yang singgah di Ceylon, seketika pulang dari Mekah.

Karangannya itu disalin oleh murid-muridnya di Makassar, di antaranya ialah muridnya Jami'uddin bin Thalib Al-Maqashari At-Timi Al-Khalwati, ialah:

1. At-Tuhfatus-Sailaniyah.
2. Al-Hablu'l Warid
3. Surat kiriman kepada Abdulhamid Karaeng Karunrung.
4. Tuhfatu'l Labib.
5. Safinat An-Najat.
6. Zubbatu'l Asrar dan
7. Tuhfatur-Rabbaniyah.

Besar kemungkinan bahawa ada pula risalah yang dikirimnya ke Banten, entah ada pula simpanan yang "dibungkus kain kuning" di Banten dan dikeramatkan, belumlah kita tahu.

Bila ada orang Makassar, Banten atau Aceh naik Haji atau pulangnya, berhenti juga kapal mereka di Ceylon buat melengkapkan bekal belayar, dan mereka perlukan juga singgah menghadap beliau, meminta berkat ilmunya dan memohon ijazah tarikatnya. Dan bukan orang kita saja muridnya, bahkan Muslim Hindustan

pun telah dapat belajar, sehingga masyhur pulalah nama beliau sampai ke dalam Kerajaan Hindustan sendiri di Dehli Agra. Nama beliau pun akhirnya terdengar juga oleh Kaisar Aurangzeb Alamgir (1659 - 1707 M.) bertepatan dengan tahun (1609 - 1119 H.). Baginda pun terkenal seorang Sultan yang mencintai Ilmu Tasauf dan hidup dalam kesederhanaan dan mempelajari Kitab Ihya Ulumuddin karangan Imam Ghazali. Sangatlah besar perhatian Baginda kepada Tuan Syeikh, sehingga pernah diberinya peringatan kepada wakil Kompeni Belanda di Ceylon supaya Kehormatan Peribadi Tuan Syeikh itu dipelihara, sebab Baginda sangat gelisah jika beliau terganggu dan terhina.

7. Dipindahkan ke Tanjung Pengharapan.

Susah juga Kompeni Belanda memikirkan orang tua ini! Dipindahkan ke Ceylon bukan menyebabkan dia hilang, melainkan bertambah terang bintangnya. Jarang orang Haji yang pulang dari Mekah yang tidak membawa bisik ajaran beliau. Padahal dengan turunnya Sultan Ageng Tirtayasa dari singgahsana Banten, belum-lah bererti bahawa politik Banten telah selesai. Sultan Haji hanya tiga tahun saja duduk di atas takhta Kerajaan. Pada tahun 1687 dia mangkat dalam tekanan batin yang amat sangat. Puteranya Abu'l Fadhal Muhammad Yahya hanya duduk di atas takhta tiga tahun pula (1687 - 1690). Pangeran Purbaya yang tidak kuat lagi meneruskan perjuangan ayahnya, telah mengirim utusan kepada Kompeni menyatakan hendak menyerah, lalu dikirim si Untung Surapati menjadi utusan menemui Purbaya dan menerima pengerahan itu. Tetapi si Untung Surapati merasa dihina, sebab dikirim lagi seorang Opsir Belanda, kerana kata Opsir itu Surapati tiada layak menerima keris Pangeran Purbaya alamat menyerah, sebab dia asal budak dan bukan berkulit-putih. Surapati pun merasa dihina dan belot, lalu berontak. Di tahun 1686 datang pula Raja Iskandar, Yang Dipertuan Minangkabau, diadakannya perhubungan rahsia dengan Sultan Aceh, Susuhunan Mataram, Raja Kalimantan dan Andalus Timur supaya bersyarikat melawan Belanda dan meninggikan bersama semarak Islam. Yang Dipertuan itu mencuba mengancam kedudukan Belanda di Banten. Tetapi gagal!

Terfikirlah oleh Belanda, bahawasanya salah satu sumber yang penting dari pergolakan ini bukanlah di Jawa atau Sumatera atau Sulawesi tempatnya, melainkan jauh di luar negeri, iaitu di Pulau

Langkapuri; pada diri orang tua yang hanya memegang tasbih dalam tangannya itu, tersimpan kekuatan yang lebih tajam daripada pedang.

Tiada jalan lain; orang tua ini mesti disingkirkan ke tempat yang lebih jauh lagi. Ke tempat yang tidak akan dapat didatangi oleh orang naik Haji, ke daerah kekuasaan Belanda yang sebuah lagi. Tanjung Pengharapan — Afrika Selatan.

Maka pada tahun 1694 dijalankanlah keputusan itu. Dan usia beliau seketika dipindahkan ke Cape Town itu ialah 68 tahun. Beliau dibuang ke sana bersama dengan kedua isteri dan anak-anaknya, diiringkan oleh 94 orang pengiring dan murid-murid. Dan politik terhadap dirinya dirubah daripada yang dilakukan masa di Ceylon, iaitu tidak begitu dibesar-besarkan lagi. Gabenor Belanda di Cape Town seketika itu adalah Adriaan van der Stel menentukan tempat tinggal beliau di desa pertanian Zandfliet.

Di sana pun telah ada orang Islam, tetapi jumlahnya masih kecil. Terdiri daripada orang-orang Arab, Hindustan dan lain-lain yang datang berniaga, ditambah dengan orang-orang Indonesia (Melayu) yang telah dibuang terlebih dahulu. Kedatangan beliau pun telah memberikan semangat kepada kaum Muslimin itu. Beliau langsung memberikan tuntunan agama bagi mereka, sampai masyarakat itu tersusun menjadi "Jamaah" yang beliau sebagai "Imam"nya. Empat orang murid diberinya didikan istimewa, dengan harapan akan menggantikannya esok, bila datang waktunya beliau dipanggil Tuhan ke hadiratnya.

Demikianlah, lima tahun pula beliau berdiam di Tanjung Pengharapan itu, maka tibalah waktunya, datang kepada beliau panggilan Ilahi yang ditunggu oleh setiap orang yang bernyawa. Maka pada tanggal 23 Mei 1699 wafatlah beliau di Eerste Rivier, pertanian kepunyaan Paderi Galden, dalam usia 73 tahun.

8. Mempunyai dua Kuburan.

Khabar meninggal beliau segera disampaikan ke Ceylon, Banten dan Makassar. Diterima khabar itu di negeri-negeri tersebut dengan amat dukacita. Maka atas desakan orang besar-besar dan Ulama-ulama Kerajaan Goa, Raja Goa meminta kepada Pemerintah Belanda supaya jenazah Tuan Syeikh itu dikirimkan ke tanah tumpah-darahnya, supaya dikuburkan menurut upacara adat-istiadat dan akan menjadi tempat makam ziarah bagi rakyat,

kerana pelajarannya kian tersiar. Oleh kerana desakan itu, akhirnya Kompeni Belanda, terpaksa mengabulkan juga, lalu dibawalah peti jenazah beliau dengan kapal dari Cape Town. Maka pada hari Jumaat tarikh 22 haribulan Zulq'adah 1113 Hijrah, bertepatan dengan 23 Mei 1703 Miladiyah, dimakamkanlah tulang-tulang beliau di Jongaya dengan serba kebesaran dan kekhusyukan.

Tetapi suatu kenyataan ialah bahawa makam beliau di Cape Town pun sampai sekarang masih berdiri dengan teguhnya, masih dizarahi dan dikeramatkan. Lebih bagus daripada di Jongaya. Disebut Maqam "Tuang-Kramat". Oleh sebab itu tetaplah jadi pertikaian orang; kata setengah orang, hanyalah tanah perkuburannya saja yang dibawa ke Makassar. Kata setengah orang, memang tulang-tulangnya. Maka ada pula orang yang berkata bahawa yang dibawa itu adalah tulang orang lain. Sebab orang Islam di Cape Town tidak sudi memberikan. Maka tidaklah ada di antara kita yang menggali kedua kuburan itu buat meyakinkan di mana yang sebenarnya tulang itu, di Cape Town atau di Makassar. Sebab perubahan cara kita berfikir setelah faham Tauhid bertambah mendalam, tidaklah memperdulikan lagi "tulang-tulang" yang tidak memberi menafaat atau memberi mudarat. Apatah lagi khayal yang indah masih mempengaruhi umat yang masih awam. Dan sebagai seorang Sufi, nescaya Syeikh Yusuf memegang juga pendirian Jalaluddin Rumi yang berkata: "Janganlah dibinakan utukku suatu makam. Hati orang yang beriman adalah tempat menziarahiku".

Tetapi sungguhpun demikian, pengaruh kebesaran Syeikh Yusuf sangatlah mendalam, baik di Makassar atau Sulawesi Selatan pada umumnya, demikian juga di kalangan kaum Muslimin Afrika Selatan sampai sekarang ini.

Telah terbiasa bahawa nama seorang Alim Besar jarang disebut orang. Menyebut nama seorang Alim dipandang kurang hormat. Syeikh Abdurrauf di Acheh, disebut orang Acheh "Syeikh di Kuala". Di Minangkabau Syeikh Ibrahim Musa disebut saja "Engku Syeikh Parabek". Dr. Abdulkarim Amrullah disebut saja "Inyik D.R." Tentu saja di zaman dahulu tradisi ini sangat dijaga orang. Maka di Bugis dan Makassar Syeikh Yusuf disebutkan saja "Tuanta Salamaka" (Tuan kita yang membawa selamat). Di daerah Masenren-Pulu (Engrekang, Kalosi, Rantepao dan lain-lain), disebutkan: "Pinra Toma Oppue" (orang yang paling bahagia). Dan di Afrika Selatan disebut: "Tuang Kramat!"

9. Penutup.

Sebagai Muslim Indonesia, amat besarlah penghargaan kita kepada almarhum ASY SYEIKH AL-HAJ YUSUF ABU'L MAHASIN, TAJU'L KHALWATI HADIYATUL-LAH AL-MAQASHARIY.

Seorang Alim besar yang melengkapinya Syariat dan hakikat. Seorang Sufi, tetapi seorang Mujahid! Seorang yang meninggalkan jejak mulia pada empat negeri Besar; Makassar, Banten, Ceylon dan Afrika Selatan (Cape Town). Seorang pengembara mencari ilmu ke Aceh, Yaman, Mekah, Madinah, Sham dan Istambul.

Padahal di zaman itu tidak semudah sekarang. Belum ada kapal-api, baru kapal-layar.

Ada pun pelajaran yang beliau berikan, pada pokoknya ialah Ilmu Tasauf. Barang maklumlah kiranya bahawasanya Ilmu Tasauf pada mulanya bersumber pada Ilmu Tauhid. Meng-ESA-kan seluruh kepercayaan kepada ALLAH Subhanahu wa Ta'ala, tidak yang lain. Dan Tasauf menimbulkan Zuhud, ertinya tidak sedikit jua pun terpengaruh oleh serba-serbi kebendaan. Dan hasil Tauhid yang menimbulkan Zuhud itu ialah Hubb, ertinya cinta kepada Allah.

Cinta kepada Allah menyebabkan tidak ada ingatan lagi kepada yang lain. Hanya kepada DIA saja, sehingga pun diri sendiri tak diingat lagi. Kadang-kadang cinta itu memuncak, sehingga terasa tidak ada lagi dinding di antara AKU dengan DIA. Di sinilah keluar kata: "Al-'Abidu wa'l Ma'budu wahidun" (di antara yang menyembah dengan yang disembah adalah satu)

Kalau masih semata-mata perasaan cinta, belumlah mengapa. Orang yang sedang dimabuk cinta, tidaklah kena oleh undang-undang.

Inilah pokok-pangkal Pelajaran Tasauf. Dan inilah pokok-pangkal Pelajaran Syeikh Yusuf.

Tetapi apabila cinta itu tidak dituntun oleh Syariat yang benar, yang dituntun oleh Nabi Muhammad s.a.w., maka dari mabuk cinta bisa saja bertukar menjadi faham "Wihdatu'l Wujud" Pantheisme, Kesatuan Segala. Kerana pada mulanya, jika si Malik melihat kepada segala sesuatu di kelilingnya, Allahlah yang terkenang dalam perasaannya. Sebab "Ke mana saja engkau hadapkan mukamu, di sana ada wajah Allah!" Maka oleh kerana kepada sesuatu yang dilihat itu, Allahlah yang nampak, dari

Pantheisme bisa menjadi Polytheisme (Bertuhan banyak), menjadi musyrik. Dan dengan datangnya Syirik, hilanglah pokok kaji, iaitu Tauhid!

Dan apabila perasaan cinta tadi menimbulkan rasa bahawa diri tidak berpisah lagi dengan yang dicintai; aku adalah Dia, dan Dia adalah Aku! Kalau tidak pula dituntun dengan syariat, timbulah Mazhab Hulu, iaitu Tuhan menjelma ke dalam diri manusia. Jauh pulalah dia dari Tauhid, pindah dengan tidak disadari ke dalam kepercayaan agama Nasrani, yang mempunyai kepercayaan bahawa Allah dan Ruhul' Qudus menjelma (hulul) ke dalam diri 'Isa Almasih 'Alaihis Salam. Bahkan lebih jauh lagi daripada Nasrani, sebab telah mempercayai bahawa Tuhan dapat Hulul ke dalam diri setiap manusia!

Meskipun ahli Sufi yang besar-besar tidak menghendaki ini, dan Syeikh Yusuf pun tidak menghendaki ini, namun akibat kepada kesesatan ini selalulah terjadi dalam pelajaran Tasauf; disengaja ataupun tidak!

Pada keyakinan hidup kaum Muslimin awam di Bugis dan Makassar sangatlah mendalamnya pelajaran ini. Dan mereka sangat yakin, bahawa inilah yang diajarkan oleh Syeikh Yusuf.

Maka satu kesulitanlah yang dihadapi Muhammadiyah di daerah itu, mengajak supaya kaum Muslimin kembali kepada pelajaran Tauhid yang asal. Dan kesulitan inipun didapati juga di daerah lain.

Baik sekali bagi Muslimin angkatan Muda, baik Muhammadiyah atau yang lain, supaya mempelajari pokok-pokok ajaran Sufi Syeikh Yusuf dan Ulama-ulama yang lain pun, buat menyisihkan; mana yang pokok yang bersumber dari Tauhid, dan mana yang telah terlalu jauh dari pangkalannya, supaya disadarkan kepada Umat!

Kerana kita pun menghormati dan membesarkan Ulama, dan menghormati orang yang berjasa; apatah lagi kalau berkumpul keulamaan dan jasa pada satu orang. Tetapi hormat kita itu bukanlah bererti bahawa kita pun pergi memuja kuburnya, dan memandangnya ma'sum sebagai nabi. Mari singkapkan segala takhayul dan Khufarat yang telah sangat banyak melumuti Peribadi Besar itu, yang selama ini membungkus hakikatnya yang sebenarnya di dalam khayal kejahilan orang awam.....

VII. HASANUDDIN dan ARUPALAKA

BEGITU hebat perjuangan Sultan Hasanuddin Makassar melawan perluasan daerah kekuasaan Kompeni Belanda di Indonesia sebelah Timur. Sesudah Portugis menguasai Melaka (1511), 100 tahun di belakang itu Kompeni Belanda pula merebut kekuasaan di laut, baik di Banten dan Jawa atau di lautan Makassar.

Maka Hasanuddinlah salah seorang pahlawan bangsa Indonesia lama, yang tetap teguh bertahan, pasaran lada dan rempah-rempah di Maluku hendak dimonopoli oleh Kompeni dan Hasanuddinlah yang bertahan. Sampai pernah dia menyatakan pendiriannya kepada Kompeni, menolak dengan keras kehendak monopoli itu. Sebab yang demikian adalah bertentangan dengan kehendak Allah: *"Allah yang mengadakan dunia supaya sekalian manusia berbahagia. Apakah tuan menyangka bahawa Allah mengecualikan pulau-pulau yang jauh dari tempat tinggal bangsa tuan itu untuk perdagangan tuan?"*

Demikian Hasanuddin pernah mengucapkan kepada Kompeni.

Pendirian beliau, marilah berniaga bersama-sama, mengadu untung dengan serba kegiatan. Tetapi Kompeni tidak mau sebab dia telah melihat besarnya keuntungan di negeri ini, untuk diangkat dan diangkut ke tanah airnya. Sedang Hasanuddin memandang bahawa cara yang demikian itu adalah kezaliman. Lama sebelum Kompeni Belanda datang, daerah perniagaan orang Makassar telah tetap ke Maluku. Dan berlayar jauh-jauh mengadu untung di dalam ombak dan gelombang adalah kehidupan orang Makassar. Lantaran pertentangan hidup dan mati bagi kedua pihak, terjadilah peperangan.

Hasanuddin memang seorang pahlawan gagah berani dan perkasa. Raja besar yang tak dapat dibantah. Seorang penyiar Agama Islam dan penentang maksud Portugis dan Belanda hendak memaksakan Agama Kristian ke dalam daerahnya. Dan ingin mempersatukan seluruh Sulawesi Selatan di bawah satu kekuasaan, berpusat di Goa, di bawah perintahnya sendiri.

Kadang-kadang beliau bersikap keras dan kejam kepada setiap yang menentang rencananya. Bugis dan Makassar terdiri daripada beberapa buah Kerajaan: "Sombaya di Goa, Makau di Bone, Adatuang di Sidenreng dan Pajung di Luwu". Masing-

masing berdiri sendiri, Hasanuddin sadar bahawa dialah yang lebih banyak bertanggungjawab untuk mempersatukan daerah-daerah itu, sebab dia yang terletak di muka sekali, di pantai Jumpandang (Makassar). Dan dari daerahnya pula mulai Agama Islam masuk. Dan di daerahnya pula mulai Kompeni menjatuhkan jangkar kapal-kapal penjajahan.

Persatuan suatu Kerajaan besar di zaman dahulu, tidaklah atas kehendak setiap Raja-raja kecil yang banyak itu, sebab daerah-daerah lebih suka berdiri sendiri, supaya teguh kedaulatannya. Bahkan di Jerman sendiri di zaman Bismarck yang terdekat, masihlah mempersatukan Jerman dengan "besi dan api". Persatuan daerah dengan sukarela, barulah di saat-saat akhir ini terdapat.

Maka Aru Palaka anak Raja Sopeng adalah salah seorang penentang dari persatuan Bugis-Makassar di bawah satu kuasa. Aru Palaka tidak dapat menerima rencana Hasanuddin. Apatah lagi sebagai kita katakan tadi sebagaimana adat Raja-raja zaman dahulu, kalau perlu Hasanuddin pun memakai sikap keras ataupun kejam "Tidak Raja" pada masa itu "Kalau tidak kejam". Dan Kompeni Belanda sendiri, ataupun Portugis sebelum itu beratus kali lipat lebih kejam.

Kekecewaan Aru Palaka dari Sopeng inilah yang diketahui oleh Belanda. Sehingga Aru Palaka dapat dibujuk, dijadikan alat buat menentang Hasanuddin. Dimanjakan dan dibawa ke Jawa, bahkan sampai melawat ke Pariaman dan Padang, di tempat Kompeni telah mendirikan logi-logi pada masa itu. Kepadanya dijanjikan kekuasaan dan kemegahan, di bawah naungan Kompeni. Setelah matang kesetiaannya kepada Kompeni, barulah dia diberi alat senjata, dan disuruh menyusun tentera sendiri buat menyerang Hasanuddin. Sedang Kompeni hanya berdiri di belakang-belakang saja, mengadu domba anak Bugis dan anak Makassar, sampai Hasanuddin terdesak dan terjadi Perdamaian Bongaya (1667) yang terkenal itu.

Memang patahlah pertahanan orang Makassar, sebab yang memerangnya adalah bangsanya sendiri. Sejak zaman dahulu kala, Raja-raja di Bugis dan Makassar bertali darah dan berkeluarga, demikian juga rakyatnya. Apatah daya yang mempertahankan benteng-benteng Makassar, kalau yang menyerangnya itu adalah saudaranya sendiri, suami adiknya, saudara sepupunya, dan kadang-kadang anak atau ayahnya.

Setelah menang itu kemudian ternyata bukanlah Aru Palaka yang menang. Yang menang ialah General Speelman! Di dalam perjanjian Bongaya Hasanuddin terpaksa melepaskan hak perwaliannya atas Bone, Wajo dan Sopeng. Melepaskan pula Bima dan Sumbawa. Dan melepaskan juga perniagaan dan hubungannya dengan Maluku.

Hilanglah kemegahan Kerajaan Islam yang besar di sebelah Timur Indonesia itu. Dan banyaklah anak Makassar yang patah hati, demikian juga anak Bugis, sehingga menjadi pengembara di seluruh perairan Indonesia. Banyaklah di antara mereka yang pergi berkhidmat dalam Kerajaan-kerajaan Islam yang lain di Indonesia, sebagai Karaeng Galesong dengan anak buahnya, yang berangkat ke Madura, menjadi menantu Trunojoyo dan berperang melawan Amangkurat I dan II. Dan banyak pula yang masuk berkhidmat dalam Kerajaan Jogjakarta di bawah pimpinan Mangkubumi. Dan anak Raja-raja Luwuk berangkat ke Riau dan berkhidmat di sana, sehingga sampai menjadi (Yamtuan Muda)*. Dan di antaranya ialah seorang Ulama Sufi yang besar Syekh Yusuf Abu'l Mahasin Tajul Khalwati Al-Maqashariy yang berkhidmat dalam istana Banten, kepada Sultan Abu'n Nashar "Sultan Ageng Tirtayasa".

Aru Palaka memang menempuh jalan yang salah. Tetapi buat zaman itu, payahlah memandang besar kesalahan itu. Sebab kesatuan yang ditegakkan oleh Hasanuddin ialah dengan keras dan kejam. Kelemahan inilah tempat masuknya Kompeni, buat melakukan jarumnya, mengambi keuntungan dari segi kelemahan musuh. Dan hal yang demikian tidak terdapat di Makassar saja, bahkan ada di seluruh Tanah Air kita Indonesia ini. Pengalaman nenek-moyang kita itulah yang kita jadikan ibarat di zaman sekarang, buat menegakkan tanah air yang besar: Indonesia.

Sekarang cubalah lihat ke Makassar (Sunguminasa), tidaklah berapa jauh jarak kuburan di antara kedua orang yang bersejarah itu; Hasanuddin dan Aru Palaka. Sampai kepada saat yang belum berselang, masih terdapat kesan yang ditanamkan Belanda. Ke perkuburan Aru Palaka datanglah orang-orang dari Sopeng dan Bone meletakkan bunga dan memasang lilin. Dan mereka melengah saja bila lalu di dekat kuburan Hasanuddin. Sebaliknya, bila orang-orang peziarah dari Bone dan Sopeng telah pergi, datang

*Lihat bahagian empat, fasal IV.

"Usaha Kedua kali merebut Melaka".

anak Makassar melempari kuburan Aru Palaka dengan batu, atau mencabut lilin dan kembang itu, dan berdoa pula lama-lama di hadapan kuburan Hasanuddin.

Keduanya adalah orang-orang besar yang telah pergi. Tak usah disesali lagi mana yang salah. Sebab keturunan-keturunan mereka yang datang, sebagai Aru Mapanyuki yang ketika dilantik jadi Raja Bone memakai dukuh emas yang dihadiahkan Belanda kepada Aru Palaka. Beliau Aru Mapanyuki sampai dua kali dibuang oleh Belanda kerana jiwa kepahlawanannya. Dan mempunyai sejarah yang gilang-gemilang di dalam perjuangan Kemerdekaan Indonesia.....!

Saya lihat di rumah Aru Mapanyuki tergantung gambar besar Sultan Hasanuddin.

Dan saya lihat di istana Raja Goa tergantung gambar Aru Palaka.

VIII. KHAIRUN DAN BABU'LLAH.

SETELAH bangsa Portugis dapat memusatkan kekuasaannya di Goa (India), dan merebut Melaka, kemudian dapatlah dia meluaskan kekuasaannya sampai ke Maluku. Padahal sebelum bangsa Portugis masuk ke sana, Islam telah lebih dahulu datang. Dua bangsa yang berjasa meniar dan menanamkan Pengaruh Islam di Maluku iaitu orang Melayu dari Melaka dan Muballigh-Muballigh Islam dari Jawa Timur. maka di pertengahan Abad Keenam Belas itu, sedang Portugis meluaskan kuasanya, yang menjadi Sultan di Ternate adalah Sultan Khairun. Dan yang menjadi Gabenor Portugis di sana ialah De Mesquita. Keduanya adalah orang yang sama keras dan teguh mempertahankan agamanya masing-masing; Ingat sajalah bahawa pertengahan abad keenam belas itu, masih keras dan nyata pertentangan Islam dan Kristian. Dan orang Portugis sangatlah bencinya mendengar Agama Islam. Mereka berniat hendak menghapuskan Agama Islam di tanah-tanah yang telah dikuasainya, tetapi langkahnya senantiasa terhambat oleh Raja-raja Islam.

Portugis di abad ke Enam Belas, telah dapat meruntuhkan Kerajaan Islam Melaka. Sebab itu mereka mencuba pula hendak menghancurkan kekuasaan Islam dari Maluku. Ada pun penentangannya yang paling kuat, ialah Sultan Khairun.

Payahlah De Mesquita membujuk supaya Sultan Khairun mengakui perlindungan dari Raja Sabastian yang menjadi Raja Portugal pada masa itu. Dengan maksud untuk memperteguh kekuasaan di bawah bangsa yang telah mulai menanamkan pengaruh di negerinya, Sultan Khairun pada mulanya menerima ajakan itu. Dia mengakui perlindungan kekuasaan Raja Portugal. Tetapi Gabenor De Mesquita senantiasa membuat pekerjaan-pekerjaan yang akan menyakitkan hatinya. Dia menyangka, bila mana dia telah mengakui kekuasaan Raja Portugal akan bebaslah dia di negerinya, dan akan terhentilah kegiatan bangsa Portugis memaksakan Agama Kristian (Katholik) supaya dipeluk oleh anak-negeri yang belum beragama. Tetapi harapannya itu selalu dihampakan oleh De Mesquita. Melihat pengakuannya tunduk itu dipergunakan oleh Portugis buat lebih mempergiat penjajahan dan paksaan agama, Sultan Khairun tidak dapat menahan hatinya lagi, sehingga Missionaris Portugis yang bergiat menyiarkan Agama Kristian itu dibinasakannya samasekali (1565), yakni setahun setelah baginda menandatangani perjanjian mengakui perlindungan Kerajaan Portugal itu.

Kerana itu Portugis meminta bantuan ke Goa, dan bantuan armada Portugis pun datang dari Goa, lalu berlabuh di Ambon.

De Mesquita menyangka, kalau sekiranya Sultan telah tahu bahawa bantuan Portugis yang besar telah datang, nescaya Sultan akan tunduk dan tak berani melawan lagi. Oleh sebab itu Gabenor itu bertambah berleluasa melakukan kehendak dan lobanya. Hak-hak Sultan mulai dirampasnya. Cukai perniagaan cengkik untuk Sultan mulai ditahannya. Nyaris Sultan menghadapi sikap yang demikian dengan kekerasan pula. Baginda telah bersiap hendak menyerang segala pertahanan orang Portugis. Tetapi satu perutusan dari pihak Portugis telah dapat membujuk Sultan supaya berdamai saja, dan akan hidup berdampingan secara aman sentosa di antara orang Islam Ternate dengan orang Portugis. Sultan Sudi menerima perdamaian itu. Lalu diikatlah janji tidak akan berperang lagi dan akan tetap bantu membantu antara kedua belah pihak. Sumpah itu dikuatkan dengan serba kesucian: Gabenor De Mesquita bersumpah dengan mengangkat Kitab Injil dan Sultan Khairun bersumpah dengan mengangkat Kitab Al-Quran (17 Februari 1570).

Sehari kemudian, (18 Februari 1570) diundanglah Sultan oleh Gabenor De Mesquita mengadakan jamuan makan tanda per-

sahabatan di dalam benteng Portugis. Oleh kerana percaya akan janji yang telah disaksikan dengan Al-Quran dan Injil, Sultan pun pergilah ke benteng itu. Tetapi baru saja beliau masuk ke dalamnya, baginda pun ditikam oleh seorang pengawal atas suruhan Gabenor De Mesquita, dan mati pada saat itu juga. Kerana memang ada fatwa daripada Paus Eugin IV pada tahun 1444, bahawa tidaklah berdosa menurut agama Katholik jika perjanjian yang telah diikat dengan kaum Muslimin dimungkiri walaupun dengan bersaksikan Injil dan Al-Quran.

Lantaran fatwa inilah maka Pangeran Huynade dari Hongaria memungkiri janji yang telah diikatkan dengan Injil dan Al-Quran itu pula terhadap Sultan Murad Turki.

Bukan main murka putera Baginda, Babu'llah, yang menggantikan Khairun menjadi Sultan kerana pengkhianatan ini. Babu'llah bersumpah, bahawa dia akan tetap berjuang menuntut darah ayahnya. Baginda tidak akan berhenti berjuang sebelum bangsa Portugis dikikis habis dari Ternate, dan Baginda tidak akan berhenti berjuang sebelum orang-orang yang membunuh ayahnya dihukumnya sendiri dengan tangannya.

Tidaklah lama-lama Babu'llah bermenung setelah ayahnya wafat. Segera disusunnya tenteranya dan dikerahkannya mengepung benteng pertahanan Portugis di Ambon, dan terjadilah peperangan yang besar, hebat dan dahsyat, antara tentera Islam Ternate dengan portugis. Raja Tidore yang tadinya bermusuhan dengan Ternate, segera memberikan pertolongan kepada Babu'llah. Tetapi Raja Bacan yang telah memeluk Agama Kristian, rupanya memberikan bantuannya kepada Portugis. Bukan main murka Babu'llah melihat sikap Raja Bacan, sehingga diancamnya bahawa jika Raja Bacan tidak segera mundur dari medan perang, untuk sekurang-kurangnya bersikap neutral, Raja itu jangan menyesal, jika negerinya kelak dijadikan padang tekukur.

Keras juga serangan Ternate atas benteng Ambon, sehingga sebahagian musnah terbakar dan pertahanan diansur memindahkan ke Melaka. Orang-orang Kristian Ambon banyak yang turut mengungsi ke Melaka, kerana takut akan kegagah-perkasaan tentera Ternate di bawah pimpinan Sultan yang memang gagah perkara itu.

Lima tahun lamanya benteng pertahanan Portugis di Ternate sendiri dikepung oleh Babu'llah. Kian lama kian habislah kekuatan pertahanan Portugis, kerana makanan telah kurang dan bantuan

dari Goa tidak kunjung datang, dan kelaparan tidak terderitakan lagi.

Setelah Sultan Babu'llah Satria Islam itu mendengar khabar bahawa orang Portugis, termasuk perempuan dan anak-anak sudah sangat lemah kerana kekurangan makanan, maka baginda sendiri lah yang mengirim utusannya ke benteng mengemukakan usul, bahawa jika mereka tidak sanggup melawan lagi, jika mereka bersedia menyerah dalam masa 24 jam, mereka akan dipersilakan berangkat dengan senjatanya sekali. Boleh pulang ke Melaka atau ke Ambon. Mereka boleh menyerah dengan cara terhormat! Bahkan kelak, Sultan Babu'llah bersedia memberikan benteng itu kembali kepada Raja Portugal, asal saja orang-orang yang membunuh ayahnya dan bertanggungjawab atas pembunuhan itu..... Diserahkan dan diganti kerugian.

Tidak ada jalan lain lagi, maka pada tahun 1575 terpaksa bendera Portugis diturunkan dari puncak menara benteng Ternate itu dan diserahkan kepada Sultan Babu'llah.

Dan pada tahun 1580, Sultan mengirim utusan ke Lisbon, menghadap Raja Philips, menuntut kembali Keadilan atas kematian ayahnya, sehingga Raja Portugal memerintahkan Gabernornya di Ambon menangkap De Mesquita dan menyerahkannya kepada Sultan Babu'llah. Tetapi perahu yang membawa De Mesquita ke Ternate itu, diserang Lanun di jalan, sehingga dia mati dibunuh bajak laut.

Maka berkibarlah bendera Islam di Maluku, kemudian meluas sampai ke pulau-pulau yang lain atas pimpin Babu'llah. 72 pulau besar dan kecil, sampai ke Irian dan ke Mindanao, Filipina, sampai ke Bima dan Sulawesi, pernahlah di bawah kekuasaan Ternate. Baginda pulalah yang mengajak Karaeng Tonigallo di Goa supaya memeluk Agama Islam, tetapi Karaeng itu belum mau masuk Islam kerana ajakan Babu'llah, kerana itu bererti mengakui pengaruh Ternate. Barulah Tonigallo memeluk Islam, setelah datang guru lain dari daerah lain, iaitu dari Minangkabau, yang sudah nyata tidak ada maksud politik.

Maka nama Khairun dan babu'llah, tetapi lah menjadi hiasan sejarah Islam di seluruh kepulauan Indonesia ini, di dalam Abad Keenam Belas, setaraf dengan Raden Fattah di tanah Jawa dan Ali Moghayat Shah di Aceh, dan Hasanuddin di Banten. Itulah Rajaraja Islam yang telah dapat menahan Gelombang Pertama dari

bangsa Portugis Kristian-Katholik yang fanatik itu, sehingga nasib Indonesia tidak jadi sebagai Filipina.....

BAHAGIAN KEDUA

I. SELEBAR DAERAH PERTEMUAN

BARU saja akan berkembang Agama Islam di Indonesia dan Semenanjung, Portugis telah masuk. Kaum Muslimin baru dalam tahun 1492 terusir habis dari Sepanyol, sehingga sampai sekarang bekas rupa wajah orang Arab masih terdapat pada bangsa Sepanyol dan Portugis. Dalam tahun kejatuhan Kerajaan Islam penghabisan, Banil Ahmar di Granada itu, Christopher Columbus mengembara mencari India, tetapi bertemu dengan Amerika. Kejayaan yang dicapai Columbus mendapat Amerika itu, menimbulkan semangat pengembaraan bagi bangsa Sepanyol dan Portugis, sehingga untuk membendung perselisihan, Paus terpaksa campurtangan; dunia dibagi dua, separuh buat Sepanyol dan separuh buat Portugis. Di awal Abad Keenam Belas Portugis dapat merebut Goa, dan di tahun 1511 dapatlah direbutnya Melaka; Kerajaan Islam Melayu Indonesia yang megah itu. Dan dilanjutkannya pula ke Maluku. Sebelum itu pantai-pantai Teluk Parsi pun telah jatuh ke bawah kuasanya.

Syukurlah, kerana di Indonesia timbul dua buah kerajaan baru, yang menggantikan Melaka, dan kelak akan memegang peranan besar di dalam membendung kekuasaan Portugis.

Berdiri kembali Kerajaan Aceh, dan Rajanya yang pertama ialah Sultan Ali Moghayat Shah (1514), dan di Jawa berdiri Kerajaan Demak. Rajanya yang pertama ialah Raden Fattah, (1520).

Portugis pun mencuba memasukkan pengaruhnya ke Jawa. Dia membuat perjanjian yang teguh dengan Raja Hindu Pajajaran, hendak mempertahankan Jawa Barat dari kekuasaan Islam. Batu bersurat tempat melukiskan isi perjanjian persahabatan itu belum puluhan tahun berselang didapat orang di Prinsenstraat (Jl. Mangga-Besar sekarang) di Jakarta. Raja Hindu Pajajaran meminta bantuan Portugis mempertahankan daerahnya dari serbuan orang Islam. Tetapi sebelum maksud itu berhasil, pahlawan Falatehan

(Fatahillah) telah dapat menduduki Sunda Kelapa dan kemudian ditukarnya namanya menjadi Jayakarta.

Falatehan mendirikan dua Kerajaan kembar, iaitu Banten dan Chirebon. Di Banten dirajakannya puteranya Hasanuddin (1552). Cucunya Panembahan Ratu, putera Pangeran Swarga, dirajakannya di Chirebon. Dan beliau pun duduklah menjadi Pemimpin Agama yang terbesar dan dimuliakan, yang setelah mangkat terkenal dengan sebutan Sunan Gunung Jati (1570).

Setelah perpecahan dan huru-hara di Demak, Hasanuddin memaklumkan kemerdekaan Banten dari Demak dan berdiri sendiri.

Selain dari penyiaran Agama Islam dan membesarkan pengaruhnya di Jawa Barat, jasa Baginda yang terbesar ialah menegakkan kekuasaan dan kebesaran, agar dapat membendung kekuatan Portugis, yang dikenal oleh sejarah, lebih banyak terpengaruh oleh kehendak menyiarkan Agama Kristian dan mendapat berkat pengestu dari Paus.

Maka kelihatanlah sejarah gemilang dari dua buah Kerajaan Islam yang terbesar pada masa itu, satu di Banten dan satu lagi di Aceh. Keduanya Kerajaan di tepi laut dan berdasar kekuatan perdagangan dan armada (maritim). Dengan usaha kedua kerajaan ini sempattlah Islam bernafas dan akan mengembangkan sayapnya di seluruh tanah air kita. Selat Melaka dan Selat Sunda penuh dengan pelayaran kapal-kapal dagang. Seluruh bangsa, baik Eropah ataupun bangsa-bangsa Timur, berdagang di Aceh dan di Banten. Kedua Kerajaan itu berkirim-kiriman utusan dan surat. Ulama-ulama dan ahli sastera Islam bertindak bebas mengembangkan ajaran Islam di bawah pimpinan kedua kerajaan itu.

Acheh telah melebarkan sayap kuasanya di pesisir Barat Pulau Percha dan berkali-kali juga berusaha hendak mengusir Portugis dari Melaka. Dan satu ketika Banten pun melebarkan kuasanya ke Lampung. Kerana negeri itu belum memeluk Islam, maka atas usaha Banten, tersiarlah Islam di sana. Sedang di sebelah Barat, iaitu di Selebar (Bengkahulu) telah masuk ke dalam daerah wilayah kerajaan Aceh. Di Indrapura, terletak di antara Bengkahulu dengan Minangkabau duduklah seorang Wakil Sultan Aceh, tetapi menjadi Sultan berkuasa penuh dalam perlindungan Aceh. Sehingga bila mana datang waktunya, Sultan Indrapura itu boleh pulang ke Aceh buat naik takhta Kerajaan Aceh.

Ketika Sultan Aceh mengetahui bahwa Hasanuddin telah melebarkan Agama Islam ke Lampung, dan telah hampir sampai ke dalam tanah wilayahnya, timbullah suatu soal yang musykil, apakah akan diperangi Raja Banten itu.

Ahli-ahli negara dan Ulama-ulama memberi nasihat kepada Sultan, bahawasanya berperang sesama Islam, dari dua Kerajaan harapan, tidaklah selayaknya. Maksud buat membendung kuasa Banten itu dapat juga dilaksanakan dengan tidak perlu ada perang. Maka putuslah mufakat mengirinkan suatu perutusan ke Lampung, menyambut dan mengalu-alukan kedatangan Raja Banten yang gagah perkasa itu, dan mempersilakan baginda berorak sila buat datang ziarah ke Indrapura. Ziarah ke Indrapura sama ertinya dengan datang ke Aceh sendiri. Perutusan yang datang dengan sikap perdamaian itu tidaklah dapat dielakkan oleh Hasanuddin. Baginda pun datanglah ke Indrapura, disambut dengan serba kebesaran. Setelah menjadi tetamu beberapa hari lamanya, Sultan Indrapura menawarkan kepada baginda sudi kiranya menyambut nasib puterinya (jadi menantunya), kerana menurut salasilah sejarah di antara Sultan Aceh dan Sultan Banten, adalah pertemuan jodoh (kufu), sebab sama-sama mengalir dalam dirinya keturunan ahli-ahli Agama Islam dari Pasai.

Permintaan itu tidaklah dapat ditolak oleh Hasanuddin, perkahwinan politik senantiasa terjadi di antara Raja-raja. Suatu perayaan perkahwinan yang besar terjadilah di Indrapura. Dan seketika Hasanuddin hendak pulang ke Banten bersama isterinya sambil senyum Sultan Indrapura yang telah mendapat persetujuan dari Aceh, berkata kepada menantunya: "Jika anakanda sudah berniat hendak pulang ke Banten dan hendak membawa isteri anakanda, betapalah ayahanda hendak menghalanginya. Ajarlah isterimu agama yang benar, dan layaklah hendak dia..... duduk menjadi isteri dari Raja yang besar!

"Dan kemudian terimalah hadiah ayahanda yang tidak seperti-nya untuk belanja hidup anakanda suami-isteri, iaitu kebun-kebun lada di daerah Selebar itu."

Dengan susunan kata mertuanya yang demikian rupa, menger-tilah Sultan Banten apa maksud yang terkandung di dalamnya. Dan sebelum Baginda dapat menjawab, Sultan Indrapura menerus-kan percakapannya pula:

"Sekarang anakanda telah menjadi keluarga kami. Dengan sebab itu berpadulah kekuatan Islam di Sumatera dan Jawa,

sehingga kita dapat melanjutkan kewajiban suci kita, iaitu menegakkan Agama Rasul di seluruh alam negeri kita ini....!"

Dalam perjalanan pulang kembali, keraplah Hasanuddin tersenyum mentertawakan dirinya sendiri, kerana bingung memikirkan siapakah di antara mereka yang menang!

Tidaklah kecewa pengharapan kedua Sultan itu. Sebab sekarang masih dapat kita lihat bekasnya, bahawasanya penduduk Banten, Minangkabau dan Aceh, adalah umat Indonesia yang sangat teguh dan cinta kepada agamanya....

Menurut keterangan Sultan Abu Bakar, keturunan Sultan-sultan Indrapura yang berdiam di Jakarta, bahawasanya gelar bangsawan di Banten, yang disebut *Tubagus*, ialah keturunan Hasanuddin kerana perkahwinan baginda dengan puteri Indrapura itu.

II. PENGARUH KADI

SETELAH Maulana Hasanuddin wafat di tahun 1570, maka gelar Baginda setelah wafat ialah Almarhum Sabakingking. Sebakkingking ertinya ialah Tanah-dukacita. Baginda digantikan oleh puteranya Maulana Yusuf. Kebesaran Yusuf tidak kurang daripada kebesaran ayahnya. Sangatlah Maju negeri Banten dalam pemerintahan baginda. Pertahanan, pengairan dan pelayaran sangat dimajukan. Guru-guru agama didatangkan dari luar negeri, untuk mengajar rakyat hakikat Iman dan kepercayaan. Tetapi hati beliau belum senang, selama Kerajaan Hindu Buddha di Pakuan belum dapat ditaklukkan. Maka setelah 9 tahun baginda memerintah diaturnyalah sebuah pasukan besar di bawah pimpinan baginda sendiri buat menaklukkan Pakuan. Kerajaan Hindu-Buddha yang penghabisan di Jawa Barat itupun tidaklah mau menyerah kalah demikian saja. Prabu Sedah, Raja Pajajaran yang akhir, dengan gagah perkasa mempertahankan kekuasaan dan kerajaannya. Maka terjadilah peperangan yang dahsyat antara dua orang Raja; Maulana Yusuf dengan kepercayaan Tauhidnya, dan Prabu Sedah dengan ke Hindu-Buddhaannya.

Kedua belah pihak sama-sama tidak takut mati. Prabu Sedah mengharapkan mencapai "Nirwana", dan Maulana Yusuf mengharapkan mencapai "Jannah".

Maka akan berlakulah kehendak Ilahi, candi dan biara tidak akan ada di Jawa Barat lagi, tetapi menara mesjid akan menjulang langit dan azan akan lantang suaranya. Kerajaan Banten akan terus menanamkan Islam turunan demi turunan di Jawa Barat; dalam pertempuran yang dahsyat itu, Prabu Sedah tewas sebagai pahlawan dan kemenangan yang gilang gemilang dicapai oleh Maulana Yusuf.

Tetapi kepayahan di dalam peperangan dan pekerjaan berat yang dikerjakan siang dan malam, membina negara, mengalahkan musuh, memajukan perniagaan, pertanian, pelayaran dan menanamkan pengaruh Islam, melemah-lunglaikan tubuh kecil yang menyimpan jiwa besar itu.

Setelah masuk tahun 1580 baginda pun gering. Kerana keras sakitnya, tidaklah sampai beliau menyelesaikan perselisihan antara dua golongan dalam Kerajaan. Satu golongan membela saudaranya Pangeran Jepara, yang ingin hendak menjadi Raja menggantikannya. Dan golongan kedua, ialah pembela putera Raja sendiri Maulana Muhammad, puteranya dari Permaisuri.

Mendengar sakitnya telah keras dan penggantinya belum ada, maka Pangeran Jepara datanglah ke Banten, hendak meminta atau merebut kekuasaan. Terjadilah huru-hara dalam negeri Banten, nyaris menumpahkan darah, padahal Panembahan Yusuf masih terbaring di tempat tidur.

Apa yang terjadi selanjutnya, baginda tidak tahu lagi, baginda mangkat, dan siapa yang akan menjadi Raja, penggantinya belum ada keputusan. Padahal Mangkubumi berpihak kepada Pangeran Jepara. Demikian juga punggawa-punggawa tinggi. Sebab Pangeran Jepara memang seorang yang pandai menarik hati dan pandai pula bertabur wang! Lantaran itu maka putera mahkota yang baru berusia 9 tahun, boleh dikatakan tidak mempunyai pembela. Dia masuk anak kecil.

Tetapi ada satu orang yang tidak terpengaruh oleh bujuk rayu Pangeran Jepara yang mendapat sokongan dari Sunan Kali Nyamat, ertinya pengaruh Jawa Timur. Orang itu ialah Kadi Kerajaan Banten!

Kalau Pangeran Jepara berpengaruh dalam kalangan orang tinggi, Mangkubumi atau orang besar-besar yang lain, namun tuan Kadi berpengaruh besar dalam kalangan rakyat jelata. Rakyat yang selama ini menyokong dan mencintai Panembahan Yusuf di dalam meluaskan kuasa Banten.

Rakyat merasa berhutang budi kepada yang mangkat, kerana jasanya memajukan negeri Banten. Mereka mempunyai sawah-sawah yang luas, mempunyai bandar, galian yang mengalirkan air membawa kesuburan, dan kemajuan perniagaan dengan luar negeri. Semuanya atas jasa baginda. Sedang orang-orang besar kerajaan hanya tahu menerima hasil dan kemenangan saja.

Setelah Banten dikepung oleh Pangeran Jepara, disokong oleh Mangkubumi, sehingga nyarislah berhasil maksudnya. Maulana Muhammad tetap bertahan dalam istana di bawah penjagaan yang keras dari Tuan Kadi! Ketika utusan-utusan Pangeran Jepara datang mengepung istana dan hendak menangkap Maulana Muhammad, terhalanglah maksud mereka melihat gagah perkasanya Tuan Kadi mempertahankan budak kecil itu. Beliau bertegang mengatakan bahawa Pangeran Jepara tidak berhak menjadi Sultan Banten, sebab putera dari yang mangkat masih ada.

Tuan Kadi tidak mengharapkan apa-apa untuk dirinya dalam perkara ini. Yang diharapkannya adalah keadilan berdiri, kebenaran tegak dan jangan ada kecurangan dan perampasan hak oleh yang tidak berhak. Beliau berkata: "Saya sendiri adalah Kadi! Saya diangkat oleh Raja-raja yang telah terdahulu, bukanlah semata-mata hendak memberikan keputusan dalam perkara nikah, talak, rujuk, tetapi juga dalam perkara waris dan faraidh! Bukan saja faraidh harta, bahkan faraidh kekuasaanpun".

Setelah datang utusan Mangkubumi, yang rupanya telah berpihak kepada Pangeran Jepara meminta penjelasan daripada Kadi, maka Kadi menjawab: "Saya akan bertahan sampai mati, menegakkan keadilan dan kebenaran. Maulana Muhammadlah yang mempunya hak!"

Mangkubumi berkata: "Dia masih kecil, bagaimana memegang kuasa."

Kadi menjawab: "Sudah terdapat di mana-mana dalam Negeri Islam, apabila Wali'ul Ahd (Putera Mahkota) masih kecil, maka Mangkubumi yang memegang kuasa sampai dia besar."

Mangkubumi terkejut mendengarkan jawab yang setegas itu. Setelah diukur dan diajuk apa isi jiwa Mangkubumi itu, maka Tuan Kadi meneruskan pembicaraannya: "Saya tidak mengharapkan apa-apa untuk diri saya dalam perkara ini. Bukan saja hak Maulana Muhammad yang saya pertahankan, tetapi juga hak engkau, hai Mangkubumi. Dengan menyokong Pangean Jepara, nasibmu sendiri juga belum berketentuan! Tetapi kalau engkau

berpihak kepadaku, mempertahankan hak Maulana Muhammad, siapatah lagi yang akan memangku kekuasaannya sampai dia baligh dewasa, kalau bukan engkau? Adapun saya sendiri, bila mana hak telah pulang kepada yang empunya, saat itu juga saya pulang ke tempat saya yang sebenarnya, mengatur keadilan dan menjalankan hukum Quran di tanah Banten ini, sampai nyawa saya bercerai dengan badan saya...."

Setelah mendapat kepastian bahwa jika Maulana Muhammad ditabalkan, dia juga yang akan memegang tampuk pemerintahan, berubahlah pendirian Mangkubumi. Dan dalam beberapa saat saja keadaan telah berubah. Orang-orang besar Banten berpisahlah kepada Tuan Kadi, mempertahankan hak Maulana Muhammad. Lantaran itu maka Pangeran Jepara tidak ada kukunya lagi di Banten, sehingga terpaksa mengundurkan diri kembali lagi ke tempatnya semula di Jepara, membawa mimpi yang gagal.

Maka amanlah Banten kembali, dan diangkatlah Maulana Muhammad bin Panembahan Yusuf bin Maulana Hasanuddin, bi Maulana Hidayatullah, Fatahillah, Sunan Gunung Jati menjadi Raja Banten dengan lantik gelaran Kanjeng Ratu Banten (1580 - 1605).

Usaha dan perjuangan Kadi Banten berhasil dengan jaya, sebab nyata bahawa beliau sendiri, sebagai seorang Ulama yang kuat beragama tidak mengharapkan apa-apa untuk dirinya dalam persengketaan yang hebat di kalangan orang-orang bangsawan itu.

III. KESEDIHAN BANTEN YANG PERTAMA

SETELAH Maulana Muhammad Kanjeng Ratu Banten mencapai usia dewasa, dipegangnya sendirilah pemerintahan.

Tetapi keadaan di Indonesia ketika itu telah jauh berbeza dengan zaman lampau. Agama Islam berkembang dengan pesatnya di seluruh Nusantara, kerajaan-kerajaan Islam sebagai pendukung kemajuan Islam telah berdiri dengan megahnya. Pendeknya seluruh Abad Keenam Belas itu, dalam sejarah Islam di Indonesia boleh disebut Abad perkembangan Islam. Mataram dirajai oleh Pahlawan Besar Senapati. Aceh telah mengembangkan kuasanya. Meskipun Portugis dengan kefanatikan agama Katholik yang sangat keras mencuba hendak mengalahkan Islam, sambil menghisap kekayaan anak negeri namun dengan adanya Mataram di

Jawa Tengah, Banten di Jawa Barat, Aceh di Sumatera, dapatlah perluasan Portugis, dibatasi. Di bahagian Maluku Portugis berhadapan dengan empat Kerajaan Islam, iaitu Ternate, Bacan, Jailolo dan Tidore.

Tetapi di akhir Abad Keenam Belas, menjelang Abad Ketujuh Belas, Belanda pula yang telah mendapat jalan ke "Hindia" Cornelis de Houtman telah melabuhkan kapal-kapal dagangnya di pelabuhan Banten (1596). Tetapi Houtman yang congkak dan sombong itu menemui ajalnya seketika dia hendak mencubakan kesombongannya di Aceh; rencong menembus perutnya.

Ratu Banten ingin hendak menaklukkan Palembang. Palembang yang ketika itu diperintah oleh bangsawan-bangsawan keturunan Demak, yang menyingkirkan diri ke Palembang seketika Pajang mengalahkan Demak. Gedeng Sura dipandang sebagai nenek-moyang dari Sultan-sultan Palembang, yang akan datang kemudian.

Tanah Palembang kaya dengan hasil bumi, terutama Lada. Dan apabila Banten dapat menaklukkan Palembang — Maulana Muhammad berfikir — terpeganglah dalam tangannya kunci-kunci Selat Melaka. Dan kemudian Sumatera bahagian Selatan dan Sumatera bahagian Tengah, akan dapat pula di bawah kuasa baginda. Tentu saja Islam akan dapat disiarkan kepada suku-suku di Sumatera, yang belum memeluk Islam, iaitu Komering, Pasemah dan Rejang.

Nescaya Bangka dan Beliton pun akan jatuh ke bawah kuasa Banten.

Baginda belum mengira apa kelak yang akan terjadi dengan kapal-kapal Belanda yang pernah berlabuh di pelabuhan Banten itu. Baginda belum membayangkan apa yang akan terjadi di belakang hari. Sedang di negeri Belanda, meskipun perjalanan Houtman gagal yang bermula dan hanya sedikit mendapat hasil, maka ditahun 1602..... "Oost Indische Compagni" telah didirikan orang di negeri Belanda yang jadi tekad baginda hanya satu: Palembang ditaklukkan!

Maka beliau susunlah sebuah armada, dan beliau sendiri yang memimpin armada itu hendak menaklukkan Palembang (1605). (Kata setengah riwayat, dua kali Banten menyerang Palembang.)

Maka penuhlah sungai Musi yang bersejarah itu dengan perahu-perahu besar, yang akan menentukan nasib Palembang. Tetapi meskipun Palembang di kala itu belum sekuat Banten,

namun hati Raja dan penduduknya kuat dan teguh mempertahankan kehormatannya. Dari segi Agama mereka memandang, bahwa serangan Ratu Banten tidaklah pantas, sebab mereka pun orang Islam. Keturunan cikal-bakal pun boleh dikatakan sama iaitu sama-sama dari Demak. Maka bersiaplah Palembang mempertahankan diri, dan dahsyatlah serangan Banten. Nyarislah jatuh kota Palembang, saking dahsyatnya serangan. Dan Kanjeng Ratu Banten, Maulana Muhammad pun memimpin peperangan itu dengan gagah perkasanya. Baginda berdiri di atas buritan perahu besar, memegang komando daripada 199 perahu yang lain; dengan tempik soraknya hendak menghancurkan-leburkan pertahanan Palembang.

Malang....!

Telah hampir terdesaklah Palembang, dan nyarislah mereka menyerah kalah, dan sudah melayang-layanglah dalam fikiran orang besar-besar, rasa putus asa dan menyerah.

Malang! — Demikian melihat angkatan perang Baginda telah naik semangat perjuangan yang hebat itu, disertai tempik-sorak dan bangkai orang-orang yang mati kena peluru bergelimpangan di darat dan di dalam perahu-perahu, dan sorak-sorai orang yang bertahan pun sudah hampir senyap, dikalahkan oleh sorak yang menyerang, baginda pun telah mulai hendak memerintahkan supaya perahu rapat ke tepi. Dan baginda sendiri telah bersiap dengan keris terhunus hendak mendarat, tiba-tiba di antara beratus-ratus yang meletus dari tepi, melayang pelurunya ke atas perahu kenaikan Baginda. Dengan tidak tersangka-sangka sedikit juga, baginda pun rebah terbaring: "Aku luka!"

Melihat Maulana Sultan telah jatuh, orang-orang besar dan pahlawan perang yang berada di sekeliling baginda, terhentilah meneruskan peperangan. Darah telah membusa dari dada beliau, tepat benar kenyanya!

Maka senyaplah bunyi bedil. Terhentilah orang yang di perahu menyerang keluar dan terhenti pula orang yang di luar menembakkan bedilnya ke perahu. Suasana dalam sebentar waktu saja bertukar, daripada dahsyat perang kepada kesepian berkabung. Sudah teradat bagi satria-satria suku-suku bangsa Indonesia, menghormati pahlawan dan mengakui semangat satria. Walaupun musuh! Orang Palembang yang tadinya telah terdesak itu tidak meneruskan perangnya lagi. Mereka pun turut menghormati dan

merasakan sedih atas kematian Pahlawan dan Sultan yang perkasa lagi muda itu.

Dengan beransur-ansur pahlawan-pahlawan Banten yang tinggal, mengundurkan perahunya dari Sungai Musi, kembali ke laut lepas dan pulang ke Banten membawa jenazah Maulana Sultan yang dicintai itu, lalu dimakamkan dekat neneknya di "Sabakingking", dalam usia 35 tahun! (1605).

Gelar Baginda setelah mangkat ialah: "Marhum Suro Sowan".

Kesedihan yang pertama bagi Banten. Kita katakan yang pertama, kerana akan banyak lagi kesedihan lain yang akan menjimpa.

Nama "Sabakingking", ertinya bumi yang penuh dengan dukacita, sudah selayaknya diberikan bagi seluruh Banten, bukan saja bagi tanah perkuburan rajanya.

Sebab setelah Maulana Muhammad, yang kadang-kadang diberi gelar Panembahan, atau Kanjeng Ratu Sultan, hanya meninggalkan seorang putera yang masih kecil, usia lima bulan, iaitu Abul Mafakhir.

Maka terpaksa sebelum baginda dewasa, Kerajaan dipegang oleh Mangkubumi Jayanegara, dan kelak digantikan oleh Pangeran Aria Ranamanggala.

Mangkabumi Ranamanggal inilah yang akan menghadapi siasat licik dan kejam dari "Pieter Both", Gabenor General Kompeni Belanda yang pertama telah mulsu menancapkan kakinya di Jayakarta (1609).

IV. SEBAB-SEBAB PENYERANGAN PALEMBANG

I

RAKYAT Banten berdukacita atas mangkatnya Sultan yang amat mereka cintai tengah bertempur di medan perang. Apatah lagi penggantinya Abu'l Mafakhir masih berusia lima bulan.

Siapa yang menghasut dan membangkitkan semangat Maulana Muhammad sehingga tertarik benar hatinya hendak menyerang Palembang itu? Dan siapa yang empunya gara-gara?

Di Banten sudah lama hidup keluarga Aria Pangiri. Aria Pangiri adalah seorang Raja Islam yang malang juga nasibnya. Dia

adalah kurban perebutan kekuasaan dua kali di Demak. Pertama seketika Adiwijoyo merebut kuasa dari Demak dan memindahkannya ke Pajang. Kedua ketika Senopati merebut kuasa pula dari Demak dan memindahkannya ke Mataram.

Ketika Sultan Terenggano mangkat dibunuh oleh pelayannya (1546), yang patut menggantikannya ialah Pangeran Mu'min, puteranya yang tertua, lebih terkenal namanya dengan Sunan Prawoto. Tetapi beliau ini tidak menghiraukan dunia dan mengurbankan seluruh hidupnya untuk kepentingan agama, menjadi Ulama besar. Berputar haluan hidupnya daripada mencintai dunia dengan kebesarannya, kepada hidup beragama, ialah sebagai tindakan taubat atas suatu dosa besar yang menekan perasaannya. Dahulu, sebelum dia menjadi ulama, dia telah bersalah. Dia telah membunuh saingannya, iaitu Pangeran Sekar Sedo Lepen. Maka jalan satu-satunya ialah taubat dan membuang kemegahan dunia sama sekali. Tetapi putera Pangeran Sekar Sedo Lepen, yang bergelar Ari Penangsang menaruh dendam atas kematian ayahnya. Sehingga Sunan Prawoto, atau Kiyahi Mu'min dibunuhnya pula. Dan hendak dibunuhnya pula putera dari sunan Prawoto yang masih kecil, yang berhak menjadi Sultan Demak, iaitu Aria Pangiri. Takut anak ini akan dibunuh pula, maka diperlindungilah dia oleh Sunan Kali Nyamat yang bernama Pangeran Hadiri.

Sebab itu tidak ada lagi Raja di Demak. Waktu itulah Adiwijoyo, merebut lambang-lambang Kerajaan Demak dan membawanya pindah ke Pajang. Di kala mudanya terkenal namanya Joko Tingkir, disebut juga Mas Krebet dan disebut juga Panji Mas.

Setelah kekuasaan diambil oleh Adiwijoyo, maka diangkatnyalah Aria Pangiri menjadi Bupati di Demak. Sejak itu bekas Pusat Kerajaan Islam Demak, telah menjadi satu Kabupaten saja dari Pajang, meskipun yang dijadikan Bupati itu memang yang berhak menjadi Sultan juga di sana.

Dengan sabar, tetapi menaruh dendam, Aria Pangiri menerima nasibnya. Sampai pada suatu saat, muncul pahlawan lain yang akan mengalahkan Adiwijoyo. Itulah Senopati, putera Ki Gede Pemanahan (wafat 1575). Dia pun merebut kekuasaan dari Adiwijoyo, dan Sultan Pajang satu-satunya itu mangkat dalam perang (1582).

Senopati mengharap yang akan diangkat jadi ganti Adiwijoyo, ialah Pangeran Banowo. Tetapi bangsawan-bangsawan Demak

tidak mengangkat, melainkan memproklamirkan Aria Pangiri menjadi Sultan..... kembali di Pajang.

Dialah yang berhak, demikian fikir bangsawan-bangsawan Pajang — Sebab Pajang adalah sambungan Demak. Dari kenaikan Adiwijoyo selama ini adalah merampas haknya, kerana kebetulan di waktu itu dia masih kecil.

Bukan main murkanya Singa Mataram itu mendengar keputusan demikian. Belum juga faham rupanya orang Demak, bahawa Mataram sudah menjadi suatu kenyataan. Mataram sudah berdiri, Demak sudah tak ada lagi, dan Pajang pun tidak. Yang ada sekarang ialah Mataram. Pajang pun diserangnya kembali. Ternyata Aria Pangiri, yang telah memproklamir diri sebagai Sultan Pajang II tidak mempunyai banyak pengikut. Nyaris Senopati membunuhnya. Syukurlah Aria Pangiri diberi perlindungan oleh isteri Senopati sendiri, dimohonkan supaya dia dibiarkan hidup. Kerana lemah permintaan isterinya itu, maka Aria Pangiri dibebaskan dan disuruh pula kembali ke tempat tugasnya selama ini, kembali jadi Bupati di Demak! Di bawah Kuasa Mataram.

Tetapi di tahun 1587 Aria Pangiri mencuba pula menyusun suatu kekuatan hendak melepaskan diri dari Mataram. Senopati ketika itu sedang repot menghadapi pemberontakan di Kediri dan Surabaya. Tetapi dengan tangkas satu demi satu negeri-negeri yang berontak itu ditundukkannya, dan akhirnya hendak diserangnya pula Demak. Melihat kekuatan tidak cukup, Aria Pangiri pun insaf bahawa perlawanan adalah sia-sia. Lalu dikirimnya utusan ke Mataram memohonkan kepada Senopati, janganlah Demak diserang dan dia bersedia meninggalkan Demak buat selamanya dan berangkat ke negeri lain.

Setelah itu diapun berangkat menuju Banten, memperlingdungan dirinya kepada Sultan Banten. Dia akan merasa aman tinggal di sana, sebab saudara perempuan ayahnya, anak perempuan ayahnya, anak perempuan dari Sultan Terenggano, adalah isteri dari Sultan Hasanuddin. Sebab itu maka dia adalah jatuh sepupu sekali dengan Panembahan Yusuf.

Kedudukannya di Banten sangat dimuliakan, kerana dia memang raja yang berhak menjadi Sultan di Demak, dan pernah pula diakui menjadi Sultan di Pajang. Meskipun cita-cita hendak naik kembali ke atas takhta Kerajaan belum pernah padam, tidaklah dia mengganggu kekuasaan dan kedudukan Raja Banten yang kuat itu. Dia merasa aman, kerana meskipun bagaimana

gagah perkasanya Senopati, tidaklah dia akan kuat merebut Banten. Dan kalau Banten diganggu oleh Senopati, dia bersedia berdiri di sisi Sultan Banten untuk mempertahankan negeri itu.

Untuk merintang hatinya yang luka, banyaklah Aria Pangiri mengembara keluar. Dia pernah pergi ke Aceh, ke Indrapura dan pernah juga pergi ke Melaka. Sampai di Melaka, yang waktu itu diperintah Portugis. Konon, dia pun kahwin dengan seorang perempuan Portugis dan dimasukkannya perempuan itu ke dalam agama Islam.

Fikirannya menjalar juga. Dia ingat lagi bagaimana pertalian Demak dengan Palembang. Bahawasanya Palembang itu sejak zaman Majapahit adalah di bawah kuasa Majapahit. Dan setelah Demak jatuh, keluarganya pula yang lari ke sana, iaitu Ki Geding Sura. Maka Palembang itupun adalah sebahagian dari negeri di bawah kuasanya.

Segala cita dan angannya yang terpendam itu tidak dapat dilaksanakannya, kerana dia telah berumur, dan harta benda buat berperang pun tidak ada. Maka tatkala dia telah dekat mati, diwasiatkannya kepada putera sulungnya Pangeran Mas, supaya puteranya itu satu waktu harus berusaha mencapai tempat yang layak baginya.

Maka setelah Aria Pangiri mangkat, Pangeran Mas tetap dihormati dan dimuliakan di Banten. Pengaruhnya pun amat besar kepada Maulana Muhammad! Dia yang selalu membisikkan dan merayu, agar Palembang direbut!

II

USIA Pangeran Mas lebih tua daripada usia Maulana Muhammad. Maulana Muhammad yang masih muda itu ada sedikit gila kehormatan dan suka disanjung. Meskipun dia mempunyai Mangkubumi Jayanegara (yang kemudian menjadi Mangkubumi juga dari puteranya Abul Mafakhir, sebelum naik Ranamanggala), namun suara Mangkubumi dikalahkan oleh Pengaruh Pangeran Mas.

Pangeran Mas membahasakan kepada Maulana Muhammad "Rayi", ertinya saudara muda. Dan Maulana Muhammad membahaskannya "Raka", ertinya saudara tua.

Di tahun 1596 Kapal Perniagaan Belanda berlabuh di Teluk Banten di bawah pimpinan Cornelis de Houtman. Pada waktu itu

telah mulai Pangeran Mas memasukkan pengaruhnya kepada Maulana Muhammad, supaya orang-orang Belanda itu diusir saja dari Banten. Apatah lagi perangai orang-orang Belanda itu amat kasar, tidak tahu menenggang hati orang dan merasa dirinya lebih mulia daripada anak negeri. Usulnya dipertimbangkan; lalu dia diangkat menjadi Panglima Perang menghadapi bahaya-bahaya yang datang dari pihak Belanda.

Mula-mula orang-orang besar menurut saja apa kehendak Pangeran Mas itu. Tetapi ada satu hal yang orang heran, meskipun keheranan itu tidak mengurangi hormat orang kepada dirinya. Iaitu di dalam dia diserahi menjadi kepala perang menentang dan mengusir orang-orang Belanda yang mulai masuk ke Banten itu, ternyata sekali bahawa dia hanya membenci Belanda dan tidak membenci Portugis. Padahal orang Banten melihat bahawasanya kedua bangsa kulit-putih ini sama saja bahayanya dari Banten. Ada satu riwayat mengatakan bahawasanya Pangeran Mas itu adalah putera Aria Pangiri dengan isterinya Perempuan Portugis dari Melaka itu (tetapi hal ini belum habis diselidiki orang). Dia hanya seorang Pangeran yang menumpang dan diberi perlindungan dalam Banten, dan orang mengakui perhubungan kekeluarganya yang rapat dengan Sultan. Tetapi kian sehari dia kian mempengaruhi. Dia membenci Belanda, tetapi dia terlalu sangat mendekati Portugis.

Memang, perjuangan di antara Banten di bawah Pangeran Mas, melawan orang Belanda di bawah pimpinan Cornelis de Houtman membawa hasil yang baik bagi Banten, sehingga beberapa orang Belanda dapat ditawan. Mereka baru dapat dilepaskan dari tawanan, padahal hampir dihukum bunuh, ialah setelah de Houtman membayar wang tebusan banyaknya F.45.000. Dan Cornelis de Houtman berangkat meninggalkan Banten dan pada angkatan kedua kali di bawah pimpinan Van Neck berdamailah Belanda dengan Banten dan bolehlah mereka berniaga di sana.

Portugis berusaha hendak memperbaiki kedudukannya di Banten, sehingga datang utusan dari Melaka membawa barang-barang hadiah, di antaranya wang 10.000 rial dan barang-barang yang lain. Tetapi Banten tidak dapat menerimanya lagi. Dalam hal ini tidak berfaedah pengaruh Pangeran Mas.

Setelah gagal percubaannya yang pertama, Pangeran Mas mulailah memasukkan jarum yang kedua, iaitu membujuk Raja Maulana Muhammad supaya menyerang Palembang. "Cubalah

ingat, Rayi! Nenek kita dulu Al-Marhum Hasanuddin, berhasil menaklukkan Lampung. Ayahmu dahulu Panembahan Yusuf berhasil meruntuhkan Kerajaan Hindu Pajajaran. Rayi sendiri haruslah merebut Palembang. Palembang dahulu takluk ke Majapahit, dan Majapahit telah diruntuhkan oleh Demak, dan Banten adalah lanjutan dari Demak! Raja Palembang mesti takluk kepada kita. Siapa yang akan menyelenggarakan itu kalau bukan Rayi! Dan raka bersedia bila ada titah memimpin peperangan ke Palembang itu!"

Usul yang seperti itu rupanya telah membangkitkan semangat ingin kebesaran dan nama harum Maulana Muhammad yang masih muda itu. Maka dimesyuaratkannya dengan Mangkubumi dan orang besar-besar Kerajaan yang lain. Padahal syak-wasangka bangsawan Banten kepada Pangeran Mas sudah lama tumbuh. Seketika diminta pertimbangan mereka, mereka pun menyatakan persetujuan kehendak Maulana Sultan itu. Tetapi hendaklah peperangan itu dipimpin sendiri oleh Sultan, dan tak usah diserahkan pertanggungjawaban kepada Pangeran Mas.

Mereka bayangkanlah kepada Sultan, apa kiranya maksud yang terselip dalam hati Pangeran Mas. Dia ingin memimpin tentera ke Palembang, sebab Palembang sehendaknya bertakluk ke Demak. Ertinya dia hendaknya menjadi Raja di sana. Maka mengertilah Sultan ke mana tujuan usul Pangeran Mas itu.

Tatkala Pangeran Mas datang kembali ke istana, ditanyakannya dari hal maksud menyerang Palembang itu. Maulana Muhammad menjawab: "Usul Raka sangat berkenan di hatiku!"

Wajahnya berseri-seri mendengar jawab Sultan.

"Dan yang akan memimpin angkatan itu ialah Rayi sendiri!"

Wajah Pangeran Mas pucat mendengar sambungan jawab itu.

Maka penyerangan Palembang dilangsungkan di bawah pimpinan Maulana Muhammad. Rupanya terjadilah apa yang tidak diinginkan sama sekali. Maulana Muhammad meninggal dalam perjuangan, seluruh rakyat dan orang besar-besar Banten, sangatlah bersedih hati atas kehilangan Sultannya, yang masih muda dan sangat dicintai itu. Seluruh Banten berkabung. Berpuluh-puluh santeri membacakan Al-Quran dan doa-doa wirit di makam Sultan.

Dengan kematian Sultan dan kesedihan rakyat dan orang besar-besar, cemburu, marah, kecewa dan hiba hati tertumpahlah kepada Pangeran Mas. Meskipun dicubanya masuk istana, tidak-

lah ada orang yang menegur spanya lagi. Berjalan di jalanraya tidak ada lagi orang yang menghormati. Sehingga sempitlah bumi Banten buat dia. Kalau dia bertemu dengan puteri-puteri, ada puteri itu yang tidak dapat menahan hati, lalu berkata: "Rama! Mengapa Rama bunuh ayahku!"

Lantaran itu tidaklah tahan lagi tinggal di Banten. Dengan diam-diam dan tidak diketahui orang, dia pun keluar dari Banten menuju Jakarta. Pangeran Ancoi di Jakarta pun tidak lagi memperdulikan dia. Maka berdiamlah dia pada sebuah rumah terpencil di Jakarta bersama anak-anaknya.

Satu di antara anak itupun sangatlah sakit hatinya kepada ayahnya atas nasib yang menimpa diri mereka, dari mulia menjadi orang petualang, tidak tentu tempat hinggap. Pada suatu malam, kedengaranlah ribut-ribut di rumah beliau. Pagi-pagi dilihat orang Pangeran Mas telah mati terbunuh. Dibunuh oleh puteranya sendiri.

Demikianlah nasib keturunan Raja Demak yang paling akhir penuh dengan mimpi hendak merebut kembali kebesaran yang hilang. Tiap dicubanya tiap tak menjadi. Akhirnya mati jauh dari Kerajaan yang telah direbut orang lain, mati kerana ditikam puteranya sendiri!

D u n i a....!

Kata orang, di daerah Taman Sari sekarang itulah dahulu terdapat bekas istana Pangeran Mas....

V. MANGKUBUMI RANAMANGGALA

SETELAH kita baca sejarah perjuangan Pangeran Aria Ranamanggala, kian lama kian terasalah kebesaran Peribadi ini dalam sejarah bangsa Indonesia umumnya dan Banten khususnya. Sejarah beliau dan sejarah orang-orang pada zaman lampau di Indonesia, haruslah ditinjau kembali oleh bangsa Indonesia sendiri. Kerana selama kita masih berpedoman kepada sejarah-sejarah yang dibuat oleh orang Belanda, kita hanya akan mendapati tinjauan yang berat sebelah. Segala sesuatu ditilik dari kacamata orang Belanda.

Sulit sekali kedudukan Banten pada permulaan masuknya Kompeni Belanda ke tanah air kita ini. Bantenlah negeri yang lebih dahulu dimasuki oleh Belanda. Sejak Cornelis van Houtman, Van

Neck, sampai kepada datangnya Gabenor General yang pertama Pieter Both dan sampai kepada Jan Pieterzon Coen.

Maulana Muhammad wafat dalam perjuangan hendak merebut Palembang. Puteranya yang naik menggantikannya Abu'l Mafakhir masih berusia lima bulan. Maka terserahlah negeri pada pimpinan Mangkubumi. Mulanya Mangkubumi Jayanegara, yang menjadi Mangkubumi juga pada zaman Maulana Muhammad. Beliau ini telah tua dan sikapnya terlalu lemah menghadapi bangsa asing yang telah berduyun datang ke Banten mencari rempah. Tidaklah sepadan kelemahan Mangkubumi ini dengan besarnya bahaya yang dihadapi. Bukan saja Belanda, bahkan Portugis, Sepanyol dan Ingeris telah berebut-rebut hendak menanamkan pengaruh di Banten. Dan setelah Jayanegara wafat, dinaikkan orang adiknya menjadi gantinya. Tetapi tiada berapa lama dia menjabat pangkat itu, terpaksa dima'zulkan oleh bangsawan-bangsawan Banten, kerana kelakuannya tidak baik. Maka naiklah Bunda Raja sendiri, Nyi Ageng Wanagiri.

Di mana-mana kita berjumpa dalam sejarah di zaman Feudal, bila mana kaum wanita diberi kekuasaan yang sebesar itu, akan timbullah beberapa hal yang mendukakan hati. Seorang bangsawan dari keluarga kerajaan menjadi suami kepada Nyi Ageng Wanagiri, sehingga Sultan cilik itu berayah tiri. Dan dengan halus politik wanita ini, suaminya pula diangkat menjadi anggota majlis Mangkubumi.

Kekayaan negeri ditumpahkan ke dalam istana, untuk kemegahan hidup "orang dalam". Rakyat menderita, dan bahaya bangsa asing telah meliputi seluruh Banten, dan Raja yang masih kecil tidak tahu apa-apa, dan sengaja tidak diberitahu. Tidaklah heran kalau timbul pemberontakan, kerana rasa tidak puas rakyat, kian lama kian tak dapat dikendalikan lagi. Sehingga dalam tahun 1608 terjadilah pemberontakan besar, dan ayah tiri Raja itupun dibunuh orang.

Pangeran Aria Ranamanggala tampil ke muka! Dia dapat memadamkan kekacauan dan oleh sebab itu, seketika timbul suara memintanya menjadi Mangkubumi, diterimanyalah permintaan itu, dan memang itulah yang diinginya.

Naiknya Pahlawan Besar yang ternama ini, amat tepatlah pada waktunya. Dia melihat bagaimana kemunduran dalam negeri Banten. Dan dia melihat pula bahawa di Mataram beberapa tahun kemudian, telah timbul seorang Raja Besar, iaitu Sultan Agung

(1613), sedang haus kekuasaan dan melebarkan daerah. Sudah diketahui oleh umum, bahawa Sultan Agung pun ingin hendak merebut Banten dan memasukkannya dalam satu "Kerajaan Jawa yang Besar". Bahkan Chirebon telah jatuh ke dalam pengaruhnya. Raja-raja Chirebon disuruh berdiam di Mataram dan tidak boleh pulang ke negeri mereka. Kalau Banten lemah, nescaya dan akan menjadi satu Kabupaten saja dari Mataram.

Dengan masuknya bangsa asing berduyun-duyun berniaga di pelabuhan Banten, terutama Bangsa Belanda, Ranamanggala menghadapi suatu kenyataan yang harus mendapat penyelenggaraan yang baik. Sejak perniagaan di Banten terbuka, kekayaan telah melimpah-limpah.

Tetapi beliau kian lama kian merasa pula, bahawa orang-orang ini rupanya bukanlah semata-mata hendak berniaga. Di samping berniaga, mereka pun rupanya hendak menanamkan pengaruhnya, hendak mencampuri dengan beransur-ansur keadaan politik dalam negeri. Apatah lagi sikap mereka yang sombong dan angkuh; bau-bau daripada kefanatikan agama yang mereka bawa dari negerinya, memandang hina orang Islam.

Belanda bukan saja berniaga di Banten, tetapi telah besar perniagaannya di Maluku dan juga di Johor. Di tempat-tempat yang Kompeni telah berniaga, orang menghadapi kedua keadaan ini. Ekonomi makmur, tetapi Belanda kian lama kian menanamkan pengaruhnya. Dan kemakmuran itu hanya terbatas di kalangan orang atas!

Ranamanggala lebih insaf lagi kemudian, setelah pada tahun 1609, dia telah terlanjur suatu perjanjian dengan orang Belanda, bahawa mereka mendapat "lisensi istimewa" dalam perniagaan di Banten, lebih daripada bangsa-bangsa yang lain. Setelah perjanjian itu ditandatangani, barulah beliau merasa, bagaimana besarnya bahaya yang terkandung dalam perjanjian itu. Apatah lagi dari sehari ke sehari, Belanda kian mendesak, supaya perjanjian itu segera dilaksanakan. Lebih lagi kecewa hatinya, melihat bahawa Perjanjian yang telah ditandatangani sendiri itu mendatangkan riang gembira kepada kaum bangsawan Banten, kerana merasa kemewahan mereka terjamin. Dan Sultan sendiri tidak ada pertimbangan apa-apa, hanya lebih suka bersenda-gurau dalam istana dengan selir dan inang pengasuh.

Maka seketika orang Belanda menunggu-nunggu pelaksanaan janji itu, alangkah terkejut orang Belanda demi menerima peratur-

an baru dari Mangkubumi. Iaitu segala cukai perniagaan bangsa asing itu dinaikkan daripada biasa. Tidak terkecuali dan tidak ada yang diistimewakan. Orang Belanda boleh berniaga terus di Banten, tetapi tarif cukai mesti dituruti. Kalau Belanda tidak sanggup memenuhi tarif cukai yang telah ditentukan itu, dengan segala senang hati Mangkubumi akan melepas bangsa Belanda pergi berniaga ke tempat lain, dan bolehlah Banten ditinggalkan secepat mungkin.

Apatah lagi hati beliau sudah sangat cemas, kerana khabar-khabar yang beliau terima dari Maluku dan Johor, menyatakan bahawasanya di negeri-negeri itu Belanda telah mendirikan benteng-benteng yang kuat teguh dari batu.

Sebab itu maka selain daripada perintah membayar tarif cukai itu, beliau pun memerintahkan kepada Kompeni Belanda meruntuhkan gedung-gedung besar yang telah mereka dirikan dari batu, di masa pemerintahan Mangkubumi yang lama, dan dilarang pula mendirikan benteng, dengan janji bahawa keamanan orang Belanda dari serangan musuhnya, bangsa Sepanyol, akan dijamin dan dilindungi oleh Banten. Selain dari itu beliau perintahkan pula dengan segera kepada orang-orang Cina yang berniaga lada di Banten, supaya mereka meruntuhkan gedung-gedung batu yang mereka dirikan, takut akan dijualnya kepada orang Belanda.

Tetapi alangkah kecewa Mangkubumi yang keras hati itu, demi didengarnya bahawa dalam satu bahagian dari negeri Banten sendiri, iaitu di Jakarta, telah terjadi hal yang tidak disangka-sangka. Dengan bujuk rayu yang halus, Belanda telah dapat mempengaruhi Pangeran Wijaya Krama, Wakil Mutlak Kerajaan Banten yang memerintah Jakarta.

VI. SULTAN AGENG TIRTAYASA

(1651 - 1690)

(Perang Ayah dengan Anak)

SETELAH Sultan Abu'l Mafakir mangkat (1640), naiklah puteranya *Sultan Abu'l Ma'ali Ahmad Rahmatullah*. Meskipun baginda ini memerintah 11 tahun lamanya, tidaklah ada perubahan bagi Banten kerana lemah pemerintahannya, maka setelah dia mangkat pada tahun 1651, naiklah puteranya *Abu'l Fath Abdu'l*

Fattah. Bagindalah yang terkenal dengan SULTAN AGENG TIRTAYASA.

Hati Sultan Ageng ini sangat keras. Dia bercita-cita hendak membangunkan Banten dan mengembalikan kebesarannya. Dua musuh besar yang selama ini mengancam, iaitu Kompeni dan Kerajaan Mataram. Kebetulan, untung baik baginya kerana belum lama dia memerintah, terjadilah permusuhan yang mendalam di antara Kompeni dan Mataram, sehingga di bahagian Jawa Tengah dan Jawa Timur Kompeni senantiasa diikat oleh berbagai kesukaran. Maka diaturnyalah satu kumpulan orang-orang yang setia berganti-ganti pergi mengacau dan merampok ke Jakarta. Dan disuruhnya pula orang merosakkan kebun-kebun tebu kepunyaan Kompeni di Ciangke.

Amat ramailah perdagangan Banten di zaman pemerintahan baginda. Kapal-kapal dagang dari Persia, India, Tanah Arab, India Belakang, Manila, China dan Jepun memunggah dagangan di pelabuhan Banten. Lantaran itu maka pandangan beliau keluar negeri menjadi luas. Perhatian beliau dalam hal memajukan agama Islam pun amat besar. Ulama-ulama dari Mekah atau dari India banyak datang ke Banten dan disuruhnya pula orang belajar keluar negeri. Perhubungan ahli-ahli agama Islam di Banten dengan Aceh amat rapat. Nama baginda begitu amat masyhur di tanah Arab, terutama di negeri Mekah, sehingga bagi ahli-ahli Agama Islam itu timbullah kerinduan hendak berlayar ke Banten dan Aceh, hendak menebarkan Agama Islam. Itulah sebabnya maka di kedua negeri itu terdapat banyak keturunan kaum Sayid dari tanah Arab. Sebab kaum Sayid dihormati, di samping mereka dipandang bangsawan agama keturunan Nabi Muhammad, mereka pun memang menjadi penyiar Agama Islam. Mereka berkahwin dengan puteri-puteri bangsawan.

Besarliah pengharapan baginda, semoga Putera Mahkotanya, Abu'n Nashar 'Abdu'l Kahhar, jika dia telah tua atau mangkat kelak, akan dapat meneruskan siasat baginda memerintah Banten, memajukan negeri, melawan Kompeni dan menegakkan Agama Islam. Sebab itu, walaupun beliau masih kuat memerintah, telah dipercayakannya memberikan beberapa kekuasaan kepada Putera Mahkota itu. Kepada Putera yang dicintainya itu diserahkanlah memegang kekuasaan dalam negeri, dan diberinya pula gelar Sultan. Diperbuatnya istana baru di Tirtayasa, dan puteranya disuruhnya tinggal di istana yang lama (1671).

Besar hati baginda melihat perkembangan Peribadi puteranya, sehingga pada tahun 1674 disuruhnya puteranya itu naik haji ke Mekah. Dan dari Mekah disuruhnya pula melawat sampai ke Mesir dan Turki. Negeri Istambul pada waktu itu adalah pusat kekuasaan Kerajaan Usmani. Beliau ke Istambul di zaman Sultan Muhammad IV, dan yang menjadi Perdana Menteri (Ash-shadr'ul A'zam) ialah Ahmad Pashya Kuperli. Turki sedang berperang hebat dengan Kerajaan Oostenryek.

Sepeninggal anaknya pergi, Sultan Ageng meneruskan pemerintahan dengan semangat yang berkobar-kobar hendak melawan Kompeni. Dan besarlah harapannya bila anaknya pulang akan mendapat tambahan kekuatan yang besar, sebab anaknya telah menyaksikan dengan mata kepalanya sendiri keadaan Kerajaan-kerajaan Islam terutama di Turki.

Tetapi alangkah kecewanya baginda setelah putera yang dicintai itu pulang, sikapnya kian lama kian nyata berubah. Perjalanannya keluar negeri, terutama ke Mekah dan ke Turki bukan memperteguh hatinya, tetapi telah menggoyahkan keyakinan selama ini. Seketika ayahnya bersemayam di istana Tirtayasa, si Putera, yang sejak itu lebih terkenal dengan gelar Sultan Haji telah lebih suka berbaik-baik dengan Belanda, bahkan telah suka berdamai. Perubahan sikap Sultan Haji ini belumlah diselidiki dengan mendalam. Apakah agaknya kerana dia merasa bahawa ayahnya telah terlalu kolot dan fanatik? Atau mungkinkah setelah melihat bahawa negeri Turki yang dibangga-banggakan dan dijadikan ideal selama ini tidaklah lebih baik keadaannya dari tanah airnya? Atau adakah kerana putus asa melihat bahawa bangunan penjajahan yang telah dimulai oleh bangsa-bangsa Barat itu bukan terhadap Banten saja, tetapi telah merata juga di negeri-negeri atas angin! Atau mungkin juga dia seorang yang sombong yang suka dipuji-puji dan diadu domba oleh orang-orang Belanda dengan ayahnya, yang dicap sebagai "orang tua nyinyir"!

Dengan tidak seizin ayahnya Sultan Haji membuat perdamaian dengan Kompeni, dan perdamaian itu amat merugikan dan memalukan Banten. Sultan Ageng sangat murka, sehingga baginda mengumpulkan kekuatan hendak menyerang puteranya yang telah mengkhianati perjuangan negara itu. Baginda dibantu oleh puteranya yang kedua, Pangeran Purbaya. Beberapa orang pahlawan dari Lampung menyatakan diri membantu Sultan. Dan datang pula

seorang Ulama Besar dari Makassar, Syeikh Yusuf Taju'l Khalwati, dengan para pengikutnya berdiri di pihak Sultan Ageng.

Pecahlah Banten menjadi dua, ayah menyerang putera. Rakyat umum, dan kaum Ulama berpihak kepada ayah. Sultan Haji terdesak, kerana boleh dikatakan tidak ada rakyat membantunya. Maka untuk menjaga kemegahan dunia yang tidak bererti ini, tidaklah dia pergi tunduk dan meminta ampun kepada ayahnya, tetapi dengan segera dia meminta bantu kepada Kompeni. Maka pada saat itulah yang paling baik bagi Kompeni memasukkan pengaruhnya. Dia sudi membantu Sultan Haji, tetapi dengan syarat-syarat yang berat. Di antaranya ialah supaya dia sendiri yang mengusir segala bangsa asing yang berniaga di Banten, terutama orang-orang Inggeris, Denmark, Perancis, Portugis dan Sepanyol. Dan hak monopoli perniagaan terserah kepada Kompeni Belanda belaka. Sultan Haji tidak berfikir panjang lagi, segala syarat itu dipenuhinya. Dikorbankannyalah kekuasaannya untuk kemegahan.

Dan lantaran itu diakui oleh Kompeni Sultan Haji menjadi Sultan Banten (1681).

Setelah Sultan Haji menyerahkan kekuasaan sedemikian rupa kepada Kompeni, barulah Kompeni mengirinkan bala bantuan yang besar ke Banten. Maka seketika askar Banten di bawah pimpinan Sultan Ageng sendiri datang mengepung kota Banten, dengan sorak-sorai Allahu Akbar, hendak menghukum putera yang mendurhakai perjuangan bangsa, mendurhakai ayah dan mendurhakai agama, kandaslah penyerangan itu, kerana kota Banten telah dijaga oleh tentera Kompeni, pimpinan perang pun di tangan Kompeni, pahlawan perang Kompeni pun seorang Kapten Ambon Islam, bernama Jonker. Dua hari dua malam lamanya Sultan Ageng mengepung kota tiada jaya. Setelah mengepung, kerana kehabisan perbekalan, baginda pun undur lalu dikejar oleh tentera Belanda dari dalam kota dan undur ke daerah Cipontang dan Cisdane.

Beberapa bulan kemudian, jatuhlah Tirtayasa ke tangan Kompeni, di bawah pimpinan Kapten Jonker. Setelah baginda menyuruh bakar habis istana, baginda pun menyingkirkan diri bersama puteranya Pangeran Purbaya ke daerah Selatan (1682). Setahun kemudian, kerana segenap perlawanan telah patah, baginda pun menyerahkan dirinya. Maka setelah ditawan di Banten, beliau pun dipindahkan ke penjara Batavia. Dan dalam penjara

Batavia itulah baginda bersedih hati, berputih mata mengenangkan nasib malang Banten, dan mengeluh mengenang kesalahan besar yang telah diperbuat puteranya. Beberapa waktu lamanya masihlah terubat hati baginda, kerana bersama dengan baginda ditawan pula gurunya dan Ulama besar yang membantunya iaitu Syeikh Yusuf Taju'l Khalwati. Tapi itupun tidak lama, sebab beberapa waktu kemudian, Syeikh Yusuf diceraikan dari beliau dan dibuang ke pulau Ceylon.

Sejak dima'zulkan itu, baginda diberi hak memakai gelar "*Pangeran Ageng Tirtayasa*".

Adapun Sultan Haji sepeinggal ayahnya, kian sehari kian terasalah kesepian diri dalam keramaian. Lengkap dan rapi pengawal dan penjaga sekeliling diri dari istana. Tetapi terdiri daripada orang lain Kompeni dan budak-budaknya. Rakyat Banten sendiri tak ada yang mendekati lagi. Rakyat tidak mengakuinya sebagai Sultan mereka, tetapi "Sultan Kompeni". Dia tidak bebas. Kerana keluar istana harus diiringkan Belanda. Megah kelihatan pada lahir, namun batin meremuk. Dia kelihatan telah tua. Hanya lima tahun dia merasa kemegahan fatamorgana itu. Pada tahun 1687 dia pun mangkat. Maka datanglah berita kepada Sultan yang ditawan bahawa puteranya itu telah mangkat. Lalu digantikan oleh cucu nda, putera dari Sultan Haji, iaitu Abu'l Fadhl Muhammad Yahya. Tetapi belum cukup tiga tahun Sultan ini memerintah, dia pun wafat pula (1690). Semua perkhabaran ini sampai juga ke dalam penjara.

Cintanya kepada rakyat Banten masih belum padam-padamanya. Dia mengharap moga-moga suatu waktu kelak nasib tanah air dan rakyatnya akan berubah kepada yang baik. Maka untuk mengubat hati yang luka, dihabiskannya hari tuanya dengan beribadat kepada Tuhan, bersembahyang, bertahajjud dan membaca Al-Quran. Maka mangkatlah beliau pada tahun 1690.

Sudah 264 tahun sampai sekarang beliau mangkat, namun kesannya masih tinggal dalam jiwa orang Banten. Sultan Ageng sangat cinta kepada rakyatnya, dan rakyatnya pun sangat cinta kepadanya. Berpuluh-puluh tahun lamanya ada kepercayaan, bahawasanya Sultan Ageng tidak mangkat. Beliau akan datang kembali membebaskan Banten dari Kompeni. Dan berpuluh-puluh tahun pula lamanya orang Banten mengubat hati mereka yang luka, dengan mendakwakan bahawa Sultan Haji yang mengkhianati agama, Negeri dan Ayahnya itu bukan Sultan Abu'n

Nashar Abdul Kahhar. Sultan Haji yang sebenarnya telah mangkat ketika mengerjakan Haji di Mekah. Adapun Sultan Haji yang menyerahkan kekuasaan Banten kepada Kompeni itu adalah orang lain; "Sultan Haji Palsu", yang datang dari tempat lain, entah dari mana....

Sejak itu muramlah Banten..... Dan itulah kesedihan Besar kedua!

VII. NAMA DAN GELAR SULTAN-SULTAN BANTEN

SETELAH Abu Mufakir (yang empunya serba kemegahan) naik nobat, dapatlah kita perhatikan seterusnya pada pengangkatan Sultan-sultan Banten, bagaimana bertambah besarnya pengaruh Islam. Dan oleh kerana bangsa Arab adalah sebagai pelopor Agama Islam, maka adat istiadat yang dipakai Kerajaan-kerajaan Arab tentang memberi gelar kebesaran Sultan ditiru oleh Banten.

Di samping nama kecil yang asal, orang mempunyai lagi "Luqab", seumpama "Al-Faruk" (yang dapat membezakan di antara yang benar dengan yang salah), yang pernah diberikan Nabi Muhammad s.a.w. kepada sahabatnya 'Umar bin Khatthab. Demikianlah juga "Ash-Shiddiq" (yang mengakui kebenaran), yang diberikan kepada Khalid bin Walid. Dan ada juga luqab setelah wafat (Posthumus), seumpama "Zul Janahain" (yang empunya dua sayap) untuk Ja'far bin Abi Thalib.

"Kunniyah" ialah gelaran dengan memakai "Abu", ertinya bapa atau Yang Empunya.

Sebab itu maka 'Umar bin Khatthab memakai luqab "Al-Faruk" dan memakai kunniyah "Abu Hafsh". Abu Bakar lebih terkenal dengan kunniyahnya Abubakar, dan luqabnya Ashshiddiq, dan nama kecilnya Usman.

Raja-raja di Banten menuruti adat-istiadat ini. Sedang Raja-raja Melayu dan raja-raja di Aceh lebih banyak memakai adat-istiadat Raja-raja Islam di Persia dan India, iaitu memakai Shah. Raja-raja di Jawa memakai gelaran Jawa, sebagai Ing Alogo atau Herucoko, di Bugis memakai gelar-gelar dalam bahasa Bugis; iaitu Aru atau Ompu.

"Abu Mafakhir" diganti oleh puteranya; Abu Ma'ali Ahmad Rahmatullah. (1640 - 1651). Abu Ma'ali kunniyahnya, Ahmad nama kecilnya, Rahmatullah luqabnya; Yang Empunya Ketinggian, Ahmad, Dikurnia Allah.

Setelah itu Abul Fath (Yang Empunya Kemenangan), Abul Fattah, Sultan Ageng Tirtayasa (1651 - 1690).

Setelah itu Abun'nashar (Yang Empunya Kejayaan), Abul Qahhar, Sultan Haji (1671 - 1687). (Keganjilan catatan tahun di antara Sultan dua beranak ini adalah satu riwayat sedih yang telah kita paparkan di fasal yang lampau).

Setelah itu Abul Fadhl Muhammad Yahya (1687 - 1690). Di sini hanya terdapat kunnyiah dan nama asal. (Abul Fadhl — Yang Empunya Keutamaan).

Pada putera Abu'l Mahasin Muhammad Zainal sampai seterusnya jelas teraturinya kunnyiah dan luqab itu; *Abu'l Mahasin* (Yang Empunya serba keganjilan), *Muhammad, Zainal Abidin* (Perhiasan orang yang 'abid), (1690 - 1733). *Abu'l Fattah Muhammad Syifa, Zainul 'Arifin* (1733 - 1747). (Yang Empunya kemenangan, Muhammad Shifa, Perhiasan orang-orang yang 'Arif). Abul Ma'ali Muhammad Washiy Zainal Alimin (1752). (Yang Empunya Ketinggian, Muhammad Washiy, Perhiasan orang-orang yang 'Alim). Abun Nashr Muhammad 'Arif Zainal 'Asyiqin (1752 - 1777). Zainul 'Asyiqin ertinya perhiasan orang-orang yang 'Asyiq kepada Ilahi. Abul Mafakhir Muhammad 'Aliyuddin (1777 - 1802). 'Aliyuddin ertinya Ketinggian Agama. Abul Fatah Muhammad Muhyiddin Zainush — Shalihin, (1802 - 1804). (Yang Empunya Kemenangan, Muhammad — Yang menghidupkan Agama, Perhiasan orang-orang yang saleh).

Dia digantikan oleh Abun Nashr Muhammad Ishak, Zainul Muttaqin (Perhiasan orang-orang yang taqwa). Dia diasingkan Daendels ke Ambon.

Ada beberapa kesan yang kita dapat melihat kepada gelar-gelar Sultan itu. Pertama ialah bertambah mendalamnya ajaran Tasauf dan bertambah tingginya pengaruh guru-guru agama dengan faham Tasaufnya. Zainal Abidin (Perhiasan orang-orang yang kuat beribadat kepada Tuhan). Zainal Arifin (Perhiasan orang-orang yang telah mendalam ilmu ma'rifatnya). Zainal 'Alimin (Perhiasan orang-orang yang alim). Zainul 'Asyiqin (Perhiasan orang-orang yang asyik dan rindu kepada Ilahi). 'Isyq adalah salah satu pokok ajaran di dalam Ilmu Tasauf. *Isyq* (rindu), *wajed* dan *walh* hampir sama ertinya, dan bulatannya ialah Hubb, ertinya cinta. Dengan cinta menembus segala dinding (hijab) yang membatas di antara hamba dengan Tuhannya.

Kesan kita yang kedua ialah pada zaman Kerajaan masih kuat, Raja-raja dan Sultan masih memakai gelar yang sederhana, atau nama saja dengan tidak banyak sambungan. Sebagai Ratu Hasanuddin, Panembahan Yusuf, Maulana Muhammad; tetapi setelah Kerajaan mundur, orang bertahan dengan kemegahannya pada gelar-gelar yang tinggi dan panjang, tetapi ertinya tidak ada lagi.

Seumpama Sultan Siak Sri Indrapura, yang di awal Abad Ketujuh Belas, kerana perjuangan Raja Kecil Abduljalil Rahmat Shah, menjadi besar, sehingga Deli, Langkat, dan raja-raja Labuhan Batu pernah di bawah kuasanya, dan pernah juga Raja Kecil menaklukkan Riau dan Johor, maka kekuasaannya dicabut Belanda dari daerah-daerah Deli kerana Belanda telah mendapat kebun buat menanam tembakau. Maka setelah daerah-daerah itu di "merdekakan" Belanda dari kuasanya, Sultan pun diberi gelar kehormatan yang amat panjang: Sri Paduka Yang Dipertuan Besar Assaid Asy-Syarif Hashim, ibnu as-sayid asy-Syarif Qasim, Abduljalil Saifuddin Al-Ba'alwi. (Sultan Siak Sri Indrapura dan rantau jajahan takluknya, bersemayam di istana Assaraya Al-Hashimiyah). Itu adalah gelar lengkap dan rasmi setelah kuasa baginda dicopot satu persatu. Bertambah banyak tanah dan kekuasaan yang dicopot, bertambah panjanglah gelar.

"A'thini mulka-ka, a'thi lakal alqaba"

"Berikan kepadaku kekuasaanmu, aku beri engkau gelar....!"

VIII. DARI RUNTUHAN BANTEN LAMA

MELAWATLAH saya ke Banten. Dapatlah saya kesempatan melihat runtuh dan bekas sebuah Kerajaan Islam yang besar zaman lampau. Dari jauh kelihatanlah menara mesjid Banten, berdiri dengan megahnya, mengarah lampu suar memberi petunjuk bagi perahu-perahu dan bahtera yang berlayar di laut. Meskipun yang kita dapat sekarang adalah satu desa sunyi, satu runtuh batu-batu, namun khayal kita dapatlah menjalar, menyeruak awan dan mega sejarah.

Kalau sekiranya pasir dan runtuh batu-batu dapat berkata, tentu dia akan mengatakan bahawa di sinilah dahulu pahlawan "Kemenangan Allah" (Fatahillah) mendarat, melalui ombak dan gelombang membawa tentera Islam dari Demak. Di sini pula

dahulu puteranya Hasanuddin menjadi Sultan yang pertama. Dan dia pun tidak henti-hentinya mengembangkan agama Rasulullah, ke daerah Jawa Barat dan sampai juga menyeberang ke Sumatera; ke kampung dan daerah Selebar (Bangkahulu), sampai kahwin dengan puteri Sultan Indrapura.

Di pinggir Utara mesjid Banten, atau mesjid Sultan-sultan Banten itu terdapatlah "Sabakingking" — "Bumi Dukacita", tempat Hasanuddin bersemayam buat selama-lamanya. Di kiri kanan beliau bersemayamlah beberapa Sultan yang lain, demikian juga beberapa orang besar-besar dan puteri-puteri.

Di hadapan perkuburan dan mesjid kelihatan runtuh-runtuhan istana besar Banten yang menurut riwayat dikerjakan oleh tukang-tukang orang Belanda dan Perancis menurut contoh rumah-rumah besar orang Eropah. Istana itu didirikan atas perintah Maulana Yusuf, Sultan Banten yang kedua, putera Hasanuddin.

Penunjuk jalan saya, saudara Taher Hanaf, Wedana Pontang, berkata bahawa sebelum Revolusi batu-batu bekas istana itu tidaklah kelihatan. Kerana sejak kesultanan Banten bertambah runtuh dan hilang pamornya, terutama sejak kekuasaan Gabenor General Daendels telah dibiarkan begitu saja, sehingga rumputnya menjadi panjang. Akhirnya menjadi belukar dan akhirnya menjadi rimba raya. Kayu-kayu yang besar tumbuh, dan uratnya bersilang siur sehingga batu-batu hilang tak kelihatan lagi. Setelah Revolusi Besar Indonesia, barulah pemuda-pemuda membersihkan hutan belukar itu. Jelaslah sekarang gambaran dari kebesaran yang lama.

Kami pun melihat "Sultan Kanaal", iaitu bekas bandar galian air yang digali atas perintah Maulana Yusuf juga. Kerana pada zaman pemerintahan beliau rakyat diajar bersawah, sehingga Banten kaya dengan padi. Dan kesuburan ekonomi dengan sendirinya menimbulkan kesuburan agama. Hanya antara 2 atau 3 meter saja dari Kanaal buatan Sultan itu Belanda membuat galian air yang lain, supaya nama Sultan hilang dari ingatan. Tetapi kanaal buatan Sultan yang sudah berusia 350 tahun itu masih ada, dipenuhi oleh kiambang dan seroja, sehingga jelas dapat dilihat bekas pekerjaan besar itu, sekurang-kurangnya untuk jadi kenangan.

Sultan Yusuf atau Maulana Yusuf banyak benar meninggalkan jejak jasa di Banten. Sultan Yusuf yang menaklukkan Kerajaan Hindu Pajajaran sehingga tak bangkit lagi. Kami pun ziarah ke

makam beliau, tidak jauh di luar kota Banten. Juru kunci menerangkan bahawa yang di samping beliau adalah makam puteranya Maulana Muhammad yang mangkat dalam perjuangan di Sungai Musi Palembang. Dan di samping itu lagi kuburan Pangeran Jepara yang pernah datang hendak merebut kuasa. (Lihat fasal II, pengaruh Kadi). Termenunglah saya sejenak; sesudah di masa hidup demikian hebat keinginan Pangeran Jepara hendak merebut kekuasaan, namun setelah mati, mau atau tidak mau, mereka diperdekatkan orang juga.

Kami pun pergi ke Tirtayasa, sebuah desa yang lebih muram lagi di luar Banten.

Di sana terdapat makam Sultan Ageng Tirtayasa, terkenal nama beliau Abul Fat'hi Abdul Fattah, pahlawan besar Banten, pahlawan besar Islam, pahlawan besar tanah air di awal Abad ke-18 yang terpaksa berperang dengan puteranya sendiri, Sultan Haji yang mendapat bantuan dari Kompeni Belanda.

Tirtayasa dipilih oleh Sultan Abdul Fat'hi Abdul Fat'tah menjadi ibukota Banten Islam yang merdeka, setelah beliau lihat di Banten sendiri telah masuk pengaruh kehidupan Eropah. Dan putera harapannya Sultan Haji yang telah diberikannya hak memegang kekuasaan beberapa lamanya, telah diutusnya berlayar ke Mekah, tidaklah membawa perubahan kemajuan agama, tetapi telah kena ketularan semangat mewah ajaran Kompeni pula.

Akhirnya pecahlah perang di antara ayah dan anak. Ayah kalah dan mati dalam buangan Kompeni. Dan anak terpaksa menyandarkan kekuasaan kepada Kompeni.

Saya bertanya kepada penunjuk jalan, yang manakah kuburan beliau Sultan Ageng Tirtayasa, kerana terdapat beberapa kubur. Penunjuk jalan tidak dapat menunjukkan. Maka teringatlah saya kisah Diogenes di kuburan Philipus Raja Macedonia. Waktu itu Raja Iskandar Zulkarnain datang dan bertanya: "Mengapa orang tua di sini?" — Diogenes menjawab: "Di sini berkubur ayah Tuanku dan budak-budaknya, saya lihat kubur telah runtuh dan tulang berserak. Namun saya tidak dapat menyisahkan mana yang tulang ayah Tuanku dan mana tulang budak-budaknya. Kerana sama saja putihnya".

Rupanya, dibawalah tulang beliau dari Jakarta ke Banten, setelah lama beliau mangkat.

Sultan-sultan Banten! Telah hampir seluruh negeri yang bersultan, baik yang lama atau yang masih ada, belum saya pernah

bertemu yang sedemikian besar pengaruh Sultan-sultan yang telah mangkat sejak 300 tahun, bersemayam dalam hati dan kenangan rakyatnya sebagai di Banten.

Sampai sekarang masih ada orang yang datang ziarah dengan setia, bahkan minta diakui jadi rakyat Banten.

Kenang-kenangan dan kesetiaan adalah baik. Tetapi kita harus memandang ke muka, meneruskan langkah. Di Chirebon pun ada belahan kenangan Banten, yang sejarahnya berasal dari satu nenek "kesepuhan", "kanoman", "keprabonan", dan "kecerbonan" namun kenangan lain kenyataan lain.

Zaman itu telah lama berlalu, dia gilang-gemilang buat masa lampau dan gilang gemilang buat dikhayalkan. Kita sekarang tengah membuat lanjutan sejarah, yang anak cucu kita 300 tahun lagi, harus mengingatnya sebagai sejarah yang gemilang pula.

Kita tidak akan pulang ke zaman lampau, kita menuju zaman depan.

IX. PEMBERONTAKAN DI CILEGON

I

Peristiwa Sebelum Pemberontakan Cilegon

PADA pangkal kedua dari Abad Kesembilan Belas, terkenal di negeri Mekah seorang Ulama Besar. Beliau ialah salah seorang Guru Besar dalam Mazhab Shafie. Murid beliau beratus-ratus datang setiap tahun mengambil pelajaran agama Islam dari beliau, terutama dari Jawa Barat, iaitu Tanah Banten, Chirebon dan Sunda. Dan ada juga muridnya dari Tanah Melayu, dari Minangkabau, dari Ternate dan lain-lain. Banyak beliau menulis buku pelajaran Islam, terutama dalam bahasa Arab, sehingga terkenallah nama beliau sampai ke Mesir, Sham dan Turki dan Hindustan. Pernah beliau diundang ke Mesir dan disambut oleh para Ulama Mesir dengan sambutan yang mulia.

Nama beliau adalah Syeikh Nawawi Al-Bantani Al-Jawiy. Beliau meninggal tahun 1306 H. - 1888 M.

Anak-anak Banten sendiri jika belajar ke Mekah, beliauulah yang didapati. Kerana beliau pun mengajar pula dalam bahasa Sunda. Dan bila telah mendapat ijazah dari beliau, pulanglah mereka ke Banten, lalu mengajar pula, mendirikan pondok dan

madrasah. Sehingga walaupun telah lama Kerajaan Banten dihapuskan Belanda, namun pertahanan dan kekayaan jiwa penduduk Banten, masih terpelihara; yaitu Agama Islam.

Di Lebak Kelapa, Kecamatan Pulau Merak, terdapatlah desa Cilegon. Di sanalah salah seorang murid Syeikh Nawawi Banten yang baru pulang dari Mekah itu mengajar pula. Kian lama ramai pondoknya didatangi santri dari mana-mana. Pelajaran yang beliau berikan lebih banyak ditekankan kepada TAUHID!

Adat istiadat dan kebiasaan lama, pengaruh animisme dan kehinduan hendaklah segera dibersihkan. Tempat menyembah dan mengabdikan, hanyalah kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala. Jangan sampai membesarkan makhluk yang lain, sehingga membuat pelajaran Tauhid jadi kabur.

Nama Guru yang masyhur dan disegani itu ialah HAJI WASITH.

Ketiga ilmu yang sangat perlu bagi seorang pemimpin agama matang pada dirinya. Pertama Ilmu Kalam; kedua Ilmu Fiqhi; ketiga Ilmu Tasawuf. Oleh sebab itu dia disegani dan dicintai. Kawan-kawannya yang sama-sama pulang dari Mekah memandang Kiyahi Haji Wasith sebagai "pimpinan pusat" bagi gerakan mereka menebarkan Agama Islam di bumi Banten. Di antaranya ialah Haji Abdurrahman, Haji Haris, Haji Arsyad Thawil, Haji Arsyad Qashir, Haji Akib dan Haji Isma'il.

Pada tahun 1883 gunung Krakatau meletus. Bukan main dahsyatnya malapetaka yang menimpa umat, baik di Banten ataupun di Lampung. Pada tahun 1885 datang pula malapetaka lain, yang tidak kurang hebatnya, yaitu penyakit menular menimpa kerbau. Beribu-ribu kerbau yang mati, bergelimpangan kena penyakit waba hebat itu. Dan kematian kerbau-kerbau ini meliputi sebahagian besar tanah Indonesia, sehingga di dalam catatan sejarah orang Makassar, tahun 1885 itu disebut tahun "matinata-tedonge".

Pemerintah Kolonial Belanda bertindak cepat. Tetapi tindakan cepat tidak didahului dengan penerangan yang jelas, sehingga menimbulkan salah terima rakyat. Iaitu di mana-mana dijalankan penembakan kerbau. Walaupun kerbau yang sihat ditembak juga. Sehingga di Banten ada yang memelihara kerbau berpuluh ekor, datang serdadu Belanda, tidak ba tidak bu, kerbau-kerbau itu ditembak saja. Dan rakyat tidak dapat berbuat apa-apa. Kerana

kalau dia melawan atau menghalangi, maka muncung bedil akan dihadapkan pula kepada mereka.

"Tuan-tuan Haji" di Banten itu berusaha juga memberikan penerangan kepada rakyat, supaya sabar memikul cubaan Ilahi. Kalau perlu adakanlah "ratib tolak bala", adakan ratib membaca tahlil dan lakukan dengan mengadakan demonstrasi pada setiap kampung, untuk menolak bala itu. Dan tidak ada tempat memohon pertolongan, melainkan kepada Allah!

Tetapi ada rakyat yang masih belum mengerti agama, datang berduyun-duyun kepada sebatang pohon kayu di desa Lebak Kelapa. Yang empunya tanah tempat tumbuh "Kayu Keramat" itu mendapat banyak keuntungan daripada kekeramatan kayunya. Katanya kayu itu sakti; segala bala dan bencana, segala waba dan kolera akan dapat dimusnahkan oleh "jin" penghuni kayu itu, asal dibakar kemenyan, dihantarkan sajen. Dan bahkan kalau ada nelayan hendak berlayar mencari ikan, bila terlebih dahulu memuja ke tempat kayu itu tumbuh, maka dewa lautan akan memberinya banyak ikan. Kalau ada gadis lama baru mendapat jodoh, datanglah ke pohon kayu keramat itu, memohonlah di sana, nescaya akan segera dapat suami. Hutang pun akan lekas terbayar, dan piutang pun akan lekas menerima jika pohon kayu itu dipuja. Berdagang pun akan mendapat untung.

Menurut pengajian yang telah diterima oleh Kiyahi Wasith di Mekah, perbuatan ini adalah musyrik. Lalu bersama kawan-kawannya yang lain beliau meramaikan pengajian, mengajar orang kampung Ilmu-Tauhid yang khalis. Beliau mengatakan bahawasannya perbuatan itu samalah dengan menyembah berhala. Pernah dia menyampaikan permohonan kepada Kanjeng Bupati, agar beliau menjuruskan perhatiannya atas perbuatan yang sesat itu, tetapi permohonan "Haji-haji" itu tidak diperdulikan.

Menurut kepercayaan penduduk, segala kesusahan hati, segala niat dan nazar, akan dapat terkabul jika orang pergi memuja ke pohon itu. Haji Wasith menerangkan bahawa perbuatan itu salah! Beliau telah menyiarkan fatwa, bahawa perbuatan itu musyrik hukumnya. Tetapi orang yang empunya tanah tempat kayu itu tumbuh, amat keberatan apabila perbuatan itu diharamkan! Sebab sudah nyata banyak keuntungan yang didapatnya daripada pemujaan kayu itu!

Berkali-kali beliau memperingatkan haramnya perbuatan itu dan banyak orang yang telah taubat, tetapi banyak pula orang yang berkeras tidak mau menghentikan. Apatah lagi kerana propaganda-propaganda yang diadakan oleh yang empunya tanah tempat tumbuh kayu itu, dan kaki tangannya, bahawa banyak orang yang sembuh dari sakitnya, telah banyak gadis dapat suami, telah banyak perniagaan yang beroleh untung lipat ganda sejak memuja kayu itu.

Akhirnya beliau lakukan suatu perbuatan yang menurut anggapan beliau adalah perjuangan agama, tetapi tidak beliau indahkan bahawa perbuatan itu dilarang oleh peraturan negeril Beliau suruhkan murid-muridnya pergi menebang kayu itu malam hari, sehingga seketika orang yang hendak pergi memuja mendapati pagi harinya hanyalah tunggul bekasnya, sebab batang dan dahannya telah diperserak-serakkan. Dan sebelum orang ribut-ribut mencari siapa yang bersalah, beliau sendiri mengakui bahawa perbuatan itu adalah atas suruhan beliau. Kerana memuja kayu sama saja dengan menyembah berhala.

Yang empunya tanah tempat pohon itu tumbuh nescaya sangat marah. Dia pun datang mengadu kepada Asisten Wedana setempat. Di sana pun dia mendapat sokongan batin dari pihak-pihak yang berkuasa, bahawasanya orang tidak boleh masuk saja ke dalam pekarangannya kalau tidak mendapat izin daripadanya. Maka diaturlah perkara dan diadukanlah Haji Wasith kepada Jaksa, dituduh memasuki pekarangan orang lain dengan tidak seizinnya. Beliau dihadapkan ke muka pengadilan!

Meskipun dikemukakannya berbagai alasan menurut hukum agama, bahawa perbuatannya itu adalah melakukan perintah agama, Amar ma'ruf nahi munkar, namun undang-undang tidaklah dapat menyetujui perbuatannya itu. Beliau dihukum dengan didenda! Banyaknya F. 7.50 (tujuh rupiah lima puluh sen).

Denda yang dijatuhkan kepada guru agama ini, meninggalkan kesan yang tidak baik kepada murid-murid beliau, sebagai tambahan daripada kesan tidak baik yang telah timpa bertimpa dahulunya.

Inilah benih utama yang menjadi sebab timbulnya pemberontakan, menurut keterangan dari beberapa teman saya kaum pergerakan Islam di Banten. Satu di antaranya ialah saudara Haji Syadely Hasan, bekas anggota Konstituante dari Fraksi Masyumi.

Tetapi menurut catetan dari Pangeran Ahmad Jayadiningrat. Bekas Regent Serang dan salah seorang pegawai tinggi pemerintah Belanda yang amat terkenal dalam buku beliau "Kenang-Kenangan", sebab pemberontakan ialah kerana di belakang rumah Assistant Resident Goebels di Jombang Tengah ada sebuah langgar. Langgar itu bermenara. Seketika waktu subuh orang selalu membaca salawat atau tarhim dan azan dengan suara keras, sehingga selalu mengganggu Tuan Besar yang sedang nyenyak tidur. Maka oleh kerana kesenangan beliau sampai terganggu, beliau perintahkan kepada Patih, supaya diperbuat Surat Edaran memperingatkan supaya Salawat, tarhim dan azan itu tidak dilakukan keras-keras, kerana "Tuhan Allah tidak pekak!" Dan menurut penyelidikan Patih, menara langgar di belakang rumah Tuan Assistant Resident itu telah tua, lebih baik diruntuhkan saja. Lalu diperintahnya opas-opas meruntuhkan!

Kedua sebab itu dapat digabungkan. Pihak Ambtenaar pemerintah lebih menampak perbuatan meruntuh menara dan saudara Syadely Hasan lebih melihat denda yang dijatuhkan kepada Haji Wasith, sebab menebang "Kayu Keramat". Dalam keduanya telah nampak bukti, bahawasanya Pemerintah Kolonial dengan perantaraan ambtenaarnya, telah sangat menyinggung perasaan ke-Islam-an.

Apabila jiwa berontak telah tumbuh, orang tidak mengingat lagi perimbangan kekuatan. Baik denda kepada Haji Wasith sebab menebang pohon berhala itu atau surat edaran Patih melarang Salawat dan tarhim keras-keras, dan menara langgar yang diruntuh, semuanya telah tersiar ke seluruh kalangan kaum santeri di Banten!

Kalau sudah begini yang terjadi sekarang, betapa lagi selanjutnya.

Apatah lagi ertinya menjadi orang Islam, di tanah air sendiri, kalau perbuatan musyrik mendapat perlindungan dari pemerintah, dan pegawai pemerintah sendiri telah berani berlancang tangan meruntuh menara sebuah langgar? Berani pula mengeluarkan surat edaran, melarang tarhim dan salawat keras-keras? Nescaya akan datang lagi larangan lain, sehingga hapuslah agama dari negeri kita ini.

Haji Wasith menemui temannya Tubagus Haji Isma'il, hendak memperbincangkan bahaya yang menimpa agama ini. Haji Isma'il pun telah merasa. Kawan yang lain, Ulama yang lain pun merasa!

II

ORANG yang berpendirian lemah dapat mengambil alasan dari ayat: "wala tulqun bi aidikum ilat tahlukah — Jangan kamu jatuhkan tanganmu ke dalam kebinasaan". Mereka dapat menahan hati jangan sampai berontak bersandar kepada ayat ini. Mereka dapat menyabarkan diri kerana berontak ertinya kebinasaan dan kehancuran. Tetapi orang yang berfikir keras berpendapat bahawa jalan yang wajib ditempuh ialah bunyi Hadis: "man raa munkum munkaran — Siapa di antaramu yang melihat perbuatan munkar, hendaklah ubah dengan tangan, tidak kuasa dengan tangan, dengan lidah. Tidak kuasa dengan lidah, hendaklah dengan hati, dan dengan hati itu adalah selemah iman". Mereka tidak mau memilih yang selemah-lemah Iman!

Adapun "tahlukah" menurut mereka bukanlah kebinasaan lantaran menegakkan yang Haq, mempertahankan Iman dan Agama. Mereka berpegang kepada keyakinan meskipun kita binasa, mati lantaran membela pokok kepercayaan agama, bukanlah itu mati, tetapi hidup di sisi Tuhan, sebab Syahid! Tetapi kalau kita tidak menunjukkan bahawa kita tidak mau menara kita diruntuh, azan dan tarhim dan salawat dilarang atau dibiarkan saja pihak kekuasaan membela orang musyrik menyembah pohon kayu yang tidak memberi menafaat dan tidak memberi mudarat itu, itulah kebinasaan yang sebenarnya. Selanjutnya kelak orang akan lebih leluasa berbuat sesuka hatinya kepada agama kita!

Pendirian inilah yang dipegang oleh Haji Wasith.

Maka bersama dengan Haji Isma'il, disusunlah perlawanan Kemurkaan Rakyat kerana kelaparan, kerana kematian kerbau, kebencian yang telah terkumpul kerana melihat keangkuhan pegawai pemerintah Belanda bangsa Bumiputera, dan sebab-sebab yang lain, adalah laksana bensin yang menunggu nyala api saja.

Pangkal segala bencana yang menimpa umat dan agama, ialah Belanda. Tetapi Belanda tidak akan dapat menindas rakyat demikian rupa, kalau tidak mempunyai kakitangan, iaitu ambtenaar Bumiputera; Susunan Bestuur sejak dari Regent, Patih, Wedana, Penolong Wedana, sudah lama putus hubungannya ke bawah, dan

hanya bergantung ke atas. Mereka mencari sebanyak-banyaknya pujian dari pemerintah di atas, pemerintah kafir yang tidak mengerti perasaan rakyat. Atau mengerti juga akan perasaan itu, tetapi dapat ditindas dengan memakai alat dari kepala-kepala rakyat itu sendiri.

Maka kemurkaan hati para Ulama yang telah berkobar-kobar itu, di bawah pimpinan Haji Wasith sudah sampai ke puncaknya. Semua Belanda yang ada di Banten dan semua pegawainya orang Bumiputera yang menjadi kakitangannya, hendaklah disapu bersih! Dan sebuah pemerintahan agama akan gantinya wajib segera didirikan di atas runtuhnya pemerintah Belanda itu.

Pada hari Isnin malam Selasa, tanggal 9 jalan 10 haribulan Julai 1888, kira-kira pukul setengah empat parak-siang, bergeraklah pemberontak mengepung Cilegon; Haji Wasith dengan pengiringnya akan masuk dari sebelah Utara dan Haji Isma'il dengan pengiringnya akan menyerang dari sebelah Selatan.

Yang menjadi tujuan pertama ialah Patih, Raden Pennah, pegawai negeri yang kebelanda-belandaan itu, yang berani memerintahkan meruntuh menara langgar dan melarang orang tarhim dan salawat, kerana mengganggu telinga Tuan Assistant Resident! Untung baginya, kerana Patih itu dalam perlop sakit dan berubat di rumah sakit Serang!

Dengan sorak tahlil yang dahsyat dan seram, pemberontak telah masuk ke dalam kota Cilegon mencari musuh-musuhnya, orang yang mereka pandang menghalangi agama. Kerana serangan itu datang dengan tiba-tiba, maka yang terlepas dari bahaya maut hanyalah orang-orang yang kebetulan tak ada dalam kota! Yang lebih dahulu hendak dibongkar ialah gudang-garam pemerintah yang terletak dalam pasar dan akan dibagi-bagikan segala isinya kepada rakyat. Kemudian itu dibuka pula pintu penjara dan dikeluarkan dari dalamnya orang-orang tahanan dan orang-rantai, diajak bersama-sama memberontak.

Apabila saat sudah sedemikian rupa, pertimbangan orang-orang yang marah itu sudah kurang, dan kendali fikiran sudah dikalahkan oleh perasaan, sehingga pemimpin tidak dapat lagi mengendalikan pengikut. Seorang penjahat bernama Kasidin membunuh Wedana yang datang hendak mencari perdamaian.

Assistant Resident Goebels yang tidak mau diganggu, sedang tidur enak oleh suara azan subuh, tarhim dan salawat itu, mati kerana luka-luka berat dalam pertempuran, demikian juga anak-

nya dua orang yang masih kecil-kecil dibunuh oleh perusuh yang sudah tak terkendalikan. Kemudian mereka bunuh pula Tuan Bachet dan dua gadisnya. Seorang anaknya dan seorang kemenakannya ditawan.

Sehari semalam lamanya kekacauan tidak dapat diatasi. Tetapi seorang Babu/orang gaji dapat melarikan diri ke Serang, membawa khabar kepada pihak yang lebih atas, sehingga Regent bersama-sama dengan Kontelir berangkat segera dari Serang bersama dengan 40 orang serdadu di bawah pimpinan Leftenan Satu Bartlemy.

Tidaklah akan kita ceritakan sampai kepada soal sekecil-kecilnya bagaimana hebat dan dahsyatnya pemberontakan Cilegon itu sebagai akibat daripada hati yang sangat panas. Banyak Belanda dan isterinya yang mati, turut pula anak-anaknya. Demikian juga pegawai pemerintah bangsa kita sendiri yang selama ini turut menindas rakyat. Dan sudahlah dapat diramalkan lebih dahulu, bahawa kekuasaan dan kekuatan pemerintah Belanda akan segera dapat memadamkan pemberontakan itu. Setelah datang bantuan dari Serang dan dari tempat lain, pemberontakan sudah dapat dipadamkan. Bergelimpang pula mayat pemberontak di tanah lapang di Cilegon.

Ada pun pemimpin-pemimpinnya, ada yang menjadi korban dalam pertempuran, sebagai Haji Wasith sendiri dan mana yang terang bersalah membunuh orang, siapa-siapa yang dibunuh dan berapa orang, setelah habis pemeriksaan dan terang salahnya, lalu dihukum gantung.

Meskipun pemerintah ini pemerintah penjajah, namun rasa satria dan menghormati keyakinan orang yang melawannya, masih tetap ada padanya. Pemimpin-pemimpin pemberontak yang tidak turut bersalah membunuh orang yang berjuang kerana keyakinan, tetapi kalah dalam perjuangan, tidak dihukum gantung, tetapi dibuang.

Yang ternama di antara beliau-beliau itu ialah:

Haji Abdurrahman dan Haji Akib dibuang ke Banda.

Haji Haris dibuang ke Bukittinggi.

Haji Arsyad Thawil dibuang ke Gorontalo.

Haji Arsyad Qashir dibuang ke Buton.

Haji Isma'il dibuang ke Flores.

Sangatlah berkesan kerusuhan di Cilegon itu, atas taktik kaum Kolonial memerintah. Sejak itu keluarlah instruksi kepada segenap

Ambtenaar, baik yang bangsa Belanda, apatah lagi yang bangsa "Bumiputera" agar selalu berhati-hati menjaga perasaan agama penduduk. Harus dijaga hati Kiyahi-kiyahi yang amat berpengaruh kepada pengikutnya itu. Jangan terburu nafsu menjalankan suatu peraturan, sebelum ditinjau kehendak dan perasaan penduduk. Sebaliknya keluarlah perkataan "fanatik". Orang yang keras memegang aturan agama, Kiyahi yang taat dan mempunyai banyak pengikut, dicap "fanatik"! Prof. Dr. Snock Hourcroye menyediakan dirinya mempelajari selok-belok keyakinan kaum Muslimin di Indonesia, dan mencari jalan, betapa menghilangkan dengan beransur-ansur perasaan "fanatik" itu.

Kadang-kadang orang pun berusaha hendak menunjukkan bahawa dia tidak fanatik lagi. Dia "luas pergaulan" dan "toleransi", sehingga Pangeran Ahmad Jayadiningrat menceritakan di dalam "kenang-kenangan"nya bahawa sejak pemberontakan Cilegon itu, kaum ambtenaar yang dahulunya teguh kuat memegang adat istiadat Jawa yang berpangkal pada ajaran Islam, selalu berusaha menampakkan ke muka umum, bahawa aturan agama itu tidaklah dipegangnya teguh lagi! Mereka tidak "fanatik" lagi. Buktinya ialah, bahawa di dalam pesta-pesta sudah mulai diedarkan sampanye dan berendi! Malahan seorang Haji yang telah lama di Mekah, lalu pulang dan membuka perniagaan kopra di zaman Pangeran Ahmad menjadi Regent di Serang mengadakan sebuah pesta, mengundang orang-orang berpangkat tinggi dan orang-orang Cina kaya, sudah mulai makan memakai sudu dan garpu dan mulai pula mengedarkan sampanye dan berendi!

Ada pun Haji-haji yang dibuang itu, hanya merasai sebentar saja kesedihan, kerana diasingkan dari kampung halaman. Setelah mereka sampai di tempat pengasingan itu, tidaklah lama kemudian, mereka pun telah dapat menyesuaikan diri. Mereka memanglah orang-orang Alim ikutan, sehingga di tempat-tempat kediaman baru itu, mereka segera telah menjadi guru-guru Agama, yang diikuti orang.

Haji Arsyad Thawil yang dibuang ke Gorontalo, setelah beberapa tahun kemudian, telah dicabut masa pembuangannya dan dibolehkan pulang ke Banten. Tetapi tidak lama di Banten terpaksa kembali ke Gorontalo, sebab murid-muridnya mendesak dia, supaya dia lekas kembali. Beliau adalah salah seorang penziar Islam yang amat berjasa di daerah itu.

Haji Arsyad Qashir yang dibuang ke Buton, kemudian dipindahkan ke Menado. Di tempat-tempat beliau dibuang itu, beliau meninggalkan banyak murid. Dan di Menado beliau banyak mengislamkan orang.

Ada pun Haji Haris yang dibuang ke Bukittinggi, suraunya berhadap-hadapan dengan surau Inyik Syeikh Mohammad Jamil Jambek, disayangi dan disegani oleh penduduk. Ramai sekali sejumlah, murid-murid belajar kepada beliau. Nama beliau kurang diingat orang, hanya panggilannya saja, kerana telah terbiasa di Indonesia ini nama Ulama di "pantang"kan menyebutnya. Di Bukittinggi beliau disebut "Engku Syeikh Banten". Sampai sekarang, jalanraya di hadapan surau tempat beliau mengajar itu, masih memakai nama "Jalan Syeikh Banten".

Pada bulan Agos 1959 saudara Syadely Hassan, yang terkenal di daerah Banten pergi ke Banda-Neira menziarahi kuburan neneknya Haji Abdurrahman. Sebagai juga Syeikh-syeikh yang lain, nama beliau ini terlukis dalam hati kaum Muslimin di Banda dan kuburannya diziarahi orang.

Dengan kehendak Allah Taala, anak cucu dari para pemimpin itu masih tetap menjadi pelopor Revolusi di daerah Banten; Almarhum Kiyahi Haji Syam'un, pemimpin Revolusi 1945 di Banten yang sempat belajar ilmu perang di zaman Jepun, sehingga diangkat jadi Daidanco, adalah cucu dari Haji Wasith!

Dan didapati juga keturunan mereka yang di Flores, Ambon, Buton dan Menado.

Dan pada tahun 1888 itu pula, tahun pemberontakan Cilegon, wafatlah di Mekah guru dari sekalian guru-guru itu (Syeikh Masai-khina). Tuan Syeikh Nawawi Al-Bantani Al-Jawiy. Boleh dikatakan bahawa dari beliaulah sebahagian besar diterima ajaran keteguhan Iman itu. Dan nama Syeikh Nawawi Banten, bukan saja masyhur di Indonesia, bahkan di seluruh Tanah Arab, terutama dalam kalangan yang bermazhab Shafie, oleh sebab karangan-karangan beliau dalam bahasa Arab tersiar di mana-mana dan diketahui dalam kalangan Ulama al-Azhar.

Dan nama Syeikh Nawawi inilah satu-satunya nama Ulama Indonesia yang tertulis di dalam "Dairatu Ma'rif", tambahan dari kamus bahasa Arab yang masyhur, iaitu "Al-Munjid". (Cetakan 1955, halaman 543).

BAHAGIAN KETIGA

I. NAN TONGGAL MEGAT JEBANG

SETELAH Portugis menaklukkan Kerajaan Melayu Melaka di tahun 1511, dia pun telah mencuba meluaskan kuasanya ke pesisir-pesisir pantai pulau Sumatera, sehingga pernah pula didudukinya Pasai di pantai Utara dan pernah ditaklukkannya negeri Tiku dan Pariaman di pantai Barat. Di tempat-tempat yang dikuasainya didirikanlah logi-logi perniagaan.

Kalau tidaklah berdiri Kerajaan Demak dan Banten di Jawa dan Kerajaan Aceh di Sumatera, tidaklah akan dapat dihambat perluasan kekuasaan Portugis. Dan di awal Abad Ketujuh Belas, datang pula saingannya yang besar, iaitu Kompeni Belanda dan Kompeni Inggeris.

Untuk menunjukkan kekejaman dan kejahatan Portugis, timbullah sebuah kisah bikinan rakyat, yang tidak tentu siapa pengarangnya pada mulanya. Di Tanah Melayu cerita itu bernama "Anggun Cik Tunggai" dan di pesisir Minangkabau bernama "Nan Tonggal Megat Jebang".

Di dalam hikayat itu digambarkanlah dengan susun kata yang penuh sindiran, dan diceritakan dari mulut ke mulut, bagaimana buruk dan jahatnya bangsa yang menjajah negeri Melayu itu. Susunan hikayat Anggun Cik Tunggai dengan Nan Tonggal Megat Jebang, hanya berbeza sedikit saja, sedangkan isinya sama.

Dihikayatkanlah bagaimana buruk dan ganas rupa Raja Bedurai Putih, dengan kapal perompaknya yang datang dari negeri Tambang Papan. Raja Bedurai Putih itu dikatakan sifat-sifatnya.

"Tujuh hasta bidang dadanya,
tujuh cap pokok lengannya,
gerahannya empat serumpun
segantang memakan gaging,
dua cupak lekat di giginya".

Di sana tergambar nian bagaimana rasa benci bangsa kita kepada Portugis. Dibayangkan di sana sifat-sifat perampok lanun

di laut, yang tangannya penuh dengan rajah-rajah atau tattoo. Dia keluar dari negeri hendak merampok, merampas dan menawan puteri-puteri yang cantik-cantik. Sampai akhirnya mendarat di negeri Pariaman, meminta supaya empat orang puteri, anak Raja Pariaman diserahkan dengan tidak bersyarat. Iaitu Puteri Pinang-Masak, Puteri Kasah-Embun, Puteri Emas-Manah dan Puteri Gandam Ganto Sori.

Mungkin nama keempat puteri itu adalah kiasan daripada empat kekayaan bumi tanah air yang sangat diperlukan oleh bangsa Penjajah. Pertama Pinang bersama dengan rempah-rempah yang lain. Kedua Kasah-Embun, ertinya hasil pertenunan (textiel) anak negeri. Ketiga Emas-Manah, iaitu emas amanah dan simpanan kekayaan. Keempat Gandam Ganto Sori, iaitu hasil-hasil bumi yang lain.

Semuanya mesti diserahkan dengan tidak bersyarat. Dan Raja Pariaman tidaklah mau menyerahkannya, sehingga negerinya diserang dan dihancurkan dengan meriam dari laut sehingga hancur lebur menjadi "Padang jarak, padang tekukur".

Setelah negeri dapat dikalahkan dan segala puteri telah dapat ditawan dan anak raja-raja dijadikan budak, sangatlah sakit hati Raja Badurai Putih, kerana dua orang Puteri tidak dapat ditawannya, kerana dapat menyembunyikan dirinya, iaitu Gandam Ganto Sori dan Puteri Genta Permai. Sebab dari permulaan kisah, kedua puteri inilah kelak akan timbul cerita "Nan Tonggal Megat Jebang" yang akan menuntut bela atas keruntuhan negeri nenek-moyangnya yang telah hancur itu.

Dalam sejarah yang sewajarnya, memanglah beberapa waktu lamanya negeri Tiku dan Pariaman diduduki Portugis, sampai Kerajaan Aceh menjadi kuat, sampai Air Bangis, dirampas kembali oleh Aceh dan berdiri Kerajaan Indrapura dengan teguh megahnya. Dan pengaruh Aceh itu sampai sekarang amat nyata di sebelah Pariaman. Hanya di sana saja di Minangkabau orang mengambil gelar keturunan daripada ayahnya, iaitu gelar Sidi (Sayid), Bagindo dan Sutan.

Pada wajah orang-orang yang bergelar "Sidi" yang asli di Pariaman masih terbayang rupa orang Arab.

Sebuah pelabuhan di Bandar Sepuluh, diberi nama oleh Portugis "Salido", ertinya "Jalan Keluar".

Nan Tonggal Megat Jebang dihikayatkan mengembara mencari sanak saudaranya yang telah ditawan musuh, sampai dapat

menuntut bela dan sampai dapat mendirikan Kerajaan Pariaman yang baru di atas runtuhan yang lama, yaitu di Padusunan. Dalam susunan cerita, dikisahkan bahawa bagaimana juapun kehancuran yang telah diderita, namun akhirnya mesti bangun juga.

Demikian halus disusun cerita itu, ditambah dan dibungai oleh tukang-tukang kaba (ahli hikayat) yang datang di belakang. Yang membuat bermula masih sadar apa yang diceritakannya, tetapi yang datang kemudian, tidaklah insaf lagi, bahawa semuanya itu adalah sindiran yang halus atas kekejaman penjajahan.

Raja Badurai Putih sudah terang tergabung dari tiga kalimat yang mempunyai erti yang dalam. Raja sebagai lambang daripada kekuasaan yang tidak berbatas. Badurai adalah dari kata asing "Viceroy" yang dimelayukan jadi badurai. Dan putih ialah warna daripada bangsa penjajah "kulitputih", dan di Semenanjung Tanah Melayu sampai sekarang masih disebutkan "orangputih". Waktu Portugis mulai menginjak Melaka, disebut orang mereka itu "Bengali Putih".

"Tujuh hasta bidang dadanya", melambangkan badannya yang besar. "Tujuh cap pokok lengannya", sebab biasanya lengan mereka diukir-ukir. "Gerahannya empat serumpun", melambangkan rakusnya, sebab "segantang memakan daging, dua cupak lekat di giginya". Ini melambangkan bahawa mereka sangat loba-tamak, rakus dan pengecoh. Kalau dapat harta rampokan yang mereka serahkan kepada rajanya hanya sedikit. Yang lebih banyak tinggal di sela-sela giginya. Dan mereka itu mempunyai "tujuh berhala di dalamnya".

Raja Badurai putih itu mempunyai dua orang saudara. Beberapa hasil rampasan yang didapati diserahkan sebahagiannya kepada kedua saudaranya itu. Saudara yang pertama ialah "Raja Si Patokah", dan hasil sebahagian lagi diserahkan kepada saudaranya "Raja Si Anggarai".

Raja si Patokah adalah lambang daripada nama Portugal! Dan Raja Si Anggarai lambang daripada Inggeris!

Demikianlah, apabila bangsa kita telah merasa lemah, tak dapat melawan lagi, mereka perbuat cerita. Di dalam cerita itu diisikanlah sindiran dan rasa benci kepada musuh, dihinakan dan ditunjukkan kejahatannya, sehingga anak cucu mengerti, dan pada suatu masa kelak, "malu yang tercoreng di kening" itu akan dapat dihapuskan juga dengan kedatangan "Nan Tonggal!"

Dalam Hikayat "Cindur Mato" yang menuliskan kisah dongeng Raja-raja Minangkabau, sambil bernyanyi ditunjukkan sifat-tabiat bangsa Belanda; "Bagai Belanda meminta tanah, dari bahu hendak ke kepala".

Penyelidikan atas cerita-cerita semacam ini, yang pada lahirnya sebagai dongeng yang tidak dapat dijamin kebenarannya, bolehlah kita mencari kepandaian bangsa kita menyembunyikan maksud yang sebenarnya, dalam kata sindiran yang halus, dan diturunkan kepada anak cucu oleh tukang-tukang "kaba". Dengan menggesak rebab atau salung atau bangsi, disambut bertalu-talu dengan sorak sorai tanda kegirangan....

II. TUANKU IMAM BONJOL GADING BERTUAH

PADA tanggal 7 November 1956, telah diperingati dalam suasana yang penuh khidmat hari wafat yang ke-92 dari Tuanku Imam Bonjol. Saudara Prof. Mr. H. Mohammad Yamin dan saya disertai memberikan kata kenangan atas perjuangan Almarhum Tuanku. Saudara Yamin dalam penutup katanya yang memakan waktu hampir satu jam, berkata: "Jika orang berkata bahawa tidak ada gading yang tak retak, maka saya telah mempelajari kehidupan Tuanku Imam dari segala segi yang dapat saya pelajari, kerana perjuangan beliau serasa kejadian kemaren. Maka saya tidak melihat ada retaknya.

Beliau adalah "Gading yang Bertuah".

Apa yang dikatakan oleh Saudara Yamin itu akan dapat diterima, apabila kita pelajari dengan saksama riwayat perjuangan Tuanku Imam.

Dia mencampungkan diri ke dalam gerakan Paderi, setelah sampai seruan Tuanku Nan Rinceh dari Kamang ke Bonjol. Dan Tuanku Nan Rinceh menerima pula pelajaran itu daripada tiga Tuanku yang pulang dari Mekah, membawa pokok pelajaran Tauhid yang suci bersih, menurut penafsiran Ibnu Taimiyah dan Ibnu Qayyim dan Muhammad Ibnu Abdil Wahhab (Wahabi). Nampak sekali kesungguh-sungguhan hati beliau, berusaha bagaimana supaya pokok ajaran itu dijalankan pula di Bonjol, tetapi tidak dengan kekerasan sebagaimana yang dilakukan oleh Tuanku Nan Rinceh di Kamang dan seluruh Agam.

Yang lebih dahulu beliau usahakan ialah menyusun negeri Bonjol, agar di dalamnya dapatlah dilakukan ajaran itu. Didirikan

mesjid yang besar dan di samping itu disusun pula persatuan yang teguh di antara pemangku adat, iaitu ninik-mamak dengan Tuan-ku-Tuan-ku Ulama. Diadakan Raja Empat Sela; dua dari kalangan adat dan dua dari kalangan syarak. Supaya berlakulah pepatah adat: "Syarak yang mengata, adat yang memakai".

Perjuangan beliau mempunyai tujuan, agar hukum dan ajaran agama berlaku dalam masyarakat. Dan berlakunya ajaran agama tidaklah mungkin lancar kalau tidak terdapat kesatuan yang rapat di antara ulama dengan ninik-mamak. Dan adat itu hendaklah diberi jiwa Tauhid yang murni. Kekuasaan yang dipunyai oleh ninik-mamak, adalah alat yang sebaik-baiknya buat memperdalam pengaruh agama ke dalam masyarakat. Sebab itu Datuk Bandaro adalah seorang ninik-mamak yang menjadi pengikut setia Tuanku Imam.

Kekerasan sebagai yang dilakukan oleh Tuanku Nan Rinceh, sampai membunuh uncu (adik ibunya) sendiri kerana melanggar hukum, tidaklah beliau sukai. Membunuh keturunan-keturunan bangsawan, sebagai yang dilakukan Tuanku Lintau, tidak pula beliau setuju. Yang penting bagi beliau, ialah memasukkan pelajaran agama sampai mendalam di hati orang-orang yang terkemuka itu. Yang beliau cari ialah pengaruh Rohaniyat yang mendalam, sehingga di dalam kota Bonjol yang beliau dirikan itu, ramailah mesjid oleh orang yang datang berguru dari seluruh pelosok Minang dan Mandailing.

Bonjol dibuatnya sebagai satu contoh dari sebuah negeri, yang di sana "Adatnya kawi, syaraknya lazim". Dan "Alim sekitab, besar seandika, penghulu seundang-undang".

Hukum asli yang telah ada, tidaklah beliau tinggalkan. Bolehlah kita lihat! Jika Raja-raja dan orang-orang besar Indonesia Abad Kedelapan Belas dan Sembilan Belas, berjuang melawan Belanda kerana menurut suatu susunan negeri dengan memakai Raja, yang kadang-kadang pemimpin-pemimpin itu sendiri menjadi raja, Sultan, Amiril Mu'minin, sebagai Pangeran Diponegoro, maka Tuanku Imam memakai dasar yang asli di Minangkabau, iaitu: "Kemenakan beraja kepada mamak, mamak beraja kepada penghulu, penghulu beraja kepada kata mufakat". Maka kata mufakat itulah yang wajib diisi dengan kehendak Agama Islam.

Tentang kedudukan beliau sendiri dalam susunan itu, tidaklah pernah beliau tuntutan. Dia tidak meminta menjadi Yang Dipertuan Pagarruyung, sebab dia bukan berdarah Raja. Dia pun tidak

meminta diktator ulama, yang menentukan halal dan haram dan tidak boleh dibantah. Beliau hanya meminta supaya agama itu dirasakan dan diresapkan di dalam hati sanubari dan dibuktikan dalam perbuatan dan dijelmakan dalam susunan masyarakat. Beliau sedia bersahabat, hatta dengan Kompeni Belanda sekalipun asal saja susunan masyarakat beragama itu tegak dan jangan diganggu.

Kalau ini kita pelajari, memang beginilah intisari dari kehendak Islam. Islam tidak memperkatakan bagaimana susunan satu negara, Republikkah atau Kesultanan. Islam hanya mengemukakan inti bahagia satu masyarakat, iaitu SYURA (Kata Mufakat).

Oleh sebab itu, naiknya Tuanku Imam dalam pandangan seluruh penduduk Lembah Alahan Panjang, adalah kenaikan yang wajar, yang tidak dicampuri ambisi-ambisi Politik dan nafsu-nafsu ingin kuasa. Penduduk negeri, ninik-mamak dan ulama, memandang tidak ada orang lain yang layak dijadikan "Tuanku" dan "Imam", dan kepala dari "Raja Empat Sela", melainkan beliau-lah.

Demikian juga seluruh Tuanku dan Ulama di Minangkabau, akhirnya tidak pula menampak yang lain di kalangan mereka yang suci bersih, yang dapat menjadi pulang tempat mengadu, melainkan beliau pula. Sehingga Tuanku Nan Rinceh sendiri berulang datang ke Bonjol meminta berkat pengestu beliau.

Dalam tingkat-tingkat keagamaan yang disusun menurut adat di Minangkabau, beliau naik sejak dari bawah. Nama kecilnya Ahmad Syahab, setelah mulai berilmu, diberi gelar Peto (Pandita) Syarif, setelah lebih maju lagi diberi gelar Tuanku Mudo. Setelah maju selangkah lagi diberi gelar Malim Besar, akhirnya sampai di puncak dengan gelar Tuanku Imam! Ada pun gelar Imam itu menurut istilah ada yang bersendi syarak di Minangkabau, istilah mempunyai dua isi, pertama Imam Ibadat di dalam negeri, kedua Imam dalam perang!

Tasbih, alatnya buat zikir mengingat Tuhan, ada dalam tangannya yang kiri, dan pedang buat menjaga hukum dan kehendak agama, ada dalam tangan kanannya. Bila orang bertemu dengan dia walau musuh sekalipun, seperti Kolonel Elout ketika kedatangannya mencuba menaklukkan Bonjol yang pertama, tatkala berjumpa dengan Tuanku Imam, terpaksa berlaku hormat dan menyambut beliau dengan penuh khidmat. Sebab pada wajahnya

nampak bayangan dari suatu peribadi besar yang patut dihormati! Waktu itu Kolonel Elout meminta Tuanku Imam menentukan siapa akan gantinya, sebab beliau telah tua! Dengan senyum yang penuh erti beliau menyerahkan urusan itu kepada Kolonel Elout: "Saya serahkanlah kepada Tuan memilihnya, sebab pilihan Tuan jugalah yang akan berlaku".

Tapi orang tua yang tawaduk, tunduk dengan tidak melepaskan tasbih itu, bertukar menjadi harimau yang galak, bertempur menghayunkan pedangnya ke kiri kanan, seketika kemudian ternyata pengkhianatan musuh.

Setelah kejatuhan Bonjol yang pertama, beliau telah mengundurkan diri. Tetapi setelah nyata bahawa kehormatan agama tersinggung, mesjid dijadikan tangsi serdadu, timbullah berang-sang beliau dan beliau mengambil pimpinan kembali, padahal usianya sudah lebih dari 60 tahun! Sejak itu beliau tidak pernah takluk dan tidak pernah menyerah, beliau hendak mati dalam pertempuran. Dalam perang merebut Bonjol yang kedua, 17 liang luka-luka mengenai badannya.

Dan penangkapan pada dirinya, hanya dapat dilakukan dengan tipu daya jua. Tidak heran jika setelah dia dipindahkan ke Betawi (Jakarta) dan tinggal di kampung Bali, lekas sekali pengaruhnya berurat di sana. Terpaksa dipindahkan ke Cianjur. Di sana pun lekas tertanam pengaruhnya. Maklumlah orang Sunda dengan Ulama! Lekas dia dikirim ke Ambon. Di sana pun beliau dikeramatkan orang! Lekas dikirim ke Lutak Menado. Setiap pagi hari Isnin, beliau disuruh pergi melaporkan diri ke kantor Residen di Menado! Ter"pulau"lah kampung Lutak itu sampai sekarang, menjadi kampung orang Islam di antara kampung-kampung orang Kristian. Terdapatlah bekas surau tempat beliau mengajar dahulu, sekarang menjadi tanah perkuburan. Sekarang telah dibina makam beliau di pinggir kali Lutak, yang deras airnya, sehingga kedengaran gemerincihnya air mengalir dari makam pusara itu. Di pinggir kali itu terdapat sebuah batu hampar putih, tempat beliau melakukan sembahyang. Gemerincih air di sungai Lutak yang deras itu, mengingatkan kita kepada derasnyanya air mengalir di sungai Batang Masang, yang mengalir sejak dari Lembah Alahan Panjang, menuju Samudera Hindia....

Semangat Tuanku Imam dalam perjuangan untuk agama dan Tanah Air, tetaplah memberikan ilham bagi pejuang dari kalangan didikan agama di zaman kita sekarang ini....

III. BASYAH SENTOT DI MINANGKABAU

DALAM usia sangat muda, masih kurang dari 20 tahun, Pangeran Diponegoro telah menumpahkan kepercayaan kepadanya. Sehingga pernah dia menjadi "orang kedua" dalam peperangan melawan Belanda, diberi gelar "Senopati", sebagai Kiyahi Mojo pun menjadi "orang kedua" dalam pimpinan agama. Sentot adalah pahlawan, anak Pahlawan. Ayahnya adalah Bupati Madiun Raden Ronggo Prawirodirjo, terkenal namanya kerana tidak mau tunduk demikian saja berhadapan dengan kekerasan Gabenor Jenderal Daendels. Ayahnya mendidiknya dengan dua didikan, yang terpadu menjadi satu, iaitu didikan Iman dan Islam yang kuat, digabungkan dengan didikan satria, didikan kepahlawanan orang Jawa sejak zaman purbakala.

Oleh sebab itu tidaklah heran, tatkala Pangeran Abdul Hamid Diponegoro memaklumkan jihad melawan Belanda, Sentot telah menyediakan dirinya menjadi apa saja pun yang hendak dipercayakan oleh Sang Pangeran atas dirinya.

Tiap-tiap kepala perang diberi oleh Sang Pangeran gelar "Basyah", menurut kebiasaan di Turki. Dan memang tentera Kerajaan Turki Usmani yang bertempur di segala medan perang, banyak benar memberikan inspirasi pada masa itu kerana gagah beraninya. Selain dari gelar "Basyah", Sentot pun diberi gelar kepala perang "Senapati". Mula-mula memimpin tentera, gelarnya ialah Basyah Imam Abdul Kamil Sentot, dan setelah mencapai kemenangan gilang gemilang di Naggulan pada 28 Disember 1828, dia diberi lagi gelaran baru: "Raden Basyah Prawirodirjo Sentot".

Tetapi bagaimana pun keras hati Pangeran Diponegoro melanjutkan peperangan, akhirnya tidaklah seimbang kekuatan penangkis dengan kekuatan Belanda yang menyerang. Sejak tahun 1828 itu boleh dikatakan perjuangan mulai menurun — Satu demi satu pahlawan-pahlawan beliau gugur dalam medan perang. Sehingga telah lebih banyak beliau bertahan atau bersembunyi dari satu gunung ke gunung yang lain, daripada menyerang.

Pada saat-saat yang demikian, Belanda mempergunakan berbagai macam akal buat meleakaskan jatuhnya perlawanan itu. Pernah dijanjikan upah beratus ribu rupiah bagi barangsiapa yang sudi mengkhianati Diponegoro, menyerahkannya hidup atau mati kepada Belanda. Daya yang amat pengecut ini tidaklah berhasil.

Akhirnya dibujuknya orang yang berada di kiri kanan Diponegoro, pahlawan-pahlawan perangnya yang masih tinggal. Mereka pun tahu, bahawa peperangan ini akhir kelaknya akan kalah juga, kerana persiapan tidak lengkap lagi, namun Belanda hendak memperkecil tujuan dan sasaran. Lalu dimaklumpkannya kepada pahlawan-pahlawan yang masih tinggal bertahan, bahawa perang ini akan kalah juga. Kalau mereka sudi menyerah dengan segala pasukan pengikutnya, mereka akan disambut dengan serba kehormatan, dan tentera mereka tidak akan dipecah belah. Bahkan akan diberi kedudukan yang layak di bawah naungan pemerintah Belanda.

Setelah menerima seruan Belanda itu, Sentot yang telah tercerai jauh tempatnya dari Sang Pangeran dan junjungannya, bermesyuarat dengan orang kiri kanannya. Banyaklah yang memberi nasihat lebih baik menyerah saja, kerana tidak akan dihinakan. Dan kalau menyerah, Belanda akan memberikan pangkat yang layak. Dengan pangkat inilah kelak dia akan melanjutkan cita-citanya, iaitu menanamkan pengaruh Islam yang lebih besar dalam daerah yang dikuasainya! Demikian bujukan Belanda.

Tidak panjang fikir lagi, ditinggalkannyalah junjungannya, yang telah mengangkat namanya, sehingga mencapai titel "Basyah" dan "Senapati" itu. Apatah lagi orang tua yang sangat diseganiya pula, Kiyahi Mojo telah lama tertawan! Lantaran itu dia pun menyerah kepada Belanda!

Pada 24 Oktober 1829 Jeneral De Kock menyambut penyerahannya itu dengan kehormatan militer tertinggi. Diakui kedudukannya sebagai kepala perang, tidak diusik gelar "Basyah dan Senapati" yang dipakainya.

Setelah Sentot menyerah, Pangeran Diponegoro kehilangan pembantu yang kuat. Tetapi sungguhpun demikian, Diponegoro tidak juga dapat dikalahkan dalam perang. Tangkapan yang dilakukan pada dirinya pada tahun 1830, hanyalah setelah Belanda mengkhianati adat Raja-raja, iaitu menawan orang yang sedang berunding. Demikian juga yang mereka lakukan terhadap Kiyahi Mojo. Dengan pemungkiran janji terhadap diri Pangeran itu, selesailah perang Diponegoro!

Sentot adalah orang perjuangan! Setelah dia menyerah di tahun 1829 itu, benar-benar diberikan baginya gaji besar, diperlakukan sebagai Pangeran-pangeran Jawa yang berdaulat, disamakan kedudukan dan kehormatan terhadap dirinya dengan yang dilaku-

kan terhadap Mangkunegoro di Surakarta atau Paku Alam di Jogjakarta! Tetapi dia tidak diberi daerah.

Tenteranya terdiri daripada 1.800 orang yang terlatih baik. Diberi makanan cukup dan pakaian lengkap, tetapi tidak diberi tugas! Dan kekuasaan atau daerah yang dijanjikan tidak juga menjadi kenyataan. Sentot takut kalau-kalau semangat perjuangan tenteranya menjadi kendur. Mereka adalah para santeri yang kuat beribadat, semuanya memakai serban dan jubah. Dan setelah mereka menggabungkan diri kepada Belanda tidak segera disuruh mengganti pakaian seragam!

Dan perang Paderi sedang berkecamuk di Minangkabau!

Alangkah pintar Belanda. Di saat itulah Belanda menyampaikan kepada Basyah Sentot, bahawa baginya terbuka medan perjuangan. Diceritakan kepadanya, bahawa di Minangkabau ada segolongan kaum yang mengakui dirinya Islam sejati, padahal mereka menganut faham yang sesat! Merosak Islam! Itulah Kaum Paderi Belanda memerangi kaum itu, untuk membela umat Islam yang "cinta damai", di bawah pemerintahan Sultannya sendiri di Pagarruyung! Kalau Sentot sudi berperang bersama Belanda di daerah Minangkabau itu, kepadanya akan diberikan satu daerah yang luas untuk diperintahnya.

Tanah wilayah yang akan dirajainya itu ialah Daerah XIII Koto! Bala tenteranya dapat tinggal di sana kelak membangun daerah itu!

Sentot menerima tawaran itu. Tetapi Gabenor General mengirim surat rahsia kepada Resident Militer dan Sipil di Padang, supaya sangat dijaga jangan sampai ada hubungan Kaum Paderi dengan Sentot!

Sentot dengan tenteranya berangkat ke Minangkabau pada tahun 1832, iaitu tiga tahun setelah dia meninggalkan junjungannya Diponegoro!

Sampai di Minangkabau dia telah memasuki medan perang, sampai ke Matur, sampai ke Lima Puluh Koto, bahkan khabarnya konon sampai ke Air Bangis!

Tetapi tidaklah selalu berhasil usaha menjauhkannya dari kaum Paderi; sebab dia harus berperang melawan Paderi! Alangkah terkejutnya beliau, bila didengarnya bang (azan) di medan perang, bahkan lebih lantang daripada suara azan tenteranya sendiri!

Sama-sama terkejut! Rupanya dalam tentera dari Jawa yang dikirim Belanda, ada pula orang berserban, orang yang mengerjakan "Shalatil Chauf" di medan perang! Sebagai juga mereka, orang Paderi!

Sama-sama terkejut! Kerana di sini memakai serban, di sana pun memakai serban. Lama-lama bagaimanapun Belanda menjaga, kontak bertambah rapat.

Rupanya pakaian sama, hati sama, kepercayaan sama, cita pun sama!

Mengapa kita jadi berperang!

Sentot yang masih muda, baru berumur 25 tahun di waktu itu sangat terharu. Teringat kembali junjungannya yang telah diasingkan Belanda, padahal dia turut mempercepat kekalahan beliau! Timbul tekanan batin yang amat hebat. Timbul keinginan hendak memperbaiki kesalahan yang telah terlanjur dengan berbuat suatu jasa yang besar!

Dalam kalangan orang Minangkabau, sedang tumbuh keinsafan. Kaum Paderi berkelahi dengan Kerajaan Minangkabau. Padahal Kerajaan Islam. Selama ini mereka diadu! Mereka diadu untuk kepentingan Belanda!

Mereka yang akan habis. Belanda yang akan mendapat untung.

Bertemu cita Sentot dengan cita Paderi dengan cita Kerajaan Minangkabau!

Hubungan dirapatkan, sehingga khabarnya konon, Tuanku Imam Bonjol sendiri, walaupun telah tua, pernah mengadakan pertemuan rahsia dengan Sentot!

Siapa yang mengatakan orang Minangkabau membenci orang Jawa?

Siapa saja diterima, asal memperjuangkan Islam. Begitu dahulu dan begitu sampai kini....!!

Putus mufakat, Kaum Paderi dengan Kaum Adat akan berdamai, dan Sultan Alam Muning Shah, Raja Minangkabau yang telah diberi pangkat Regent oleh Belanda sudi mengangkat Sentot menjadi Yang Dipertuan Besar! Sebab Sentot pun memang asal raja di negerinya. Dan dia pun Alim. Dan gagang bedil akan dihadapkan bersama-sama kepada Belanda. Surat Raja Minangkabau kepada Raja-raja di pesisir dikirim, membangkitkan semangat buat melawan....

Tetapi mata-mata Belanda akhirnya mengetahui maksud besar ini. Belanda lekas mengambil sikap sebelum terlambat!

Yang Dipertuan Minangkabau, Muning Shah, yang bergelar Sultan Alam Bergagar Shah, dipanggil ke kantor Belanda lalu ditawan dan dibuang ke Betawi. Banyak serpih belahan keturunan baginda yang masih ada sekarang, di antaranya R.B. Sabaroeddin dan Syafruddin Prawiranegara!

Kuburan Sultan Alam Bergagar Shah terdapat di perkuburan Mangga-Dua, Jakarta.

Sentot dan tenteranya lekas-lekas di "Konsunyer", lalu lekas-lekas disuruh bersiap diberangkatkan kembali ke Betawi pula. Dan tidak berapa lama kemudian Basyah Sentot Abdul Mustafa diasingkan ke Bangkahulu, dan di sanalah pahlawan itu menutup mata! Tidak jauh dari kuburnya, ada bukit bernama "Tapak Paderi".

Dan Imam Bonjol dan kawan-kawannya, meneruskan perjuangan!

IV. SAYID SULAIMAN AL-JUFRI

MINANGKABAU dalam tahun 1825 adalah sedang dalam puncak kepanasan. Seluruh daerah telah jatuh ke dalam kekuasaan Belanda, tetapi Kaum Paderi mengatur pertahanannya dengan kuat dan gigih di bawah pimpinan yang cekap. Sebagai Tuanku Imam di Bonjol, Tuanku Lintau dan Tuanku Nan Rinceh di Kamang (Agam) dan lain-lain. Telah banyak darah yang tertumpah dan telah banyak perubahan kerana peperangan.

Kedua belah pihak yang berlawanan, baik Pemerintahan Hindia Belanda, ataupun Kaum Paderi sendiri, merasa bahawa satu waktu peperangan ini mesti berdamai juga. Sehingga kalau adalah "orang tengah" yang dapat menunjukkan jalan yang tidak akan memalukan bagi kedua belah pihak, maulah mereka menuruti jalan itu.

Waktu itulah hidup seorang Sayid yang masih muda dalam kota Padang daerah pendudukan Belanda. Di samping seorang alim tentang hal Agama Islam, dia pun luas pandangan, mengetahui keadaan negeri-negeri lain yang ada di sekitar Minangkabau. Pergaulannya dengan orang Belanda baik dan dia pun disegani oleh anak negeri. Sayid Sulaiman Al-Jufri.

Segala yang kejadian itu diperhatikannya dengan saksama. Perlawanan di Minangkabau adalah perlawanan perkara agama.

Dia sangat percaya bahawa dia akan dapat mengambil peranan penting untuk menyelesaikan perselisihan itu. Namanya tiada terala dalam pandangan orang Belanda, dan dia percaya pula berkat keturunannya, bahawa pemimpin-pemimpin Paderi di Minangkabau tidak pula akan curiga terhadap dirinya.

Dia sanggup hendak mencari penyelesaian.

Dalam pada itu dia pun mempunyai nafsu berkuasa yang keras, bahawa dari penyelesaian itu dia akan mendapat keuntungan yang diakui oleh kedua belah pihak. Bukankah dia keturunan "Sayid?" Bukankah di seluruh dunia Islam keturunan itu dihormati? Dan bukankah pula golongan merekalah penyiar Islam yang utama di kepulauan "bawah angin" ini? Di Riau Sayid Zaid Al-Qudsy mendapat kedudukan baik dalam Kerajaan. Di Siak, keturunan merekalah (Bin Syahab) yang dirajakan, setelah habis keturunan Raja yang berdarah Melayu Minangkabau. Di Aceh pun pernah ada keturunan Sayid menjadi Raja Aceh, setelah punah keturunan Iskandar Muda Mahkota Alam! Maka apa salahnya, kalau kena jalannya, dia pun menjadi Raja di Minangkabau?

Maka diterangkannyalah maksudnya kepada Residen Belanda di Padang bahawa dia sanggup menjadi orang perantara. Dia sanggup menemui pemimpin-pemimpin Paderi, hendak menyelami apakah niat sengaja mereka yang sebenarnya. Kolonel Steurs sebagai Residen dan Komandan Militer di Padang menerima usulnya dan memberinya kuasa buat menjadi utusan Belanda menemui Kaum Paderi.

Dengan hati besar dan percaya akan "kekebalan" dirinya, sebagai seorang keturunan Sayid, keturunan Rasul, dia pun berangkatlah ke pedalaman. Yang lebih dahulu ditujunya ialah Bonjol, menemui Tuanku Imam. Dia diterima di Bonjol dengan serba kehormatan yang layak pertama dalam kedudukannya sebagai utusan rasmi pemerintah Hindia Belanda, kedua kerana memang dia bangsa Sayid. Maka setelah beberapa hari lamanya menjadi tamu yang dihormati di Bonjol, dinyatakannyalah bahawa Belanda ingin hendak bersahabat dengan orang Minangkabau, dan sekali-kali tidak berniat hendak mengganggu Agama Islam. Dengan lemah lembut dan sopan takzimnya Tuanku Imam menjawab: "Habib! Kami tahu cita-cita Habib yang baik itu! Belanda yang seperti itu, dahulu pun telah kami dengar seketika Perjanjian Damai di Masang! Padahal kalau niat suci itu memang ada, mengapa Koto Lawas yang terang di bawah kuasa kami telah

diduduki saja dan tidak ada niat rupanya hendak mengembalikan? Mengapa di tempat-tempat yang terang kami berkuasa, selalu diganggu dan dikepung? Dan lagi, jika benar Belanda hendak berdamai dengan kami, silakanlah meninggalkan Luhak Agam! Kerana itu adalah daerah kekuasaan kami. Katakanlah kepada Belanda supaya ia menghormati perjanjian yang telah dibubuhinya tandatangannya sendiri! Habib tahu bagaimana erti janji bagi kita orang Islam! Pada rasa kami dari pihak kami sendiri, tidaklah pernah janji kami langgar!"

Di sana Sayid Al-Jufri bertemu dengan yang lebih besar daripada yang dikira-kiranya semula. Bertambah sehari bertambah insaflah dia betapa sulitnya menghadapi daerah itu. Dan ketika berhadapan dengan Tuanku Imam yang telah tua itu, Tuan Sayid Insaf, bahawa bukanlah dia yang lebih banyak "mengaji" siapa Tuanku Imam, tetapi Tuanku Imamlah yang lebih banyak menakar jiwa Tuan Sayid!

Ketika Tuan Sayid memohon diri hendak meninggalkan Bonjol dan meneruskan perjalanannya ke Lintau, menemui Tuanku Pasaman, dia telah dilepas dengan serba hormat oleh Tuanku Imam dan diberi hadiah-hadiah. Akan tetapi sebelum dia berangkat, utusan peribadi Tuanku Imam telah berangkat lebih dahulu ke Lintau.

Setelah Tuan Sayid sampai di Lintau, dia pun dengan hormat, lebih pula daripada di Bonjol. Dan ketika berunding, pemimpin-pemimpin Paderi di sana bercakap lebih tegas lagi! "Maksud kami di Minangkabau ini tidaklah hendak merebut kuasa duniawi! Asal Agama ini berjalan lancar, asal segala yang munkar hapus, dan asal Belanda memegang janjinya bahawa Islam tidak akan diganggu kami suka berdamai, dan kami suka berunding".

Tuan Sayid bertanya: "Sudikah Tuanku-Tuanku mengirim delegasi ke Padang?"

"Dengan segala senang hati kami bersedia berunding ke Padang!"

Khabar itu disampaikan oleh Tuan Sayid ke Padang, dan Padang pun bersedia menerima utusan itu.

Pada 29 haribulan Oktober 1825 sampailah Delegasi Paderi di Padang, diketuai oleh Tuanku Keramat di Buo, sebagai wakil mutlak dari Tuanku Pasaman di Lintau. Anggota Delegasi terdiri dari Tuanku Bawah Tabing (Talawi), Tuanku di Guguk di Lima-puluh Koto, dan Tuanku di Ujung sebagai wakil dari Tuanku Nan

Rinceh di Agam! Diiringkan oleh 8 orang Pemuda Paderi. Mereka masuk ke dalam kota Padang dengan memakai Jubah Kebesaran-nya, dan serban melilit kepala dan keris tersisip di pinggang dan tasbih di tangan kiri! Keamanan mereka dijaga rapi oleh militer Belanda!

Pada 15 haribulan November 1825 selesailah perundingan dan ditandatangani oleh kedua belah pihak. Belanda berbesar hati, kerana banyak pemimpin Paderi lain tidak ikut dalam perjanjian itu. Dengan demikian Belanda mengharap mereka berpecah, terutama Tuanku Imam di Bonjol. Dalam perjanjian itu Kaum Paderi mengakui kuasa Belanda di Padang dan beberapa bentengnya yang lain, dan Belanda pun mengakui kekuasaan Kaum Paderi di Lintau, Limapuluh Koto, Talawi dan Kamang, dan pemerintah Belanda berjanji pula tidak akan mencampuri urusan agama!

Tuan Sayid sangat gembira atas berhasilnya "tugas" yang dilakukannya. Dan sehabis perjanjian itu, dia pun telah turut kembali ke pedalaman (ke Darat) bersama perutusan Paderi itu dan hidup bercampur-gaul dengan mereka, sauk-menyauk ilmu. Dicumanya mempermainkan "seligi balik bertimbal tidak ujung pangkal mengena!" Belanda tidak curiga kepadanya dan Kaum Paderi pun menerimanya dengan segala senang hati, kerana tidak ada yang rahsia! — Tetapi Tuan Sayid tidak tahu bahawa kaum Paderi tahu pula apa pekerjaan beliau di balik layar! Iaitu memecah belah pemimpin besar Paderi di antara satu dengan yang lain. Terutama memperhebat perselisihan pimpinan di Bonjol dengan di Rao!

Kerana pekerjaan-pekerjaannya yang dipandang menguntungkan oleh Belanda, beliau diberi gelar "Raja Perdamaian!"

Pada saat kali Tuanku Nan Rinceh Pahlawan Agam yang gagah itu, dalam satu sidang yang dihadiri oleh Tuanku di Guguk dan Tuanku Nan Saleh berkata terus-terang: "Habib tak usah kuatir! Kami ini adalah berjuang untuk tegaknya Agama. Lebih dari itu tidak. Sehingga jika Belanda hendak memberhentikan Regent Tanah Datar, yang dahulunya Raja di Pagarruyung, dan menggantinya dengan Habib, kami akan menjunjung tinggi perintah Habib, dan mengakui kedaulatan Habib! Asal satu syarat dipenuhi, iaitu benar-benar Habib hendak menegakkan Islam dalam daerah ini! Menegakkan perintah Allah dan Muhammad sebagaimana tersebut dalam Al-Quran dan Al-Hadis. Dan kalau ada yang menyanggah Kedaulatan Kompeni lantaran itu, yang

tegak sebagai pelindung Habib, akan kami beri ajaran yang setimpal”.

Empat tahun lamanya Sayid Sulaiman Al-Jufri bekerja menimbulkan damai itu, sehingga layaklah gelar yang diberikan Belanda kepadanya “Raja Perdamaian”, yakni sejak tahun 1825 sampai tahun 1829. Tetapi kian lama kian nyata pula oleh kedua belah pihak, baik kaum Paderi atau kaum Adat, keinginan beliau yang keras supaya “Raja Perdamaian” itu menjadi kenyataan!

Dalam bulan April 1829, sedang beliau tidur dalam sebuah surau di Balai Tengah Lintau, pintu surau diketuk dengan kekerasan oleh beberapa orang. Lalu tuan Sayid diseret ke halaman dan dibunuh mati, bersama dengan seorang Arab pengiringnya.

Menurut laporan Assistant Residen Landre, yang membunuhnya itu adalah hulubalang-hulubalang suruhan dari Tuanku Lintau, yang cemburu atas sikap Tuan Sayid yang selalu menanamkan bibit perpecahan di antara mereka. Tetapi Kolonel Riddes de Steurs, keras menyangka bahawa yang membunuh bukanlah kaum Paderi, melainkan suruhan daripada Regent Tanah Datar. Sebab dekat-dekat akan terbunuh itu Sayid Sulaiman Al-Jufri pernah menyatakan bahawa bahaya yang mengancam dirinya dari pihak penyokong-penyokong Belanda sendiri, lebih besar daripada bahaya dari pihak Paderi.

Dan kalau maksud Sayid Sulaiman Al-Jufri berhasil, mendirikan sebuah Kerajaan Minangkabau berdasarkan Islam, disokong oleh beberapa orang Tuanku Paderi, namun perang tidak juga akan damai, sebab masih banyak di antara mereka yang tidak dapat menyetujuinya, di antaranya Tuanku Imam Bonjol sendiri, yang tidak turut mengirim utusan ke Padang pada bulan November 1825 itu.

Dan kalau hal itu berhasil, nescaya kedudukan Minangkabau dalam Demokrasi Islam di zaman ini tidak akan banyak ubahnya dengan Kerajaan Siak Indrapura atau Kerajaan-kerajaan Melayu Sumatera Timur. Sebab kekuasaan yang dipegang oleh kaum Ulama yang fanatik sebagai Kaum Paderi itu, tidak juga kurang kerasnya. Apatah lagi kalau gelar “Tuanku” itu telah diturunkan kepada anak dan turunan, yang semangat Imanya tidak serupa lagi dengan nenek-moyang yang digantikannya....

V. SULTAN ALAM BAGAGAR SHAH

Sultan Minangkabau Terakhir Mangkat di Jakarta 21 Mac 1849

DI perkuburan Mangga Dua, di Jakarta Kota terdapatlah kuburan dari Sultan Alam Bagagar Shah, Raja Alam di Pagar Ruyung, Yang Dipertuan Alam Minangkabau.

Di dalam usaha hendak memperluas kota Jakarta yang selalu terjadi gusur menggusur, penulis mengharap dari "Orang Kuat" Jakarta, Gabenor Ali Sadikin agar dipertimbangkan beberapa permohonan berkenaan dengan makam (kuburan) Sultan Minangkabau yang terakhir itu:

1. Kalau dapat janganlah tanah perkuburan itu digusur. Kerana selain dari kuburan Daulat Yang Dipertuan Minangkabau itu ada lagi di sana kuburan yang dianggap keramat oleh penduduk dan ramai selalu diziarahi, yang tidak jauh dari kuburan Yang Dipertuan tersebut.
2. Kalau mesti digusur juga; biarlah tulang-tulang beliau dipindahkan ke makam perkuburan keluarga anak-cucu beliau yang terletak di dekat Rumah Sakit Peln, Jati Petamburan. Tetapi kalau Pemerintah menganggap beliau pantas diakui sebagai *Pahlawan Nasional*, bolehlah dipindahkan ke Kali Bata, asal dengan persetujuan zuriat keturunan beliau.
3. Sungguhpun demikian sebahagian besar zuriat keturunannya yang banyak bertebaran, terutama di Jakarta, Banten, Deli dan Serdang, lebih senang jika pemerintah tidak menggusur kuburan di Mangga Dua itu.

Perhatian kita jadi tertarik kembali kepada Kuburan Tua di Mangga Dua tersebut, yang di sana masih jelas tertulis nama beliau dengan huruf Arab:

"SULTAN ALAM BAGAGAR SHAH, SULTAN PAGAR RUYUNG".

Pertama:

Dia menjadi perhatian kerana di zaman sekarang telah banyak orang menstudi kembali Sejarah Tanah Air, dipandang dari segi

kita sebagai bangsa yang telah merdeka; yang pasti berbeza opininya dengan opini orang Belanda yang menjajah. Sebab itu maka "Sejarah Perang Paderi" ditinjau kembali, terutama oleh anak Minangkabau sendiri, terutama lagi oleh penulis karangan ini, sebagai bekas Dosen Sejarah Islam di Indonesia pada Perguruan Tinggi Islam Negeri (P.T.A.I.N.) di Jogjakarta, (1955-1959) dan di Universiti Islam Jakarta (1951-1963), dan peminat sejarah Islam sejak muda.

Kedua:

Dari hasil penyelidikan nampaklah bahawa Sultan Alam Bagagar Shah, adalah.....seorang Sultan, atau Raja atau Yang Dipertuan Alam Minangkabau yang tidak dapat dipandang enteng oleh Belanda. Terdapat bukti bahawa di saat berkecamuknya. Belanda memerangi Minang kerana hendak menjajahnya beliau telah membuat perjanjian rahsia dengan Sentot Ali Basyah dan Tuanku-Tuanku Paderi hendak bersama mengusir Belanda dari Minangkabau sehingga Baginda dibuang ke Jakarta.

Ketiga:

Ternyata bahawa anak cucu beliau berkembang sampai sekarang ini, dan menyimpan baik-baik ranji-ranji sejarah keturunan mereka "Yang dekat dapat dipegang, jauh dapat ditunjuk". Dan menilik letak dan kedudukan mereka dalam masyarakat, terbayang dalam ingatan kita bahawa Sultan Alam Bagagar Shah memang Raja pada keturunan dan Raja pada sikap hidup, walaupun Belanda mencuba menurunkan pangkatnya dengan mengangkatnya jadi Regen Tanah Datar!

Ketika beliau diasingkan ke Betawi pada tahun 1833, beliau dibolehkan membawa isteri. Isteri berempat. Nama isteri yang tertua, Bathi'ah atau Badi'ah itulah yang baru dapat ditunjukkan oleh zuriat Baginda kepada penulis di Jakarta. Sedang putera dan puteri Baginda tercatat empat orang.

1. Sutan Bangun Tuah
2. Puteri Sitti Raja Sri Gumilan
3. Sutan Hayang Raja Bagalib Alam
4. Puteri Sitti Alam Perhimpunan

Sutan Bagun Tuah beranak 13 orang:

1. Raja Burhanuddin
2. Sitti Reno Intan

3. Haji Raja Shamsuddin
4. Sutan Bahauddin
5. Sitti Halimah
6. Sitti Mariam
7. Sitti Mahiram
8. Marah Abbas
9. Sitti Saerah
10. Sutan Latif
11. Sutan Amir Hamzah
12. Sitti Abadiah
13. Sitti Banu Intan.

I. *Raja Burhanuddin* (anak sulung Sutan Bangun Tuah).

Di masa hidupnya, Raja Burhanuddin ini menjadi "Komandan Distrik Tanah Abang-Batavia". Isteri beliau Raja Rahimah keturunan Yam Tuan Muda Riau yang sejak Raja Mohammad Yusuf, oleh Belanda Yam Tuan Muda dijadikan Sultan Riau. Sebab itu maka Raja Rahimah berdarah Bangsawan Melayu dan Bugis. Sedang anak Raja Burhanuddin dari Raja Rahimah ada 3 orang:

1. Raja Sabaruddin
2. Raja Abubakar
3. Sitti Zahrah.

Dan perkahwinannya dengan puteri dari Sultan Deli, beranak; Tengku Darwisyah. Dan anak-anaknya yang lain adalah Puteri Zahara, Tengku Ibrahim dan Tengku Ramlah.

II. *Raja Sabaruddin bin Raja Burhanuddin.*

Masa hidupnya pernah menjadi "Komandan Distrik Senen, Batavia". Jadi Wedana di Mauk dan kemudian Wedana Weltevreden (bahagian Gambir sekarang).

Dari Perkahwinan Raja Sabaruddin dengan Orang Kaya Zubaidah binti Bendahara Kaya, Kepala Pasar Mudik Kota Padang, beliau beroleh putera;

1. Raja Haji Syihabuddin Sabaruddin.

(Anak perempuan dari Raja Haji Syihabuddin ini bernama *Halihmah* isteri dari H. Syafruddin Prawiranegara S.H. — keturunan dari saudara Sitti Badi'ah yang bernama Sutan Alam Intan, yang dibuang oleh Belanda ke Banten).

2. Raja Syaifuddin Sabaruddin.
3. Raja Bahauddin Sabaruddin.

(Bekas Direktor Bank Indonesia, terkenal sebagai anggota Muhammadiyah yang keras pendiriannya).

Dari perkahwinannya dengan Puteri Pertama Gumala binti Sutan Umar Firmansyah Bumi, Puteri Tuanku Ibrahim Raja Ulakan, beliau beroleh seorang anak perempuan;

4. Tengku Puteri Theresia Sabaruddin.

Dan dari isterinya Tengku Puan Sabariah binti Sutan Amir Hamzah bin Sutan Bangun Tuah (sepupu) beliau beroleh putera-puteri;

5. Tengku Burhanuddin Sabaruddin
6. Tengku Elina Sabaruddin (tinggal di Bandung).
7. Tengku Baharuddin (mertua Adnan Buyung Nasution S.H.).
8. Tengku Iskandar Sabaruddin.
9. Tengku Syamsuddin Sabaruddin (tinggal di Bandung).
10. Tengku Tajuddin Sabaruddin (tinggal di Painan).
11. Prof. Dr. Tengku Benyamin Sabaruddin S.H. (sudah meninggal).

Anak cucunya memakai *Sabaruddin* menjadi nama keturunan. Beliau juga pernah memimpin suratkhobar "Benih Merdeka" di Medan pada tahun 1918.

III. *Raja Abubakar bin Raja Burhanuddin.*

Berdiam di Perbuangan Ibu Negeri Kerajaan Serdang dan menjadi orang besar dari Kerajaan Serdang. Beliau beranak beberapa orang di antaranya;

1. Tengku Mahmudin
2. Tengku Khazanah
3. Tengku Jawahir.

Tengku Jawahir adalah isteri dari Tengku Dhamrah, seorang terkemuka di Sumatera Timur.

Anak dari Tengku Mahmudin bernama Tengku Hefni adalah menantu dari Nurijah binti Endah Sutan. Kahwin dengan anak perempuannya Salma binti Badawi. Nurijah adalah adik kandung dari Almarhumah Hajah Siti Raham binti Endah Sutan, (isteri HAMKA).

IV. *Tengku Darwisyah Binti Raja Burhanudin.*

Beliau ini adalah Permaisuri daripada Sultan Sulaiman Syarif Alamsyah, Sultan Negeri Serdang yang duduk di atas takhta Kerajaan Serdang dari tahun 1880 sampai tahun 1946 (66 tahun). Dan Tengku Permaisuri Darwisyah sendiri meninggal tahun 1950.

V. *Sitti Zahrah Binti Raja Burhanuddin.*

Beliau tinggal di Riau dan sudah meninggal, beliau adalah adik dari Raja Abubakar.

VI. *Tengku Puteri Zahara Binti Raja Burhanuddin.*

Beliau kahwin dengan Sutan Ibrahim, beranak:

1. Sitti Ratna
2. Harun Al-Rasyid
3. Jayasaputra
4. Sri Madani
5. Laila Petani
6. Sitti Nilam.

Semua memakai Tengku kerana tinggal di Serdang.

VII. *Tengku Ibrahim Bin Raja Burhanuddin.*

Masih hidup waktu catetan ini dibuat, Ogos 1974.

VIII. *Tengku Ramlah, isteri dari Baginda Ya'kub.*

Tidaklah maksud saya hendak menyalin seluruh sejarah — tambo yang telah dengan senang hati cucu-cucu dan zuriat Sultan Alam Bagagar Shah menyerahkannya kepada saya. Saya salin hanya sebahagian saja. Untuk membuktikan bahawa rasa hormat orang kepada Raja yang diasingkan itu amat mendalam, walaupun yang dia sendiri tidak berdaulat lagi.

Lihatlah misalnya cucu yang kedua dari Yang Dipertuan, anak perempuan dari Sutan Bangun Tuah, adik dari Raja Burhanuddin. Anak beliau berlima laki-laki kelimanya:

1. Mohammad Yakub
2. Mohammad Yusuf
3. Haji Zainal Abidin
4. Jamaludin
5. Mohammad Yatim; Patih di Jakarta dan Bogor yang terkenal.

Anak ketiga dari Sutan Bangun Tuah, yang bernama Haji Syamsudin, menjadi Ulama, lama bermukim di Mekah. Isterinya

adalah saudara perempuan dari Sultan Basyaruddin Syaiful Alamsyah (Mangkat 20 Disember 1879). Kemudian dari anak perempuan saudaranya Raja Burhanuddin, iaitu Sitti Darwisyah menjadi Permaisuri pula dari Sultan Sulaiman Syariful Alamsyah, yang menggantikan ayahanda Baginda tahun 1880.

Ada pun anak yang kedua dari Sultan Alam Bagagar Shah, perempuan, yang bernama Puteri Sitti Raja Sri Gumilan, puteranya tercatat hanya seorang laki-laki bernama: Sutan Kampis.

Putera Sultan Alam Bagagar Shah ketiga, yang bernama Sutan Hayang Raja Bagalib Alam, di Bantenlah banyak terdapat keturunannya:

1. Sitti Mukmin
2. Sitti Jumjumna
3. Marah Mendek
4. Sitti Banten
5. Sutan Abdul Aziz yang dari Kerajaan Banten mendapat gelar Raden Sastrawinangun.
6. Sutan Abdul Rahman
7. Sutan Abdul Rahim
8. Sitti Johrah

Ada pun anak yang keempat, yang bungsu, Puteri Alam Perhimpunan beranak 5 orang:

1. Sutan Mohammad Yusuf
2. Puteri Sari Hantan
3. Sutan Umar
4. Haji Sutan Usman
5. Sutan Abubakar.

Maka bertebaranlah anak-cucu daripada anakanda Baginda yang berempat, dua laki-laki dan dua perempuan, berkembang baik, di seluruh Jakarta sampai ke Banten, Bandung dan Bogor. Di Deli dan Serdang, di Padang dan Painan. Ada yang memakai gelar Raja, atau Tengku kerana perhubungan dengan Sultan-Sultan Deli dan Serdang dan ada yang memakai gelar Sutan atau Marah. Di antara keturunan itu terdapatlah Marah Rusli dan Marah Abdillah, yang keduanya telah bermustautin di Bogor dan putera-putera mereka pun dikenal dalam masyarakat.

Di zaman lampau dijagalah darah "Hijau" itu untuk menentukan yang akan jadi jodoh, yang dinamai "Kufu".

Dari semuanya itu terbuktilah bahawa Baginda Sultan Alam Bagagar Shah memang Raja yang dihormati.

Sebab itu satu Mythos pada sebahagian besar orang Melayu bahawa "Yang Dipertuan di Pagar Ruyung" itu adalah sangat Bertuah. Dan kepercayaan inipun ada pula pada sebahagian besar Raja-raja Melayu. Sehingga meskipun pangkatnya telah dijatuhkan dari Yang Dipertuan Alam Minangkabau jadi Regen Tanah Datar..... kemudian dibuang pula dari negerinya, namun usaha Belanda untuk menghilangkan "TUAH" itu tidaklah berhasil. Bahkan putera Baginda yang tertua Baginda beri nama "SUTAN BANGUN TUAH".

Sampai mangkatnya, sebagai ayahnya, Sutan Bangun Tuah menerima juga wang "understand" dari pemerintah Belanda.

Maka oleh kerana cucu-cicit zuriat langsung masih ada, bahkan di antara mereka ada yang terkemuka dalam masyarakat Jakarta, saya penulis karangan ini memohon kepada Gabenor Jakarta Raya Ali Sadikin memberikan perhatian khusus. Sebab meskipun pemerintah Belanda waktu dengan sengaja menjatuhkan martabatnya dari Daulat Yang Dipertuan Raja Alam di Minangkabau, bersemayam di Pagar Ruyung, dijatuhkan jadi Regen Tanah Datar, lalu ditangkap dan diasingkan dengan tuduhan berkhianat kepada Kompeni, namun Raja-raja Melayu di zaman itu masih tetap memandangnya Daulat Tertinggi orang Melayu, sehingga cucunya Raja Burhanuddin dijadikan menantu oleh Sutan Deli, dan cucunya yang perempuan Puteri Darwisyah menjadi Permaisuri dari Sultan Serdang, dan cicitnya Raja Sabaruddin dijadikan menantu oleh Sultan Riau dan Lingga. Padahal nenek mereka adalah rasminya Regen Tanah Datar yang diasingkan, dan Raja Burhanuddin menantu Sultan Deli dan Raja Sabaruddin menantu Sultan Riau-Lingga, dan Puteri Darwisyah Permaisuri Sultan Serdang, adalah anak-cucu dari orang buangan.

Selanjutnya saya ingin mengemukakan fakta dan data sejarah tentang perjuangan Almarhum Sultan Alam Bagagar Shah di zaman Perang Paderi, untuk dinilai, pantaskah Almarhum mendapat penghargaan sebagai Pahlawan Nasional hingga berhak berkubur di Taman Pahlawan Kali Bata, atau beliau hanya semata-mata Raja Besar Alam Minangkabau yang harga diri dan kebesarannya dilukai oleh Belanda. Yang kalau demikian halnya, patut pula

dengan serba kebesaran yang layak tulang-tulang Baginda dipindahkan ke perkuburan keluarga anak-cucu Baginda di Jati Petamburan!

Setelah sampai ke puncaknya percaturan di Minangkabau kerana faham perbaharuan yang dibawa oleh kaum Paderi atau Pidari, dan kuasa mereka tambah meluas, rakyat awam bertambah tertarik, maka Raja Minangkabau yang dianggap "Pusat jalan pempunan ikan" di waktu itu, Yang Dipertuan Raja Alam Muning Shah merasa lebih aman jika dapat menyingkirkan diri sementara keluar daerah. Maka berangkatlah beliau mengiliri Batang Kuantan, menetap di Lubuk Jambi. Sedang di Minangkabau sendiri Perang sudah berubah sifatnya. Kerana sesudah Leftenan Jeneral Inggeris Sir Stamford Raffles ziarah ke Pagar Ruyung melalui Semawang pada tahun 1818, lalu Inggeris menyerahkan Padang kepada Belanda tahun 1819 dan Resident Du Puy, Residen Belanda Pertama.

Di masa itulah beberapa bangsawan Minangkabau, yang terkemuka ialah Tuanku Suruaso meminta bantuan kepada Belanda untuk mengembalikan keamanan di Minangkabau sebab kaum Paderi kian berkuasa dan wibawa Kerajaan boleh dikatakan telah hilang. Di dalam sejarah tersebut bahawa Sultan Alam Bagagar Shah sendiri pun di waktu kuasa Inggeris turut meminta bantuan Inggeris.

Menurut keterangan pihak Belanda Raja-raja itulah yang menyilakan Belanda masuk, ke dalam negerinya. Masuklah Belanda ke dalam Minangkabau dan pecahlah Perang Paderi dengan Belanda yang mula sekali pada 28 April 1821 di Sulit Air.

Sejak itu pecahlah Perang Total di antara yang ingin merdeka melawan bangsa asing yang ingin menjajah tidak berhenti-henti, sampai pada 4 Mac 1922.

Pagar Ruyung sendiri yang sudah tidak mempunyai Raja, dan sudah lama dikuasai Paderi dapat direbut Belanda.

Setelah Pagar Ruyung didudukinya, tentera Belanda dengan pimpinan Kolonel Raaf berulang-ulang berkirim kurir kepada yang dipertuan Muning Alamsyah mempersilakan Baginda pulang kembali ke Pagar Ruyung, sebab negeri sudah aman! Tentu saja maksud Komandan Belanda itu untuk memperkuat posisinya di dalam menghadapi kaum Paderi. Beliau pun pulang. Tetapi dengan alasan bahawa beliau sudah amat tua, baginda disuruh istirahat dan diberi pensiun. Sebagai gantinya diangkatlah cucunya

Sultan Alam Bagagar Shah. Tetapi bukan lagi sebagai Yang Dipertuan atau Sultan Minangkabau yang bersemayam di Pagar Ruyung, melainkan menjadi Regen Tanah Datar, dengan digaji.

Sultan Muning Alam Shah tidak berapa lama setelah kesultannya dihapus itu, mangkat dalam usia 80 tahun (1 Ogos 1825).

Buku-buku tentang Perang Paderi yang dikarang oleh orang Belanda tidaklah ada yang menerangkan bagaimana kesan yang timbul dalam perasaan Sultan Alam Bagagar Shah atas pengangkatannya itu. Jabatannya yang tertinggi menurut susunan adat yang diterima dari nenek-moyang; iaitu: "Raja Tiga Sila", adalah "Raja Adat Di Bua, Raja 'Ibadat di Sumpu Kudus, dan Raja Alam di Pagar Ruyung", tidak dikembalikan, melainkan diturunkan pangkatnya jadi Regen, yang hanya terbatas buat Tanah Datar saja!

Setelah diangkat jadi Regen, kian sehari kian terasalah oleh Sultan Alam Bagagar Shah bahawa kedudukannya memang sudah direndahkan. Sama saja dengan Datuk Rajo Khatib Regen Agam di Empat Angkat, Regen di Batipuh, yang selama ini termasuk orang bawahan Pagar Ruyung, demikian juga Regen di Halaban. Apa kerja yang dipertuan yang telah diturunkan pangkatnya itu? Yang penting ialah mengumpulkan bantuan untuk tentera Belanda. Menyediakan beras, menyediakan sapi dan kerbau dan menyediakan kuli. Maka dengan sendirinya rakyat yang tadinya merasa jauh dari kaum Paderi, melihat Rajanya yang telah dihinakan demikian rupa, timbullah benci dan dendam.

Ada lagi perbuatan hina Belanda yang lain, iaitu setelah mereka dapat membujuk Sentot Prawirodirjo, sehingga memisahkan diri dari Pangeran Diponegoro, Sentot dan tenteranya dikirim ke Minangkabau, digunakan untuk memerangi kaum Paderi.

Dalam surat Gabenor Jenderal Van den Bosch kepada Leftenan Kolonel Elout 24 Mei 1832 no: 951, ditulis antara lain: ".....satu perkara lagi yang penting diselesaikan ialah penempatan barisan Sentot di Sumatera. Barisan ini berkekuatan 1800 orang, di antaranya 800 telah terlatih baik dan telah berkali-kali membuktikan keberanian. Dan saya percaya, barisan ini lebih layak untuk peperangan dalam negeri. Bila dapat ditempatkan di Sumatera Barat, kita akan selalu mempunyai balabantuan yang dapat di..... kerahkan bila perlu dan akan banyak faedahnya.

Untuk menyenangkan hati Ali Basya, baiklah diberikan kepadanya satu distrik dengan penduduk 5 atau 6000 jiwa, di XIII Koto, atau di tempat lain yang dipandang baik. Supaya tertarik

hatinya, maka dikatakan kepada Ali Basya, bahawa ia akan menjadi Raja seperti Pangeran Mangkunegoro, dan perhubungannya dengan kerajaan seperti Mangkunegoro pula, dan barisannya akan dibayar oleh Kerajaan. Negeri yang akan ditunjuk untuk diperintahnya hendaklah yang baik pengairannya, supaya ia mendapat kesempatan menyuruh rakyatnya untuk mengerjakan sawah. Maksud ini jangan dibukakan kepadanya, sebelum ia sendiri melihat negeri itu dan dikenalnya, sebab orang Jawa rupanya selalu menyangka bahawa tanah di luar Jawa tidak ada yang baik. Di sini, di Jawa, barisannya selalu menimbulkan kecurigaan, kerana mereka menyangka keturunan bangsawan, dan harus berkedudukan baik.

Di Sumatera Sentot tidak akan berbahaya. Orang Jawa dan orang Melayu sangat berbeza sifatnya, dan seandainya timbul perselisihan antara dia dan kita, janganlah diharap orang Melayu akan berpihak kita. Dan juga caranya berperang sangat sukar, kampung-kampungnya yang diperkuat dengan aur-duri meminta meriam-meriam untuk mengalahkannya, dan ranjau pun sangat berbahaya bagi serdadu-serdadu kita. Menurut nalurinya Sentot akan berpihak kepada kita, terutama apabila dia telah ditempatkan di satu distrik Minangkabau.

Saya merasa perlu ada kekuasaan Jawa di Sumatera, untuk mengimbangi kekuatan-kekuatan rakyat yang melawan di sana. Dan kekuasaan ini boleh diperluas dan diperbanyak menurut keadaan yang dihadapi. Saya sudah berbicara dengan Ali Basya, dan ia sendiri mau ditempatkan di Sumatera".

Dan surat Gabenor Jenderal 18 Mei 1832 no: 899 diperingatkan pula: "Menurut pendapat saya perlu sekali dijaga, jika tidak mendesak betul, Ali Basya jangan sampai bertemu dengan Paderi. Pada awalnya ia boleh dipergunakan di Padang Hilir, dan disuruh ia mengamat-amati XIII Koto, selama kita memerangi Paderi".

Inilah instruksi Gebenor Jenderal Van den Bosch kepada komandannya Letenan Kolonel Elout di dalam menghadapi Paderi, dengan mempergunakan Sentot yang pernah memperjuangkan cita-cita Islam di tanah Jawa buat menghancurkan kaum Paderi yang tengah memperjuangkan Islam dan mengusir kafir di Sumatera. Dengan mempergunakan pula seorang Raja yang dihormati rakyatnya menjadi mandur mengerahkan kuli-kuli dengan gelar Regen.

Pada awal bulan Jun 1832 Legiun Sentot telah sampai di Padang. Setengah memang dikirim ke Pariaman. Tetapi Residen Civiel dan Militer Kolonel Elout telah membawa Sentot Ali Basya Prawirodirjo dengan sebahagian besar tenteranya ke Agam, melalui Malalak dan Limau Badak. Elout hendak memperlihatkan kepada penduduk bahawa dalam tentera Belanda ada juga tentera yang sembahyang, taat beribadat. Malahan bacaan Imamnya fasih! Maksud Elout ialah untuk melunakkan hati penduduk, kalau negeri mereka dimasuki dan diduduki mereka tidak sampai hati buat melawan.

Tetapi setelah Belanda meneruskan penyerbuannya kepada negeri-negeri yang jadi pertahanan Paderi, dan Sentot serta Legiunnya itu sama saja kejamnya dengan Belanda, siasat Belanda itu tidak mempan lagi. Setelah Lintau dengan ke Limo Kotonya dibakari Belanda dan Bukit Kamang ditaklukkan dengan serba kekuatan termasuk dalam penyerbuan itu Legiun Sentot, maka bila mereka kelihatan, sorak kaum Paderi amatlah hebat menghina dan mengejek mereka: "Hai kafir hitam! Hai anjing Belanda! Kami kalau mati, mati syahid, kalian mati anjing!"

Mereka tidak bisa membalas ejekan itu!

Bertambah lama bertambah dalam Sentot menyelami Minang! Bertambah lama bertambah banyak bisik-desus di kalangan tentera Sentot; dengan siapa kita disuruh berperang. Dengan sendirinya timbullah usaha-usaha dari kedua belah pihak hendak kenal-mengenal, ajuk mengajuk secara rahsia. Kadang-kadang tentera Legiun Sentot ada yang teringat kembali bahawa mereka pernah mengalami sebagai apa yang dialami oleh penduduk yang mereka musuhi sekarang, belum lama berselang, di tanah Jawa, ketika dikejar-kejar tentera Belanda atau tentera orang Jawa sendiri yang telah dipergunakan orang Belanda buat memerangi Kanjeng gusti mereka Sultan Abdulhamid Kabirul Mu'minin.

Tetapi ini mesti dibisikkan dengan hati-hati sebab kakitangan Belanda, penjual diri kepada Belanda dari bangsa sendiri sangat banyak: "Dinding pun bisa mendengar!"

Sentot yang cerdik cendekia, yang gagah dan prawira, dalam berperang murid Diponegoro, dalam agama murid dari Kiyahi Mojo, tidaklah terlalu lama menunggu buat mengerti siapa sebenarnya bangsa yang dia diajak memerangi dan menghancurkan mereka. Dia lekas merasa bahawa dia dan Legiunnya hendak dijadikan umpan belaka. Komandan Militer Elout yang cerdik itu

memakai muslihat yang oleh Sentot yang juga ahli strategi dipandang satu siasat busuk! Elout memusatkan tenteranya di tempat-tempat yang penting. Tetapi pos-pos yang jauh-jauh disuruhnya duduki kepada barisan-barisan Sentot. Maka pos-pos di Sungai Puar, Matur, Sipisang, Payakumbuh, Halaban, Bua dan Bukit Kurrik, semuanya adalah penjagaan Komando Ali Basya Prawirodirjo. Maksud Elout cerdik sekali; kalau kaum Paderi datang menyerang, biarlah sama-sama musnah kedua pihak yang sama-sama berserban dan sama-sama sembahyang lima waktu itu. Biarlah orang-orang "Selam" itu hancur menghancurkan antara dia sama dia. Dan Belanda juga yang menang! Tetapi kalau Paderi tidak menyerang, kerana setiap waktu terdengar Azan di perkemahan tentera Sentot, nescaya di bahagian itu tidak terjadi perang dan kekuatan yang lain dapat dikerahkan menghancurkan pertahanan Paderi yang lain.

Rencana Elout ini diketahui oleh Sentot. Sebab itu dengan cepat dia telah mempelajari situasi. Anak buahnya sendiri hanya yang sangat dipercayainya yang diberinya tahu. Dia mulai menyelidiki siapa-siapa pemimpin di Minang. Mana yang Paderi, mana yang musuhnya, bagaimana Raja-raja di Pagar Ruyung, siapa kaum Adat yang benar-benar jadi kakitangan Belanda. Sampai-sampai diketahuinya mana Tuanku-tuanku Paderi yang dahulunya memusuhi Belanda, lalu diperangi Belanda, lalu kalah, lalu menyerah dan menyatakan setia kepada Belanda.

Mungkin di sini Sentot dapat memperbandingkan gerakan tuannya yang dahulu, Sultan Abdulhamid dengan gerakan Paderi ini. Dan dia sendiri pun masih anak muda, belum 40 tahun. Masih kaya dengan romantika hidup! Dan dia ditempatkan di Padang Darat, dia sendiri kerap kali di Matur dan Sipisang. Kalau tidak ada Belanda mereka benar-benar tidak perang! Tidak jarang tentera Jawa sembahyang berjamaah, tolak menolakan jadi imam dalam satu surau dengan penduduk di sana. Sedang orang-orang itu sudah terang kaum Paderi. Tak ubahnya dengan Batalyon Pagar Ruyung yang dikirim ke Jawa Barat untuk memerangi D.I./T.I.I. Kartosuwiryo di tahun-tahun lima puluhan! Mereka tidak berperang! Malahan seketika kembali ke Padang, banyak yang membawa isteri gadis Sunda!

Sentot segera menghubungi dengan rahsia pemuka-pemuka Paderi. Berita bahawa Sentot pernah bertemu secara rahsia dengan Tuanku Imam Bonjol dekat kepada kebenaran! Dan Sentot pun

Satu demi satu orang kuat yang berdiri di keliling Pangeran Diponegoro telah hilang. Ada yang tewas di medan perang, dan ada yang menyerah. Dengan memungkiri janjinya sendiri, Belanda telah menawan Kiyahi Mojo dan adiknya Kiyahi Hasan Basri, lalu mereka dibuang ke Tondano (Sulawesi Utara), namun..... bagaimanapun dibujuk, dirayu, diancam dan didesak, sampai dia dibuang, beliau tidak membuka segala rahsia. Pangeran Mangkubumi menyerah kepada Belanda kerana telah tua, tidak tahan lagi mengembara dari hutan ke hutan. Sedang Belanda selalu memberikan juga janji barangsiapa orang penting yang menyerah akan diperlakukan dengan baik. Akan diberi kebesaran, akan diberi tanah.

Perjuangan Diponegoro tidaklah dapat dipisahkan dari yang tiga orang itu: 1) Paman beliau, Pangeran Mangkubumi. 2) Guru Agama beliau, Kiyahi Mojo. 3) Muridnya yang gagah berani dan masih muda remaja Sentot, putera Bupati Madiun yang di kala mudanya gagah berani pula, iaitu Raden Ronggo Prawirodirjo, yang pernah menentang kesombongan Gabenor Jenderal Daendels. Keperkasaaan ayahnya menurun kepadanya.

Sebagai Nabi Muhammad memberikan kepercayaan kepada pemuda usia 18 tahun Usamah bin Zaid menjadi Panglima Perang di Mu'tah begitu pulalah Diponegoro mempercayai Sentot memimpin beberapa perlawanan penting dengan Belanda dalam usia yang masih muda remaja, sampai diberi gelar Ali Basya Prawirodirjo. Di dalam beberapa pertempuran sengit anak muda ini telah mendapat reputasi yang gilang gemilang.

Tetapi datanglah suatu masa yang kekuatan cita-cita hendak menegakkan Pemerintahan Islam sejati di tanah Jawa di bawah pimpinan *Sultan Abdulhamid Herucukro Kabirul Mu'minin*, iaitu gelar rasmi Pangeran Diponegoro sebagai Imamul Muslimin kian terdesak oleh kekuatan musuh yang berlipat ganda, sehingga terjadilah Penasihat Agung Pangeran Mangkubumi menyerah kerana tidak tahan lagi hidup bergerilya sebab telah tua. Tertipu Kiyahi Mojo bersama santri-santrinya yang bertemu dengan tentera Belanda ketika hendak masuk ke Pajang. Hingga hanya Sentotlah tinggal seorang diri kekuatan yang diharap, tetapi bukan kekuatan untuk diajak mesyuarat. Melainkan kekuatan yang hanya sedia apabila disuruh menggempur musuh. Oleh sebab itu tidaklah sang Pangeran atau Sang Sultan dan Imam, Diponegoro hendak memaksa jiwa pemuda itu agar segera matang sematang jiwanya.

Bahkan beliau senantiasa mengetahui bila-bila pesuruh-pesuruh gelap Belanda datang menemui Sentot, menyampaikan tawaran-tawaran Belanda kepadanya, apa yang diinginkannya jika dia menyerah.

Seketika Sentot menyatakan bahawa dia mau menggabung ke dalam tentera Belanda dengan syarat dia bersama perajuritnya diterima secara lengkap dengan senjata tidak dilucuti, dengan pakaian seragam mereka, iaitu jubah dan serban dan tidak dikerahkan untuk memerangi gurunya dan pemimpinnya, dia segera menyerah. Dan kepadanya dijanjikan bahawa dia akan diperlakukan dengan mulia, sama dengan kedudukan Mangkunegoro, diberi tanah wilayah tertentu, dengan gelar Panembahan.

Syarat yang dikemukakannya itu disanggupi oleh Jeneral De Kock. Pada 24 Oktober 1829 Sentot Ali Basya Prawirodirjo masuk ke dalam kota Jogjakarta dan disambut oleh tentera Belanda dengan kehormatan Militer.

Meskipun sebagai Muslim adalah logis jika saya bersimpati kepada cita-cita Pangeran Diponegoro, yang ketika berhadapan dengan Jeneral de Kock sehari sesudah Hari Raya Idul Fitri menyatakan terus-terang ingin memimpinkan Agama Islam di tanah Jawa, namun menyerahnya Sentot dan diterima Belanda secara kesatuan belumlah saya mau menuduhnya khianat. Sebab kondisi dan situasi di masa itu lain dari kondisi dan situasi kita di zaman sekarang.

Adapun beliau sendiri, Pangeran Diponegoro hanya beberapa bulan saja sesudah Sentot menyerah, iaitu 28 Mac 1830 diajak berunding di kantor Residen di Magelang, dengan janji kalau perundingan gagal beliau boleh kembali ke markasnya dan perang dimulai kembali. Tetapi yang kejadian ialah perundingan gagal dan beliau ditangkap, ditawan dan diasingkan.

Sentot dikirim ke Minangkabau

Setelah lebih dua tahun tentera Sentot atau Legiun Sentot itu di "kandangkan" dan dicuba merubah mentalnya barulah mereka dibawa ke Minangkabau akan dipergunakan memerangi dan menghancurkan kaum Paderi. Gabenor Jeneral Van den Bosch telah memberi nasihat, supaya kalau belum perlu betul janganlah sampai dipertemukan tentera Sentot dengan kaum Paderi. Tinggalkan saja mereka berjaga-jaga di sebelah XIII Kota, iaitu daerah Pariaman dan sekitarnya kerana ketika itu kuasa Paderi tidak ada di sana.

Sentot dapat bertemu secara rahsia dengan Sultan Alam Bagagar Shah. Dan dia pun bertemu dengan pemimpin-pemimpin yang lain! Sehingga pertemuan itu bukan lagi sekali, tapi dua tiga kali. Dan setelah timbul percaya mempercayai mengikat sumpah dengan al-Quran, timbullah kesatuan tekad akan menggabungkan tiga kekuatan jadi satu, untuk mengusir kafir Belanda dari Minangkabau!

1. Kekuatan Tuanku-Tuanku Paderi dengan pimpinan Tuanku Imam Bonjol.
2. Kekuatan Daulat di Pagar Ruyung dengan pimpinan Sultan Alam Bagagar Shah.
3. Kekuatan Tentera bekas pengikut Diponegoro dari Jawa, di bawah pimpinan Sentot Ali Basya Prawirodirjo.

Pemimpin Paderi yang terpaksa takluk kepada Belanda sebab kalah, bersumpah akan turut menggabungkan diri. Di antaranya Tuanku Alam dan Tuanku nan Cerdik. Tetapi kaum Adat yang terang jadi kakitangan Belanda tidak dihubungungi sama sekali.

Buat menyesuaikan diri dengan orang Minangkabau, Sentot memaklumkan namanya yang baru: Mohammad Ali Basya.

Dan ikrar rahsia ini telah disusun sebelum 1 tahun Sentot di Minangkabau.

Apabila kita baca buku-buku yang dikarang orang Belanda tentang Perang Paderi, dicubalah memindahkan kesan yang terasa di hati orang Belanda kepada fikiran kita terhadap diri Sentot, iaitu bahawa dia adalah pengkhianat. Dia ditempatkan di pedalaman, menyalahi instruksi Gabenor Jeneral sendiri, dengan alasan agar dia dapat membujuk rakyat agar meninggalkan Paderi, jangan berontak dan taat setia kepada Belanda. Pergunakanlah pengaruhnya sebagai seorang Muslim, yang tetap mengerjakan sembahyang lima waktu dan selalu berpakaian lengkap sebagai orang Paderi pula, dengan serban dan jubah, menarik mereka itu supaya tunduk kepada Belanda, sebab Belanda itu bermaksud baik kepada orang Islam dan akan membantu negeri itu supaya maju.

Tetapi apa yang diharapkan Belanda dari dia itu tidaklah tercapai sama sekali. Sebab Belanda rupanya salah sangka; dengan menyerahkannya Sentot dan Legiunnya secara kesatuan dan menerima janji bahawa dia akan diberi daerah yang akan dia perintahi, pihak Belanda menyangka bahawa jiwa Sentot telah berubah. Sentot telah jinak, dia tidak revolusionair lagi. Bahawa cita-cita yang diajarkan

oleh kedua guru yang mendidiknya, Pangeran Diponegoro dan Kiyahi Mojo sudah hapus dari hatinya. Belanda tidak memperhitungkan dari segi kejiwaan bahwa seorang pemuda bekas pejuang untuk kebesaran Islam..... meskipun telah mengaku tidak akan meneruskan perjuangannya lagi, kenang-kenangannya akan timbul kembali bila menghadapi hal yang serupa.

Kepadanya dijanjikan akan diberi daerah berpemerintahan sendiri seperti Mangkunegoro. Padahal daerah yang akan diberikan kepadanya itu hendaklah direbutnya sendiri lebih dahulu dari penduduknya yang asli, yang ternyata sefaham dengan dia, seagama dengan dia. Berjuang serupa dengan yang dia perjuangkan tetapi gagal tiga tahun sebelumnya di negerinya.

Bukan itu saja, bahkan diselaminya lagi lebih dalam, diajukkan fikiran orang-orang yang dihubungnya, jika dia belot dari Belanda, padahal dia orang Jawa, apakah sambutan mereka itu atas dirinya? Dia pun menyebut asal-usulnya, bahwa dia anak seorang Adipati, ertinya bangsa Raja-raja jua! Sultan Alam Bagagar Shah menjawab bahwa dia akan dianggap Raja juga. Tuanku Imam pun menjawab seperti itu pula. Bahkan sejak itu kalangan orang Minang, baik pihak Raja-raja di Pagar Ruyung atau kaum Paderi, selalu menyebut beliau "Rajo Jao" (Raja dari Jawa). Dari sinilah asal timbulnya pantun Minang yang terkenal:

"Padang Panjang lantainya tarap,
Raja Jawa menanam serai
Kasih sayang jangan diharap
Badan dan nyawa lagi bercerai."

Marilah kita fikirkan dari segi berfikir orang Indonesia, atau segi berfikir orang Jawa sejati, atau segi orang Minang; kalau dikatakan Sentot berambisi hendak jadi Raja di Minangkabau, itu sebab dia berkhianat, sedang dua pintu dibuka untuk itu; *satu* pintu yang dibuka Belanda dengan jalan turut dahulu memerangi negeri itu, sesudah itu diterima hadiah dari Belanda, jadi Raja dari rakyat yang membencinya. *Kedua* meleburkan diri ke dalam masyarakat orang Melayu Minangkabau, bersama Sultan dan Ulamanya, mengusir Belanda dari sana. Dan setelah berhasil, akan diangkat "duduk sama rendah tegak sama tinggi" dengan orang besar-besar Minang, diangkat dan dimuliakan rakyat, disamakan dengan Raja Pagar Ruyung sendiri.

Kita bertanya: "Mana yang akan dipilih oleh Sentot putera Bupati Madiun yang pernah melawan Daendels? Mana yang akan dipilih oleh murid Diponegoro yang mengangkatnya jadi Panglima Perang dan memberinya gelar Basya?

Padahal dia menyerah kepada Belanda dahulu itu bukan kerana mengkhianati pemimpin, hanya kerana menurut perhitungannya perlawanan yang tidak seimbang ini tidak dapat diteruskan lagi.

Oleh sebab itu menurut analisa kita Sentot tidak berkhidmat kepada cita-citanya seketika dia menyerah sebagai satu Legiun kepada Belanda. Selama dia atau tentera atau anak buahnya dikonsinyir tiga tahun dia sedang kebingungan. Strategi Belandalah yang salah dengan mengirimmnya ke Minangkabau.

Pengiriman Sentot ke Minangkabau adalah laksana membuka lukah menangkap ikan di tepi sungai! Baru saja tutup lukah itu dibuka ikan itu akan segera meluncur dan melompat kembali masuk air. Sudah terang bahawa yang akan dipilihnya ialah jadi Raja yang akan duduk sama rendah tegak sama tinggi dengan Raja Pagar Ruyung, Yang Dipertuan Minangkabau, sama dihormati oleh rakyat. Diterima oleh Kaum Paderi, sebab dia memang hidup secara Islam. Bukan Raja yang diangkat Belanda di tanah yang dirampasnya atas nama dan untuk Belanda, lalu dia "dirajakan" Belanda di situ.

Dalam mufakat di antara dia dengan Yang Dipertuan Pagar Ruyung dan kaum Paderi, Sentot kelak akan diakui sebagai Panglima Perang Umum. Pusat Markasnya di Tanah Darat. Komando perang akan disatukan dalam tangannya. Sayangnya melihat kesimpatian rakyat Minangkabau, atau kaum Paderi kepadanya, kadang-kadang entah kerana masih muda, dia tidak pandai menjaga rahsia. Dalam hal ini Yang Dipertuan Bagagar Shah lebih mahir dari dia.

Pada 20 Februari 1833, ertinya baru delapan bulan di Minangkabau Sentot telah mengirim seruan sendiri kepada Tuanku-Tuanku dan Penghulu-Penghulu supaya sudi datang berhari-raya Idul Fithri ke Pagar Ruyung, menguatkan adat yang telah lama berlaku. Padahal dia tahu benar bahawa Residen Elout memerintahkan datang beramai-ramai berhari-raya ketiga tempat. Iaitu ke Balai Tengah, Lintau, ke Payakumbuh dan ke Halaban. Bukan ke Pagar Ruyung!

Sikapnya ini dapat teguran dari atasannya, Komandan Militer Letenan Kolonel Krieger, mengapa dia mengeluarkan perintah seakan-akan menyalahi perintah Residen? Dengan maksud apa dia menarik perhatian orang ke Pagar Ruyung? Dalam surat jawabannya dia telah mulai menampakkan kehendaknya. Iaitu dia telah melihat kenyataan bahawa medan perang di Padang Darat ini telah menjadi aman kerana dia didudukkan di sini. Seluruh rakyat jelas menyukai dia. Sebab itu sudah sebaiknya pemerintah menerima kenyataan itu lalu menetapkan saja dia menjadi Panglima Besar di Padang Darat. Dengan begitu Minangkabau aman, perang berhenti. Tetapi kalau saya diganti, kekacauan akan timbul kembali. Orang Minangkabau akan bersatu seluruhnya melawan Kompeni, bahkan orang-orang Bugis yang selama ini didatangkan buat menghancurkan perlawanan Paderi, cukup tanda-tanda bahawa mereka akan bergabung dengan orang Minang.

Keterangan yang seperti itu tidaklah diterima secara wajar oleh pimpinan tentera Belanda. Tidak mungkin dia seorang bekas musuh yang telah menyerah diberi kekuasaan setinggi itu. Dan lebih tidak mungkin seorang Bumiputera melaporkan keadaan dirinya amat penting. Oleh sebab itu keterangan yang dia berikan hanyalah mempertinggi rasa curiga kepadanya saja. Apatah lagi sejak dia menyerah belum pernah dia berkirim surat yang merendahkan diri kepada "Paduka-paduka Tuan Besar" itu.

Sejak itu dirinya sudah selalu dijadikan bahan selidik. Kecil dan besar sikapnya sudah dikaji apa ertinya ini. Dahulu namanya terkenal Sentot Alibasya Prawirodirjo. Tetapi akhir-akhir ini dia memakai nama baru ke Arab-araban! Muhammad Ali Basya Abdul Musthafa! Ada apa? Apatah lagi lebih menggoncangkan sepucuk suratnya kepada Residen Letenan Kolonel Elout yang sangat melanggar adat sopan santun bawahan terhadap atasan;

Bunyiya: "Bahawa surat itu datang dari tuan empunya saudara. Tuan Muhammad Ali Basya Abdul Musthafa yang sekarang ada di Pagar Ruyung jua adanya. Disampaikan datang kepada saudara sahaya Tuan Kolonel Elout serta sahaya kirim tabik banyak-banyak sama sahaya punya saudara tuan Kolonel yang sekarang ada di Padang jua adanya.

Syahdan daripada itu sahaya kasi beritahu kepada sahaya punya saudara, sekarang ada sahaya dapat khabar dari Tuanku nan Cerdik, sekarang Tuanku Mudo sudah mati. Akan tetapi kami sudah kasi perintah sama Tuanku nan Cerdik sahaya suruh bikin

baik dari negeri Bonjol perkumpulan kini pecah pagarannya sebab matinya Tuanku Mudo.

Tersurat di Pagar Ruyung kepada malam Rabu 24 Ramadhan tarikh As-sanah 1248."

Sebenarnya sejak dia menyerah belum pernah sikapnya merendahkan diri. Semasa di Jawa, di waktu opsir-opsir yang mengenal dia, baik di waktu masih perang atau setelah dia menyerah, perasaannya dijaga orang. Tetapi di Sumatera Barat dia hendak disamakan saja dengan penjilat-penjilat pengambil muka. Dia tidak mau dibegitukan. Sebab itu maka opsir-opsir Belanda berusaha benar hendak menjatuhkan martabatnya dan memperkecilnya. Bertambah dia dibuat begitu, bertambah pula dia jadi mengkal hati. Bertambah dia mendekatkan diri kepada Raja Minangkabau yang diperlakukan Belanda hanya sebagai Regen Tanah Datar! Sebab itu mereka senasib!

Tanda-tanda telah banyak menunjukkan bahawa hal yang ditakuti Belanda, iaitu akan belotnya Sentot, akan bersatunya dia dengan kaum Paderi, memang sudah nampak. Bahkan apa yang digembar-gemburkan Belanda selama ini, bahawa yang Dipertuan Minangkabau yang tidak menyukai Paderi, bahkan disiarkan fitnah bahawa seluruh keluarga Raja-raja di Pagar Ruyung habis dibunuh Paderi (Tuanku Lintau) dipertuan Koto Tengah sebelum Belanda masuk, semua propaganda itu menjadi gagal sama sekali. Kerana telah datang laporan dari intelegen bahawa telah diperbuat ikrar segi tiga di antara Sentot Ali Basya dan Tuanku nan Cerdik, mengikat bai'at dengan Sultan Alam Bagagar Shah akan bersatu dengan kaum Paderi dan telah mengadakan pertemuan dengan Tuanku Imam Bonjol sendiri. Mereka akan berperang dengan serentak menghantam Belanda di mana saja. Dan perang besar-besaran akan dimulai pada bulan Rajab 1248! Bertepatan dengan bulan Januari 1833! Surat ini terkemudian didapatnya daripada surat yang dikirim Sentot Ramadhan 1248, ertinya akhir Mac 1833. Waktu itulah dapat diketahui rahsia mengapa Sentot telah berani berkirim surat "kepada sahaya empunya saudara" kepada Residen Leftenan Kolonel Elout; mungkin kerana merasa cita-cita mengusir Belanda pasti tercapai!

Maka dengan secara halus tidak berkesan, Sentot diberi surat tugas segera berangkat ke Jawa, mengumpulkan perajurit-perajurit baru untuk menambah askarnya. Sehingga dengan kepergian beliau kerana tugasnya itu, anak buahnya tidak curiga apa-apa.

Sesampai di markas besar, kerana atasan terlebih dahulu telah menerima laporan lain tentang "pengkhianatannya", dia tidak dibiarkan keluar dari tangsi lagi. Dan tidak beberapa lama kemudian, ditentukanlah tempat tinggal tetapnya, atau pengasingannya, iaitu Bengkulu. Di sanalah dia hidup dan menghabiskan sisa umur dengan beribadat kepada Tuhan, sampai wafatnya (Saya belum mendapat kepastian tahun wafatnya).

Sentot di Minangkabau hanya 10 bulan; dari Jun 1832 sampai April 1833.

Anak-anak buahnya menjadi terpecah-pecah di bawah pimpinan komandan-komandan yang bergelar Temenggung. Sehabis Perang Paderi sebahagian terbanyak pulang ke Jawa dan banyak pula yang tinggal jadi orang Minangkabau, diberi suku-suku oleh ninik-mamak, tempatnya "hinggap menumpu terbang mencekam". Ada di Padang, Padang Panjang, Bukittinggi, Talu dan lain-lain.

Daulat yang Dipertuan mulai dikepong.

Sudah cukup dokumen di tangan Belanda bahawa ketiga golongan telah bersekongkol hendak mengusirnya ke laut; Yang Dipertuan Pagar Ruyung, Sentot Ali Basya dan Kaum Paderi. Maksud yang begitu nista, menghancurkan Islam dengan Islam, mengadu Jawa dengan Melayu telah menjadi bumerang buat menikam dirinya sendiri. Ada tersebut nama dua orang Paderi yang telah tunduk dan menyerah kepada Belanda dan telah sudi bekerjasama, iaitu Tuanku Alam di Koto Tuo dan Tuanku nan Cerdik di Naras! Selama ini Belanda telah percaya kepada mereka keduanya. Tetapi alangkah jengkelnya Belanda setelah mendapat laporan bahawa keduanya pun telah turut belot pula. Telah termasuk dalam persekongkolan Yang Dipertuan dan Sentot.

Peristiwa Tuanku Alam.

Maka tertangkaplah sepucuk surat, meskipun tidak bertandatangan, pihak Belanda dapat mengetahui bahawa ini adalah tulisan Tuanku Alam; iaitu setelah dibandingkan dengan surat-suratnya yang biasa dia kirimkan selama dia menyatakan setia. Isi surat itu dialamatkan Datuk Bendahara. Tuanku Laras dan Tuanku Koto Tuo, yang isinya memberi peringatan menyuruh bersiap-siap, sebab Kompeni telah bersiap akan menyerang negeri XII Koto. Termasuk negeri Andalas itu, dan beberapa negeri yang lain.

Pasti Belanda murka sangat kepadanya! Pasti dia dituduh khianat. Dan pasti pula bagi pandangan kita bangsa Indonesia bahawa Tuanku Alam bukan pengkhianat. Dia menyerah kepada Belanda dengan niat satu waktu kalau ada kesempatan, hendak membuktikan bahawa dia belum mengkhianati kaumnya. Sayang suratnya tertangkap.

Mayor de Quay yang bermarkas di Biaro, meminta tolong kepada Yang Dipertuan di Pagar Ruyung membujuk Tuanku Alam supaya memenuhi undangan Mayor tersebut. Dia sudah merasa syak bahawa rahsianya telah terbuka. Kalau bukanlah kerana segan kepada Yang Dipertuan tidaklah undangan itu akan dipenuhinya. Akhirnya dia pergi juga memenuhi undangan itu.

Baru saja dia masuk, didapatinya Mayor de Quay telah duduk di tengah ruangan, di kiri dan kanannya duduk dua orang opsir. Di seberang meja Tuanku Alam disuruh duduk sebagai seorang pesakitan. Lalu Mayor de Quay mengeluarkan surat itu.

"Ini surat Tuanku bukan?" tanya Mayor de Quay dengan herdiknya, sambil mengancam. Tuanku Alam bukan timbul takut menerima herdikan itu, bahkan sambil menyentak sewanya dia menjawab: "Ya!" dan tegak hendak menikami segala orang yang ada di kelilingnya. Tetapi seorang opsir Belanda segera memukul tangannya dengan gagang bedil, hingga terkulai dan sewa itu dirampas, dan Tuanku Alam lalu dipukuli dihantam, diinjak-injak, sampai tidak bangun lagi. Malamnya beliau mati dalam karpus, lehernya setelah jadi mayat dipenggal lalu dicucuk kepalanya dengan sebuah tombak dan dipancangkan di muka tangsi dengan di bawahnya ditulis: "Inilah balasannya orang yang mengkhianati Kompeni!"

Dan disiarkan berita ini secara cepat oleh orang yang lalu-lintas. Ada yang takut, ada yang bertambah dendam. Tetapi maksud yang terutama ialah agar Yang Dipertuan Pagar Ruyung, Sultan Alam Bagagar Shah tahu jua adanya!

Tuanku nan Cerdik.

Beliau adalah pemuka Paderi di Naras. Dia kaya; kerana itu dia disegani. Dia pun lebih mengerti agama dari penduduk yang lain; sebab itu dia dipanggilkan Tuanku juga. Selok-belok dalam negeri, kusut yang akan selesai, keruh yang akan jernih, kepadanya lah tempat orang mengadu. Semua dapat diselesaikannya. Sebab itu dia disebut Tuanku nan Cerdik. Dalam berkecamuk perang dengan kaum Paderi di Padang Darat, namun daerah Pariaman,

XII Koto, VII Koto, termasuk Naras dianggap Belanda telah "jinak" tidak akan melawan. Sejak Padang diserahkan Inggeris (1819), Pariaman dipandang sebahagian dari Padang saja. Markas tentera di Pariaman. Tetapi tentera Belanda itu memandang orang yang aman tidak melawan itu adalah budak. Seorang Leftenan bernama Bergman mudah saja menempeleng, menampar dan mencambuki anak negeri. Tahun 1826 pernah Leftenan itu memerintah rakyat Mudik Padang dan VII Koto membuat jalanraya dari VII Koto ke Kayu Tanam. Perbekalan tanggung sendiri. Tetapi kerana sangat lama jalan itu tidak juga siap, dipanggilnya sekalian pengulu ninik-mamak negeri VII Koto ke Pariaman. Banyak yang tidak mau datang, dan yang datang dimaki-makinya! "Dipercarutinya" — "diper-wa-ang wa-angnya".

Caranya itu betul-betul menyinggung perasaan orang Minang!

Tetapi dia masih belum puas! Dia hendak pergi mengajar negeri VII Koto yang tidak ikut perintah itu. Dia pergi hendak menyerang VII Koto biar hancur jadi abu. Dia ke sana melalui Naras! Oleh beberapa penduduk yang telah siap serdadu itu diserang dengan tiba-tiba di tengah jalan. Leftenan Bergman yang sombong itu dapat ditikam orang dengan tombak dan dicincang beramai-ramai.

TuanKu nan Cerdik tidak kelihatan dalam penghadangan itu. Tetapi Belanda syak kepadanya. Dia dipanggil datang ke Pariaman akan diminta pertanggunganjawabnya. Apatah lagi dia dituduh selama ini melanggar peraturan; memasuk dan mengeluarkan barang dari pantai Naras keluar Sumatera tidak seizin pemerintah Kompeni Belanda!

Dia tidak mau datang! Malahan sejak itu di daerah Rantau Pariaman itu telah tumbuh gerakan Paderi dengan pimpinannya, TuanKu nan Cerdik! Rasmi gerakan TuanKu nan Cerdik dimulai 1830.

Berulang-ulang Belanda mencuba merebut pertahanan-pertahanan di Pariaman. Bulan Jun 1831 adalah penyerangan ke Naras yang ketiga kali. Beribu-ribu kaum adat menggabungkan diri. Melihat besarnya angkatan perang musuh yang datang, TuanKu nan Cerdik mengundurkan diri ke-V Koto. Dari sana beliau terus ke Bonjol. Tetapi amat kejamlah berperang cara Belanda; sesampai di Naras, kerana TuanKu nan Cerdik tidak bertemu, ditangkaplah ibu dan kedua isterinya beserta dua orang anaknya. Ibu dan kedua isterinya dipenggal kepala, dan kedua anaknya

dijadikan sandera! Dan dibuat maklumat, barangsiapa yang dapat menangkapnya dan menyerahkannya hidup-hidup kepada Kompeni, akan diberi hadiah 1.000 Rupiah, dan kalau kepalanya saja 500 rupiah.

Mac 1832 Tuanku nan Cerdik datang lagi hendak merebut negerinya V Koto dan XII Koto. Kira-kira 5000 orang Paderi datang menyerbu, bahkan Tuanku Imam Bonjol sendiri hadir dalam pertempuran itu. Tetapi kejahatan cara perang Belanda terlihat lagi! Kaum adat yang mereka tampilkan ke muka. Setelah kaum adat terdesak, barulah tentera anti Belanda menikam dari rusuk, dan Paderi terpaksa mundur.

Lima bulan di belakang (Ogos 1832) Belanda membuat siasat lunak. Pemimpin yang menyerah dengan baik-baik, akan diperlakukan secara baik pula, akan dicari jalan damai. Ingat akan 2 orang anak yang jadi sandera Tuanku nan Cerdik mengirim utusan kepada Letenan X Bevervoorden di Pariaman menyatakan hendak menyerah. Penyerahan diri itu disambut secara baik. Tidak lama kemudian datanglah Residen Letenan Kolonel Elout dari Padang mengangkat Tuanku nan Cerdik menjadi Raja Bicara dengan gaji 100 rupiah sebulan.

Tetapi sehubungan dengan dokumen-dokumen dan laporan terakhir nama Tuanku nan Cerdik pun telah banyak tersebut-sebut pula, maka dia pun termasuklah salah seorang yang dicurigai keras. Maka seketika beliau sedang berada di Padang dalam kedudukan sebagai "Raja Bicara" tiba-tiba pada 16 haribulan Mac 1833 beliau ditangkap dan dibawa ke Betawi. Sesudah ditanyakan beberapa perkara beliau diberi tahu bahawa tidak boleh pulang ke Sumatera lagi. Melainkan tetap di Betawi saja.

Yang Dipertuan dibuang.

Dari hal diasingkannya Tuanku nan Cerdik, Yang Dipertuan tahu juga. Baginda sudah maklum bahawa orang-orang yang dianggap komplotnya sudah disingkirkan satu demi satu. Maka dipilih Belandalah waktu yang terbaik buat menangkap Baginda. Residen Elout datang ke Batu Sangkar pada 29 April 1833. Siasat untuk menangkapnya dirasa agak sukar juga. Sebab meskipun Belanda telah memberinya besluit hanya Regen Tanah Datar, tetapi bagi rakyat Baginda itu masih Yang Dipertuan Raja Alam. Ke mana pun Baginda berjalan, baik temasya, atau komisi atau menamu. Baginda tetap diiringkan oleh berpuluh pengiring bersenjata.

Sebab Residen berada di Batu Sangkar, dia menyampaikan kepada Yang Dipertuan ingin bertemu. Yang Dipertuan demikian pula. Pukul 9 pagi, 2 Mei 1833 Yang Dipertuan dengan segala pengiringnya sampai di hadapan gedung Residen dan Komandan Militer. Yang Dipertuan disonsong dan dipersilakan naik oleh tuan rumah. Residen Komandan Militer Elout. Setelah di dalam rumah, dipersilakan duduk di sebuah kerusi menghadapi meja panjang di ruang tengah dan Residen datang menghampiri ke dekat beliau. Lalu tanya menanyakan kesihatan. Penghulu-penghulu dan orang besar-besar Kerajaan bersama opsir-opsir Belanda duduk pula berselang-seling, masing-masing memakai senjata. Penghulu-penghulu berkeris, opsir-opsir berbedil pedang di pinggang. Di halaman berdiri 50 orang pengawal Yang Dipertuan, semua bersenjata api.

Sejenak kemudian, di dalam suasana yang tenang hening, sehabis perbasaan tanya menanya kesihatan, Residen Elout menyerahkan sehelai surat kepada seorang pengawal yang tegak di sebelah kanan beliau. Baru saja dilihatnya rupa surat itu, wajah Yang Dipertuan sekejap agak berubah, lalu tenang kembali. Mula-mula si pengawal membuka lipatan surat tetapi tertegun membaca. Maka sebelum Residen menyatakan perintah membaca, menitahlah Yang Dipertuan: "Bacalah!"

"Surat ini datang dari Kami Sultan Alam Bagagar Shah, dan Tuanku Imam dari Kemang dan Tuanku Alam, dan dari semua penghulu Tiga Luhak; kepada Rajo Tiga Selo, iaitu Yang Dipertuan di Parit Batu, Tuanku Sambah di Batang Sekilang, dan Tuanku di Air Batu.

Kami mempermaklumkan kepada Tuanku-Tuanku dan semua Penghulu-penghulu bahawa semua yang telah kita putuskan tempoh hari itu hendaklah kita lanjutkan dengan segenap kekuatan, supaya kita tidak menderita terus-menerus. Kita Raja yang sedaulat dan Penghulu di sawah Duku, serta anak kemenakan di darat dan di rantau; inilah adat kita.

Kini kami meminta kepada ketiga saudara Kami; dan juga kepada semua penghulu, ninik-mamak, supaya sekalian bersatupadu, dan jangan gagal; iaitu menghalaukan Kompeni dari negeri kita. Pergunakanlah segala kecerdik-pandaian tuanku, supaya kita tidak celaka.

Engku-engku mulailah dan teruskanlah!

Dan jika tuanku mendapat barang mana rintangan surutlah selangkah. Dan janganlah melakukan gerakan yang keliru, sewaktu berjalan ke rantau dan ke darat.

Bersatulah semua Raja dan Datuk, baik yang di Utara maupun yang di Selatan. Begitu pula rakyat yang di darat dan di rantau. Inilah permintaan Kami kepada saudara Kami semua. Ada pun bangsa Batak dan Melayu, janganlah takluk kepada perintah Kompeni. Baik sekali jika kitalah janganlah takluk kepada perintah Kompeni. Baik sekali jika kitalah yang memerintah mereka, supaya mereka kelak jangan berperang melawan kita.

Kami yang dari Luhak nan tiga telah bersatu dengan Daulat Yang Dipertuan di Pagar Ruyung dan Ali Basya Raja dari Jawa, yang telah kita muliakan seperti Daulat Yang Dipertuan di Pagar Ruyung juga, dan dia pun telah berjanji akan bersama mengusir Kompeni dari Tanah Datar, hingga ada harapanlah kita akan hidup berbahagia. Inilah persetujuan kita dengan Ali Basya. Kompeni tidak akan memerintah negeri kita lagi, melainkan Ali Basya dengan yang Dipertuan.

Ditulis pada hari Ahad malam 18 haribulan Syawal 1249.

Menurut riwayat orang Belanda, beliau terkejut mendengar bunyi surat itu, lalu membersihkan diri, mengatakan tidak bersalah. Tetapi menurut cerita-cerita turun-temurun orang Minangkabau sendiri, atau dari Raja-raja yang ada hubungan keluarga dengan Baginda, yang telah tersebar ke Deli, Serdang, Riau, Siak, Sri Indrapura, mulai masuk ke dalam majlis saja pun Baginda sudah maklum, bahkan sejak turun dari istananya, dia sudah mendapat firasat tidak baik. Sehingga ketika surat itu dibaca, Baginda hanya terkejut sebentar ketika lipatannya dibuka. Setelah itu dia dapat mengendalikan diri dan bertenang, bahkan menyuruh pengiringnya yang agak enggan membaca supaya membaca.

Dan Residen pun tidak pula mendesak-desak lagi, apa betulkah dia yang menulis atau menyuruh tulis surat itu. Cuma dengan sikap tetap hormat Residen meminta Baginda menyerahkan kerisnya, sementara itu di luar kedengaran serdadu-serdadu Belanda, mempersiapkan bedilnya. Dan dengan tenang Yang Dipertuan Sultan Alam Bagagar Shah menyerahkan keris beliau. Kemudian Baginda dipersilakan berkisar duduk ke kamar sebelah seorang diri, sambil Residen menanggalkan cincin permata berliannya, supaya Yang Dipertuan pakai sebagai jaminan bahawa keselamatan nyawa beliau dijamin.

Semua penghulu-penghulu pengiring Baginda disuruh saja pulang. Demikian juga 50 orang pengiring dan pengawal bersenjata lengkap itu. Hanya beberapa orang saja yang tinggal. Sesudah itu diberi kesempatan kepada Yang Dipertuan berpamitan dengan sanak keluarga mana yang patut. Dijelaskan kepada beliau bahawa beliau akan berangkat ke Padang. Dan jika beliau kehendaki, beliau boleh membawa isteri.

Kira-kira jam dua petang dengan mengendari kuda. Baginda meninggalkan Batu Sangkar menuju Padang, diiringkan oleh satu Detasement serdadu berkuda Belanda. Kepada opsir yang memimpin Detasement itu Residen memerintahkan dengan suara agak keras bahawa dia mesti mengawal Yang Dipertuan dengan selamat sampai ke Padang. Dan jika dia mencuba lari, jika perlu boleh ditembak mati.

Sampai di Padang langsung sekali dimasukkan ke dalam penjara. Dan beberapa waktu kemudian Baginda dibawa ke Betawi sebagai tawanan Negara.

Dengan dibuangnya Daulat Yang Dipertuan Sultan Alam Bagagar Shah dan dengan tersingkirnya Sentot Ali Basya, persangkaan Belanda bahawa perlawanan akan menurun dan rakyat Minangkabau akan mulai tunduk, adalah salah sama sekali. Raja Bua, sebagai seorang dari anggota "Rajo Tigo Selo" menurut susunan Constitutie Kerajaan Minangkabau, yang disebut Raja Adat di Bua, dengan terus terang menyatakan kekusarannya kepada Leftenan Hendrieks, Komandan pasukan Belanda di Bua. Protesnya ini disampaikan oleh komandan itu kepada Residen Elout. Bua didatangi, mula-mulanya seakan-akan tunduk, tetapi kemudian pemberontakan di bawah pimpinan Raja Bua sendiri terjadi.

Selain dari perlawanan Raja Bua yang sampai dikerahkan beribu-ribu kaum adat untuk menghancurkan dan membakar hangus Negeri Bua, di tempat-tempat lain pun timbul kembali perlawanan-perlawanan yang dahsyat dari dahulu. Negeri-negeri yang disangka telah takluk bangun kembali, memberontak. Merata di seluruh Minangkabau. Sebahagian besar dengan terang-terang menyatakan tambahan tujuan perjuangan, iaitu supaya Daulat Yang Dipertuan di Pagar Ruyung dipulangkan kembali ke Minangkabau.

Untuk memperbaiki kekalahan dan kegagalan, Gabenor Jenderal mengangkat Jenderal Mayor Tituler C.J. Riesz jadi Pesuruhjaya Kerajaan memegang kekuasaan sipil dan militer di Sumatera

Barat. Dia datang membawa bantuan tentera baru 1078 orang lagi dengan senjata sangat lengkap!

Tuanku nan Pahit salah seorang pemuka Paderi di Luhak Lima Puluh Koto, mulai mengumpul kekuatan, bergabung dengan Raja Bua yang setelah negerinya dibakar dan dihancurkan berangkat ke Pangkalan Koto Baru, menyusun kekuatan baru. Belanda mencap Tuanku nan Pahit pencinta Rajanya itu "Komplot Regen Tanah Datar nan Terbuang".

Yang sangat dahsyat lagi ialah pertempuran di Tambangan dan pembunuhan besar-besaran terhadap tentera Belanda Gugik Se-gandang. Kaum Paderi di sana banyak menewaskan orang Belanda. Setelah orang Belanda mendapat kemenangan kerana sen-jatanya lebih lengkap, maka banyaklah pemuka Paderi yang penting-penting tertangkap. Di sanalah Belanda melepaskan sakit hati dengan menghukum penggal leher pemuka-pemuka Paderi itu.

15 orang pemimpin dan pahlawan dihukum pancung.

Pada 28 Julai 1833 (dua bulan setelah Yang Dipertuan diasing-kan), dihukum pancung Datuk Bendahara dari Gunung (Padang Panjang).

Waktu itu juga dipancung pula Pakih Sulaiman putera Tuan-ku Mansiangan. Dipancung pula Pakih Manggala, salah seorang murid setia Tuanku Mansiangan.

Tuduhan kepada Datuk Bendahara ialah kerana dia salah seorang komplot Regen Tanah Datar hendak menggulingkan Pe-merintah Belanda. Tuduhan kepada Pakih Sulaiman dan Pakih Manggala ialah kerana banyak membunuh serdadu Belanda se-bagai membantu ayahnya Tuanku Mansiangan.

29 Julai 1833 dipancung pula oleh algojo Belanda;

1. Tuanku Mansiangan.
2. Datuk Bendahara nan Gapuk (kepala Laras VI Koto).
3. Datuk nan Gelek (dari Koto Lawas).
4. Datuk Bendahara Putih (dari Koto Lawas).
5. Datuk Sati (dari Pandai Sikat).
6. Datuk Bendahara (dari Kota Baru).
7. Datuk Sinaro Panjang (dari Air Hangat).
8. Datuk Rangkayo Tuo (dari Singgalang).
9. Datuk Putih (dari Singgalang).
10. Datuk Putih (dari Pandai Sikat).
11. Dubalang (Hulubalang) Baginda di Aceh.

Ada dua hal yang patut kita perhatikan dari catetan *Syuhuda'* yang dihukum penggal leher ini. *Pertama*: Hanya bertiga orang yang dapat disebut golongan agama, atau yang disebut orang Paderi. 1). Tuanku Mansiangan. 2). *Pakih* Sulaiman anak Tuanku Mansiangan. 3). *Pakih* Manggala, anak sasian Tuanku Mansiangan. Adapun yang dua belas orang lagi, sebelas orang adalah penghulu-penghulu yang bergelar Datuk, satu di antaranya Kepala Laras VI Koto (Datuk Bendahara nan Gapuk) dan seorang adalah Dubalang, iaitu orang suruh-suruhan penghulu.

Kesan *Kedua*: Tuanku Mansiangan adalah Tuanku yang ditunjuk oleh pemuka-pemuka Paderi "Harimau nan Salapan" menjadi Imam Perang ketika perjuangan dimulai, sebelum Belanda campurtangan, kerana Tuanku nan Tuo di Empat Angkat tidak mau menerima jabatan itu; sebab beliau tidak setuju melakukan kehendak agama dengan kekerasan. Pengangkatan ini terjadi di sekitar tahun 1804! (Ketika itu beliau masih bergelar Tuanku Mansiangan nan Mudo).

Maka tuduhan yang pertama dan utama kepada Tuanku Mansiangan, selain dari tiga kali telah menyerah kepada Belanda, dan tiga kali pula lari, lalu sekarang tertangkap kembali dalam melawan Belanda, kesalahannya yang paling besar ialah kerana cukup bukti hubungannya yang rapat dengan Tuanku Alam di Koto Tuo, Tuanku nan Pahit di Serilamak, Tuanku nan Gapuk di Kamang, semuanya adalah komplotan "Ragen Tanah Datar yang telah dibuang", yang hendak mengusir Belanda dari Minangkabau.

Tuanku Datuk Bendahara nan Gapuk Kepala Laras VI Koto pun dapat tuduhan demikian juga, bersekongkol dengan Regen Tanah Datar! Maka dengan tuduhan kepada beberapa orang Tuanku Paderi, terutama terhadap Imam Paderi Pertama sebelum Imam Bonjol, Tuanku Mansiangan, bahawa mereka satu komplot dengan Yang Dipertuan Pagar Ruyung hendak mengusir Belanda, Belanda sendirilah yang memperkuat keraguan kita tentang pembunuhan besar-besaran yang dilakukan oleh kaum Paderi, dikepalai oleh Tuanku Lintau terhadap keluarga Raja-raja Minangkabau di Koto Tangah.

Berpuluh negeri atau kampung di Minangkabau yang bernama Koto Tangah. Tidak ada keterangan pencatet sejarah Paderi Belanda menyebutkan di Koto Tangah yang mana? Koto Tangah antara Lubuk Sikaping dengan Bonjol? Koto Tangah antara Pariaman dengan Padang?

Kalau betul sebahagian besar keluarganya telah dibunuh Paderi, mengapa Sultan Alam Bagagar Shah mau bersekongkol dengan orang-orang Paderi itu mengusir Belanda?

Tengku Dr. Mansur di Medan (1946) habis kaum keluarganya dibunuh rakyat yang revolusi atas nama Republik Indonesia; walaupun akan dituduh pengkhianat, dia dirikan Negara Sumatera Timur, dan dia jadi Presiden!

Sultan Alam Bagagar Shah juga dibenci Belanda. Sebab orang Minangkabau, bahkan seluruh bangsa Melayu di darat dan di rantau terlalu mengagungkan "Yang Dipertuan di Pagar Ruyung". Sampai-sampai Raja-Raja Melayu di pesisir, Raja-raja Melayu di Sumatera Timur, di Siak Sri Indrapura, di Rembau Sri Menanti, di Naning, di Rokan, Indragiri, di Aceh Barat, di Barus dan di Singkil, selalu menyebut tuah Pagar Ruyung; sebab itu jatuhkan gengsinya, hancurkan tuahnya, dari Daulat Yang Dipertuan di Pagar Ruyung, jatuhkan jadi Regen Tanah Datar!

Maka oleh sebab datangnya ke Minangkabau bukan hendak mengambil hati rakyat, melainkan memperbudak, menjajah dan menghisap, maka di antara Paderi atau Pagar Ruyung sama saja baginya, keduanya adalah budak, dan tanahnya adalah taklukan.

Melihat keadaan kian lama kian kusut, yang dituju bertambah jauh, maka di bulan September 1833 Van den Bosch sendiri datang ke Sumatera Barat, menilik dari dekat. Perang ini harus dipercepat. Bonjol mesti segera dihancurkan, kerana itulah pertahanan terakhir Paderi. Tetapi belum beberapa hari dia berada di Sumatera Barat, dia dikejutkan lagi oleh timbulnya satu pemberontakan di Pagar Ruyung sendiri. Seorang Kepala Laras pula yang memimpin. Tersiar berita bahawa 40 orang Hulubalang yang setia dari Yang Dipertuan sedang mengatur siasat perlawanan di satu tempat 40 kilo meter dari Batu Sangkar. Belanda mendatangkan pula "Pahlawannya yang gagah" iaitu Datuk Pamuncak dari Batipuh buat membasmi aksi yang bertujuan memulangkan Yang Dipertuan itu. Lebih-lebih tersiar berita Yang Dipertuan ada berkirim surat merestui perjuangan itu! Belanda menjanjikan hadiah bagi barangsiapa yang dapat menyerahkan surat itu.

Datuk Pamuncak dan "orang-orang besar" bikinan Belanda amat berkepentingan dengan tersingkirnya Yang Dipertuan. Kerana kalau jadi beliau dipulangkan, apa lagi harga mereka? Sebab itu maka yang menghancurkan pemberontakan Pagar Ruyung ialah orang-orang Minang sendiri yang telah dapat menjual dirinya

kepada Belanda, lalu dengan propaganda Belanda mereka dinamai kaum Adat!

Kedatangan Komisaris Besar Van den Bosch ke Sumatera Barat yang mengatur program akan segera merampas Bonjol, bukanlah semudah yang dia sangka. Pertempuran besar-besaran telah terjadi di seluruh Minangkabau, korban telah banyak. Dia pun banyak membuat perbaikan dalam pemerintahan. Mereka itu "yang diberi gelar pemimpin-pemimpin kaum adat" ditetapkan gajinya. Ada yang 100 rupiah, atau 250 dan yang sangat besar jasanya, diberi gaji sampai 500 rupiah sebulan! Tetapi cita-citanya menaklukkan Bonjol, sampai tidak bangun lagi, di zaman dia, tidaklah berhasil.

Sebelum kembali ke Jawa Van den Bosch mencuba mengajak kaum Paderi di Bonjol untuk berdamai. Tetapi beberapa syarat yang dimajukan Tuanku Imam Bonjol amat berat buat diterima Belanda, sehingga berunding tidak jadi dilangsungkan. Di antara syarat yang berat buat diterima itu ialah Sultan Alam Bagagar Shah supaya dikembalikan ke Minangkabau dan didudukkan di singgah sananya yang sebenarnya, iaitu anggota "Rajo nan Tigo Selo", Raja Adat di Bua, Raja Ibadat di Sumpu-Kudus, Raja Alam di Pagar Ruyung, Daulat Yang Dipertuan di seluruh Alam Minangkabau.

Dengan fakta-fakta dan data yang ditemui di dalam buku-buku Sejarah Perang Paderi yang sebahagian besar dikarang oleh orang Belanda ini teranglah tidak ada dalam program kaum Paderi hendak memusnahkan susunan Kerajaan Minangkabau dengan Raja Tiga Sela dan Besar Empat Balainya itu. Malahan Tuanku Mansiangan terbukti bersalah kerana sekongkol dengan Yang Dipertuan, dan perundingan Van den Bosch gagal dengan Bonjol kerana Tuanku Imam Bonjol mengemukakan syarat yang berat bagi Belanda menerimanya, iaitu: "Kembalikan Raja kami!"

Semasa saya masih kecil, di surau ayah saya di Muara Pauh Sungai Batang, hidup mamak beliau Engku Datuk Bandaro nan Tuo, usia beliau ketika itu (± 1920) sekitar 85 tahun. Dia pernah saya ingat menceritakan rumusan yang menyebabkan perundingan gagal. Belanda menuntut supaya: "Suko berajo *ka-Gumpani*" — Tetapi Imam Bonjol tidak mau menerima *ka* (ke). Dia hanya mau kalau kata-kata *ka* itu ditukar dengan *ba*-. Jadi: *Suko barajo ba Gumpani*.

Usul Belanda "*suko barajo ka-gumpani*" (suka berajo kepada Kompeni saja). Tetapi Tuanku Imam hanya mau "*suko barajo ba*

gumpani" (Suka tetap beraja dan berkompeni juga. Kerana adanya Kompeni di Minangkabau sudah menjadi kenyataan).

"Itulah asal dibuat Plakat Panjang" kata orang tua kami Datuk Bandaro Rajo nan tuo tersebut. Plakat Panjang dibuat 25 Oktober 1833.

Kemudian setelah Bonjol dapat juga dikalahkan dibuatlah penafsiran baru bahawa yang dimaksud dengan "beraja" ialah bahawa apa-apa peraturan yang akan dilakukan di Minangkabau, hendaklah diperundingkan, dipermesyuaratkan terlebih dahulu dengan yang bertanggungjawab mengenai adat dan agama.

Ada pun darihal sisipan sejarah bahawa Tuanku Lintau membunuh berpuluh keluarga Raja-raja Minangkabau di Koto Tengah, tadi, kian diselidiki dan direnungi kian kelihatan bahawa ini hanya semata-mata satu sisipan "ilmiah" yang dikeluarkan oleh kaum Orientalist dan Zending dan Missie Kristian bahawa *Agama Islam adalah dimajukan dengan pedang!*

Dan untuk menutupi beratus-ratus negeri dan kampung yang dibakar hangus, beribu manusia yang negerinya telah dikalahkan dibunuh dan diperbudak, dan berjuta-juta harta benda penduduk yang dirampas, dengan nama membawa p e r a d a b a n.

Harapan dan Penutup.

Menilik segala fakta yang telah kita kemukakan itu teranglah bahawa Yang Dipertuan Sultan Alam Bagagar Shah, sampai akhir hidupnya di Minangkabau tetap dihormati oleh rakyatnya. Dan tidak ada bukti yang nyata yang dapat diuji dengan logika bahawa tujuan kaum Paderi ialah menyingkirkan Baginda. Nama-nama Pemuka Paderi yang "terlibat" dituduh berkomplot dengan Baginda hendak mengusir Belanda, bukanlah nama-nama kaliber kecil: Tuanku nan Cerdik di Naras, Tuanku Alam di Koto Tuo, Tuanku nan Gapuk di Kamang, Tuanku nan Pahit di Serilamak, dan di atas dari semuanya itu ialah Tuanku Mansiangan. Semua dapat bahagiannya dari Belanda; Tuanku Alam dan Tuanku Mansiangan dibunuh, Tuanku nan Cerdik dibuang.

Dan Tuanku Imam Bonjol sendiri, Imam yang sangat disegani oleh kaum Paderi, mengemukakan syarat kepada Komisaris General Van den Bosch: Kembalikan dahulu Yang Dipertuan ke atas singgahsananya di Pagar Ruyung, baru kita berunding!

Sanusi Pane di dalam bukunya "Sejarah Indonesia II" menyatakan bahawa bagaimana hubungan Paderi dengan Pagar Ruyung

belum diselidiki secara ilmiah. Sekarang sudah terang bahawa di antara Paderi dengan Kerajaan Pagar Ruyung tidak ada selisih, tak ada peperangan. Adapun yang disebut Belanda "Kaum Adat" ialah mereka yang merasa diri sudah besar sejak menjual diri kepada Belanda. Sama juga dengan politik Aceh beberapa tahun yang lalu. Iaitu bahawa kaum Ulubalang yang di zaman kesultanan masih ada hanya "Bintara-bintara" dan "Ulubalang-ulubalang", bawahan Sultan, dengan dihapuskannya kesultanan, naik menjadi "Daulat Tuanku Shah Alam" di kampung-kampung mereka sendiri. Maka Persatuan Ulama Seluruh Aceh (PUSA), pernah dituduh oleh kaum Ulubalang ertinya yang sebenarnya ialah Pergerakan Untuk Sultanat Aceh. Perumpamaan ini adalah hampir sama.

Tepatlah sebagai diungkapkan oleh Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi: "Semenjak Selat telah menjadi negeri, belalang telah menjadi elang, dan pijat-pijat pun telah menjadi kura-kura dan cacing pun telah menjadi ular naga". (Hikayat Abdullah).

Setelah itu terserahlah kepada Pemerintah R.I. berhakkah Almarhum Yang Dipertuan Sultan Alam Bagagar Shah masuk daftar Pahlawan Nasional. Yang terang ialah bahawa beliau sama dengan Raja-raja yang lain, dikhianati oleh Kompeni, lalu dia yang dituduh "pengkhianat". Anak cucu Baginda berkembang di mana-mana!

Terserah pula kepada pemerintah akan jadi jugakah perkuburan di Mangga Dua itu digusur, meskipun selain dari kubur Daulat Yang Dipertuan ada lagi kuburan lain yang dianggap orang Keramat.

Bagaimanapun yang akan baiknya, tetap berkubur di Mangga Dua, atau pindah ke Jati Petamburan, atau disemayamkan ke Kalibata, namun untuk memelihara nilai sejarahnya, baiklah kuburan Baginda diperbaiki dan diperbaharu secara layaknya. Bukan saja ingatan bagi zuriat anak cucu yang beliau tinggalkan, malahan juga untuk Masyarakat Minangkabau, yang di Jakarta sudah berdiri "Yayasan Kebudayaan Minangkabau".

Setelah mendapat keputusan Pemerintah, pindah atau tidak, perkuburan itu kita kerjakan bersama, di antara anak cucu zuriat Baginda dengan "Yayasan Kebudayaan Minangkabau". Dan setelah selesai kelak, kita tentukan satu hari; satu hari saja! Kita lakukan *sunnat ziarah* bersama. Untuk mengenangkan dan untuk mengucapkan salam kepada Daulat Yang Dipertuan Sultan Alam

Bagagar Shah, Raja Alam Minangkabau yang terakhir; yang Tuanku Imam Bonjol sendiri rela melanjutkan perang dengan Belanda, sampai Bonjol dihancurkan kerana syarat yang beliau kemukakan buat berunding tidak diterima Belanda, iaitu: "Pulangkan Raja Kami!"

Kitab-kitab yang dibaca.

1. Muhammad Rajab — "Perang Paderi".
2. Darwis Dt. Majolelo & Ajmad Marzuki — "Tuanku Imam Bonjol".
3. Sanusi Pane — "Sejarah Indonesia II".
4. HAMKA — "Antara Fakta dan Khayal Tuanku Rao".

VI. TUANKU LARAS

SETELAH patah perlawanan Kaum Paderi di Minangkabau di bawah pimpinan Tuanku Imam Bonjol dan "Harimau nan Delapan", maka Kompeni membuat satu susunan baru untuk mengatur negeri Minangkabau, dengan mengadakan pangkat Laras.

Kata-kata "Laras" di dalam pokok adat-istiadat Minangkabau memang ada, iaitu "Luhak nan tiga, Laras nan dua". Luhak ertinya ialah tanah yang rendah atau berlubang kerana bekas runtuhan. Tetapi kata-kata itu diambil menjadi susunan adat kepada tiga wilayah di sekeliling Gunung Merapi, yang kerendahan dan indah kelihatan. Iaitu Luhak Agam, Luhak Tanah Datar dan Luhak Limapuluh Kota. Tiga buah koto di hulu Minang, iaitu, di Bukittinggi terletak di Luhak Agam, Batusangkar terletak di Luhak Tanah Datar dan Payakumbuh terletak di Luhak Limapuluh Kota.

Laras erti asalnya ialah cabang. Susunan Adat terbagi kepada dua Laras. Pertama Laras Koto Piliang, kedua Laras Budi Caniago. Negeri-negeri memilih sendiri susunan adatnya, apakah menurut Budi Caniago atau menurut Koto Piliang. Budi Caniago dekat dengan Demokrasi, kepala-kepala adatnya "duduk sama rendah, tegak sama tinggi", dan adatnya "membesut dari bumi". Sedang Koto Piliang mengarah susunan Aristokrasi, setiap negerinya mempunyai kelebihan dan tugas sendiri: "Tanjung Balit-Sulit Air, Cemeti Koto Piliang"; "Lima-Kaum Duabelas Koto, cermin terus Koto Piliang"; "Batipuh, Harimau Koto Piliang", dan lain-lain sebagainya.

Dari kata "Laras" itulah Kompeni mengambil nama dari susunan baru, menyusun negeri-negeri yang sama rumpun adatnya, dan mengangkat seorang kepala dari negeri yang bersekutu, diberi gelar "Tuanku Laras".

Maksud Belanda ialah hendak lebih mengutamakan kekuasaan Adat dan menyingkirkan pengaruh dan kuasa agama, yang telah berurat berakar sebagai suatu kekuasaan sejak zaman Paderi.

Ketika itu Kaum Ulama pindah kepada cara yang lain. Gerakan Tasauf Thariqat Naksyabandiyah Khalidiyah bertambah mendalam di kalangan agama. Guru-guru Thariqat itu mengumpulkan murid-muridnya, menegakkan kekuasaan Rohani, untuk jika perlu, menentang pula kekuasaan Laras tadi, jika dipandang melanggar syariat. Maka di samping kekuasaan Laras yang ber-naung di bawah payung-panji "si putihmata", ertinya orang Belanda, maka guru suluk menanam pengaruh pula dengan ajaran "fana dan baqa" menurut ajaran Tasauf. Kekuasaan mereka ke dalam jiwa rakyat lebih besar daripada kekuasaan Laras. Ada pun Laras yang cerdik, didekatinya Ulama-ulama itu, dihormatinya dan diterimanya menjadi menantu, dan Laras yang terlalu enak mendapat asuhan Belanda, menentang mereka, sehingga ada di antara Ulama-ulama itu yang difitnahkan dan dibuang.

Beberapa di antara Laras itu memelihara kekuasaan yang diberikan kepadanya dengan sebaik-baiknya, tahu akan haknya dan taat beragama, supaya jangan putus dengan rakyat dan dikuatkannya Adat. Maka adalah di antara mereka yang demikian besar peribadinya, sehingga Tuan Kumandur (Kontelir) atau Tuan Luhak (Assistant Resident) tidak boleh berlaku gegabah. Laras Alahan Panjang (Bonjol) keturunan Tuanku Imam Bonjol, pernah menempeleng Westenink yang ketika itu menjadi "Tuan Kumandur" Bonjol, beliau berkata: "Kau masih anak-anak, saya lebih tahu keadaan daerah saya". Dan ada pula di antara mereka yang orang Belanda mesti minta izin lebih dahulu, baru boleh masuk ke dalam pekarangannya, dan kalau dia tidak senang, disuruhnya saja "Orang Jaga" mengusir "si putih mata" itu.

Di antara Laras yang masyhur, adalah Laras Koto-Gadang, negeri yang telah menghasilkan Peribadi-peribadi semacam Haji Agus Salim dan St. Syahrir, dan beberapa pembuka pintu kemajuan zaman baru sekarang ini di tanah air kita umumnya dan Minangkabau khususnya. Dia sudi membantu Belanda di dalam saat yang penting, tetapi dia tidak mau "diatur hidung" demikian

saja. Sikapnya keras, anak kemenakan dimajukan, negeri Empat Koto digiatkan berusaha. Maka tersebutlah bahawa pada suatu hari beliau pergi berburu bersama-sama Tuan Kemendur. Ketika sampai di lereng gunung Singgalang, makan-minumlah mereka bersama-sama. Sehabis makan, dimakanlah pisang-raja. Dimakan berbagi dua, sepotong untuk Tuanku Laras, sepotong untuk Tuan Kemendur, tetapi yang memotong pisang itu ialah tuan Kemendur sendiri dengan pisaunya. Menurut Adat, bila telah makan pisang sekudung seorang, adalah alamat persahabatan yang karib. Padahal tidak lama sesudah makan pisang itu, Tuanku Laras jatuh sakit dan mati! Orang menyangka bahawa mata-pisau yang sebelah dibubuhi racun, itulah yang dimakan Tuanku Laras. Demi seketika mayat akan dikuburkan "meratap ilau"lah anak cucu:

"Ninik den Tuanku Lareh,
parang ke Bonjo indak dia,
parang ke Singkie indak mati,
Gunung Singgalang maruntuah-kan
Banda si tujuh ma-hanyuik-kan...."

("Wahai nenek kami Tuanku Laras, mengapa tuan jadi begini. Seketika turut berperang ke Bonjol, Tuanku tidak apa-apa, seketika turut berperang ke Singkel, Tuanku tidak mati. Tetapi setelah pergi ke lereng Gunung Singgalang, di sanalah Tuanku runtuh. Dan seketika menurun ke Bandar Si tujuh, di sanalah baru Tuanku hanyut").

Hanya dengan sindiran demikianlah mereka dapat menyatakan rasa hati yang terpendam.

Yang masyhur lagi ialah Tuanku Laras Sungai Puar. Anak cucunya sampai sekarang pun menjadi orang-orang ternama di tanah air kita. Demikian terkenal beliau, sehingga sampai tergambar di kotak api-api (geretan, korek-api).

"Tuanku Laras Sungai Puar,
sampai tergambar di api-api;
kalau berteras dari luar
alamat melarat badan diri".

Yang masyhur pula ialah Tuanku Laras Simawang. Negeri yang terkenal, kerana dari sanalah dahulu Raffles melalui jalan hendak menuju Batusangkar (1819).

Tuanku Laras Simawang, mulanya menjadi pegawai keretapi di Singkarak, dan telah lama kahwin dengan Siti Jamilah, yang ayahnya orang Minangkabau, dan ibunya orang dari Jawa. Tibatiba dia terpanggil pulang ke Simawang buat menjadi Laras, dan isterinya Siti Jamilah dibawanya pulang, kerana telah beroleh tiga orang putera.

Tetapi setelah sampai di negerinya menjadi Laras, kaum kerabat belum merasa puas, kalau beliau belum kahwin seorang lagi dengan puteri bangsawan di Batusangkar. Maka terjadilah selisih rumahtangga yang hebat antara suami isteri sehingga terlanjur mulutnya menghina isterinya Siti Jamilah: "Asal kamu kan orang Jawa! Orang rantai turutkan dikau, serdadu turutkan dikau". Dan dengan merentak saja Tuanku Laras turun jenjang, terus sekali pergi kahwin. Bukan main tertusuknya perasaan Siti Jamilah kerana perkataan yang kasar menghina itu, sehingga sepeinggal Tuanku Laras, diasahnya pisau dan disembelihnya ketiga orang anaknya, dan disembelihnya pula dirinya.

Tuanku Laras sangat menyesal, sehingga nyarislah dia gila! Untuk mengubat hatinya dia naik Haji. Tetapi kembali dari Mekah, tidaklah bertambah sembuh, melainkan bertambah merana ingat akan isteri dan anak-anaknya.

Di tahun 1912, pemerintah Belanda memandang tidak perlu lagi ada pangkat Laras. Pangkat itupun dihapuskan dan diganti dengan pangkat Demang. Laras yang telah tua-tua tidak diganti lagi, lalu dipensiunkan dan yang masih muda terus diganti nama pangkatnya, dari Laras kepada Demang.

VII. BULAN TABUT

BULAN Muharram, bulan pertama dalam hitungan Hijrah itu di Tanah Jawa dinamai bulan Suro dan di Sumatera Barat dinamai bulan TABUT.

Yang amat dikenangkan di dalam bulan Muharram itu ialah tanggal 10. Iaitu hari tewasnya Sayidina Husin bin Ali bin Abi Thalib, anak dari anak perempuan Rasulullah Siti Fatimah Az-Zahraa. Menurut adat istiadat Islam, anak-anak Siti Fatimah itu disebut cucu Rasulullah, atau Zuriyatur Rasul.

Pada tanggal 10 Muharram itulah beliau tewas di padang Karbala, di dalam berperang menuntut haknya menjadi Imam

Kaum Muslimin. Sebab menurut keyakinannya Yazid bin Mu'awiyah menjadi Khalifah menggantikan ayahnya Mu'awiyah bin Abi Sufyan, adalah tidak sah. Sebab dahulu telah dibuat perjanjian dengan Hasan bin Abi Thalib, bahawa kelak jabatan itu akan dikembalikan kepada mereka.

Kematian yang amat menyedihkan itu dijadikan perayaan kesedihan yang sangat mendalam, menjadi salah satu peringatan besar dalam kalangan penganut Mazhab Syi'ah.

Di Minangkabau timbullah perayaan Tabut pada tiap-tiap tanggal 10 Muharram itu. Tabut ialah semacam naungan besar, bertingkat-tingkat menjulang tinggi.

Sejak hari yang kedelapan bulan Muharram itu telah diadakan sebuah Tabut ukuran kecil dan sederhana buat diarak keliling kota, diiringkan oleh perarakan tambur kecil. Kerjanya ialah mengumpul derma dan sedekah dari orang banyak untuk membelanjai pembuatan Tabut besar yang akan diarak tanggal 10 Muharram itu. Kerja mengarak-arak tabut kecil berkeliling itu dinamai *meradai*. Dan sejak hari itu pula dicarilah segumpal tanah-liat yang kelak akan diletakkan di puncak Tabut. Menurut kepercayaan mereka, gumpalan tanah-liat itu adalah gambaran atau lambang daripada kepala Husin. Sehari kemudian itu dicari pula batang-pisang dan dihalusi, dijadikan lambang daripada jari-jari beliau. Maka pada malam 10 Muharram diaraklah Tabut yang besar itu keliling kota dengan sangat ramainya, dimeriahkan dengan genderang, tambur dan rebana yang gegap-gempita bunyinya.

Tabut itu tinggi, sampai tiga tingkat diperbuat dengan kertas warna-warni. Di dasar bawah digambarkan rupa seekor binatang yang ganjil bentuknya; keempat kakinya berbentuk kaki kuda, di kiri kanan rusuknya mempunyai sayap yang besar laksana burung elang, dan ekornya pun laksana ekor burung besar. Tetapi kepalanya kepala manusia, dan manusia yang digambarkan sebagai kepalanya itu berbentuk perempuan. Rambutnya terurai dan wajahnya manis sekali. Kadang-kadang pipinya diberi bertahilalat. Kata mereka itulah dia burung buruk yang membawa Nabi s.a.w. Isra' ke Baitil Maqdis ketika beliau Mi'raj. Maka burung itu pulalah yang membawa kepala dan jari-jari Sayidina Husin bin 'Ali bin Abi Thalib *mengirab* (mi'raj) ke langit setelah dipotong oleh musuh.

Perayaan Tabut yang paling hebat dan meriah terutama sekali di kota Pariaman, sesudah itu di Padang dan kemudian di Padang

Panjang. Apabila datang waktunya maka tiap-tiap kampung mengadakan Tabutnya sendiri. Dan pada malam 10 Muharram itu keluar beramai-ramai dan berbondong, kampung demi kampung. Masing-masing mengarak Tabut mereka, diiringkan gendang dan tambur dan sorak sorainya. Dengan sorak gembira menggelora di udara, serentak mereka menjadi "Oyak Hosen — Oyak Hosen". Berasal dari ratapan orang syi'ah di hari itu memanggil-manggil nama Sayidina Husin sambil meratap: "Oh ya Husain, oh ya Husain!" Tetapi kalau kita saksikan di Irak atau di Iran, sorak itu diucapkan sambil meratap, kadang-kadang memukuli dada, merobek-robek baju, menusuk-nusuk badan dengan pisau kecil sampai berdarah.

Maka di Minangkabau, Pariaman, Padang dan Padang Panjang tadi bukanlah sorak-sorai itu melambangkan kesedihan, melainkan menaikkan semangat untuk berperang dan bertempur, apatah lagi kerana diiringkan dengan suara gendang dan tambur itu.

"Oyak Hosen, oyak Hosen"; ucapan ini menggelegar di angkasa, disorakkan sambil menari-nari. Maka bertemulah tabut kampung Terendam dengan tabut dari kampung Palinggam di seberang sungai Arau. Dengan sendirinya timbullah beradu dan bertumbuk, dihujung tabut-tabut itu dengan gembira, lalu diadakan kepada tabut kepunyaan kampung lain tadi, maka timbullah adu kekuatan, adu kegagahan dan sampailah berkelahi. Tabut kampung sebelah terkenal mempunyai pemuda-pemuda yang garang dan berani menghancurkan tabut orang kampung lain.

Cuma di Padang Panjang tidak banyak terjadi berkelahi ketika perayaan Tabut. Tetapi di Padang dan Pariaman perayaan Tabut tiap-tiap tahun meninggalkan kesan dendam dalam hati penduduk suatu kampung. Sehingga misalnya kampung Sebelah memandang bahawa anak kampung Terendam adalah musuhnya, dan dendam akan dibalaskan kelak di musim tabut tahun yang akan datang.

Tabut itu sangat berat, mesti diangkat bersama-sama sekiranya oleh 30 orang. Sebab itu dibanyakkan bambu atau kayu guna memikulnya, dan dia amat tinggi menjulang ke atas, sedang membawanya mesti dengan bersemangat dan gembira. Orang yang mengelilingi tabut itu dalam perarakan mesti banyak. Kerana kalau yang memikul sudah payah, wajib segera digantikan oleh yang lain. Dan seketika bertemu dengan tabut lain, kerana sangat gembira dan bersemangat, kadang-kadang tabut itu diadu. Lantaran itu dia

meminta tenaga yang kuat. Dan di antara yang mengiringkan itu ada beberapa orang yang membawa suluh besar dan ada pula yang membawa pedupaan; asap kemenyan menjulang tinggi ke udara.

Perasaan ketika itu bercampur gembira dan takut, rasa ibadat tidak ada. Orang gembira mendengar bunyi tambut dan sorak oyak-hosen dan orang takut kalau-kalau terjadi perkelahian di antara pengiring tabut satu kampung dengan kampung yang lain.

Pada tanggal 10 Muharram beresoknya, mulailah tabut itu diarak lagi dengan meriahnya, tetapi tidak seberbahaya malam hari lagi. Sebab kalau terjadi perkelahian sudah jelas nampak muka siapa-siapa yang berkelahi. Dan setelah hari petang, diaraklah tabut itu ke tepi pantai lalu dihanyutkan ke dalam ombak lautan di muara Padang atau di tepi pasir pantai Pariaman. Di Padang Panjang oleh kerana tiada laut, tabut dihanyutkan ke sungai Batang Anai. Padahal wang yang dihabiskan dengan jalan beriu seisi kampung untuk menyiapkannya amatlah banyak. Kalau menurut harga zaman sekarang tidak akan kurang dari harga puluhan ribu rupiah.

Suasana berbulan tabut itu tidak kurang meriahnya dari upacara membakar mayat di Bali; dan ujungnya pun sama, iaitu sama-sama diakhiri dengan menghantarkan ke lautan. Di Sumatera Barat tabut yang dihanyutkan ke laut, sedang di Bali abu dari mayat yang dibakar.

Pengaruh suasana tabut itu berpindah ke dalam pemakaian bahasa. Kalau terjadi ribut-ribut mengadu kekuatan dan berkelahi dinamai "bertabut-tabut". Kata-kata itu menunjukkan ribut dan kacau. Dan kalau terjadi gembira-ria bersama-sama dengan gembira, dikatakan beroyak-hosen. Dan kalau ada orang memintaminta ke kiri-kanan, misalnya orang yang ketagihan merokok, lalu meminta ke sana ke mari kerana dia kehabisan rokok, dikatakan "meradai". Mungkin kata ini diambil daripada radai ikan yang bergerak-gerak seketika dia asyik mencari makan.

Biasanya tabut itu dipawangi oleh seorang Persia yang telah lama berdiam di daerah itu. Di kala penulis masih kecil, memang tabut di Padang Panjang namanya si Gaburan. Dia menerima waris pawang tabut dari bapanya. Kalau telah dekat bulan tabut banyak orang dari darat pergi ke Pariaman untuk menyaksikannya. Kadang-kadang sehabis bulan tabut itu mereka belum pulang ke kampungnya menunggu bulan Safar. Kerana pada Arba'a yang

akhir dari bulan Safar akan ada pula keramaian besar di Ulakan, di samping kuburan Syekh Burhanuddin!

Perayaan tabut di Padang, Pariaman, Padang Panjang ini sangat meriah, demikian juga di Bangkahulu. Perayaan ini dijadikan orang bukti bahawasanya yang terlebih dahulu masuk ke negeri Minangkabau ialah Agama Islam Mazhab Syi'ah. Tetapi kalau kita selidiki dengan saksama, kita meragukan bahawa benar-benar Mazhab Syi'ah pernah berpengaruh di negeri itu. Ini hanya kemungkinan dari turut-turutan belaka, kerana tidak mengetahui perbezaan-perbezaan di antara satu Mazhab dengan Mazhab yang lain. Apatah lagi di antara keempat Mazhab, orang Syi'ah sendiri mengakui bahawa Mazhab Shafielah yang paling sedikit kebenciannya kepada Mazhab Syi'ah. Dan di dalam hal mencintai Husain sebagai cucu Rasulullah s.a.w. orang Melayu atau Indonesia tidaklah begitu terpengaruh oleh Mazhab dan golongan yang membencinya. Bahkan Imam Shafie sendiri pernah dituduh penyokong gelap dari kaum Syi'ah sehingga beliau ditangkap dan dihadapkan ke muka Khalifah Harun Al-Rasyid di Baghdad. Syukurlah kerana bukti tidak cukup beliau dibebaskan dari tuduhan itu.

Selain dari itu maka penyiar-penyiar terakhir dari Agama Islam datang dari Hadramaut, yang umumnya kaum Sayid. Di kota Padang di zaman Perang Paderi pernah berdiam Sayid Sulaiman Al-Jufri yang disegani orang. Di Riau Sayid Zain Al-Qudsiy. Di Tiku dan Pariaman terdapat keluarga Sayid 'Ali Jamalul-lail, yang semuanya dihormati orang, yang menyebabkan kalau ada perayaan menghormati Husin cucu Rasulullah, ada juga pertaliannya dengan Sayid-sayid tersebut.

Di Tanah Jawa bulan Muharram dinamai bulan *Suro*, berasal dari kalimat 'ASYURA, iaitu hari ke-10 (10 Muharram). Pada hari itu biasa orang membuat bubur *Suro*, daging ayam dikincakan dengan bubur dan dimasak dengan minyak. Sangat enam bubur itu. Katanya bubur tersebut adalah lambang berkabung atas kematian Husin.

Seorang pengarang di Padang bernama Bagindo Malin pernah menyusun sebuah cerita Hasan-Husin berperang dengan Raja Bayazid. Yang dimaksudnya ialah Yazid bin Mu'awiyah. Cerita itu disyairkan dan dilagu didendangkan, dibaca dengan asyik dan sedih, apatah lagi kalau didendangkan dengan lagu "Selendang Delima" yang terkenal.

Dalam syair hikayat Hasan Husin itu, tidak ketinggalan Bagindo Malin menceritakan kegagah-perkasaan adinda mereka yang bernama Muhammad 'Ali Hanafiyah, saudara berlain ibu dengan Hasan-Husin. Yang di dalam perang berkecamuk itu tidak telap dan selalu kebal jika ditikam atau ditembak musuh. Tetapi akhirnya Muhammad 'Ali Hanafiyah itu dibawa oleh kudanya ke dalam gua pada sebuah bukit. Di sanalah dia berdiam diri, ghaib dari kehidupan ini. Dan katanya, dia kelak akan datang kembali ke dunia ini, dekat-dekat hari akan kiamat buat memerangi kafir. Maka karangan Bagindo Malin itu adalah sebuah dongeng yang berdiri sendiri, terlepas dari pangkal sejarah yang asli, sebab Raja Bayazid di dalam hikayat itu diceritakan sebagai seorang raja kafir.

Tentang kepala Husin yang menurut dongeng orang yang meng-arak-arak tabut di Sumatera Barat itu, dikatakan dibawa terbang oleh burak ke langit, iaitu kenderaan nenek mereka seketika Mi'raj, maka setengah pengikutnya mengatakan bahawa kepala itu bukan dibawa terbang ke langit, melainkan dilarikan ke Mesir dan dimakamkan di sana. Dari kerana kepala yang ditanamkan di Mesir itulah maka berdiri mesjid Sayidina Husin di Mesir. Tetapi menurut keterangan kaum syi'ah di Karbala sendiri kepala itu dikuburkan di Karbala itu juga. Adapun menurut tarikh, kepala itu dibawa oleh kepala perang yang diutus Yazid buat mengalahkannya, lalu dibawanya menghadap Yazid bin Mu'awiyah di Damaskus, sebagai pembuktian bahawa dia benar-benar telah mati. Dan tidak ada tersebut ke mana kepala itu dibawa kemudian, apakah dicuri dan dibawa orang ke Mesir, atau dikirim kembali oleh Yazid ke Karbala, dan terang tidak ada burak datang menjemputnya dan membawanya terbang ke langit.

Demikianlah bahawasanya pengaruh pertentangan politik rebut kekuasaan di antara Bani Umayyah dengan Syi'ah, telah dijadikan satu bahagian dari kepercayaan agama dan berlarut-larut sampai sekarang, sesudah berlalu 14 Abad, masih saja menjadi perayaan agama, termasuk ibadat, sehingga kalau kita berada di Iran pada tanggal 10 Muharram, atau di Irak, kita akan mendapati suasana ratap tangis atas Husin itu.

Ada pun di tanah air kita kian lama perayaan tabut itu kian hilang, sebab memang tidak ada Mazhab Syi'ah di sini; kalau ada tentu akan tetap dipertahankan, sebagaimana tetap dipertahankannya di negeri-negeri lain. Dia hanya ada seketika kaum Muslimin Indonesia belum menerima penerangan yang jelas tentang hakikat

agama yang dipeluknya. Sehingga cerita bulan Tabut atau Mandi Safar hanya didapati dari cerita orang tua-tua yang usianya telah lebih dari 60 tahun, yang masih mendapati adat perayaan dan upacara yang ganjil dan lucu itu.

VIII. TUGU KEKECEWAAN

Di belakang Gedung Fakulti Muhammadiyah di Guguk Malintang Padang Panjang, yang jaraknya hanya beberapa meter saja, sebelum Indonesia Merdeka, berdirilah di sana dahulu sebuah tugu peringatan, yang tinggi menjulang langit. Di kaki tugu itu berdiri beberapa buah tangsi serdadu Hindia Belanda.

Bagi orang Belanda, tugu itu adalah lambang kenangan atas keberanian beberapa orang serdadu, seorang antaranya orang Belanda dan berdua bangsa kita "juga". Yang pada akhir bulan Februari tahun 1841 telah membakar persediaan ubat bedil yang tersimpan dalam gudang tempat tugu itu berdiri sekarang, seketika kaum pahlawan-pahlawan dari Batipuh datang menyerbu ke tangsi itu, kerana hendak mengusir orang Belanda dari Padang Darat, di bawah Pimpinan Datuk Pamuncak Regent Batipuh.

Kepala perlawanan, Datuk Pamuncak Regent Batipuh, adalah salah seorang dari kalangan penghulu-penghulu Minangkabau yang seketika terjadi Perang Paderi telah berpihak dan menyatakan setia kepada Belanda, dan memberikan bantuan beratus-ratus anak buahnya seketika memerangi Paderi di segala medan perang. Oleh kerana jasanya, beliau diangkat menjadi Regent Batipuh, setelah berhasil Belanda mengalahkan Kaum Paderi. Pangkat Regent tinggi daripada pangkat Laras yang diadakan oleh Belanda setelah diadakan aturan menanam kopi, dan kopi itu mesti dijual f.15, — sepikul kepada Kompeni, akan dijual oleh Kompeni di pasaran dunia F.75, — sepikul. Dan yang bergelar Regent itu tidaklah beberapa buah, hanya Batipuh. Tanah Datar, Agam dan Padang; dan dicuba juga sedikit di tempat yang lain.

Dengan beshuit Gubernmen pada tahun 1833 beliau diangkat menjadi Regent Batipuh, diberi gaji F.500, — sebulan dan diizinkan mengibarkan bendera Belanda di hadapan rumahnya. Regent Batipuh menerima jabatan yang mulia itu dengan besar hati; sebab akan berdirilah kembali kemegahan Adat "Tuan Gadang" di Batipuh. Tetapi alangkah kecewa beliau, setelah ternyata bahawa

hanya gelar itulah yang diterimanya, sedang kekuasaannya disusuti. Di negeri-negeri yang berdekatan, yang mestinya bertalian adat dengan Batipuh, Belanda mengangkat Laras dan memberinya bersluit pula, dan masing-masing berhubungan langsung dengan Belanda.

Dan lantaran masing-masingnya telah diberi besluit, dan berhubungan langsung dengan Belanda, tidaklah mereka hendak berhubungan atau menyembah Batipuh lagi. Mereka telah merasa berdiri sendiri. Bahkan ditimbulkan kedengkian dalam kalangan mereka, apa benarlah kelebihan Datuk Pamuncak daripada mereka.

Bertambah kecewa hati Regent setelah Resident mengangkat pula seorang Kontelir (Tuan Kumandur) di Batipuh; katanya untuk membantu Regent mengatur negeri, padahal mencabut kuasa dari tangan Regent.

Kian lama kian timbullah rasa kecewa! Demikian jasa yang telah ditumpahkannya, namun balasan yang didapatnya tidaklah sepadan. Boleh dikatakan susu telah dibayar dengan air-tuba.

Dan kekecewaan hati Penghulunya, Tuan Gadangnya atau Regennya telah dirasai pula oleh Hulubalang-hulubalang Batipuh, sehingga untuk menutup malu, mereka bersedia menghadapi segala kemungkinan.

"Daripada hidup bercermin bangkai, baik mati berkalang tanah".

Di Padang Panjang Belanda telah mendirikan tangsi yang besar, dan Padang Panjang adalah termasuk negeri Batipuh juga, termasuk wilayah Gunung, yang menurut adat bertali ke Batipuh.

Untuk peringatan pertama, alamat perlawanan dimulai, seorang pedagang Cina yang berdagang dari Padang Panjang ke Batusangkar, membawa banyak barang-barang, disamun orang di Pintu Angin dan dibunuh. Sebab orang Cina itu adalah termasuk orang-orang yang dekat dengan Belanda (22 Februari 1841).

Mendengar berita itu bersiaplah Belanda sejak dari Padang, untuk memadamkan pemberontakan.

Pada tanggal 14 Februari 1841 mulailah kaum pemberontak dari Batipuh, pukul 5 pagi menyerang benteng Kompeni di Padang Panjang. Mereka mulai mengepung benteng dan tangsi.

Suatu perlawanan yang hebat terjadi. Dengan gagah-perkasanya pahlawan-pahlawan dari Batipuh menyerbu, dan Belanda bertahan dalam benteng, dan bantuan dari Padang belum juga

datang. 47 orang serdadu Belanda bersama 44 orang anak-anak dan perempuan terkeping di dalam.

Waktu fajar tanggal 24 Februari 1841, telah membayang Matahari akan terbit dari balik Gunung Merapi "semarak Alam Minangkabau", dan rasa ngeri seluruh isi tangsi mendengarkan pahlawan yang mengepung menyorakkan sorak Allahu Akhbar! Ketika menyerang Guguk Malintang itu tidak berpecah lagi di antara kaum Adat dengan kaum Ulama, sehingga dalam hitungan sejarah Belanda pertempuran Guguk Malintang masih dalam rentetan Perang Paderi juga. Yah, kaum Adat dan kaum Agama telah bersatu kembali di saat yang telah percuma persatuan! Negeri mereka telah kalah.

Oleh kerana kepungan belum berhenti dan bantuan dari Padang belum juga datang, dengan diam-diam beberapa serdadu Belanda yang berani pada malam yang kedua telah dapat mengeluarkan perempuan dan anak-anak yang 44 orang itu dengan sembunyi-sembunyi. Lalu dari sebelah Barat, berjalan dengan sangat hening melalui Sungai Andok, diiringkan oleh serdadu-serdadu yang telah kehabisan peluru dan lapar. Setelah selesai orang-orang itu diselamatkan, maka serdadu yang tinggal, seorang Belanda dan dua orang serdadu bangsa kita, bertahan di dalam benteng dengan keyakinan bantuan dari Padang akan datang juga.

Pahlawan Batipuh melihat sudah lemah pertahanan dan bedil tidak banyak berbunyi lagi, menyangka bahawa pertahanan ini telah lemah. Mereka akan memulai serangan umum yang menentukan.

Setelah serangan umum itu dimulai dan bantuan dari Padang belum juga datang, dan pahlawan-pahlawan Paderi yang gagah berani telah nampak memimpin pasukannya hendak memanjat dinding benteng, tidak ada jalan lain lagi bagi mereka, hanyalah membakar benteng itu, sehingga meletuslah mesiu dan ubat bedil yang ada di dalam, hancur porak-poranda, dan mereka sendiri pun ikut mati. Pahlawan Batipuh tidak mendapat apa-apa lagi. Dan dua hari di belakang barulah bantuan yang ditunggu itu datang.

Perlawanan dapat dikalahkan dan dipatahkan. Regen Batipuh, Datuk Pamuncak yang dengan terus-terang mengakui, bahawa semuanya berlaku atas anjuran beliau, ditangkap dan di buang ke "Betawi" (Jakarta).

Dan dibekas benteng dan gudang mesiu terbakar itu, Belanda mendirikan tugu peringatan, yang pada setiap tanggal 28 Februari

diperingati besar-besaran di Padang Panjang, disaksikan oleh rakyat dengan rasa dendam dan kecewa. Bagi Belanda, tugu itu adalah Tugu Peringatan bagi keberanian dan kesetiaan tiga orang serdadu kepada Belanda, dan bagi bangsa Indonesia Minangkabau di Batipuh, adalah lambang yang lebih mendalam maknanya; iaitu jangan tertipu oleh janji yang muluk-muluk, kerana setiap janji yang muluk-muluk, kadang-kadang hanyalah buat membujuk supaya kita menyerahkan leher kita akan disembelih.

Pada waktu penulis masih kecil di Padang Panjang, hampir setiap tahun menyaksikan serdadu berpakaian kebesaran, berbaris dengan penuh khidmat ke tempat itu, bunyi musik talu-bertalu, dan oleh tentera pendudukan Jepun tugu Peringatan itu telah mereka runtuhkan....

Sekarang bekas Tugu Peringatan itu masih ada, sebuah munggu ketinggian tidak berapa meter jauhnya dari Gedung Fakultas Muhammadiyah, tempat penulis memberikan kuliah-kuliah Islam.

Guguk Malintang Padang Panjang, awal tahun 1957.

BAHAGIAN KEEMPAT

I. DEKAT MELAKA AKAN JATUH

MASYHURLAH nama Melaka di akhir Abad Kelima Belas, sebagai sebuah negeri besar di sebelah Timur ini. Dia terletak dan berdiri di antara dua Kerajaan Besar yang megah, iaitu China dan Hindustan. Dan Hindustan ketika itu diperintah oleh Raja-raja keturunan Afghanistan Islam.

Selat Melaka demikian ramai dilayari oleh kapal-kapal dagang, yang menghubungkan antara China dan India. Pelabuhan Melaka adalah tempat kapal-kapal dagang singgah. Saudagar-saudagar Arab menamainya "Mulaqat" ertinya tempat pertemuan segala dagang.

Bangsa Moor Islam di Sepanyol baru saja dikalahkan oleh Raja Suami-Isteri Ferdinand dari Aragon dan Isabella dari Castille (1492) dan pada tahun itu juga (1492) Christopher Columbus mencari jalan ke India kerana terdengar kayanya, tetapi Amerika yang bertemu.

Yang bertakhta Kerajaan di Melaka ialah Sultan Mahmud Shah. Seluruh orang kenal bagaimana tabiat dan perangai Sultan Melayu itu. Dia seorang Raja yang sangat tidak tahan melihat perempuan cantik! Sehingga kadang-kadang untuk mencapai suatu maksud tertentu, orang besar-besar mendapat akal untuk melunakkan hati raja, iaitu memberikan hadiah perempuan cantik. Kadang-kadang merayap-rayap dia malam-malam, lupa akan maruahnyanya sebagai Sultan untuk memuaskan nafsunya. Suatu kali pernahlah dia mendengar kecantikan Puteri yang bersemayam di atas puncak Gunung Ledang, gunung yang dipandang bertuah oleh penduduk Melaka. Padahal Puteri Gunung Ledang itu bukan bangsa manusia, tetapi bangsa mambang, peri dan dewa. Dia tidak peduli itu. Belum senang hatinya sebelum Puteri Ghaib itu didapatnya, sehingga diutusnya orang mendaki gunung itu buat meminang Puteri. Tetapi syarat-syarat yang dikemukakan Puteri buat menerima pinangannya berat belaka. Dia meminta hati tungau, meminta

jambatan emas dan meminta darah raja sendiri semangkuk penuh. Maka seketika permintaan ini disampaikan oleh Laksamana Hang Tuah kepada perutusan kepada baginda, terasalah berat dan sukar permintaan itu. Dan yang terlebih lagi bagi baginda ialah akan menyerahkan darahnya sendiri semangkuk! Alangkah beratnya.

Meskipun Tun Sri Lanang mencantumkan kisah ini dalam Sejarah Melayu sebagai suatu dongeng yang disangsikan kebenarannya namun dongeng ini adalah kias yang dalam tentang laku perangai Sultan.

Meskipun demikian lemah budi Sultan, namun kekuatan Melaka dan kemasyhurannya masihlah dapat dipertahankan. Kerana Melaka mempunyai orang kedua yang sangat disegani orang, baik di dalam negeri Melaka sendiri, atau oleh orang luar negeri, iaitu Bendahara Sri Maharaja.

Segala siasat politik ke dalam keluar, pada hakikatnya Bendaharalah yang mengendalikannya. Kemegahan Kerajaan tetaplah dipelihara. Maruah Sultan dapat dijaganya. Negeri aman dan makmur, rakyat merasa mendapat perlindungan. Nama Bendahara sama masyhur keluar negeri daripada nama Sultan sendiri. Di India, di negeri China, di Siam "Syahrin Nawi" dan di Majapahit, menjadi buah mulut oranglah Bendahara Sri Maharaja. Tidak ada kusut yang tidak selesai, tidak ada keruh yang tidak jernih bila tangan beliau yang memegang.

Maka pada tahun 1509 berlabuhlah Armada Portugis di pelabuhan Melaka. Katanya, Armada itu adalah sebagai suatu perutusan Muhibbah dari Kerajaan Portugis. Tetapi pada hakikatnya ialah menyelidiki pertahanan Melaka. Maka tatkala perutusan Armada Portugis dari Goa itu mendarat, yang mula-mula mereka tanyakan bukanlah Sultan, melainkan Bendahara! Apakah ini suatu politik memecah belah di antara Sultan dengan Bendaharanya atau benar-benar kerana Bendahara lebih langsung hubungannya dengan Luar Negeri, masihlah menjadi selidik ahli sejarah.

Perutusan itu datang menghadap Bendahara dan menyampaikan bingkisan tanda muhibbah daripada Kerajaan Portugis, iaitu sebuah kalung emas, yang panjangnya sampai ke pusat. Kepala utusan sendiri yang mengalungkannya pada leher Bendahara. Dan tidak berapa hari setelah upacara penyerahan bingkisan itu, Armada Portugis itupun membongkar sauh dan meninggalkan Melaka.

Kelihatan benar masygul Sultan, mengapa Bendahara lebih dikenal orang di luar negeri daripada dirinya sendiri, dan kemasy-

gulan itu diketahui oleh orang-orang istana yang dekat dan selalu mendekati kepada Sultan.

Kemasygulan Sultan diketahui oleh mereka, dan inilah kesempatan baik yang telah lama mereka tunggu-tunggu. Sehingga setiap hari hanyalah kebusukan dan keburukan Bendahara yang menjadi buah-mulut dalam istana. Banyaklah menjadi pembicaraan tentang pengaruh Bendahara, tentang kesombongan Bendahara, tentang kekayaan Bendahara.

Dalam pada itu Bendahara mempunyai pula seorang Puteri yang cantik bernama Tun Fatimah. Sultan pernah meminang Puteri itu, dan Bendahara tidak mau menyerahkan, sebab puterinya telah bertunangan dengan Tun Ali. Tolakan pinangan inipun menambah dendam kedua pihak.

Akhirnya menjadi berita ramailah di istana, bahawasanya Bendahara bermaksud hendak menumbangkan Sultan dan hendak duduk menggantikan Sultan. Bukti-bukti telah cukup diperbuat orang.

Maka datanglah waktu yang telah lama ditunggu-tunggu orang itu. Sultan memutuskan bahawa Bendahara adalah seorang pengkhianat, hendak menumbangkan Sultan. Maka pada suatu ketika, datanglah utusan Sultan ke rumah Bendahara, menyampaikan titah, sambil membawa keris untuk membunuh Bendahara dan empat orang keluarganya yang terdekat.

Bendahara sendiri telah lama merasa bahawa dia dibenci istana. Dan saat itupun telah dinanti-nantikannya. Banyak orang yang memberi nasihat agar dia melarikan diri keluar negeri, maka dengan senyum dia membantah nasihat itu: "Tidak! Pantang bagi anak Melayu melanggar sumpahnya dengan Raja! Saya ini adalah hamba Baginda! Apa kehendaknya hamba patuhi!"

Bendahara dibunuh dalam rumahnya sendiri dengan keris raja!

Muramlah Melaka sejak kejadian itu. Orang-orang yang jujur dan sudi berkorban kian lama kian hilang dan habis. Yang ada hanyalah buih-buih yang merapung seketika ombak besar! Yang ada hanyalah orang-orang yang menyembah "Ampun Tuanku! Segala titah patih junjung!"

Khobar kematian Bendahara lekas tersiar keluar negeri. Setahun lamanya Melaka muram, bahkan antara Sultan Mahmud

Shah sendiri, dengan putera kandungnya Sultan Ahmad Shah timbullah perpecahan, kerana si anak lebih berfikiran maju daripada ayahnya.

Setahun kemudian, iaitu pada tahun 1511 datanglah serangan Portugis!

Melaka bertahan dengan gagah berani di bawah pimpinan putera Sultan, iaitu Ahmad Shah. Dibantu oleh Bendahara Lubuk Batu yang telah tua pikun, namun hatinya masih gigih, tetapi tidak berdaya lagi. Di hari pertama masih dapatlah Melaka bertahan dengan gagah berani, tetapi di hari yang kedua pertahanan Melaka telah roboh. Roboh kerana perpecahan yang ada dalam negeri dan roboh kerana persenjataan tidak seimbang.

Bendahara Lubuk Batu yang telah tua pikun itu, melihat tentera Portugis telah mendarat, dengan mata gelap menghalaukan gajahnya menentang tentera besar itu. Anak buahnya dengan keras menghalangi maksud beliau. Maka dengan murka beliau berkata: "Biarkan daku! Biarlah aku bersama hancur dengan Melaka ini!"

Melaka telah diduduki musuh, Sultan Mahmud Shah melanggar adat istiadat asli Melayu. Dia mengundurkan diri dari Melaka bersama keluarganya, di antaranya ialah isterinya Tun Fatimah anak Sri Maharaja yang telah dihantarkan ke istana setelah ayahnya mati dibunuh Sultan Mahmud Shah lari ke Kopak dan akhirnya ke Kampar, di sanalah dia mangkat, dengan gelar "Marhum Mangkat di Kampar".

Istiadat Melayu yang dilanggar baginda itu ialah "Kalau negeri alah, rajanya hendaklah mati".

Seketika saya membuat catetan "Perbendaharaan Lama" ini, anakku bertanya: "Guna apa ayah menuliskan Sejarah jatuhnya Melaka di saat sebagai sekarang? Apakah ayah percaya akan teori "Sejarah mengulangi dirinya?"

Saya jawab: "Tidak nak! Sejarah tidaklah mengulangi dirinya. Tetapi perangai manusia di segala zaman, baik dalam nama Feudalisme, atau Demokrasi, atau Diktator adalah sama saja...."

Ditulis pada tahun 1956.

II. KOTA MELAKA

TIDAKLAH berupaya Majapahit lagi hendak meruntuhkan Melaka sebagai saingannya yang terbesar di Selat Melaka. Puncak kemegahan Melaka adalah di zaman Sultan Mansur Shah, yang sampai berutus-utusan dengan Majapahit dan dengan negeri China. Sampailah Laksamana Hang Tuah mengepalai suatu perutusan menghadap Batara Majapahit, dan sampai Batara Majapahit mengirinkan Puterinya menjadi isteri kepada Sultan Mansur Shah, dan Maharaja China pun mengirinkan puterinya pula bersama dayang-dayang inang pengasuh yang berpuluh-puluh banyaknya.

Di zaman baginda Sultan Mansur Shah itulah disusun adat-istiadat Melayu susunan istana dan kedudukan orang besar-besar. Bila hari Jumaat atau pada hari-hari besar Islam lainnya, Sultan pergi ke mesjid mengendarai gajah. Menyambut utusan dari luar negeri pun diadakan adat istiadatnya. Utusan-utusan dari Pasai, disamakan penyambutannya dengan utusan Raja-raja besar yang lain, meskipun di kala Melaka telah naik, Pasai telah lama jatuh. Melaka tetap mengingat kelebihan Pasai, sebab dialah yang mula-mula menyambut kedatangan Islam. Bahkan kalau Ulama-ulama Melaka merasa musykil dalam satu hukum agama, ke Pasailah mereka pergi bertanya. Sebab itu maka hukum yang datang dari Pasai dipandang sebagai hukum yang tertinggi.

Dari seluruh Nusantara kepulauan kita ini berduyunlah dagang santeri datang ke Melaka. Ada yang dari Tanah Jawa, terutama Jawa Timur. Dan ada pula dari Bugis, sehingga ada pencatet sejarah yang berkata, bahawa Hang Tuah itu sendiri adalah seorang anak Bugis.

Pemerintahan Yang Adil.

Teluknya indah, pelabuhannya dalam, sehingga kapal-kapal dagang bersilang-siur atau memunggah atau membongkar muatan di Melaka. Air susah didapat, kerana sangat dekat dari laut, sebab itu airnya asin. Hanya ada sebuah sumur, bernama Perigi Bukit China, sebab tempatnya adalah di kaki Bukit China yang dikhususkan untuk kediaman dayang-dayang kiriman Maharaja China itu. Air Perigi itu sangat jernih dan sejuk, dan tidak sedikit pun ada rasa asin. Oleh sebab itu maka selain daripada penduduk Melaka sendiri mengambil air dari sana, kapal-kapal pun mengambil persediaan air untuk berlayar dari perigi itu.

Di sana pun tumbuh pisang-jarum (Pisang lidi kata orang Minangkabau) amat manis dan tidak lekas ranum, sebab itu mudah dibawa berlayar. Hati orang dagang pun terubat kerana pemerintahan Bendahara Sri Maharaja yang sangat adil dan amat menarik hati. Senantiasa beliau pergi ke pantai memperhatikan apa yang diperlukan oleh juragan-juragan dan nakhoda kapal. Lantaran itu maka menjadi buah-tutur oranglah keindahan Melaka dan serba kesenangan di sana.

"Pisang-jarum, Air Bukit China, Bendahara Sri Maharaja".

Pada tahun 1511 jatuhlah Melaka ke tangan Portugis, beberapa bulan saja sesudah Sultan Mahmud Shah membunuh Bendahara yang baik budi itu, kerana mengacuhkan fitnah orang.

Silih berganti Portugis, Inggeris, Belanda sebentar dan kemudian Inggeris pula menduduki Melaka, yang dahulu menjadi pusat kebudayaan Melayu. Sekarang menjadi sebuah kota di pinggir laut, yang pelabuhannya telah dangkal, dan kebesarannya telah digantikan oleh Singapura.

Bila kita sampai ke Melaka, masih kedapatan Gereja Portugis dan sisa kotanya. Masih kedapatan gedung bekas pusaka Belanda, dicat merah. Dan masih terdapat sebuah jalan yang bernama dahulunya "Heerenstraat", bekas tempat tinggal orang-orang besar Belanda.

Perigi Bukit China, meskipun telah 450 tahun masa berlalu, masih terdapat di tempat itu dan masih jernih airnya. Ada pun "Bukit China"nya sendiri yang dahulu itu tempat tinggal dayang dan inang pengasuh kiriman Maharaja China, telah menjadi sebuah tempat "semayam yang akhir" bagi orang-orang Cina di tempat itu.

Di sana terdapat keturunan Cina yang telah seumur dengan Melaka, di antaranya adalah Baba Tan Chen Lock sendiri, pemimpin perantauan di Tanah Melayu. Mereka hidup sebagai kaum Baba Peranakan di Indonesia juga. Lagu Melaka yang paling terkenal ialah "Dondang Sayang". Lagu ini pun dicintai oleh orang Cina peranakan Melaka. Pernah seorang Cina peranakan Melaka yang akan meninggal dunia mewasiatkan, jika dia mati ketika memasukkan mayatnya ke kubur, hendaklah teman sahabatnya melepaskannya dengan lagu "dondang sayang". Lagu dondang sayang di Melaka sama dengan lagu "perak-perak" di Padang dan "Kuala Deli" di Deli.

Dan saya sendiri setiap sampai ke Melaka senantiasa timbulah kenangan yang indah. Pada kedatangan saya yang pertama ke sana (1943), keluarlah syair dari 44 bait. Adapun datang yang sekarang, hanya keluar satu pantun saja:

Negeri Melaka kaya sejarah
Kenangan indah anak Melayu
Kuatkan hati, tentukan arah
Pegang pedoman jangan keliru.

Ditulis pada tahun 1955.

III. USAHA PERTAMA MEREKUT MELAKA (Dari Jawa)

SEBAGAIMANA kita ketahui dalam sejarah, Kerajaan Melayu Melaka adalah Kerajaan Islam yang besar dan jaya, lebih besar daripada Kerajaan Pasai yang terdahulu daripadanya beberapa tahun. Pasai jatuh kerana serangan Majapahit pada tahun 1360.

Dari tahun 1400, sampai tahun 1511, Melaka telah berdiri dengan jayanya. Di sana terdapat beberapa Sultan Melayu yang besar, sebagai Alaiddin Ri'ayat Shah, Mansur Shah dan lain-lain. Demikian kebesaran Mansur Shah, sehingga Batara Majapahit dan Maharaja China mengirim puteri-puterinya kepada Baginda, untuk dijadikan isteri.

Pada zaman Sultan Mahmud Shah, Sultan Melaka yang akhir, hiduplah nama Melaka menjadi buah-bibir orang dagang yang datang dari mana-mana Orang Arab sampai menamai Melaka itu "Mulaqat", ertinya tempat pertemuan segala dagang. Di waktu itu hiduplah seorang ahli negara yang besar, Bendahara Sri Maharaja, dan seorang ahli Perang di laut dan di darat, Laksamana Hang Tuah.

Tetapi oleh kerana Sultan Mahmud Shah seorang Sultan yang tidak memperdulikan Kerajaan, yang hanya sudi mendengarkan bisik hasutan dari pegawai istana, maka orang-orang besar yang setia itu baginda singkirkan dan baginda bunuh.

Tahun 1509 Portugis telah mengirinkan angkatannya ke Melaka, sebagai suatu PERUTUSAN MUHIBBAH (Goodwill

Mission) dan pada leher Bendahara Sri Maharaja dikalungkan mereka bintang berantai emas tanda hormat. Dan seketika pihak Portugis meminta hendak mendirikan logi perniagaannya di Melaka, meskipun Bendahara telah dianugerahi bintang, tidaklah beliau izinkan.

Tahun 1511 Portugis datang kembali, bukan lagi sebagai GOODWILL MISSION (Perutusan muhibbah), tetapi buat berperang. Padahal Hang Tuah tak ada lagi, Bendahara Sri Maharaja pun telah dibunuh Sultan setahun yang lalu.

Jatuhlah Melaka kerana tidak ada lagi ahli siasat perang yang bijak. Jatuhnya Melaka kerana pengkhianatan penduduknya sendiri, kerana tidak tahan akan kezaliman Raja. Kejatuhan Melaka di sudut hati anak Melayu, dipandang sebagai suatu perkabungan sejarah yang tidak akan terlupakan.

Tetapi syukurlah, kerana setelah Melaka jatuh, dua Kerajaan Islam telah berdiri pula. Kerajaan Demak di Jawa dan Kerajaan Aceh di Sumatera.

Aceh akan bertugas menjadi pelopor perkembangan Islam di Sumatera. Dan Demak di bawah pemerintahan Patih Yunus yang bergelar Pangeran Seberang Lor, naik menjadi Raja setelah ayahnya Raden Fattah mangkat, pun akan jadi Pahlawan Islam. Demi Patih Yunus mendengar bahawa Melaka telah jatuh ke tangan bangsa Portugis, disusunnyalah satu angkatan laut yang besar, terdiri daripada berpuluh-puluh kapal layar, dan mempunyai angkatan laut tidak kurang dari dua laksa orang, setahun setelah Melaka jatuh, iaitu pada tahun 1512.

Sayang sekali percubaan beliau gagal, sebab kedudukan Portugis sudah sangat kuat di Melaka. Dua kali beliau mencuba, tetapi kedua kalinya gagal. Namun begitu pengharapan akan pertolongan dari Jawa, tetaplah tinggal dalam jiwa anak Melayu, sehingga tinggallah dalam bibir mereka sebuah pantun.

“Jika roboh kota Melaka,
Mari di Jawa kita dirikan
Jika sungguh bagai dikata,
Badan dan nyawa saya serahkan”.

Pantun ini telah beratus tahun jadi buah mulut orang Melayu, walaupun tanah Jawa telah dikuasai Belanda dan Semenanjung telah dikuasai Portugis, Belanda dan Inggeris.

Nasib Demak tidaklah begitu baik setelah mangkatnya Pangeran Seberang Lor. Saudara ayahnya, Pangeran Terenggano menjadi Raja Demak setelah Patih Yunus mangkat. Sebab Patih Yunus sendiri tidak mempunyai putera. Salah seorang menantu Pangeran Terenggano, Joko Tingkir merebut kekuasaan daripada mertuanya dan memindahkan kebesaran Demak ke Pajang. Dan kelaknya Adipati Mataram, Ki Gede Pemanahan dapat pula merebut lambang-lambang Kebesaran Kerajaan dan memindahkannya pula ke Mataram.

Sedang Portugis di Melaka bertambah kuat dan Belanda di Jawa telah masuk pula (1596).

Dan bila saudara sampai ke Melaka, saudara naik ke atas Bukit China, tempat semayam Hang Li Po, puteri Maharaja China dan segala dayang inang pengasuhnya, atau pergi ke benteng Santa Yohanna, kelihatanlah laut Selat Melaka yang indah, tempat bersilang-siur kapal-kapal bangsa kita ratus dan ratusan tahun yang lampau. Seketika saya melawat ke sana pada tahun 1943, dapatlah saya menyusun kata sampai 44 bait, yang berpangkal:

“Di atas runtunan Melaka lama
Aku termenung seorang diri
Mengenang Melayu kala jayanya
Masa kebesaran nenek bahari....”

Dan Dr. Burhanuddin, salah seorang pemimpin Melayu, keturunan dari Sungai Jambu Batusangkar di pihak ayah dan putera Melayu di Parit-Perak di pihak ibu, tatkala mencari ilham di Melaka pada tahun 1946 bersyair pula:

“Di atas runtunan kota Melaka
Kita bangunkan jiwa Merdeka
Bersatulah Melayu seluruh baka
Membela Hak Keadilan pusaka....”

IV. USAHA KEDUA MEREBut MELAKA (Dari Aceh)

TELAH LEBIH dari 100 tahun Melaka diduduki Portugis. Pertarungan amat hebat memperebutkan kuasa di darat dan di laut, di antara Portugis dengan Kompeni Belanda.

Tetapi suatu kekuatan baru telah muncul di Aceh; Baginda Sri Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, telah naik takhta Kerajaan. (1607).

Sejak dari masa-masa pemerintahan Sultan-sultan yang Baginda gantikan, Aceh telah menguasai sebahagian besar pulau Sumatera. Batas kekuasaan Baginda di tanah Jawa ialah daerah Selebar (Bangkahulu). Dan seluruh pesisir Timur pun termasuk Langkat, Besitang, Deli sampai ke Asahan, Labuhan Batu, sampai ke Siak telah di bawah naungan kekuasaan Aceh. Demikian pula di Semenanjung Tanah Melayu; Perak adalah di bawah takluk Aceh.

Pusaka nenek-moyang itulah yang dipelihara oleh Iskandar Muda. Tetapi Baginda telah menghadapi dua kekuatan besar. Pertama Portugis di Melaka, yang sering-sering juga memasukkan pengaruh ke daerah lain. Kedua Belanda yang telah kukuh kedudukannya di Johor.

Terhadap kepada Portugis samalah nafsu Aceh dengan Belanda. Kedua-duanya sama berniat mengusir Portugis dari Melaka. Bagi Belanda, sebelum Portugis dapat diusir dari Melaka, terasa bahawa jalan lautnya untuk mengangkut kekayaan ke negerinya masih belum aman. Dan bagi Aceh, Portugis dan Belanda adalah dua musuh yang selalu mengancam kedudukannya. Tetapi di antara kedua musuh itu Portugislah yang wajib diselesaikan lebih dahulu.

Pada tahun 1629 Aceh di bawah Iskandar Muda Mahkota Alam menyerang Melaka dengan kekuatan yang besar. Sultan mengirim Angkatan Lautnya di bawah Pimpinan Orang Kaya Laksamana, sebagai Pemimpin Kesatu dan wakil pemimpin Orang kaya Raja Setiajela. Mereka memimpin 236 kapal perang disertai 10,000 perajurit Aceh.

Orang Portugis yang telah lebih 100 tahun menguasai Melaka itu, kerana telah banyak kali mengalami serangan dari luar, baik dari Demak (Adipati Yunus), ataupun dari orang Belanda (Admiral Matelief pada tahun 1606), telah berapa lama pula mempertahankan benteng-bentengnya dan pertahanannya. Maka setelah kelihatan Angkatan Laut Aceh yang besar itu, telah menghitung kapal-kapal perangnya memenuhi lautan, Portugis pun memperteguh pertahanannya dan siap berjaga-jaga.

Panglima Pertahanan Portugis di Melaka ketika itu ialah Diego Lopez de Fonesco.

Mula sekali kelihatan kapal-kapal perang Aceh itu, Portugis tidak membiarkan mereka mendekati daratan. Terus sekali mereka sambut ke laut lepas. Tetapi penyerangan secara terkejut

dari pihak Portugis itu tidak berhasil, sebab sambutan pihak Aceh sangat hebat. Bahkan serangan Portugis ke laut itulah yang gagal dan kucar-kacir. Setelah pertahanan di laut itu gagal, dapatlah Armada Aceh masuk ke dalam daerah pantai Melaka. Orang kaya Laksamana menyusun dan mempersiapkan untuk mendarat di kota pertahanan. Seluruh benteng dan kotapun telah siap berjaga. Tetapi Aceh tidak memperdulikan betapapun teguhnya pertahanan musuh. Mereka terus dengan sorak-sorai gegap-gempita menyerbu. Di tepi sungai Punggur terjadilah pertempuran dahsyat. Portugis bertahan, Aceh menyerbu, iaitu 6 Km sebelah ke hilir kota. Pertahanan gigih Portugis menjadi ompong di tempat itu dan Aceh terus menyerbu. Lalu Portugis bertahan lagi di sebelah Bandar Hilir. Inipun dapat direbut oleh Aceh; lalu Portugis bertahan ke dalam kota bentengnya yang terkenal kukuh, iaitu benteng Sint John. (Orang Melayu menyebutnya Sangyoang). Benteng Sint John terletak di atas bukit, bernama Bukit Pipi. Lalu Laksamana menyuruh hadapkan seluruh moncong meriam ke sana, menghujani benteng itu dengan peluru. Seketika menghujani benteng di puncak Bukit Pipi itu dengan meriam, maka beribu-ribu tentera laut Aceh menyerbu bukit itu pula dengan gagah-perkasanya.

Oleh kerana benteng Sint John tidak dapat dipertahankan lagi. De Fonesco memerintahkan seluruh perajuritnya meninggalkan benteng itu lalu berpindah bertahan ke pekarangan Gereja Madre de Dios. Gereja megah itu telah didirikan sejak 1581. Mereka membuat pusat pertahanan di sana, sebab tempatnya baik pula letaknya (Strategis) sebab dapat berlindung dan ketinggian, sejajar dengan benteng Saint John yang telah direbut Aceh. Dari pekarangan Gereja itulah Portugis menembaki Sint John.

Dua bulan lamanya Portugis dapat bertahan pada benteng-gereja itu. Tetapi setelah habis dua bulan, dengan tiba-tiba datang pulalah penyerbuan Aceh yang dahsyat ke sana, dan selama dua bulan itu tidak berhenti Aceh dan Portugis berperang berbalas-balasan meriam dari jauh. Dalam saat pertempuran seru itulah de Fonesco tewas mendapat kecelakaan. Maka pimpinan tentera Portugis diambil alih oleh Francisco de Maya. Alhasil tempat pertahanan itupun hancur.

Dengan hancurnya pertahanan di gereja Madre de Dios itu, mulailah tentera Aceh melanjutkan serangannya lagi, maju dan maju lagi, walaupun pertahanan Portugis atas tiap-tiap jengkal ta-

nahnya diakui hebat pula. Aceh meneruskan penyerangannya ke tengah kota, dan Portugis sudah hampir kehilangan akal, apa yang akan diperbuat lagi.

Pinggir kotapun dapat direbut oleh Aceh, iaitu Bandar Melaka, yang sekarang disebut bahagian Kampung Raya. Iaitu di tempat berdiri gereja Saint Lorengo di dekat sungai.

Seterusnya Aceh meneruskan serangannya juga, sampai sekeliling kota telah dikuasai dan Portugis tidak dapat lagi bersifat bertahan berhadapan melainkan masuk ke dalam benteng-benteng mereka yang kuat itu. Di antara benteng mereka yang dua tiga itu, adalah satu benteng yang paling teguh dan kuat iaitu Sint Paul Hill, yang oleh Portugis selalu diberi nama "La Famosa" (Yang Menang).

Di sanalah sisa-sisa Portugis bertahan dengan teguhnya dan Aceh pun terus mengepung, tetapi Portugis tidak mau menyerah. Mereka masih tetap mengharapkan datangnya bantuan dari Goa ataupun dari kawan-kawan sekutunya.

Sekutu yang amat diandalkan Portugis di waktu itu ialah Sultan Pahang. Pahang, yang dahulu telah pernah diserang dan ditaklukkan oleh Aceh, tidaklah merasa senang jika Aceh menguasai Tanah Melayu. Portugis bagi Pahang adalah sandaran yang kuat, sebagaimana Belanda jadi sandaran Johor, dan satu waktu Pahang dan Johor pernah diperintah oleh satu Sultan.

Selama pengepungan Melaka berbulan-bulan itu, dan seketika terkepung di benteng La Famosa lebih dari dua bulan pula, Portugis dengan diam-diam mengirim utusan, berjalan malam dari benteng menuju Pahang meminta bantuan. Satu kelalaian Aceh ialah seketika tenteranya yang 10.000 orang itu sudah mendarat, tidak ada mereka sediakan penjagaan di laut, sehingga kapal terkumpul ke tepi semuanya. Dengan demikian terlalailah Aceh menjaga supaya jangan datang bantuan untuk Portugis dari laut.

Selama mengepung benteng-benteng pertahanan itu maka di Bukit China yang telah didudukinya, Aceh membuat pertahanan tembok tinggi sejak dari tepi sungai sampai ke sepanjang pinggir Bukit China. Dalam pada itu utusan pun dikirim ke Aceh mempersembahkan kepada Sri Sultan bahawa banyak kemajuan telah diperoleh. Sayang sekali Sri Sultan tidak mengirim bantuan baru dan tidak pula lekas tiba perintah baru, apakah serangan ini diperketat lagi atau diambil jalan lain.

Dalam keadaan Portugis hampir putus asa, dan Aceh menunggu-nunggu perintah baru dari Sri Sultan, tiba-tiba bermunculanlah kapal-kapal kiriman Sultan Pahang di lautan. Segera Laksamana Aceh mengatur perlawanan menangkis serangan, sehingga terjadilah perang berkecamuk di antara Pahang dengan Aceh, yang belum tentu mana yang akan menang dan mana yang akan kalah. Di dalam keadaan yang demikian, tiba-tiba muncul pulalah kapal-kapal perang Portugis, iaitu bala bantuan yang datang dari Goa! Pimpinan Armadanya ialah Nino Alvares Bathelho.

Dia adalah Gabenor Jeneral Portugis untuk Goa sendiri!

Sungguh perbantuan yang tidak terduga dari Portugis itu yang dipimpin oleh Gabenor Jeneralnya sendiri, menimbulkan semangat baru bagi tentera Pahang.

Lepaslah dendam-kesumat Sultan Pahang, Abduljalil, yang ayah kandungnya mati tertawan di Aceh. Dan betapa pun gagah perkasa oleh Aceh, yang pantang menyerah sampai kepada saat-saat terakhir, namun kekuatannya yang telah lama dipakai mengepung, menyerbu dan menyerang Melaka, lebih dari lima bulan sedang bantuan baru tidak ada, tidaklah sebanding lagi dengan kekuatan lawan yang baru datang, iaitu gabungan Portugis dan Pahang. Tentera yang di darat tidak dapat bertahan lagi. Aceh menjadi kucar-kacir, di laut pun telah tidak ada pertahanan kerana kapal telah berlabuh di pantai semuanya dan yang ada di laut telah segera tenggelam dipersokokkan oleh Pahang dan Portugis. Dalam perang bersosoh tikam-menikam satu lawan satu, Aceh tetap terdesak, sampai ke hutan. Dalam pertempuran itulah tewas Orang kaya Raja Setia Lela, Laksamana Muda (Vice Admiral) Aceh. Setelah diberitakan kepada Sultan Pahang bahawa Laksamana Setia Lela telah tewas, Sultan memerintahkan hulubalang-hulubalang Pahang yang gagah mendesak dan mencari terus di mana tempat bersembunyi orang kaya Laksamana sendiri.

Ketika pahlawan-pahlawan Pahang mendapat tempatnya bertahan, telah terjadi pengepungan. Kerana dipersokokkan bersama-sama beliau tertangkap hidup.

Beliau menjadi tawanan Sultan Pahang.

Dengan penuh gembira dan sorak-sorai, Laksamana yang gagah perkasa itu diantarkan oleh pahlawan-pahlawan Pahang ke hadapan Sultannya. Tetapi setelah berita penawanan itu sampai kepada Gabenor Bathelho, beliau meminta dengan sangat supaya

tawanan itu diserahkan kepadanya. Maka oleh kerana tenggang-menenggang dengan sekutu, padahal orang Pahang yang dapat menawaninya, terpaksa tawanan yang besar itu diserahkan kepada Gabenor Portugis. Di sini Sultan Pahang mendapat pelajaran yang pahit dalam persekutuannya dengan orang "kafir". Dan dendamnya kerana kematian ayahnya di Aceh tidak jadi terlepas.

Tawanan itu diserahkan ke bawah penjagaan Laksamana Portugis di bawah Bethelho, iaitu Francisco Gavalho de Maya. Segala macam penghinaan balas-dendam kepada Aceh ditumpahkanlah kepada Laksamana yang telah kalah itu. Dan sedianya akan tercapailah cita-cita orang Portugis itu, bahawa Laksamana Aceh yang gagah perkasa tetapi kalah itu akan dibawa ke Portugal, (Lisbon) menghadap Raja Portugal. Telah biasa sejak zaman dahulu musuh-musuh yang ditawan itu dibawa pulang ke Portugal, dan di sana tawanan itu akan diarak-arak keliling kota negeri yang menang, menerima penghinaan dan diludahi oleh orang-orang yang menonton di pinggir-pinggir jalan. Apatah lagi salah satu kapal perang Aceh yang bagus telah dapat pula direbut. Laksamana yang malang itu akan dibawa dan diletakkan di atas kapal perang rampasan itu dan dipersembahkan kepada Raja Portugal.

Beliau telah dinaikkan ke kapal dan telah dibawa serta. Tetapi maksud orang-orang besar Portugis itu tidaklah berhasil. Sebab di tengah pelayaran menuju Portugal, melalui Tanjung Pengharapan, Laksamana telah hilang.

Dalam laporan orang Portugis, beliau mati tertembak kerana sedang penjaganya terlengah beliau mencuba melawan, lalu tertembak mati. Tetapi dalam laporan yang lain dikatakan bahawa beliau telah hilang saja selepas menambah air minum pada sebuah pelabuhan di Afrika.

Rupanya, walaupun mati terbunuh ataupun melarikan diri dari kapal di tengah perjalanan, namun bagi Laksamana biar mati ataupun hilang di jalan-jalan daripada diberi malu, diarak-arak, disoraki dan diludahi di jalanraya dalam kota Lisbon.

Maka gagal percubaan mengusir Portugis yang kedua, yang diatur oleh Sri Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam Johan Berdaulat. Padahal sebelum serangan penghabisan di tahun 1629 itu, Aceh telah juga mencuba menyerbu ke Melaka pada tahun 1547, 1568, 1579, dan beberapa kali serangan yang lain.

Tetapi yang paling besar dan dahsyat ialah penyerbuan tahun 1629 itu.

Kegagalan penyerangan Melaka ini adalah membawa kerugian yang amat besar bagi Aceh. Sejak itu Aceh tidak dapat lagi menyusun Angkatan Laut segera sekuat yang dahulu, apatah lagi pada tahun 1637 Sri Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam mangkat, dan Sultan yang menggantikannya Iskandar Tsani Ali Al-Mughayyah Shah hanya memelihara yang masih tinggal, tidak kuat untuk membangun yang baru lagi.

Sungguhpun demikian, dengan kenaikan Iskandar Tsani ke atas takhta Kerajaan Aceh, mulailah berdamai dengan Pahang. Sebab baginda adalah putera Sultan Pahang yang sejak kecil tertawan di Aceh, akhirnya diangkat anak oleh Iskandar Muda, dan akhirnya sekali diambil menjadi menantu, dan dia yang terpilih menjadi ganti baginda, setelah baginda Iskandar Muda mangkat.

Tidak lama kemudian jatuhlah Melaka ke tangan Belanda (15 Februari 1641), iaitu sebulan setelah Iskandar Tsani mangkat pula.

Melaka masih pindah dari tangan musuh ke tangan musuh, sampai setelah dikuasai Belanda, datang lagi usaha ketiga kali, merebut Melaka dari tangan Belanda oleh Raja Haji, Marhum Syahid Sabilillah Teluk Ketapang.

V. USAHA KETIGA MEREPUT MELAKA (Kisah Marhum Teluk Ketapang)

AWAL ABAD Kedelapan Belas.

KEKUASAAN Kompeni Belanda telah bertambah besar. Satu-persatu Kerajaan-kerajaan Islam yang ada di Indonesia ini telah dilemahkan. Kerajaan Mataram Pusaka Sultan Agung, Kerajaan Banten pusaka Sultan Hasanuddin demikian pun yang lain-lain, tidaklah dapat lagi takhta Kerajaan. Tinggallah sebuah Kerajaan Melayu yang masih besar dan berkuasa penuh, iaitu di kepulauan Riau. Kerajaan Riau di abad kedelapan belas adalah seakan-akan Kaisar Melayu. Dia meliputi Johor, Riau, Lingga dan Pahang, Trengganu, Indragiri dan Kampar. Bahkan Sultan-sultan Melayu, terutama Kalimantan Barat pun mengakui pertalian adat-istiadat ke Riau. Seumpama Mempawah, Sambas, Sudana, Matan dan Sanggau. Seketika Syarif Abdurrahman ke-

turunan bangsa Sayid Al-Qadri Jamalul lail mendirikan Kerajaan Pontianak, adalah memohonkan kebesaran ke Riau juga.

Nyaris Kerajaan Riau itu padam kebesarannya kerana peperangan sesama sendiri, tatkala Raja Kecil dari Siak menyerang Riau, Lingga dan Johor.

Maka datanglah lima orang anak-anak Raja Bugis dari Luwuk, mengembara di perairan Selat Melaka. Mereka adalah pahlawan-pahlawan perang yang gagah berani. Mereka tolong Raja Riau mengalahkan Raja Kecil. Lalu mereka menjadi "Yamtuan Muda" di Riau. Jabatan Yamtuan Muda adalah sebagai Perdana Menteri yang berkuasa penuh, dan Sultan di Riau tetap menjadi lambang Kerajaan.

Yamtuan Muda Riau pertama Daeng Marewah (wafat 1728), yang kedua Daeng Celak (wafat 1745), yang ketiga Daeng Kamboja (wafat 1777), dan yang keempat adalah RAJA AJI putera dari Yamtuan II Daeng Celak.

Pada zaman Raja Aji inilah Kerajaan Melayu mencapai kemajuan dan kebesarannya. Dan bercampurlah darah Bugis dan darah Melayu, yang akan menjadi dasar teguh kelakinya dari apa yang sekarang kita namai kesadaran berbangsa, baik di Indonesia atau di Malaysia. Dan berusaha alim-ulama mengisi Kebudayaan Melayu dengan Agama Islam.

Dengan Kompeni Belanda mereka membuat perjanjian persahabatan. Berulang kalilah urusan Kerajaan ke Jakarta dan ke Melaka, perniagaan menjadi subur dan Belanda berjanji tidak akan mengganggu bangsa Melayu dengan adat istiadat dan agamanya. Bangsa Melayu pun memegang teguh suatu janji, bahawasanya musuh Kompeni Belanda adalah musuh Melayu juga, dan musuh Melayu adalah musuh Kompeni. Rugi tanggung berdua dan keuntungan pun dibagi berdua.

Pada suatu hari masuklah kapal dari "musuh bersama" ke dalam daerah Riau, iaitu Kapal Inggeris! Kekayaan pada kapal itu amat banyak. Datang Angkatan Kompeni dari Melaka, diambilnya rampasan itu semuanya dan tidak dibaginya.

Raja Ali keberatan, kerana itu adalah pelanggaran janji. Diutusnya satu Delegasi ke Melaka, menuntut dibicarakan tentang janji yang telah diperbuat itu, dan minta diserahkan separuh dari rampasan kapal itu. Tetapi Belanda tidak mau.

Amat murkalah Raja Aji atas janji yang tidak dihargai itu. Khabarnya konon, surat-surat perjanjian itu dirobek-robeknya kerana sangat murkanya.

Kerana persahabatan telah diganti dengan permusuhan, Kompeni pun mendapat kesempatan yang baik untuk menyerang Riau (1783). Dan Raja Aji dengan balatentara dan pahlawannya mempertahankan Riau dengan gagah perkasa. Sembilan bulan lamanya berperang. Pusat pertahanan tempat mengatur Komando perang ialah pulau kecil yang terletak di hadapan Tanjung Pinang sekarang itu, pulau Penyengat.

Dahsyatnya peperangan itu. Terpadulah gagah perkasa Melayu dengan kegagah-perkasaan Bugis mempertahankan daulat kebesaraannya. Gegap gempitalah bunyi meriam "lelarentaka" dari kedua belah pihak, banyaklah pahlawan yang gugur. Tetapi setelah berperang sepuluh bulan lamanya, Belanda terpaksa mundur ke Melaka, kerana beberapa buah kapal perangnya telah tenggelam. Dan terpeliharalah kemerdekaan Riau dan kebesarannya.

Dapatlah suku-suku bangsa kita menarik nafas dan bersyukur kepada Tuhan, kerana kemenangan itu. Tetapi ada juga Kerajaan-Kerajaan Melayu itu yang dengki, kerana mereka merasa akan turunlah kedaulatannya jika Riau beroleh kemenangan dan akan "terjaminlah" kekuasaannya di atas tanahnya yang setumpak kecil, oleh Kompeni Belanda, jika mereka memisahkan diri dari Riau!

Selangor adalah bertetangga dengan Melaka. Raja di sana pun (Raja Ibrahim) anak saudara dari Yamtuan Muda Riau; Mereka pun keturunan Bugis. Kemenangan Riau mempertahankan diri dari serangan Belanda di Melaka, membuat semangat mereka naik buat meneruskan tentangan kepada Belanda. Mereka pun bersedia meneruskan serangan merebut Melaka dan mengusir Belanda. Lalu mereka minta Raja Aji datang sendiri ke pantai Selat Melaka, supaya mengepung Belanda dari setiap jurusan.

Ada juga orang besar-besar Riau menasihatkan supaya Yamtuan Muda mengurungkan maksudnya. Tetapi kerana keras permintaan Raja Selangor Raja Aji mengabulkannya juga.

Maka mendaratlah tentera Melayu dari Riau itu di Teluk Ketapang, sebelah Selatan dari kota Melaka. Di sanalah beliau membuat pertahanan yang kuat. Sultan Riau, Sultan Mahmud Shah ikut dalam peperangan itu.

Terjadilah kembali pertempuran yang hebat, tiga bulan lamanya. Tapi sayang sekali, kerana beberapa Raja Melayu yang lain, sebagai Trengganu dan Siak di waktu itu berpihak kepada Kompeni Belanda. Dan orang Melayu yang di dalam negeri Melaka sendiri, demikian juga orang Bugis dan orang Jawa dibujuk oleh Belanda supaya berdiri di pihak mereka, dengan rayuan janji-janji yang muluk.

Sungguhpun segala kekuatan telah dikerahkan Belanda buat menentang serangan itu dan buat mempertahankan diri, sangatlah dahsyat serangan Pahlawan Melayu-Bugis itu, dengan dibantu oleh saudaranya Raja Ibrahim Selangor. Satu persatu negeri-negeri keliling Melaka itu telah jatuh ke tangan beliau. Bahkan telah masuk ke dalam negeri Melaka sendiri, sehingga Belanda hanya dapat bertahan dalam bentengnya. Sehingga sudah ada usaha hendak memindahkan segala bangsa Belanda orang-orang sipil, perempuan dan anak-anak ke tempat lain yang lebih aman. Sebab bantuan dari Jakarta belum juga datang. Serangan Raja Aji kian lama kian dahsyat.

Cucu Raja Aji, pujangga dan Ulama yang terkenal, iaitu Raja 'Ali Al-Haji, bin Angku Raja Ahmad Al-Haj, bin Raja Aji pengarang buku "Tuhfat-an-Nafis", tentang salasilah Raja-raja Melayu dan Bugis. Mengisahkan hikayat perang Raja Aji itu dengan hidup dan indah sekali. Bila mana hari siang, beliau sendiri yang memimpin peperangan, menyerang dan mengepung kota Melaka. Bila mana hari telah malam, beliau asyik mendengar fatwa ulama yang turut dalam angkatan perang itu. Setiap malam Jumaat, beliau mengadakan wirid membaca kitab "Dalail el-Khairat", ucapan puji-pujian kepada Rasulullah s.a.w.

Pengepungan yang dahsyat atas kota Melaka itu amat mengegerkan kekuasaan Belanda, baik di Jakarta ataupun di negeri Belanda sendiri. Perang yang tadinya sangat diabaikan oleh Belanda, kerana hanya seorang Raja Melayu saja yang melawan. Setelah nyata pertahanan di Melaka sudah tidak berupaya lagi, dikirimlah bantuan yang amat besar, terdiri daripada dua puluh kapal dan beribu-ribu serdadu dari Jawa. Sayang sekali sebahagian besar serdadu itu adalah bangsa kita juga!

Mereka masuk dari jurusan laut, pendaratan yang paling hebat adalah di Teluk Ketapang sendiri. Beribu-ribu serdadu Belanda masuk mengepung Teluk Ketapang, tempat pertahanan Raja Aji. Kian lama kian mendesak. Panglima-panglima Melayu

dan Bugis bertahan dengan gagah beraninya, dalam peperangan yang tidak seimbang.

Maka Arung Lenga pun memacu kudanya, padahal ia tengah sakit, keluarlah dia menempuh barisan Belanda, lalu ia mengamuk. Maka matilah dia dengan kudanya, sedang Belanda pun banyak juga yang mati. Segala orang-orang besar Belanda itu, serta dengan serdadu-serdadunya. Maka mengamuklah pula Daeng Salekong dan Panglima Selebang serta Haji Ahmad. Maka ketiganya mengamuk menyebarkan dirinya kepada baris Belanda yang berlapis-lapis itu. Maka seketika dia mengamuk itu, matilah ia syahid fi Sabilillah ketiganya dengan nama laki-laki. Dan beberapa lagi orang baik-baik pun syahid. — Demikian Raja Ali Haji mengkisahkan hebatnya perang berkecamuk di hadapan benteng itu.

Raja Ali ada dalam benteng. Hati Baginda tidak tahan lagi melihat pahlawan-pahlawan pilihannya gugur satu persatu di dalam penyerbuan yang dahsyat dan tidak seimbang itu. Beliau tampil ke muka.

Allahu Akbar! Tetapi anak-cucu dan budak-budaknya, mencuba menahan dan memeluk Baginda jangan pergi. Dengan keras beliau kuakkan segala halangan dan beliau tampil ke muka.

Tetapi berlakulah kadar Allah, baru saja sampai di muka benteng itu, sedirus datangnya beratus-ratus peluru menembus dirinya dan gugurlah Pahlawan Melayu-Bugis itu dengan gagah perkasanya; Badik masih terenggam di tangan kanannya dan Kitab "Dalail el-Khairat" masih berada di tangan kirinya.

Dengan itu berhentilah perang! Menanglah Belanda. Seluruh orang besar-besar Belanda yang hadir di waktu itu, semuanya membuka topi memberi hormat kepada Raja Besar dan Pahlawan Perkasa itu!

Besoknya Gabenor Jeneral Belanda di Melaka meminta kepada orang-orang Melayu dan Bugis supaya jenazah Almarhum itu diurus dengan serba kebesaran yang layak bagi raja-raja besar. Setelah selesai lalu dimasukkan ke dalam peti-mati. Niat Belanda hendak membawanya ke Jakarta, untuk menjadi ingatan Sejarah yang besar. Tetapi tak jadi, sebab kapal perang yang sedianya akan membawa jenazah itu banyak pula membawa bangkai serdadu-serdadunya yang mati.

Maka dikebumikanlah beliau di belakang Kubu Pertahanan Belanda. Setelah Melaka kemudian jatuh ke tangan Inggeris,

maka Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi ada menceritakan bahawa kuburan Raja Aji di belakang kubu itu masih terpelihara.

Dua puluh lima tahun di belakang itu, anak cucu Raja Aji datang ke Melaka meminta izin membawa tulang-tulang jenazah itu ke Riau lalu mereka makamkan kembali di pulau Penyengat sebelah Selatan.

Itulah "Almarhum Raja Aji, Marhum Teluk Ketapang, Asy-Syahid fi Sabilillah", salah seorang Pahlawan besar bangsa Melayu dan Indonesia di Abad Kedelapan Belas. Keturunan asal dari Bugis, dilahirkan di Riau, beroleh Syahid di Teluk Ketapang, Melaka.

Kejadian ini pada tahun 1784. Dan bangsa Indonesia di kepulauan Riau sekarang ini, bolehlah berbangga, kerana di Riau pun ada pula Pahlawan Besar.

Dan Malaysia pun boleh berbangga dan memasukkan beliau dalam daftar Pahlawan Melayu!

VI. NEGERI NANING

HANYA kira-kira 15 batu saja dari kota Melaka, terdapatlah negeri Nanning. Nanning adalah satu negeri kecil, yang berpenduduk kurang lebih 50.000 orang. Dia adalah sebuah negeri kecil yang bersejarah, yang menjadi kemegahan bangsa Melayu.

Adat istiadat negeri itupun berbeza dengan negeri tetangganya. Dia dibuka beberapa Abad yang telah lalu, oleh orang-orang perantauan dari Minangkabau. Khabarnya konon, sementara Kerajaan Melaka masih berdiri orang perantauan dari Minangkabau telah membuka negeri di Semenanjung Tanah Melayu. Dahulu-nya negeri itu adalah satu di antara 9 negeri yang bersekutu, mendirikan Negeri Sembilan dan mengangkat seorang "Yang Dipertuan" sebagai kepala dari kesembilan negeri itu, dijeput dan didatangkan dari Minangkabau.

Negeri yang sembilan itu, sebagai susunan di Minangkabau sendiri juga, merdeka dan berdaulat menyusun masyarakatnya dan adatnya sendiri. Yang Dipertuan tidak mencampuri hal-hal dalam negeri, dia hanya sebagai lambang kesatuan. Tiap-tiap kampung dan desa (di Minangkabau bernama Nagari) diperintahi oleh kepala suku (penghulu, ninik-mamak atau andika). Kumpulan beberapa negeri itulah yang di Minangkabau sebelum

tahun 1912, dinamai Laras. Sembilan buah negeri di negeri sembilan itu adalah kira-kira sebesar sebuah kelurahan di Minangkabau, dan diperintah oleh seorang Kepala Adat, yang dinamai Undang. Maka Undang yang sembilan itulah yang mengangkat seorang Yang Dipertuan.

Telah silih-berganti bangsa-bangsa kulit-putih memerintah Melaka, sejak Portugis, lalu kepada Belanda dan lalu kepada Inggeris, namun Naning yang dekat dari Melaka itu masih tetap utuh dalam kemerdekaannya. Mereka teguh dengan adat istiadatnya, yang dinamai "Adat Datuk Perpatih, atau Budi Caniago" kata orang di Minangkabau.

Setelah negeri Melaka terserah kepada Inggeris (1824), sehabis perdamaian Vienna, yakni setelah dipertukarkan dengan Bangkahulu, belumlah Inggeris merasa puas, sebelum negeri Naning yang kecil Melaka itu jatuh pula ke bawah kekuasaannya. Dengan mengemukakan beberapa alasan dan syarat, negeri Naning akhirnya diserang. Yang menjadi Datuk atau Undang di Naning ketika itu, ialah Dol Sa'id dengan gelar pusaka: "Orang Kaya si Raja Merah". Meskipun negerinya kecil dan kekuatan tidak seimbang, tidaklah dia mau menyerah kalah begitu saja. Dia melawan dengan gagah perkasa, sehingga serangan Inggeris yang pertama ke Tabuh Naning, dapat digagalkan. Dan Inggeris terpaksa memperbesar bantuan tenteranya dan Naning akhirnya dapat juga diduduki.

Setelah Naning jatuh ke bawah kuasa Inggeris dan diperintah langsung oleh Inggeris dan digabungkan dengan Melaka, Datuk Dol Sa'id dikeluarkan dari kampung halamannya dan disuruh tinggal dalam negeri Melaka sampai tuanya. Maka Datuk Dol Sa'id Naning adalah salah seorang pahlawan yang dimuliakan oleh kaum Kebangsaan Melayu, sebagai orang Indonesia memuliakan Imam Bonjol.

Dan sebagai Diponegoro, Tengku Cik Di Tiro juga. Kuburan beliau di Tabuh Naning dipelihara baik-baik oleh anak-cucunya dan diziarahi orang tiap-tiap waktu. Di dekat kuburan sebuah mesjid yang bagus.

Sehabis perang dunia kedua, pemerintah Inggeris untuk mengubat hati orang Melayu, telah mengakui balik hak Datuk Naning, meskipun sejak Datuk Dol Sa'id meninggal, orang Naning sendiri belum pernah menghapuskan gelar Pusaka Datuknya, yang dicintainya itu.

Meskipun telah terlepas dari lingkungan Negeri Sembilan, namun di hari baik bulan baik, Datuk Naning masih ziarah menziarahi dengan Datuk-Datuk yang lain dalam Negeri Sembilan dan jika Datuk Naning datang menghadap Yang Dipertuan di istana Sri Menanti, masih disambut dengan kebesaran yang layak.

Apabila kita menziarahi Naning atau salah satu daripada negeri yang sembilan itu, kita masih mendengar pelat lidah Minangkabau, di dalam pepatah dan petiti pusaka adat Minangkabau. Orang tua-tua masih lancar mengeluarkan pepatah-petiti itu. Satu di antaranya ialah: "Biar mati anak, jangan mati adat!" - "Adat bersendi syarak, syarak bersendi Kitab Allah".

"Raja sedaulat, besar seandika, orang tua sebuah hukum, alim sekitab, hulubalang semalu". - "Kata penghulu menyelesaikan, kata hulubalang kata menderas, kata nanti kata berhubung, kata orang banyak kata bergalau". Dan beratus-ratus lagi pepatah lain, yang meskipun tidak tertulis, tetapi sangat dihafal dan dipertahankan, sehingga kita di sini merasa sebagai berada di Minangkabau juga. Sudah sekian ratus tahun mereka tinggal di Semenanjung Tanah Melayu, dan negeri tetangganya memakai susunan adat yang berbeza, namun dia mengganjil sendiri serupa di Minangkabau juga.

Suku-suku sebagai di Minangkabau terdapat di sini, cuma namanya lain sedikit, iaitu menurut nama tempat asal nenek-moyang mereka di Minangkabau. Ada suku bernama Payakumbuh, suku Simalanggang, suku Tiga Batu, suku Lima Puluh, Suku Tanah Datar dan lain-lain. Pujangga Melayu yang terkenal itu, Zainal 'Abidin bin Ahmad yang lebih terkenal dengan ZA'BA adalah seorang anak Negeri Sembilan juga, suku Tiga Batu. Dengan tersenyum beliau menyatakan kepada penulis, bahawa menurut adat: "Kecil dihimbau nama, besar diberi gelar", maka ketika dia kahwin dahulu, dia diberi gelar pusaka "Lebai Kari". "Cuma - kata beliau gelar Lebar Kari itu telah lama terpendam dan terpakai hanya di Negeri Sembilan saja". Saya jawab: "Sebagai gelar saya sendiri, Datuk Indomo, telah lama terpendam dan hanya laku di Minangkabau saja."

Tuan ZA'BA oleh Kongres Bahasa Melayu di Johor (1956) diberi gelar "Pendita" bahasa Melayu.

Demikianlah perlawatan ke Naning itu telah meninggalkan kesan yang baik dan indah sekali dalam jiwa saya. Dan bukan mainlah girang hati Datuk Naning, iaitu Datuk Ahmad Shah gelar

Orang Kaya Siraja Merah, seketika saya menjawab pertanyaan beliau, apakah erti perkataan "Naning" itu, saya jawab: "Naning ialah nama sebangsa penyengat, yang membuat sarang daripada tanah liat. Meskipun orang lalu-lalang, atau membuat sawah dan huma di dekat sarang itu, tidaklah akan diapa-apakannya, jika tidak mengganggunya. Tetapi bila orang-orang itu mengganggu, mereka akan menyerang si pengganggu itu bersama-sama berkeputug, sampai yang mengganggu itu pengsan atau mati."

"Memang demikianlah semangat kami", kata Datuk Naning yang tidak pernah melepaskan kerisnya dari pinggangnya dan tetap memakai songkok berwarna kuning, lambang daripada mempertahankan adatnya "Yang tidak lapuk di hujan, tidak leka di panas".

Bila saya melihat Datuk Naning, saya teringat Datuk Simarajo di Simabur Minangkabau!!

VII. BURUNG TERLEPAS DARI TANGAN

RAFFLES merasa amat penting mengambil pulau Singapura, supaya dapatlah Kompeni Inggeris menyaingi Belanda yang kian sehari kian mendalam pengaruhnya di Gugusan pulau-pulau Melayu.

Diiringi oleh Major Farquhar berlayarlah mereka meninggalkan Pulau Pinang. Mulanya mereka hendak memilih Pulau Karimun, tetapi akhirnya jatuh ke pulau Singapura juga.

Pada 29 Januari 1819 mendaratlah Raffles di Singapura. Di sana duduk Temenggung Abdur Rahman, memerintah atas nama Sultan Johor - Riau dan Rantau jajahan takluknya, meskipun rakyat yang diperintah itu tidak lebih dari nelayan-nelayan penangkap ikan, yang menjemur pukut dan jala di tepi pantai, bersudung-sudung atap rumbia dan nipah. Yang agak besar boleh disebut rumah, hanyalah rumah Temenggung sendiri saja. "R A K Y A T"nya hanyalah kira-kira 300 orang. Temenggung inilah yang dapat dirayu oleh Raffles, sehingga dapat mengikat janji dan memberi izin Kompeni Inggeris mendirikan logi di Singapura, dan mengikat janji pula, bahawa Temenggung Abdur Rahman tidak akan berhubungan dengan Kerajaan lain, kecuali dengan British. Tetapi belumlah puas Raffles jika janji hanya diikat dengan Temenggung. Janji ini baru lebih bernilai jika diikat dengan Sultan sendiri.

Siapa Sultan?

Sultan Johor, Riau dan Lingga, baru saja diangkat dengan persetujuan Belanda, oleh Yang Dipertuan Muda Riau, iaitu Sultan Abdur Rahman Al-Muazzam Shah. (1818). Baginda bersemayam di Lingga.

Bagaimana akan mungkin tercapai maksud Raffles?

Raffles mengerti benar, di istana Riau terjadi perselisihan keluarga.

Yang berhak menjadi Sultan ialah Tengku Long (Sulung) sebab dia putera yang tertua. Kerana dia tidak menjadi Sultan dan tidak pula diberi wang belanja oleh Sultan Abdur Rahman, maka hiduplah dia dengan miskin di Riau. Keadaan inilah yang dijadikan titian oleh Raffles dalam mencapai maksudnya.

Sementara mereka-reka surat perjanjian dengan Temenggung, Raffles dengan rahsia telah mengirim orang suruhan ke Riau menjemput Tengku Long, dengan diberi janji akan diangkat menjadi Sultan Singapura. Pada tanggal 2 Februari 1819 sampailah Tengku Long di Singapura, disambut dengan hormat dan khidmat oleh Raffles. Tanggal 6 Februari diadakan upacara adat istiadat melantiknya jadi Sultan dengan sebutan Sultan Husain Shah. Sebaik selesai lantikan itu, dibuatlah janji dengan Temenggung Abdur Rahman. Inggeris mengakui kekuasaan Sultan dalam menghukum rakyatnya bangsa Melayu. Tetapi kekuasaan menjaga keamanan Singapura terpulang kepada Inggeris. Sultan diberi ganti kerugian 5.000 dollar Sepanyol setahun, dan Temenggung 3.000 dollar.

Dan Sultan digaji 1.500 dollar sebulan, Temenggung 800 dollar.

Sejak itu terpecah dualah Kerajaan Melayu yang besar itu, sebahagian di bawah naungan bendera Belanda, iaitu pulau-pulau Riau dan Lingga, pulau-pulau Karimun dan Singkep. Dan sebahagian lagi Johor dan Singapura.

Tetapi rencana Inggeris jauh lagi daripada itu. Meskipun pada mulanya pengambilan Singapura dengan cara yang licin itu diterima dengan dingin saja, akhirnya dalam beberapa tahun saja bertambah juga terasa penting kedudukan Singapura. Maka seketika Residen Inggeris Crawford memerintah, dilanjutkannya rancangan hendak mengambil Singapura langsung jadi jajahan Inggeris (1824).

Berbulan-bulan lamanya gaji Sultan dan Temenggung tidak dibayarnya, sehingga terpaksa berhutang ke kiri-kanan, meskipun raja-raja Melayu itu masih menerima cukai-cukai Pelabuhan, tetapi itu tidak mencukupi.

Sekarang gaji Sultan 1.500 ditahan dan Temenggung 800 dollar demikian pula. Diminta berulang-ulang, hanya dijanjikan saja.

Sesudah tidak dapat berfikir panjang lagi, kerana fikiran di-sesak-sesak oleh hutang, barulah Crawford menyodorkan kehendaknya yang baru.

1. Serahkan Singapura dan pulau-pulau kecil kelilingnya kepada Inggeris.
2. Inggeris akan mengganti kerugian sekaligus kepada Sultan sebanyak 33.200 ringgit. Dan kepada Temenggung 26.800 ringgit.
3. Selama masih hidup, Sultan dapat gaji sebulan 1.300 ringgit dan Temenggung 700 ringgit.
4. Dan kalau Sri Sultan dan Temenggung hendak meninggalkan Singapura, Inggeris akan membayar kepada masing-masing 20.000 ringgit Sepanyol.

Kesempitan hidup memaksa mereka menerima syarat-syarat itu.

Beberapa tahun kemudian Sultan Husain Shah berpindah ke Melaka dan di sanalah baginda meninggal. Adapun Temenggung Abdur Rahman, tetaplah berdiam di Singapura sampai wafatnya, sebagai bangsawan yang telah kehilangan kuasa.

Rumah kediamannya yang masih terhitung bagus di zaman hidupnya, sampai sekarang masih ada di kampung Teluk Belanga, memperlihatkan bekas dari kemuliaan Melayu yang hilang.

Maka lepaslah Singapura dari tangan kita, laksana burung. Tahan dia kedinginan lepas dari sangkar. Kita saksi-kanlah sekarang kemajuan negeri itu, sebagai pusat perniagaan Asia Tenggara, lampu-lampu neon beraneka warna terang benderang seluruh malam mulai ada gedung-gedung yang mencakar langit! Berkumpul di sana segala bangsa. Dan anak Melayu masih ada, tetapi terpencil di rumah-rumah kampung, di pinggir bukit dan sungai. Seluruh pekerjaan dipegang orang Cina, kekuasaan dipegang oleh Inggeris. Cuma satu lagi yang tinggal, iaitu kepercayaan kepada zaman depan. Bila mereka melihat ke seberang laut, terbentanglah tidak begitu jauh pulau Sambu dan pulau Se-

berang Padang dalam gugusan kepulauan Riau. Di sana berkibarlalah MERAH PUTIH!

"Itulah Tanah Air kita. Di situlah asal nenek kita.

Melayu pun namanya, Indonesia pun namanya. Dia adalah hakikat kita".

Demikianlah buah tutur seorang ayah yang membimbing anaknya berjalan-jalan waktu senja di Tanjung Pagar, Pelabuhan yang terbesar di Asia Tenggara!

Pulau itu tetap mereka lihat, walaupun berpuluh-puluh kapal besar menghambat pemandangan.

VIII. TUN JANA KHATIB (Pasai Madrasah Islam Pertama)

Di dalam berseminar menyelidiki perkembangan Agama Islam di Riau, "Menjalarlah" mata mencari berkas-berkas Sejarah Lama, maka bertemulah di dalam "Sejarah Melayu" (Alkisah Cerita Yang Kesembilan), di akhir kisah tentang seorang Hamba Allah yang bernama Tun Jana Khatib yang dari Pasai bersama dua orang sahabatnya, yang seorang Tuan di Bunguran dan seorang lagi tuan di Selangor.

"Bahawa Tuan itu," kata kisah itu selanjutnya, mengembara pergi ke Singapura di zaman pemerintahan Raja Singapura yang bernama Paduka Serimaharaja. Beliau berjalan-jalan di Pekan Singapura dan lewat juga di hadapan istana Raja. Dalam cerita itu dikisahkan bahawa sedang beliau berjalan-jalan itu Raja Perempuan (Permaisuri) melihat dari tingkap. Lalu terpanglah oleh Tun Jana Khatib Raja Perempuan menengok kepadanya dari tingkap istana itu, maka beliau tiliklah sebatang pohon pinang yang tumbuh di dekat istana itu, belah dualah pohon pinang tersebut setelah beliau pandang.

Melihat keadaan yang demikian itu sangatlah murka Paduka Serimaharaja, seraya baginda berkata: "Lihatlah kelakuan Tun Jana Khatib! Diketahuinya isteri kita menengok, maka ia menunjukkan pengetahuannya!"

Lalu baginda menitahkan membunuh Tun Jana Khatib.

Tersebutlah dalam cerita itu bahawa setelah dia dibunuh, darahnya titik tetapi tubuhnya ghaib tiada ditemukan. Maka darahnya yang titik itu ditutupi orang dengan bikung lalu menjadi batu.

Itulah "bahan" yang ditemui dalam Sejarah Melayu.

Ada pun Raja Ali Haji di dalam kitab sejarahnya yang terkenal "Tuhfat ul-Nafis" menjelaskan lagi bahawa Tun Jana Al-Khatib itu adalah seorang di antara Aulia Allah. Kerana Raja membunuh orang yang demikian, negeri Singapura tidak berapa lama setelah pembunuhan aniaya itu ditimpa Tuhan dengan laknat, iaitu diserang todak dari laut.

Dalam Sejarah Melayu tertulis bahawa Tun Jana Khatib meninggalkan Negeri Pasai ialah di dalam zaman pemerintahan Rajanya Sultan Ahmad, putera Sultan Al-Malikuzh-Zhahir, dan As-Sultan Ahmad ini pun memakai gelar Al-Malikuzh-Zhahir juga seperti ayahnya. Menurut perhitungan ahli sejarah, beliau duduk di atas singgahsana Negeri Pasai dari tahun 1326 sampai 1348, (24 tahun).

Mohammad Said menulis dalam "Acheh Sepanjang Abad", berdasar juga kepada penyelidikan Winstedt, bahawa sejak masa itupun pengaruh Pasai sudah ada juga di Kedah. Maka dapatlah dipersambungkan juga berdirinya suatu Kerajaan Islam di Trengganu dan bertemu kemudian Batu Bersurat Trengganu, kerana mengalirnya Muballigh-Muballigh atau guru-guru Agama Islam dari Pasai.

Dapatlah kita mengambil kesimpulan bahawa memang Paduka Serimaharaja sendiri belum memeluk Agama Islam, tetapi.... masih memeluk Agama Hindu atau Buddha, sebagai pusaka yang diterima sejak Raja-raja Melayu di Sriwijaya, Darmasraya dan Minangkabau. Dan memang setelah keturunannya berpindah dan mendirikan Kerajaan di Melaka, barulah keturunannya itu memeluk Agama Islam. Raja Melaka yang pertama (Permaisura, Raja Kecil Besar yang memakai gelar Sultan Mohammad Shah mengambil isteri, dijadikan permaisuri ialah dari Pasai).

Apabila kisah tentang Tun Jana Khatib ini kita perhatikan dengan saksama dapatlah kita mengambil kesimpulan-kesimpulan beberapa hal.

Pertama: Beliau adalah salah seorang kurban sebagai seorang Penziar Agama Islam ke dalam negeri yang Rajanya belum memeluk Agama Islam. Beliau mati terbunuh kerana kemurkaan raja. Hakim yang memutuskan perkara belum ada pada masa itu. Hukum bunuh bisa saja dijatuhkan kalau Sang Raja tidak senang.

Jalan kisah memberi kita keterangan, meskipun sejarah Melayu tidak menyebut bahawa orang itu salah seorang Wali Allah,

orang Keramat, sebagaimana yang dijelaskan oleh Raja Ali Haji. Beliau rupanya memandang aib jika seorang Raja Perempuan menengok orang lalu-lintas di jalanraya dari tingkap yang terbuka. Lalu beliau lepaskan murkanya kepada batang pinang dengan menilik keras kepada batang pinang itu, sehingga jadi belah dua!

Raja sangat murka. Yang menyebabkan murkanya ialah kerana telah ada dalam negerinya orang yang mempunyai kesaktian demikian hebat. Dia takut kelintasan, ada rakyat yang melebihi dia. Sebab itu disuruhnya bunuh.

Kedua: Memandang sesuatu dengan mengkonsentrasikan ingatan, yang di dalam bahawa ahli Ilmu Ghaib disebut membulatkan Ma'rifat kepada yang dituju, sehingga yang dituju itu binasa, dan kalau manusia bisa mati, itulah yang dipercayai oleh orang 'Arab dengan nama Atsarul'ain. Ertinya pengaruh kekuatan mata!

Nabi s.a.w. sendiri di dalam beberapa buah Hadis yang sahih mengatakan: "Al'ainu haqqun". Ertinya: "Pengaruh kekuatan mata itu memang ada".

Ahli-ahli Tafsir sejak dari Ibnu 'Abbas, Qatadah, As-Suddiy Ar-Razi, dan lain-lain banyak memberikan keterangan tentang "Pengaruh Mata" itu. Ketika mentafsirkan Surat ke-12, Surat Yusuf ayat 67 yang isinya menyatakan bahawa Nabi Ya'qub memperingatkan anak-anaknya supaya jangan masuk bersama dari satu pintu, tetapi hendaklah masuk ke dalam kota Mesir itu dari pintu-pintu yang berlain. Ketika mentafsirkan itu ahli-ahli Tafsir memberi keterangan ialah kerana Nabi Ya'qub takut anak-anaknya itu (orang laki-laki) akan kena "pengaruh mata orang". Kerana anak-anaknya itu muda-muda, manis-manis, tampan dan bermuka elok dan gagah. Kerana pengaruh mata itu ada bermacam-macam. Sekurang-kurangnya mata menaruh dendam dengki dan benci dari orang yang menengok, itupun kadang-kadang membawa pengaruh kepada keseimbangan diri orang yang dilihat. Begitu juga orang yang melihat lalu kagum dengan keelokannya; itupun dapat merosak kepada yang dilihat. Sebab itu orang 'Arab yang percaya kepada "pengaruh mata" ini tidaklah senang jika anaknya dipuji-puji dekat dia, takut anaknya akan kena pengaruh mata atau penyakit 'ain. Apatah lagi mata yang telah terlatih dan disengajakan buat itu. Dia pun dapat membawa celaka.

Tun Jana Khatib menilik isyarat kisah memang seorang yang telah terkemuka dalam hal Agama Islam. Padanya telah cukup perlengkapan Ilmu Agama yang tiga yang sangat diperlukan, iaitu:

1) Ilmu Tauhid. 2) Ilmu Fiqhi. 3) Ilmu Tasauf. Sebab itu matanya pun telah terlatih baik dengan melakukan wirid-wirid dan sebagainya.

Dan selain dari alasan-alasan naqli yang kita kemukakan di atas tadi, kita pun dapat pula melihat bukti 'aqli. Anak kecil yang jiwanya belum berisi, bila dilihat oleh orang yang lebih tua dengan mata menentang, pasti anak itu akan takut. Itu dirasakan oleh semua kita di waktu kecil. Mata memang bertambah menjadi kuat, bahkan bertambah menjadi "berkuasa" apabila telah besar! Ingatlah kembali apabila kita melihat sinar mata dari Rabindranath Tagore misalnya. Apatah lagi kalau orang banyak telah mengakui pula kebesaran orang itu.

Seorang yang mula bertemu dengan Rasulullah nyaris pingsan kerana tidak tahan melihat mata beliau. Sampai beliau s.a.w. berkata: "Tak usah takut kepada saya. Saya ini hanya manusia biasa, ibu saya pun memakan daging kering (dendeng)".

Bertambah maju ilmu pengetahuan bertambah diterima orang kemungkinan itu. Bahkan sekarang orang melatih matanya dengan ilmu yang khusus, yang bernama "Hypnotisme". Sebab dengan kekuatan mata orang dapat memerintah. Kadang-kadang mulut diam saja, mata saja yang memerintah, namun itu ditaati oleh orang yang diperintah.

Sebab itu tidaklah hal yang hanya "dongeng" jika Tun Jana Khatib memandang tenang kepada pohon pinang yang lurus larai itu, lalu dalam batinnya diperintahnya batang pinang itu supaya belah dua, maka dia pun belah dualah. Tetapi setelah Raja menyuruh orang membunuh dia lalu mati, tidaklah matanya itu dapat mempertahankan diri. Kerana mata hanya wakil dari kekuatan batin, bukan kekuatan badan. Badannya bukanlah terdiri daripada besi dan kawat, melainkan manusia biasa.

Bagaimana tentang tubuhnya lenyap tidak bertemu lagi, hanya darahnya saja yang tertumpah?

Besar juga kemungkinan bahawa hilangnya tubuh itu kerana salah satu dari dua hal.

Pertama: Raja sendiri menyuruh kuburkan mayat itu dengan sembunyi di tempat lain yang tidak diketahui orang. Supaya kuburannya jangan sampai dipuja oleh pengikutnya yang telah ada di Singapura di waktu itu. Kerana kalau kuburannya terang di mana tempatnya nescaya akan menjadi salah satu tempat keramat sampai sekarang ini.

Kedua: Mungkin juga dicuri oleh murid-muridnya lalu dilarikan segera. Kerana kemudian dari kematian itu tersebarlah sebuah pantun dari mulut ke mulut, dan dicatetkan juga oleh Tun Sri Lanang dalam Sejarah Melayu:

“Telur itik dari Sanggora,
Pandan terletak dilangkahi;
Darahnya titik di Singapura,
Badannya terhantar di Langkawi”.

Sebagaimana kita maklumi, Singapura adalah sebuah pulau dan Langkawi pun pulau juga, (termasuk Kerajaan Kedah). Mungkin ke sana jasad dari Ulama Aulia Allah itu dilarikan oleh murid-muridnya, kerana pada masa itu Pulau Langkawi dalam lingkungan Kedah, dan Kedah masa itu di bawah naungan Pasai, dan Sultan Kedah pada waktu itu ialah Sultan Ibrahim Shah (721-775H. — 1323-1372). Memerintah lebih 50 tahun (At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah).

Maka dapatlah kita simpulkan bahawasanya mulai mempelajari Agama Islam secara teratur dan perhatian secara mendalam, ialah di Pasai. Ini dikuatkan oleh keterangan Ibnu Bathuthah sendiri yang singgah di Pasai dalam perjalanannya ke Tiongkok (1336), bahawa Raja Al-Malikuzh-Zhahir itu adalah seorang Raja yang alim, terhitung Ulama dalam Mazhab Shafie. Kalau hari Jumaat, sehabis sembahyang Jumaat diadakan majlis Mazakarah Agama Islam bersama Ulama-ulama dan orang besar-besar yang lain.

Melihat apa yang dijelaskan oleh Ibnu Bathuthah ini dapatlah kita mengambil kesimpulan bahawa Pasai di zaman jayanya telah menjadi Pusat Pengetahuan Islam. Dan sejak itu Mazhab Shafie telah dipupuk sebaik-baiknya. Menilik huraian Ibnu Bathuthah itu teranglah bahawa buat mencetak apa yang sekarang kita namai “kader-kader” adalah Sultan sendiri yang memimpinnya. Dengan tegas Ibnu Bathuthah mengatakan bahawa istirahat tiga hari (menurut peraturan menghormati tetamu dalam Islam) bertepatan dengan hari Jumaat, dia diberi kesempatan menghadap. Ibnu Bathuthah berkata:

“Kemudian masuklah aku menghadap Sultan. Aku dapati Al-Qadhi Amir Sayid dan penuntut-penuntut ilmu di kanan dan di kiri baginda. Baginda pun menjabat tanganku dan aku mengucapkan salam dan segera disuruhnya duduk di sebelah kirinya. Setelah selesai menanyakan dari hal perjalananku dan keadaan Sultan

Muhammad di Delhi, beliau menuruskan Mazakarah (Diskusi) dalam Fiqhi Mazhab Shafie sampai masuk waktu 'Ashar. Setelah selesai sembahyang 'Ashar, beliau tanggalkan pakaian Fuqaha dan beliau pakai kembali pakaian rasmi sebagai Sultan dan pulang kembali ke dalam istana".

Dalam keterangan Ibnu Bathuthah itu jelas ditulis bahawa Baginda duduk dikelilingi di kanan-kiri oleh "thalabah"; iaitu penuntut-penuntut ilmu dalam bilangan yang banyak. Kemudian Ibnu Bathuthah mengatakan pula bahawa seketika Baginda akan masuk ke dalam istana sore itu orang-orang besar memberi hormat; wazir-wazir, bangsawan-bangsawan (Syurafaak) dan FUQAHAAK, iaitu Ulama-ulama ahli Fiqhi.

Dengan ringkas dapatlah kita menyusun suatu kepastian, dari kesaksian Ibnu Bathuthah itu bahawa Sultan Al-Malikuzh-Zahir selain jadi Sultan adalah seorang Ulama dan mendirikan pula "Pondok Pesantren" yang populer sebutan itu di tanah Aceh dengan..... nama Madrasah, yang dalam lidah Aceh disebut "Meunasah". Maka tidaklah berlebih-lebihan agaknya Ibnu Bathuthah seketika dia membanding-bandingkan di antara Raja-raja dan Sultan-sultan yang telah ditemuinya di seluruh Negara yang dilawatinya, bahawa yang alim di antara Raja-raja itu ialah Raja Al-Malikuzh-Zahir di "Tanah Jawi" Pasai itu.

Mungkin sekali Baginda mendapat inspirasi mendirikan Madrasah di Pasai Aceh dari perbuatan Wazir Besar Nizamul Muik (1018-1092 M.) yang mendirikan Madrasah Nizhamiyah, tempat Imamul Haramaian, salah seorang Ulama Besar Mazhab Shafie menjadi Guru Besarnya dan di sana pula Imam Al-Ghazali pernah belajar dan mengajar.

Keluaran Madrasah Pasai itulah rupanya Tun Jana Khatib, lalu menjalankan tugasnya membawa ajaran Islam ke Singapura. Tetapi malang! Beliau telah jadi kurban dari kezaliman Raja; menjadi syahid fi Sabilillah!

Meskipun kebesaran itu beredar, sesudah Pasai jatuh dan mundur terutama kerana serangan Majapahit, namun pelajaran Agama di Pasai tidaklah terhenti. Sejarah kerap kali menunjukkan, bahawa meskipun kadang-kadang orang terpukul dari segi politik namun semangat yang tertekan akan menjelma dalam gerak agama untuk memelihara 'aqidah. Setelah Kerajaan Pasai menurun dan Melaka naik, sampai kepada zaman Sultan Mansur Shah Yang

Agung (1444-1477), Pasai masih tempat bertanya hukum-hukum agama yang mendalam. Di dalam "Alkisah Cerita Yang Kedua Puluh" Sejarah Melayu, tersebutlah bahawa Baginda Sultan Mansur Shah sendiri memerintahkan Orang Besarnya Tun Bija Wangsa ke Pasai, pergi menanyakan kepada Ulama-ulama di sana suatu masalah, iaitu: "Segala isi syurga itu kekalkah ia di dalam syurga dan segala isi neraka itu kekalkah ia dalam neraka".

Honorarium untuk Guru yang dapat menjawab pertanyaan itu ialah emas tujuh tahlil dan hamba sahaya perempuan dua orang.

Bahkan di zaman Sultan Mahmud Shah, Sultan Melaka yang terakhir yang dihalaukan Portugis pada tahun 1511, Baginda masih mengutus seorang Besar bernama Tun Muhammad ke Pasai menanyakan satu masalah pula. Meskipun di Melaka sendiri sudah ada Ulama-Ulama, sebagai Maulana Abubakar, Maulana Yusuf Al-Qadhi dan lain-lain, rupanya Sultan belum mantap sebelum bertanya ke Pasai.

Memang, pada tahun 1364 Pasai ditaklukkan oleh Majapahit dan banyak orang-orang Alim-Ulama tertawan dan diangkut ke Jawa. Tetapi sesampai di Jawa mereka pun menjadi Penyebar Agama Islam yang giat, sehingga Sejarah Tanah Jawa sendiri mengakui juga betapa besar pengaruh Orang-orang Buangan Pasai itu dalam penyebaran Agama Islam di Tanah Jawa. Tersebut di dalam "Sejarah Raja-raja Pasai" demikian:

"Sang Nata," (sebutan yang lain bagi Batara Majapahit) bertitah: "Akan segala tawanan orang Pasai itu, suruhlah ia duduk di Tanah Jawa ini, menurut kesukaan hatinya".

Syeikh Sumadil Kubra dan puteranya yang tertua Maulana Ishak yang terhitung dan termasuk Wali Yang Sembilan di Tanah Jawa disebut dalam Kitab-kitab Primbon Jawa: "*Wonten ing Pase Negeri, anjlamaken ta iya, manjing Islam Nata Pase*".

Kemudian setelah Kerajaan Demak berdiri, sebagai pengganti Majapahit, datang kembali Ulama-ulama dan orang-orang terkemuka Pasai dengan sukarela ke Tanah Jawa, di antaranya ialah Syarif Hidayatullah sendiri, yang disebut setelah wafat Sunan Gunung Jati atau Sinuhan Jati, pendiri Kerajaan Banten dan Cirebon. Sebab sejak bekas-bekas tawanan dari Pasai itu berkeluaran di Tanah Jawa, nama Pasai jadi masyhur di seluruh Tanah Jawa sebagai sumber dari Ulama-Ulama Islam yang mempunyai Keramat.

Di Chirebon didapati orang 4 buah makam orang besar yang di sana tertulis: "Sahabat-sahabat Sinuhan Jati dari Negeri Pase". Disebut juga nama Syeikh Datuk Kopi, Ki Gedeng Penganjang, Nyi Mas Rajajati Ningsi dan Ki Gedeng Kedokan.

Oleh sebab itu maka di dalam mengkaji Perkembangan Islam pada umumnya di seluruh Nusantara (Indonesia-Malaysia), di Riau khususnya, tidak dapat tidak, kita akan mengingat Madrasah Islam pertama di Pasai Aceh, yang Sultan sendiri menjadi Pendiri dan Pemimpinnya, dan Madrasah tinggallah menjadi tempat pemuda mengaji Agama Islam sampai beberapa masa kemudian, meskipun jika dilihat sekarang ini isinya telah kosong dan "Meunasah"-nya masih tinggal....

BAHAGIAN KELIMA

I. ISLAM MEMUPUK PERSATUAN BANGSA

DENGAN darah dan airmata, telah kita beli kemerdekaan ini. Syukur Alhamdulillah kita telah mempunyai sebuah negara yang besar. Mungkin Negara yang keenam besarnya dalam dunia ini.

Salah satu dasar yang telah kita pilih, ialah Kebangsaan.

Tetapi rasa kebangsaan, bisa mendorong menimbulkan kekuatan dan bisa juga menimbulkan Chauvenisme, kebangsaan sempit. "Yang di awak segala benar, yang dorang segala bukan!" Rasa kebangsaan bisa menimbulkan semacam Hitlerisme, dan itulah yang menghancurkan Jerman. Kita terdiri dari berbagai ragam sukubangsa, dan setiap sukubangsa mempunyai kemegahan sendiri, mempunyai "dongeng" sendiri, pahlawan khayali! Jika sukubangsa Jawa memegahkan Gajah Madanya, Minangkabau pun mempunyai Cindur-Mata, dan Melayu pun mempunyai Hang Tuah. Dan biasanya, bila mana Pahlawan itu telah lama mati, kian banyaklah ditimbulkan atas dirinya tambahan dongeng sehingga dari manusia biasa, mereka dinaikkan jadi Dewa.

Sebab itu maka kebangsaan yang demikian, dapatlah memecah-belah persatuan yang telah kita capai dan kemerdekaan yang telah di dalam tangan kita.

Tidaklah di luar dari ukuran ilmu pengetahuan sejarah, jika saya katakan bahawasanya ajaran Agama Islam telah turut menanamkan rasa Kesatuan Kebangsaan yang ada sekarang ini, sejak ratusan tahun yang telah lalu.

Ajaran Islam menekankan rasa-kebaktian di tanah mana, di daerah mana pun kita berdiam. Kehidupan itu adalah Iman dan Amal-Saleh, dasarnya ialah Taqwa kepada Allah. Kepada orang tidak ditanyakan apakah bangsanya, yang ditanya lebih dahulu adalah keagamaannya dan baktinya.

Berkali-kali sejarah menunjukkan bahawa orang dari daerah lain, dapat menjadi orang besar dalam satu negeri, di dalam

seluruh kepulauan Indonesia ini, walaupun nama Indonesia belum dikenal pada masa itu.

“Sunan Gunung Jati,” atau Fatahillah, atau Maulana Hidayatullah, menyiarkan Agama Islam ke Jawa Barat, dan dialah yang mendirikan Kerajaan Banten dan Chirebon.

Ki Gedeng Suro seorang bangsawan dari Demak, ketika di Demak timbul kekacauan, ia melarikan diri ke Palembang.

Dia diterima dan diangkat menjadi Raja Islam yang pertama dalam Kerajaan Palembang.

Orang-orang Melayu dari Melaka yang terpaksa meninggalkan Tanah airnya, kerana Portugis telah menaklukkan Kerajaan Islam Melaka (1511), mereka mengembara sampai ke Sulawesi dan menyiarkan Agama Islam di Makassar.

Mereka dihormati sebagai saudara seagama, dan gelar “Encik” masih dipakai oleh keturunan Melayu itu di Makassar sampai sekarang.

Setelah Kerajaan Goa dan Tallo menerima Islam sebagai agama rasmi di tahun 1603, yang dibawa ke dalam istana oleh Muballigh-muballigh dari Minangkabau, mereka pun diterima dengan tangan terbuka. Mereka tidak dipandang hina sebagai “orang pendatang”, kerana yang mereka bawa bukanlah permusuhan, tetapi “Nur Cahaya Ilahi.”

Setelah Kerajaan Bugis dan Makassar jatuh ke dalam cengkaman Kompeni Belanda, maka hangatnya nafas keislaman telah menjalar di seluruh rongga jiwa putera Bugis Makassar. Mereka pun mengembara di seluruh Indonesia, kadang-kadang menghalang-halangi perjalanan kapal-kapal Kompeni, kadang-kadang menjadi penyair agama pula.

Karaeng Galesong pergi ke Madura, dan diterima menjadi menantu oleh Trunojoyo, dan berjuang bersama-sama melawan Kompeni Belanda.

Syeikh Yusuf Taju'l Khalwati mengembara dari Makassar sampai ke Banten, lalu diterima menjadi menantu dan diangkat menjadi Mufti Kerajaan Banten, oleh Sultan Ageng Tirtayasa, dan berjuang pula di samping Sultan, melawan Kompeni.

“Si Untung” diberi gelar bangsawan oleh Sultan Chirebon, “Surapati dan diberi gelar bangsawan pula oleh Amangkurat

Mataram, "Wironegoro" pada hal dia asal budak, asal dari pulau Bali yang dahulunya "kafir" penyembah berhala. Tetapi kerana dia telah Islam dan berjuang untuk kemerdekaan, dia diterima menjadi bangsawan Jawa, dan berjuang pula melawan Kompeni.

Sesudah punah keturunan pihak laki-laki dari Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam di Aceh, berkali-kali turunan Arab yang telah berdarah Indonesia menjadi Sultan di Aceh, sampai 4 Sultan. Dan diangkat juga orang Arab menjadi Sultan di Siak dan Pontianak dan di Perlis. Dan setelah punah pula keturunan Arab, dirajakan di Aceh keturunan Bugis. Bahkan 7 Sultan Aceh turun-temurun, sampai berjuang melawan Belanda di tahun 1870, adalah berdarah Bugis.

Sultan Deli adalah keturunan Raja-raja Moghul di India!

Islam tidak membezakan di antara Arab bangsa Sayid, dengan keturunan budak belian dari Bali, dan pengembara lautan dari Bugis, semuanya diterima dengan "Ahlan wasahlan."

Yang dihitung bukan bangsa dan keturunan, tetapi bakti dan jasanya dan tujuan hidupnya.

Inilah pusaka nenek-moyang, bekas ajaran Islam, yang harus kita pegang teguh menjadi modal untuk menegakkan Kebangsaan kita sekarang ini. Jangan kita pindah kembali ke zaman jahiliah, membuka si tambo lama yang dapat menimbulkan dendam sakit hati.

Demikian murni ajaran Islam, yang memandang orang kerana baktinya, bukan kerana suku-bangsanya, maka haruslah kita kembali kepada ajaran itu, di dalam membina kebangsaan kita sekarang ini.

Kita terdiri dari beribu-ribu pulau! Kita terdiri dari beratus sukubangsa, yang masing-masingnya mempunyai kemegahan sendiri-sendiri. Untuk mengokohkan kesatuan, carilah alat perekat yang asli, tauladan dari langit!

Jangan dengan Gajah Mada, Hayam Wuruk, jangan dengan Hang Tuah dan Cindur-Mata. Kerana itu hanya dapat menimbulkan dendam!

Tetapi dengan I S L A M, kerana itulah pokok damai kita!

II. "DONGENG" KAUM TASAUF UNTUK MENDEWAKAN RAJA

I

SUDAH menjadi adat dan dongeng turun temurun di negeri-negeri Timur bahawasanya Raja adalah suci, baginda adalah keturunan dewa. Beliau tidak sama dengan manusia kebanyakan ini. Dengan jalan demikian maka perintah, atau titah yang baginda turunkan kepada rakyatnya, hendaklah dipandang suci dan tidak boleh dibantah.

Kepercayaan ini merata di mana-mana di negeri Timur.

Di zaman masih dikongkong oleh Animisme, kepercayaan kepada kekuasaan ghaib roh nenek moyang, Rajapun dipandang sebagai dukun besar yang sanggup mengatur hubungan antara rakyat di alam kenyataan dengan roh nenek-moyang di alam keinderaan.

Dengan demikian maka orang Bugis menganut kepercayaan, bahawasanya raja mereka yang suci "Sawirigading" adalah Keturunan Batara Guru, yang turun ke dunia dari dalam rumpun buluh-kuning. Demikian pula orang Minangkabau membuat sejarah rajanya Sutan Rumandung dan Bunda-Kandung. Bahawasanya baginda pun tidaklah mati, hanya naik ke "langit" dengan menaiki perahu Nabi Nuh!

Setelah agama Hindu tersebar di tanah air kita, jelaslah dinyatakan bahawasanya Raja adalah titisan dari Dewa. Air langga dipandang sebagai titisan daripada Dewa Wisynu. Karta negara setelah melihat bahawa dalam negerinya ada dua agama, agama Syiwa dan agama Buddha, lalu "membuat" ideologi dari kerajaannya bersandar pada paduan "Syiwa-Buddha". Dan raja adalah titisan daripada dewa-dewa persembahan itu. Kemudian kerajaan Tumapel dan Singasari redup dan naik Kerajaan Majapahit. Di zaman Majapahit lebih dipererat "Tuah" Raja tadi. Bahawa Raja bukanlah insan biasa, tetapi keturunan dari Kayangan, titisan daripada Arjuna dan Abimayu.

Dengan mempertinggi "tuah" raja, sangguplah rakyat diperintah. Sehingga menentang mata raja saja pun tidak boleh apatah lagi akan duduk berhadapan dengan baginda.

Di hadapan istana diadakan "Paseban", iaitu tempat duduk berhenti menunggu keizinan masuk ke dalam puri istana, buat

menjunjung duli, sehingga sebelum masuk sajakun diri sudah rasa tertekan oleh kebesaran baginda. Duduk menunggu itu disebut "seba".

"Tuah" Majapahit inilah yang dipergunakan oleh Gajah Mada buat menaklukkan seluruh Indonesia.

Sebagaimana diketahui, sebelum Islam masuk ke tanah Jawa, terlebih dahulu Kerajaan Islam telah berdiri di Pasai.

Betapa akan menyesuaikan kepercayaan Islam yang memandang bahawa manusia tidaklah keturunan dewa, hanya keturunan Adam, dengan memelihara tuah raja?

Pasai mencatat sejarah yang sederhana saja. Merah Silu Raja Pasai yang mula-mula masuk Islam dan bergelar Al-Malikush Shaleh, tidaklah sempat didewakan. Tersebut saja dalam "Sejarah Melayu" bahawasanya Merah Silu itu hanyalah seorang nelayan pengail ikan di laut Aceh. Dan pencatet sejarah yang kemudian mencuba-cuba membuat supaya Raja-raja Pasai itu di "dewa"kan pula. Lalu dicatet bahawasanya Raja Islam Aceh yang mula-mula itu bertemu di dalam hutan belantara sedang dipelihara oleh seekor Gajah!

Demikianlah bertemu dalam catetan sejarah "Raja-raja Pasai".

Oleh sebab itu percubaan "mendewakan" Raja-raja Pasai adalah kurang berhasil.

Bagaimana dengan keturunan Raja-raja Melayu Melaka?

Kerajaan Melayu Islam di Melaka telah berdiri pada awal Kurun Kelima Belas, iaitu kira-kira pada tahun 1400. Tersebutlah perkataan bahawasanya Raja-raja Melayu Melaka itu berasal dari Singapura (Temasik), dan Raja-raja Melayu Hindu Temasik itu berasal dari Palembang yang turun di Bukit Seguntang Mahameru! Itulah Sang Saperba Sri Tri Buana yang turun dari ke-nderaan.

Raja mesti di "tuah"kan. Pada hal dalam pelajaran Agama Islam tidak ada kepercayaan yang demikian. Padahal sisa zaman jahiliah belumlahhapus samasekali; "Tuah" Raja mesti ditegakkan supaya rakyat dapat diatur dan diperintah, taat patuh dan setia. Apa akal?

"SYUKURLAH!"- Mereka tidak kekurangan bahan dari Islam sendiri untuk memberi "Tuah" pada Raja. Pelajaran Tasauf telah masuk bersama masuknya pelajaran Fiqhi dan lain-lain. Dalam buku-buku kaum Sufi nampaknya ada bahan-bahan yang da-

pat memberi "tuah" pada raja. Apakah pelajaran Sufiyah yang seperti demikian benar-benar mempunyai sumber yang dapat dipertanggungjawabkan menurut ajaran asli Agama Islam? Itu bukanlah soal!

Satu di antaranya yang terpenting, tersebut dalam beberapa buku Tasauf itu bahawasanya Nabi Khidir masih hidup, dan baru akan mati setelah hari akan kiamat. Nabi Khidir adalah seorang Nabi yang besar dan merangkap menjadi Wali-Quthub. Wali-Quthub itu tujuh orang banyaknya.

Mereka diwakilkan Tuhan buat mengatur dunia ini. Setiap malam mereka mengadakan "komisi" pada seluruh dunia menyelidiki penderitaan ummat manusia. Sehabis "komisi" itu mereka pun mengadakan "conferensi" membicarakan dan melaporkan penglihatan masing-masing. Dan Nabi Khidir bergelar pula "Mudawil Kalum," ertinya yang mengubat luka hati manusia!

Dalam setengah Tafsir ahli Tasauf pula, adalah Nabi Khidir itu menjadi wazir daripada Sultan Iskandar Zulkarnain. Dan Sultan Iskandar Zulkarnain itupun telah pernah masuk ke dalam laut di dalam usahanya mencari tempat terbit matahari. Dan tersebut pula dalam sejarah yang benar dari Iskandar Zulkarnain bahwa Baginda pernah datang ke benua Hindi. Di dalam sejarah yang sebenarnya, Iskandar Zulkarnain telah mengalahkan Darius Maharaja Persia dan telah turun melalui pergunungan Indus, terus masuk ke dataran Hindu dan samai ke tepi Sungai Gangga. Dan dalam sejarah yang sebenarnya tersebut pula bahawa beliau anak Raja Macedonia, putera dari Philips, dan murid dari Aristotles.

Maka masuklah ajaran Tasauf ke Indonesia dan tersebarlah kitab-kitab karangan Ibnu 'Arabi dan karangan Abdul Karim Jailany (keturunan Abdul Kadir Jailany). Penuhlah kitab-kitab mereka itu dengan khayal-khayalan terhadap Nabi Khidir dan Iskandar Zulkarnain itu. Apatah lagi tempat kisah kedua peribadi itu berdekat pula dalam Al-Quran, berturut-turut dikisahkan di dalam Surat Al-Kahfi. Maka mudahlah bagi yang hendak mengkhayalkan menyusun cerita bahawasanya Nabi Khidir itu adalah Wazir-Besar dari Sultan Iskandar Zulkarnain. Dikatakanlah bahawasanya Iskandar Zulkarnain itu adalah Nabi Allah juga.

Tetapi di dalam Al-Quran sendiri tidaklah sepeleah juapun menyebut nama Khidir. Yang disebut hanyalah "seorang hamba kami yang saleh."

Tidak pula disebut "Iskandar". Yang disebut hanyalah "Zulkarnain" oleh sebab itu ada juga ahli tafsir yang tidak mau memastikan bahawa "hamba kami yang saleh" itu adalah Khidir. Dan ada juga ahli tafsir yang tidak mau menjelaskan "Zulkarnain" (Yang empunya dua tanduk) itu adalah Iskandar anak Raja Macedonia (Yunani) yang sudah terang tidak memeluk Agama Tauhid. Bahkan gurunya bukanlah seorang Nabi, melainkan Filasuf Yunani yang terkenal, Aristotles murid Plato.

Padahal penyusun dongeng "Sejarah Melayu" tidaklah mau melepaskan kesempatan mengambil fantasi daripada tafsiran dan khayal orang sufi itu untuk mendewakan Raja-raja Melayu.

"ALKISAH", maka tersebutlah perkataan bahawasanya Raja Iskandar Zulkarnain datang dari Macedonia ke negeri Hindi, lalu berperang dengan Raja Kida Hindi, dalam peperangan yang sangat dahsyat hebat itu, alahlah tentera Raja Kida Hindi. Tetapi meskipun Raja itu kalah, tidaklah dia dihinakan oleh Sultan Iskandar dan kasih sayanglah Raja Kida Hindi kepadanya. Akhirnya dikahwinkannyalah Raja Iskandar itu dengan puterinya yang sangat cantik bernama Puteri Syahrul Bariyah.

Yang menjadi Kadi yang menikahkan ialah Nabi Khidir sendiri. Setelah bergaul dengan isterinya itu beberapa bulan saja, Raja Iskandar pun pulang ke negerinya, dan isteri itu ditinggalkannya dengan ayahnya Raja Kida Hindi. Kemudian barulah diketahui bahawa Puteri itu dalam hamil, ketika ditinggalkan oleh Raja Iskandar. Setelah genap bulannya, lahirlah seorang anak laki-laki, lalu diberi nama oleh nendanya dengan Aristun Shah.

Setelah Raja Kida Hindi mangkat, maka cucunya Aristun Shah anak Iskandar itulah menggantikannya menjadi Raja, dan turun temurunlah menjadi raja, sampai kepada seorang cucunya bernama Raja Suran, Raja negeri Keling. Dan salah seorang daripada keturunan itu kahwin dengan puteri dari Nusyirwan Adil.

Lalu dikisahkan pulalah perjalanan Raja Suran keturunan Aristun Shah, keturunan Iskandar Zulkarnain itu. Bahawasanya dia adalah Raja Benua Keling yang gagah perkasa, membawa tenteranya yang sangat besar jumlahnya, "rupa rakyat seperti laut tatkala pasang penuh, rupa gajah dan kuda seperti pulau, rupa tunggul panji-panji seperti hutan, rupa senjata berlapis-lapis, rupa cemara tombak seperti bunga lalang maka kelihatanlah rakyat Raja Suran seperti butan rupanya". Yang jadi tujuannya

ialah mengalahkan negeri China. Tetapi di tengah perjalanan telah dikalahkannya negeri Siam dan beberapa negeri yang lain.

Lalu diceritakan pula bahawa Raja Suran itu masuk ke dalam laut dengan sebuah keranda kaca. Di dalam laut berjumpalah dia dengan Raja buat seluruh lautan. Itulah Raja Aftabul Ardh! Tiga tahun lamanya baginda tinggal dalam dasar laut, sampai kahwin dengan puteri Raja Aftabul Ardh, iaitu tuan puteri Mahtabu'l Bahr. Sampai dia beranak tiga orang dengan puteri itu. Setelah genap tiga tahun baginda dalam laut, dan telah beroleh putera tiga orang, baginda pun kembali ke atas dunia kita ini dengan mengendarai seekor kuda semberani dan berjumpa kembali dengan rakyatnya.

Dengan puteri orang dunia beliau beranak tiga orang laki-laki, dan seorang perempuan. Yang perempuan tuan puteri Candani Wasis dipinang oleh Raja Hiran dikahwinkan dengan puteranya. Dan ketiga anak laki-laki itu ialah Paldu Tani; Dia ini dirajakan oleh ayahnya di negeri Andam Negara, yang seorang lagi Nila Manan dirajakan di negeri Bija Negara, dan yang paling tua bernama Bicitram Shah merasa bahawa dialah putera yang tua, sedang negeri yang diserahkan ayahnya kepadanya hanyalah sebuah negeri kecil, sedihlah hati baginda, lalu baginda membuang diri meninggalkan kampung halaman dengan 20 buah kapal. Tetapi oleh kerana angin ribut terlalu besar, cerai-berailah kapal itu, ada yang ansur berbalik pulang, dan ada yang tenggelam di laut, sampai tidak ada khabar beritanya lagi.

Beberapa masa kemudian, adalah di negeri Palembang dua orang perempuan berhuma di atas Bukit Si guntang Mahameru. Tiba-tiba pada suatu malam mereka melihat padi yang mereka tanam di puncak bukit itu telah terang benderang laksana api, sehingga timbullah cemas mereka. Pagi-pagi setelah mereka bangun tidur, pergilah mereka segera mendaki bukit itu hendak melihat perhumaan mereka yang terang semalam itu. Maka lihatlanlah suatu hal yang amat ajaib: Buah padi mereka telah menjadi emas, batangnya menjadi suasa tembaga dan daunnya menjadi perak belaka. Di sana mereka dapati tiga orang. Seorang di antaranya memakai pakaian kerajaan dan kepalanya memakai mahkota dan mengendarai seekor lembu. Lalu kedua petani perempuan itu bertanya siapakah mereka, maka mereka pun memberitahukan diri, bahawasanya mereka adalah keturunan Sultan Iskandar Zulkarnain. Nasab (keturunan) Nusyirwan Adil, Raja

masyrik dan maghrib, dan pancar dari Raja Sulaiman 'Alaihis-salam. Nama yang mengendarai lembu itu ialah Bicitram Shah, dan yang seorang lagi bernama Nila Utama, dan yang seorang lagi bernama Karna Pandita! Dan mahkota yang dipakai oleh Bicitram Shah di kepalanya itulah alamat bahawa baginda keturunan Iskandar Zulkarnain.

Tiba-tiba lembu yang dikendarai baginda itu memuntahkan buih. Dari buih itu keluar seorang manusia laki-laki dinamai Bat dan destarnya terlalu besar. Lalu dia pun berdatang sembah kepada Bicitram Shah dan memanggulkan gelar kerajaannya, iaitu Sang Suparba Taramberi Tribuana.

Maka sampailah berita itu kepada Demang Lebar Daun, Raja yang asal dalam negeri Palembang. Akhirnya dikahwinkannyalah Sang Suparba itu dengan puterinya Wan Sendari, dan diakuilah Sang Suparba sebagai Raja dalam negeri Melayu.

Beberapa lama kemudian, Sang Suparba pun meneruskan perjalanannya menuju Bintan. Di tengah perjalanan dia singgah di Teluk Sapat Kuantan. Di sana bertemu dengan orang Minangkabau, lalu dia diakui pula menjadi Raja di Minangkabau, sebab dapat membunuh ular sakti Muna (si Kati Muna). Diteruskannya perjalanannya lanjut ke Bintan. Di sana bertemu raja perempuan di Bintan, iaitu Permaisuri Iskandar Shah, dan kahwinlah baginda dengan puterinya. Dari sana diteruskannya perjalanan ke Temasik! Oleh sebab kelihatan seekor singa di tengah padang, lalu Temasik diberi nama Singapura. Di sanalah baginda mendirikan negeri besar! Anaknya dua orang, iaitu Raja Kecil Besar dan Raja Kecil Muda. Dari keturunan-keturunan inilah yang kelak kemudian merajai negeri Melaka. Sebab itu maka keturunan raja-raja Melayu adalah dari Sultan Iskandar Zulkarnain yang anak cucunya turun di atas bukit Siguntang Mahameru!

Demikianlah susunan ceritanya. Yang sudah terang bahawa cerita atau dongeng ini tidak dapat dipertanggungjawabkan dengan sejarah.

Nanti akan kita kupas betapa pengaruh pelajaran Tasauf di dalamnya

II

KITAB al-Insan Al-Kamil karangan Abdul Karim Jailany telah mulai tersiar di Indonesia (Melaka) bersama-sama dengan kitab-kitab Ilmu Fiqhi. Di dalam kitab tersebut, banyaklah di-

ceritakan tentang Nabi Khidir yang dikatakan masih hidup. Dan diceritakan pula bahawa tujuh petala bumi ertinya ialah 7 lapis bumi yang masing-masingnya didiami oleh makhluk berbagai corak ragamnya. Di dasar laut pun, kata kitab tersebut, ada juga makhluk yang mempunyai masyarakat sendiri.

Maka disusunlah dongeng itu, dijadikan khayal untuk "tuah" Raja. Oleh sebab Nabi Khidir ada tersebut di dalam setengah tafsir adalah wazir daripada Sultan Iskandar Zulkarnain, maka Nabi Khidir pulalah diambil menjadi Wali-Hakim buat menikahkan puteri Raja Kida Hindu dengan Sultan Iskandar itu.

Nama puteri itu ialah "Syahrul Bariyah". Ilhamnya diambil dari dalam Quran. Di dalam surat "Lam Yakun" (surat Al-Bayyinah) ada dua kalimat yang hampir serupa, iaitu Khairul Bariyah, ertinya manusia yang baik dan Syarrul Bariyah, ertinya manusia yang jahat. Maka nama tuan puteri menyerupailah akan kedua kalimat itu, iaitu Syahrul Bariyah, yang ertinya ialah "bulan-orang". Tidaklah difikirkan lagi apa ertinya perkataan yang demikian. Yang dijaga hanya bagus bacaannya; Syahrul Bariyah!

Perkahwinan tuan puteri Syahrul Bariyah dengan Sultan Iskandar Zulkarnain, beroleh seorang putera, diberi nama Aristun Shah. Kalau kita selidiki nama-nama Raja Persia dan Iran, tidaklah ada tersebut "Aristun". Yang ada hanyalah Aristo, dan lanjutannya Aristotles, Filasuf terkenal murid dari Plato. Aristo adalah guru yang mendidik Iskandar sebelum baginda menjadi Raja. Ahli-ahli sejarah filsafat menyatakan bahawa Iskandar berjasa mempertemukan Filsafat Yunani dengan Mistik India, kerana pada dirinya sangat besar pengaruh ajaran Aristotles. Tetapi tidaklah ada anak Iskandar, menurut sejarah, yang bernama Aristun atau Aristo.

Tentang petala bumi berlapis tujuh dan tentang ada lagi makhluk di dasar laut itu digenapkanlah dengan turunya Raja Suran ke dalam dasar lautan dengan memakai keranda kaca. Di sana bertemu dengan Raja lautan yang bernama Aftabu'l Ardh.

Nyatalah bahawa suatu kalimat "stulasti" dengan huruf F. Th. B. tidak ada dalam bahasa Arab, sehingga tidak ada satu makna atau erti yang terkandung di dalam kalimat Aftab itu. Tetapi setengah naskah tua dari "Sejarah Melayu" telah dapat membukakan rahsia yang dapat menolong kita. Dalam naskah itu bukan ditulis Aftab yang huruf Faa yang bertitik satu, melainkan huruf Qaaf yang bertitik dua; Aqthabul Ardh. Aqthab adalah ka-

limat jamak daripada Quthub. Dan quthub adalah wali yang tertinggi dalam kepercayaan kaum Sufi, tujuh orang banyaknya, sehingga jamaknya menjadi aqthab.

Naskah lama yang disalin dari tangan ke tangan, turun temurun itu, pindah dari satu tangan ke tangan yang lain, tidaklah perkara yang mustahil apabila dalam satu penyalinan ada suatu titik yang tertinggal sehingga Quthub menjadi Futub atau Aqthab menjadi Aftab. Dan di sini jelas benar betapa besar pengaruh Tasauf atas orang yang menyusun hikayat itu.

Tetapi dalam bahasa Persia ada terdapat kalimat Aftab yang bererti Matahari. Jadi Aftabul Ardhi gabungan bahasa Persia dengan bahasa Arab yang bererti "Matahari-Bumi".

Dalam menentukan yang akan jadi nama kenderaan Raja Suran seketika akan kembali ke dalam dunia kita ini, dikatakanlah bahawa kuda itu adalah kuda semberani, dan namanya ialah Farasu'l Bahri, ertinya jelas saja, iaitu "Kuda Lautan". Tetapi ketika memperbuatkan nama untuk puteri Raja Afthabu'l Ardh yang dikahwinkan dengan Raja Suran itu, terdapat pula kalimat yang sulit untuk diertikan. Iaitu "Mahtabul Bahr". Barulah sesuai kalau ditulis "Mahbathul Bahr", ertinya dasar yang dalam sekali pada lautan.

Maka putera dari Raja Suran yang bernama Bicitram Shah, kerana bersedih hati mendapat pembahagian kerajaan yang kecil daripada ayahnya diapun membuang diri, meninggalkan kampung halaman. Kemudian di hikayat yang ke-II disebut bahawa baginda telah tiba saja di puncak Gunung Si guntang Mahameru. Setelah berjumpa dengan Wan Empuk dan Wan Melini, hilanglah nama Bicitram Shah, berganti dengan Sang Suparba. Dan oleh Bat yang keluar dari dalam buih muntah lembu itu dirasmikan pulalah gelarnya yang baru, iaitu Sang Suparba Taramberi Tribuana.

Oleh kerana Raja Anursyirwan Al-Adil adalah salah seorang Maharaja Persia (Iran) yang sangat kenamaan, sebagai puncak kemegahan Dinasti Sasan, sampai Nabi Muhammad s.a.w. sendiri mengakui bahawa beliau dilahirkan adalah di zaman negeri Persia diperintah oleh Raja Anursyirwan, maka dipertalikan pulalah keturunan raja-raja Melayu itu dari pihak ibu dengan raja-raja Iran.

Kemudian seketika Bicitram Shah ditanyai oleh Wan Empuk dan Wan Malini, apakah mereka bangsa jin atau bangsa dewa atau bangsa manusia? Raja itu menjawab pula bahawa mereka

adalah bangsa manusia, ada pertalian darah pula dari Raja Sulaiman 'Alahihissalam.

Al-Hasil, segala "puncak" kemegahan sejarah yang tersebut di dalam Agama Islam, di dalam pelajaran Tasauf, di dalam kemegahan Iskandar Macedonia yang pernah menaklukkan India, segala puncak kemegahan Hindustan dan Iran, segala kemegahan itu diletakkanlah ke dalam salasilah keturunan Raja-Raja Melayu, pada waktu itu.

Bilakah agaknya "sejarah" ini dikarang?

Tun Sri Lanang sendiri mengakui bahawa beliau hanya menyuruhnya saja, sesudah bertemu sebuah naskah yang dibawa orang kembali dari Goa. Dan Goa waktu itu adalah Pusat Kekuasaan Portugis. Ertinya sesudah Melaka jatuh ke tangan Portugis, naskah cerita itu telah dapat diambil Portugis dan dibawanya ke Goa.

Dan setelah Kerajaan Johor, sebagai sambungan dari Melaka berdiri kembali, tetapi sebuah Kerajaan kecil saja, yang menjadi rebutan pengaruh di antara Belanda dengan Aceh, iaitu pada tahun 1612, barulah naskah dari Goa itu didapat kembali.

Dengan itu nyatalah bahawa Sejarah itu, atau "dongeng" indah itu telah disusun semasa Raja-raja Melayu masih duduk di atas singgahsana yang megah di Melaka.

Jika kita ingat bahawa Melaka pada waktu itu adalah tumpuan dagang dari mana-mana; Ada orang Arab yang sampai menamai Melaka dengan Mulaqat, ertinya tempat pertemuan segala anak dagang, ada orang Hindustan, orang Tamil, orang Persia dan orang Jawa, dan orang Aceh, dapatlah difahamkan apabila segala sari cerita membawakan segala macam gaya itu. Dan jika diingat pula betapa besar pengaruh Tasauf pada masa itu, dapat pula difahamkan jika buku-buku bacaan tentang Tasauf mempengaruhi pula. Sehingga Sri baginda Maharaja Melayu adalah keturunan Hindustan, keturunan Nabi Sulaiman, keturunan Persia, keturunan Maharaja Lautan, dan menjelma sebagai dewa yang turun dari kayangan di atas Bukit Siguntang Mahameru.

Kalau sudah demikian tinggi martabat Baginda, sehingga yang menikahkan nenek-moyang beliau dengan anak Raja Kida Hindi adalah Nabi Khidir sendiri, tidakkah juga akan percaya kepada tuah-kebesaran beliau? Masihkah rakyat akan mendurhaka juga? Tidakkah akan kena kutuk? Apatah lagi salah satu daripada keris kebesaran yang mula-mula Baginda bawa turun di

atas Bukit Si guntang itu ialah keris "Si Curik di Manung Giri", yang sangat bertuah. Kalau keris itu akan mendatangkan mala-petaka kerana menyanggah Raja, maka bahaya besar-besar akan menimpa; "Tujuh tahun kemarau panjang, mati katak mati ketam, mati belalang berjentikan, mati udang di selat batu, mati ikan di dalam air! Ulunya berpanjut putih, mayat dua seusunan, jejak ditikam mati juga!" Dan pedang beliau adalah pedang Jenawi memutus rantai

Demikianlah sari dongeng kaum Sufi menyelinap ke dalam sejarah keturunan Raja-raja Melayu setelah Agama Islam datang.

Cara yang seperti inipun terdapat di tanah Bugis terhadap kepada Sawirigading dan terdapat juga di tanah Jawa terhadap Kerajaan Mataram II yang telah Islam.

III

ALKISAH, tentang Bugis pula!

Kepercayaan yang sangat dalam pada suku Bugis, Makassar dan Mandar bahkan juga Tanah Toraja yang belum sempat rata memeluk Islam, sebab sudah didahului oleh Agama Nasrani, adalah mereka itu semuanya keturunan Sawirigading. Dan Sawirigading bukanlah bangsa manusia, melainkan bangsa dewa-dewa yang turun dari atas keinderaan, didapati ketika beliau turun ke bumi ini bersemayam di rumpun buluh kuning.

Setelah Agama Islam masuk ke tanah Bugis telah diusahakan pula ada hubungan raja-raja keturunan dewa dari langit itu dengan kepercayaan Agama Islam. Maka timbullah "dongeng" bahawasanya Siti Malangkai adalah keturunan daripada puteri Balqis, Ratu negeri Saba yang kahwin dengan Nabi Sulaiman.

Seketika Raja Ali Haji, pujangga besar Melayu keturunan Bugis yang terkenal itu menuliskan sejarah Raja-raja Melayu dan Bugis dengan kitabnya yang terkenal "Tuhfat un-Nafis", sebagai "pembelaan" atas cerita itu, beliau berkata bahawasanya jika Ratu Luwuk keturunan Puteri Balqis dan Nabi Sulaiman, tidaklah mustahil pada akal; Sedangkan keturunan Nabi Muhammad, iaitu kaum Sayid telah turun temurun dan berkembang di negeri kita, nescaya tidaklah ditolak oleh akal jika keturunan Nabi Sulaiman, yang jauh terdahulu masanya dari Nabi Muhammad sampai juga ke negeri kita.

Bicitram Shah, yang menjelma di atas bukit Siguntang Mahameru dan diberi gelar Sang Suparba Sri Tribuana, ketika meny-

takan dirinya kepada Wan Empuk dan Wan Malini menyatakan pula bahawa selain dari pertalian salasilah turunan dengan Raja Suran, Raja Iskandar Zulkarnain dan Raja Nusyirwan Al-Adil, menyebut pula pertalian darahnya dengan Nabi Sulaiman. Bahkan ada lagi kisah orang tua-tua yang pada masa akhir-akhir ini hendak diselidiki secara "ilmiah", ialah bahawasanya gunung Ophir (Pasaman dan Talamau) di Sumatera Barat itu, itulah dia perbendaharaan intan Nabi Sulaiman.

Berkatalah Raja Ali Haji tentang Ratu Malangkai keturunan Nabi Sulaiman dengan puteri Balqis itu di dalam kitab "Tuhfat un-Nafis": "Wal hasil tiap pekerjaan yang tiada kita dapat akan hakikatnya janganlah kita dustakan, hendaklah kita taslimkan, kerana dalil berdiri adanya."

Berkatalah Raja Haji selanjutnya: "Syahdan adalah Siti Malangkai itu menjadi Raja Kerajaan di Silangi. Maka ialah bersuamikan Raja Bugis yang besar sekali di negeri Luwuk. Maka Siti Malangkai inilah beranakkan Datu Palipi. Inilah beranakkan Patutu. Inilah beranakkan Batara Guru, beranakkan Batara Latoa, beranakkan Paduka Sawirigading. Inilah beranakkan Lagaligo.

Jadi ketika di zaman Jahiliah Sawirigading disebut sebagai penjelmaan dewa dari langit, maka setelah Islam, dijadikanlah baginda keturunan Ratu Malangkai, puteri keturunan Nabi Sulaiman dengan perkahwinannya dengan Ratu Balqis.

Jelas sekali dengan salasilah keturunan itu bahawasanya pengatur cerita yang datang kemudian, yang diterima oleh Raja Ali Haji, tertulis dalam daun Lontar (lontara), bahawasanya salah satu keturunan daripada Ratu itu ialah Batara Guru dan Batara Guru beranakkan Batara Latoa.

Disebut pula bahawasanya Paduka Sawirigading itu di masa hidupnya pernah pula mengembara bermain-main ke sebelah Barat Melaka dan lainnya. Kerana baginda adalah seorang Raja Besar yang tidak ada bandingannya.

Dengan sabar Raja Ali Haji menuliskan salasilah itu sampai 39 keturunan, baru sampai kepada Lamdu Shalat, Raja Luwuk yang mula-mula memeluk Islam. Maka menurut kepercayaan dan pegangan adat istiadat Bugis yang diperturun dan dipenaik sampai kepada zaman sekarang ini, Raja Luwuklah Raja yang permulaan. Dari Luwuklah turunya Raja di Sopeng, Wajo, Goa dan Bone. Dari Luwuklah asal-usul seluruh bangsawan Bugis-Makassar.

Upu Lamdu Shalat ini beranak tiga orang laki-laki. Yang pertama Pacung namanya, menjadi Raja di tanah Bugis. Kedua Daeng Biasa, mengembara ke Tanah Jawa dan di akhir umurnya diangkat oleh Gabenor Jeneral Van Imhof menjadi "Mayor" mengepalai masyarakat Bugis di Betawi, dan seluruh Tanah Jawa. Ketiga Tandri Burang Daeng Relaka. Tandri Burang Daeng Relaka ini mengembara ke sebelah Barat ini, ke daerah Kerajaan-kerajaan Melayu dan ada anak laki-lakinya lima orang. Pertama Upu Daeng Celak, kelima Upu Daeng Kemas.

Upu Daeng Perani menjadi Perajurit Agung Jaeng Sastra Johan Pahlawan yang diakui oleh Kompeni Belanda. Upu Daeng Menambun menjadi Raja di negeri Mempawah, memakai gelar Pangeran Emas Sri Negara. Itulah yang menurunkan Penembahan-Penembahan di Mempawah. Upu Daeng Marewah menjadi Yang Dipertuan Muda Riau, bergelar Kelana Jaya Putera. Upu Daeng Celak menjadi Yang Dipertuan Muda yang kedua di Riau.

Oleh sebab itu teranglah bahawasanya beberapa negeri besar yang dikuasai Raja-raja Melayu sudah takluk ke bawah kuasa Pahlawan Perkasa pengembara dari Bugis. Anak Keturunan mereka menguasai Kalimantan Barat, Tanah Bumbu, Kota Baru, Pulau Laut. Di Semenanjung Tanah Melayu mereka mengalahkan Johor. Di Riau mereka menjadi Yang Dipertuan Muda, atau Salewatang menurut pembahagian jabatan orang Bugis. Raja Melayu tetap ada, tetapi yang sebenarnya berkuasa ialah keturunan Bugis. Raja kecil dapat pula mereka kalahkan dan Siak pernah mereka taklukkan. Mereka bertemu dengan Raja-raja Melayu yang mengakui keturunan Bukit Siguntang Mahameru. Di Siak dan di tempat lain mereka bertemu pula dengan raja-raja yang berdarah bangsa Sayid, keturunan Nabi Muhammad s.a.w.

Nescaya mereka tidak mau kalah! Kalau Raja-raja Melayu disebut keturunan Iskandar Zulkarnain, dan ada pula Raja-raja keturunan kaum Sayid, sehingga keturunan dewa-dewa tidak begitu kuat sebagai dahulu lagi, maka mereka pun adalah keturunan Nabi Sulaiman dan Puteri Balqis, dan Sawirigading yang di zaman Jahiliah disebutkan keturunan dewa, keturunan Batara Guru dan keturunan Batara Latoa, diturunkan ke bawah sedikit, tetapi tidak dihilangkan samasekali, asal di atasnya sudah disebut keturunan Nabi Sulaiman dan puteri Balqis. Dengan itu maka bangsawan Bugis yang telah menguasai Tanah Melayu, menjadi Salewatang (Yang Dipertuan Muda) di Riau dan Temenggung di Johor

(kemudiannya Sultan), Sultan di Selangor dan Penembahan di Mempawah tidaklah kalah ketinggian keturunannya.

Pengaruh ajaran Tasauf inipun dipakai juga oleh Raja-raja Goa dan Tallo yang mula-mula menerima Agama Islam (1603). Di dalam kitab-kitab sejarah Goa dan Bugis diakui bahawasanya Agama Islam masuk ke dalam negeri itu ialah pada pangkal Abad Ketujuh Belas. Maka Lamdu Shalat memeluk Islam ialah sesudah tahun-tahun itu. Dan di dalam sejarah Makassar dan Bugis di catet dengan penuh hormat bahawasanya guru yang mula-mula menyiarkan Islam ialah tiga orang Ulama dari Minangkabau, iaitu Datu ri Tiro, Datu ri Bandang dan Datu Patimang.

Tetapi supaya masuk pengaruh Tasauf ke dalam sejarah itu, disebutkanlah bahawasanya Raja Goa-Tallo yang mula-mula menerima Islam itu, sebelum berjumpa dengan ketiga Datu itu di Jumpandang (nama asal dari tanah Makassar, sebagai Sunda Kelapa bagi Jakarta), terlebih dahulu pada malam harinya beliau bermimpi bertemu dengan Nabi Muhammad s.a.w. Dan Nabi Muhammad s.a.w. sendirilah yang mengajarkan kedua kalimah syahadat kepada beliau dalam mimpi itu. "Mangkassara Nabita ri Jumpandang!" Ertinya: "Telah menyatakan dirinya Nabi kita di Ujung Pandang!" Dan Nabilah yang memberitahu bahawa baginda perlu menemui tiga orang Utusan Nabi besok siang di Jumpandang!

Keesokan harinya baginda pergi ke tepi pantai itu. Maka bertemulah ketiga beliau sedang sembahyang menghadap ke Matahari Mati (Barat). Sehabis sembahyang itu baginda tegurlah beliau-beliau, lalu beliau-beliau menyatakan diri sebagai guru yang menyebarkan Islam, bahawa perintah Nabi kepada mereka mengajak Paduka Raja masuk Islam. Oleh kerana telah sesuai dengan mimpi, baginda pun belajarlah rukun-syarat masuk Islam. Setelah diajarkan kepada baginda membacanya, sebab telah diajarkan langsung kepadanya oleh Nabi terlebih dahulu yang telah "mengkasarkan" diri di dalam mimpi.

Dengan sebab itu, maka lebih atas jugalah baginda daripada rakyatnya. Walaupun bukan sebagai dewa lagi, menurut yang dulu, tetapi mempunyai kelebihan yang tertinggi, sebab telah bermimpi bertemu dengan Nabi Muhammad s.a.w.!

IV

ORANG-ORANG Minangkabau yang masih asyik dengan adatnya, sangatlah dipengaruhi oleh hikayat "Cindur-Mato". Dalam hikayat ini nampak pula betapa pujangga-pujangga istana mencari sumber dari dalam telaga Tasauf sesuatu yang "keramat" yang akan dibanggakan kepada Raja. Anggapan kepada Bunda Kandung bagi orang Minang, sama pula dengan orang Bugis yang mengatakan bahawa Ratu mereka yang mula-mula, Siti Malangkai adalah keturunan Ratu Balqis dalam perkahwinannya dengan Nabi Sulaiman, dan kemudian menurunkan Sawirigading. Dan Sawirigading dianggap sebagai Dewa.

Dalam kata pendahuluan seketika membaca "Cindur-Mato" disusunlah perkataan minta ampun kepada "Daulat Tuan Kita" sebab keadaan baginda akan diperkatakan dan kebesaran baginda akan dipaparkan.

"Ampun beribu kali ampun, ampunlah kami mengabarkan, sedang diraja perempuan, di dalam Ulak Tanjung Bungo, di dalam Kota Pagar Ruyung, di dalam Jorong Kampung Dalam. Bukanlah Raja yang meminta, bukanlah Raja yang membeli, Raja berdiri sendirinya! Sama tajalli dengan alam" Timbalan Raja Benua Ruhum, timbalan Raja benua China, timbalan Raja di lautan."

Kemudian itu disebutkan pula bahawasanya Bunda Kandung memerintahkan kepada si "Kembang Bendahari" supaya segera membangunkan Dang Tuanku yang sedang beradu di atas anjung peranginan. Maka berdatang sembahlah si Kembang, memohon diberi ampun kerana dia tidak berani membangunkan Dang Tuanku, sebab baginda itu sangat keramat; "Kalau disebut namanya, lidah menjadi kelu; kalau ditentang matanya, mata sendiri jadi buta; kalau melintas sedang baginda tidur, kakipun lumpuh", demikian benarlah tuah dan keramat baginda, nescaya "Bunda jua yang akan kehilangan."

Lalu disebutkan bahawasanya tiga orang Raja besar dahulunya telah datang meminang Bunda Kandung. Pertama Raja Ruhum (Rum), kedua Raja China, ketiga Raja Aceh. Raja Rum datang membawa hadiah hantaran kahwin ialah kapal sebuah yang penuh isinya. Pinangan itu telah diterima. Tetapi setelah kapal dan isinya itu diterima, Raja Rum itupun mati, sehingga Bunda Kandung menjadi kaya-raya. Demikian pula Raja China membawa

pelang seisinya, "Pelang tertanda raja mati." Raja Aceh membawa hantaran perahu gurab lengkap dengan isinya. "Gurab tertanda raja pun mati." Di situ mengertilah orang bahawasanya ketiga raja yang besar-besar itu bukanlah jodoh baginda kerana Bunda Kandung terlalu tinggi.

Maka diperintahkanlah Bujang Selamat, pesuruh istana yang sangat setia memanjat pohon kelapa yang bernama "Nyiur Gading", kerana bunda ingin benar hendak memakan buahnya. Demikian lamanya memanjat pohon kelapa itu. "Hari Khamis naik memanjat, hari Arbaa baru sampai turun ke bawah." Buah kelapa itu hanya dua saja. Yang satu, kerana sangat hausnya memanjat, telah dimakan oleh si Selamat di atas pohon itu juga. Setelah airnya habis diminum, buah itu dilemparkannya ke bawah. "Sabutnya dimakan oleh kerbau, itulah asal si Benuang!" Sebahagian sabut lagi dimakan oleh seekor kuda, "itulah asal dari si Gumarang," dan isi kelapanya dimakan oleh seekor ayam jantan, "itulah asal si Kinantan."

Dan setelah si Selamat turun ke bawah membawa buah yang sebuah lagi, dikerahkannya ke bawah Bunda Kandung, lalu baginda makan. "Itulah asal Daulat Tuan kita, nama sanan gelar pun sanan, bernama Sutan Rumandung". Dan air kelapa yang diminum si Selamat, itulah yang menjadi "Cindur-Mato", dengan isterinya si Kembang Bendahari. Oleh sebab itu maka Dang Tuanku, Cindur-Mato, si Kinantan seekor ayam sabungan Dang Tuanku, si Gumarang (kuda kenderaan Dang Tuanku), si Binuang (kerbau peliharaan Dang Tuanku), semuanya itu datang dari satu asal; bangsa dewa! Atau Indrajati.

Tetapi sebagaimana disebutkan di atas tadi, yang Bunda Kandung sendiri bukan saja baginda dewa, bahkan lebih dari dewa, "sama tajalli dengan alam" dan "raja berdiri sendirinya."

Tentang Bunda Kandung ini dengan amat halus masuklah "salah satu pokok penting dari pegangan kaum Tasauf, iaitu tentang "Insan Kamil."

"Al-Insan Al-Kamil," manusia yang maha sempurna, menurut ahli Tasauf ialah Allah Ta'ala sendiri, yang menyatakan dirinya, dan itulah Nur Muhammad atau "Al-Haqiqatul Muhammadiyah." Dialah permulaan ujud tetapi dia pula kesudahan Nabi. Insan Kamil tidaklah mati, selama dia hidup. Mungkin dia menyatakan dirinya dengan bentuk yang berlain-lain, seumpama menjadi tubuh Nabi Adam, atau Nabi Isa, atau yang lain. Te-

tapi kesempurnaan maz'harnya ialah pada tubuh Nabi Muhammad s.a.w. Dan jika Nabi Muhammad wafat, hanya tubuh Muhammad yang wafat. Adapun Insan Kamil itu terus menjelma dalam tubuh yang lain. Menurut kepercayaan setengah mereka, Insan Kamil itu menjelma pada diri Sayidina Ali bin Abi Talib. Dan menurut kepercayaan setengahnya lagi Insan Kamil itu terus menjelma pada tubuh Wali-wali (aulia) yang tinggi martabatnya yang disebut juga Ghaust atau Quthub. Di antara Insan Kamil itu ialah Syed Abdul Kadir Jailany "yang kakinya di atas pundak segala Wali".

Tidak perlu diragukan bahawasanya "Pelajaran" seperti ini sekali-kali tidaklah berasal dari Islam sejati. Dia adalah intifilsafat Hinduisme yang bernama "Atman", yang masuk pengaruhnya ke dalam Tasauf Islam. Dia adalah "Pantisme" yang terdapat juga dalam "Neo Platonisme" dan berpengaruh juga ke dalam Agama Kristian, yang bahkan dijadikan dasar kepercayaan agama Nasrani tentang "Ketuhanan Nabi Isa."

Rupanya pengarang Cindur Mato, tentu saja pujangga istana, mendapat "ilham" buat mensucikan raja atau mendewakannya, dengan memakai kepercayaan demikian terhadap kepada Raja Minangkabau.

"Insan Kamil adalah tsaufnya Al-Hallaj, di "filsafatkan" oleh Ibnu 'Arabi dan dilanjutkan oleh Abdul Karim Jailany dalam bukunya yang bernama "Al-Insan Al-Kamil". Abdul Karim Jailany, keturunan Sayid Abdul Kadir Jailany itu meninggal pada tahun 813 Hijrah, atau 1410 Miladiyah, di zaman mulai berdirinya Kerajaan Islam Melayu Melaka.

Disebutkanlah dalam kitab itu bahawasanya "Insan Kamil itu adalah Khalifah daripada Allah. Padanyalah tajalli Ketuhanan. Dan di setiap zaman ada saja insan tempat Allah mentajallikan dirinya. Sesudah Nabi ialah Wali. Dan wali itu bertingkat-tingkat. Adapun tingkatnya yang di atas sekali ialah "quthub". Dan disebut juga bahawasanya "Wali yang kamil ialah Insan yang kamil."

Oleh sebab itu dijelaskanlah pada permulaan hikayat "Cindur-Mato" itu bahawasanya Raja Minangkabau itu bukanlah sembarang Raja, dia "adalah berdiri sendirinya, sama tajalli dengan alam."

Kemudian diceritakan pula bahawasanya telah terjadi peperangan di antara Raja negeri Sungai Ngiang yang bernama "Raja

Imbang Jaya" dengan Raja Minangkabau, kerana memperebutkan Puteri Bungsu, sehingga negeri Minangkabau diserang oleh Sungai Ngiang. Minangkabau dibakar, rumahnya yang besar-besar dimusnahkan dengan "cermin terus". Maka di saat yang sangat genting itu datanglah perahu Nabi Nuh dari langit, menjemput Bunda Kandung, Dang Tuanku dan Puteri Bungsu isteri Dang Tuanku. Berhentilah perahu itu di halaman istana besar dan dipersilakanlah mereka naik ke dalamnya. Setelah naik semuanya, perahu itu terbang kembali ke angkasa, membawa baginda semuanya ke atas langit. Yang tinggal di antara mereka di bumi ini hanya seorang Raja, iaitu Cindur-Mato sendiri yang disuruh menyingkir ke Indrapura dan menjadi Raja di sana.

Bertahun-tahun di belakang, setelah Cindur-Mato tua, barulah datang seekor burung turun dari langit, bernama burung "nuri bayan", membawa dua orang putera-puteri di dalam "keranda kaca" iaitu Sutan Alam Dunia, anak Dang Tuanku dan Puteri Bungsu, buat menjadi Raja di Minangkabau"

Di sekeliling Alam Minangkabau itu ada lagi dua Raja, iaitu Raja Adat di Bua dan Raja Ibadat di Sumpu Kudus. Dan ada lagi empat orang besar negara, iaitu Bendahara di Sungei Tarab, Makhudum di Sumanik, Indomo di Suruaso dan Tuan Kadi Di padang Ganting. Dan seorang lagi orang besar di dalam pepetangan, iaitu Tuan Gadang di Batipuh.

Akan ragulah orang menolak kebenaran dongeng ini, kerana demikian indah susunannya, bagus khayalnya, pandai benar penyusunnya, sehingga bercampur-aduklah yang benar dengan yang khayal. Sebab Raja Tiga Sela, dan Besar Empat Balai memang ada. Kubur mereka masih dapat dilihat, tetapi raja-raja yang berasal dari anak "Indra Jati", turun dari kelapa nyiur bali dan menghirab (mi'raj) ke langit dengan perahu Nabi Nuh, memang tidak diketahui pabila datangnya dan pabila perginya dan pabila tahunnya.

Kepercayaan Tasauf Iran, diseludupkan ke dalam legenda Minangkabau sehingga menjadi salah satu bentuk kepercayaan Indonesia

Barulah kalah pengaruh cerita atau "mythos" ini setelah pergerakan kaum Paderi, atau kaum Ulama di permulaan Abad Kesembilan Belas, yang telah menurunkan martabat dewa atau wali itu ke dalam gelanggang kemanusiaan dan dituntut di muka mahkamah, sehingga dihukum bunuh segala keturunan raja yang tidak patuh mengerjakan hukum Syariat Islam!

V

SEKARANG mari kita berpindah pula ke bahagian Indonesia sebelah Timur, iaitu ke Maluku. Di sana terdapatlah 4 Kerajaan yang sejarahnya telah sama tuanya dengan sejarah Melayu-Melaka, iaitu Kerajaan-kerajaan Tidore, Ternate, Bacan dan Jailolo. Disebut juga Kerajaan-kerajaan di Maluku Utara.

Nama Kerajaan-kerajaan Islam di Maluku yang empat ini menjadi sangat masyhur kerana sejak Agama Islam masuk ke dalam daerah itu pada Abad Kelima Belas, mereka telah menyambut dan menyiarkan Islam dengan baik. Dan setelah bangsa Portugis sampai pula ke sana, terkenallah perjuangan Raja-raja di sana menegakkan Islam dan berperang dengan Portugis. Sampai Sultan Khairun mati syahid kerana dikhianati Portugis dan sampai pula puteranya Babullah berjuang menuntut bela kematian ayahnya dengan gagah perkasa.

Maka di dalam "sejarah" dan salasilah keturunan Raja-raja Maluku utara itu disebutkan bahawa keempatnya adalah dari satu turunan.

900 tahun yang telah lalu, sebelum bangsa-bangsa asing masuk ke dalam daerah itu, baik Sepanyol, atau Portugis, Inggeris dan Belanda, pada pulau-pulau itu telah berdiri juga 4 buah Kerajaan yang diperintah oleh Raja-raja dari suatu keturunan.

1. Tidore diperintah oleh Sultannya yang pertama bernama SYAHADATI
2. Sultan Ternate yang pertama ialah MASYUR MALAMO.
3. Sultan Bacan yang pertama ialah KACIL BUKA.
4. Sultan Jailolo yang pertama ialah DARAJATI.
Ibu negeri Kerajaan Tidore yang pertama ialah DUKO.
Ibu negeri Kerajaan Ternate yang pertama ialah GAPI.
Ibu negeri Kerajaan Bacan yang pertama ialah SEK.

Ibu negeri Kerajaan Jailolo yang pertama ialah TUA NAME.

Di dalam pepatah adat tua Maluku disebutkan: Maluku Kiyé Raha, Malimau duka se Gapi, Sek se Tuaname”.

Disebutkanlah dalam catetan salasilah itu bahawa Raja empat saudara itu adalah berasal dari satu ayah dan satu ibu. Ayah mereka ialah Tuan Syekh Jafar Shadiq, keturunan Nabi Muhammad s.a.w. yang datang ke negeri Maluku pada 10 hari bulan Muharram 470 Hijrah kahwin dengan seorang Tuan Puteri berasal dari kayangan atau bangsa dewa-dewa, namanya Puteri Nurush-Shafaa.

Tahun 470 Hijrah bertepatan dengan sekitar tahun-tahun 1080 Masihi. Jadi sudah 900 tahun!

Dijelaskan dalam catetan salasilah raja-raja keempat negeri itu bahawa Jafar Shadiq itu adalah keturunan Rasulullah.

Kalau ditilik kepada sejarah yang terang yang bersalasilah yang dapat dipertanggungjawabkan, cucu Rasulullah yang bernama Jafar Shadiq Imam yang ke-VI yang diakui dalam rangkaian Imam-Imam dalam Mazhab Syiah.

Ja'far Shadiq (Imam ke-VI), putera dari Muhammad Al-Baqir (Imam ke-V), putera dari Ali Al-Ashghar Zainul 'Abidin (Imam ke-IV), putera dari Husain bin 'Ali Abi Thalib (Imam ke-III), dan Husain adalah saudara daripada Hasan bin 'Ali bin Abi Thalib, sahabat dan menantu Rasulullah s.a.w. yang dipandang oleh kaum Syi'ah sebagai Imam Pertama, dan diakui oleh Ahlussunan sebagai Khalifah Rasulullah s.a.w. yang keempat.

Ja'far Shadiq itu lahir pada tahun 83 Hijriah dan wafat pada tahun 148 Hijrah. Ibunya adalah Farwah, anak perempuan dari Qasim, dan Qasim ini anak dari Muhammad, dan Muhammad ini anak dari Abu Bakar sahabat Nabi, yang terkenal bergelar "Shiddiq". Salah satu sebab maka dia bergelar "Shiddiq" adalah kerana menghormati akan gelar datuk neneknya dari pihak ibunya Sayidina Abu Bakar!

Nescaya sudah dapat ditaksir sendiri oleh pembaca, bahawasanya Ja'far Shadiq, yang disebut nenek daripada Raja-raja empat saudara, empat Kerajaan di Maluku Utara itu, bukanlah Ja'far Shadiq Imam Syiah yang keenam. Sebab Imam Ja'far Shadiq telah wafat pada tahun 148 Hijriah, atau tahun 765 Miladiyah. Dan beliau meninggal di kota Madinah dan berkubur di

padang pekuburan Baqi yang terkenal. Padahal Ja'far Shadiq nenek Raja-raja Maluku itu datang ke Maluku pada 10 Muharram tahun 470 Hijriah, ertinya jarak zamannya ialah 32 tahun.

Rupanya mengambil nama "Ja'far Shadiq" ini menjadi kesukaan benar pada waktu itu. Sebab di antara Imam-imam Syiah yang 12, Ja'far Shadiq adalah paling istimewa. Beliau di antara Imam-imam Syiah yang paling 'Alim, bahkan Imam-imam Mazhab, iaitu Hanafi dan Imam Malik sezaman dengan dia. Meskipun Imam-imam Mazhab itu tidak menjadi penganut daripada faham politiknya.

Sekarang menjadi soal, apakah sudah ada orang Arab datang ke daerah Maluku 900 tahun yang lalu? Di zaman hidupnya Imam Ghazali, di abad yang kelima daripada Hijrah Nabi, atau Abad Kesebelas bilangan Masihi?

Menilik kepada berita-berita yang dibawakan oleh pengembara-pengembara Arab di zaman itu, di antaranya berita dan pengembara Al-Mas'udi, orang Arab memang telah sampai ke bahagian Timur Jauh ini pada Abad-abad Ketujuh, Kedelapan, Kesembilan dan seterusnya. Sebelum penjajahan Portugis, orang Arablah yang memegang kendali perniagaan di Selat Melaka sampai ke Tiongkok. Di Kanton telah didapati orang pos-pos perniagaan orang Arab. Disebutnya nama-nama negeri sebagai Syarbazah, iaitu Sriwijaya dan Kataha, iaitu Kedah. Dan dalam cerita Sinbad si Pelaut disebut pula pulau yang bernama Waq-Waq. Keras dugaan bahawa Waq-Waq itu ialah Fak-Fak di Irian Barat.

Mungkin memang telah ada orang Arab sampai ke Maluku dalam tahun 470 Hijriah. Lalu mereka berkahwin dengan perempuan anak negeri. Tetapi kerana beliau itu telah pergi atau mati di tempat itu juga, padahal belum sempat menyiarkan Agama Islam dengan luas, maka anak-anaknya kembali kepada hidup Jahiliah.

"Tetapi "kemungkinan-kemungkinan" dan "teori-teori" yang dapat disusun seperti demikian amat berbeza jalannya dengan "salasilah" keturunan Raja-raja Maluku itu.

Disebutkan dalam salasilah kitab tambo keempat negeri itu demikian:

1. "Sayyidina awal wal akhir zaman". Nabinyuna Muhammad.
2. Siti Fatimah Az-Zahraa.
3. Sayid Imamul Husin.

4. Sayid Zainal 'Abidin.
5. Sayyidina 'Ali.
6. Sayid Muhammad Al-Baqir.
7. Sayyidina Syekh Ja'far Shadiq.

Teranglah dalam salasilah ini diusahakan menyusunnya agar "Ja'far Shadiq" yang datang ke Maluku tahun 470 Hijriah itu, beliau itulah Sayid Ja'far Shadiq Imam kaum Syi'ah yang ke-VI itu.

Dikatakan pula bahawa selain daripada puteranya laki-laki yang empat orang, yang masing-masingnya menjadi Raja di Tidore, Ternate, Bacan dan Jailolo, beliau pun beranak pula empat orang puteri. Disebut namanya satu demi satu: CITA DEWI, SHADNAWIY, SYAHARNAWI. Dan dikatakan bahawa ibu mereka adalah d e w a. Iaitu Puteri Nurush Shafa yang turun dari Kayangan.

Dengan mengatakan bahawa beliau, cucu Nabi Muhammad s.a.w. itu kahwin dengan dewa, jelas sangatlah betapa kepercayaan kuno terhadap dewa disatukan dengan kepercayaan kaum Syi'ah memuja Islam.

Saudara Salihin Salam dari Kudus menguraikan riwayat Sunan Kudus dalam Risalah Kecil dan disambung lagi dalam majallah Panji Masyarakat, bahawa Sunan Kudus itupun bernama Ja'far Shadiq. Kemudian itu disusun pula salasilah keturunannya menurut tambo di Kudus demikian;

1. Nabi Muhammad s.a.w.
2. Ali suami Fatimah.
3. Sayid Husin.
4. Zainal Abidin.
5. Zainul Alim.
6. Zaini Al-Kubra.
7. Zaini Al-Husin.
8. Maulana Muhammad Jumadal Kubra.
9. Ibrahim Asmarakandi.
10. Raja Pandita.
11. Usman Haji
12. Ja'far Shadiq.

Ja'far Shadiqnya orang Jawa rupanya lebih terdesak ke bawah, sehingga menjadi nombor 12 sesudah Nabi, dan kalau benar-benar hendak diukur menurut sejarah dan salasilah, tentu Sunan Kudus sudah keturunan yang kesekian kali jauhnya ke ba-

wah. Dan kita maklum bahawasanya telah menjadi kebiasaan bagi Bani Hashim atau keturunan 'Alawiyin Syayarah Nasabnya sehingga dapat dipertanggungjawabkan. Tetapi melihat rentetan-rentetan yang ada itu, baik di Maluku atau di Kudus, dongenglah yang banyak tertulis, bukan nasab keturunan yang sebenarnya. Dan zaman Sunan Kudus jauh ke bawah, iaitu jarak 700 tahun dengan Ja'far Shadiq yang sebenarnya.

Di dalam sejarah Tidore, meskipun raja pertama dikatakan anak kandung dari Ja'far Shadiq, namun diakui pula bahawa raja yang mula-mula masuk Islam Ciriliyat, Sultannya yang ke-IX masuk Islam pada tahun 1018 H.

Dan Raja Ternate yang mula-mula masuk Islam ialah Sultan-nya yang ke-XIX, yang bernama Sultan Zaina! 'Abidin. Dan Sultan Jailolo yang mula-mula masuk Islam ialah Hasanuddin, Sultan ke-IX.

Dari segala catetan itu nampaklah bahawa betapa "Pujangga-pujangga Istana" telah berusaha membawa Sultan mereka ke dalam lingkungan Islam, walaupun agaknya nenek moyang itu belum Islam. Dan dipelihara terus kemegahannya dengan menyandarkan kepada kepercayaan-kepercayaan Kaum Sufi, dipelihara pula kata-pusaka orang tua-tua, bahawa nenek moyang Raja berasal dari dewa. Maka oleh kerana keturunan Nabi Muhammad s.a.w. adalah mendapat kedudukan istimewa dalam pandangan kaum Muslimin, dibangsakanlah keturunan nenek moyang itu kepada Nabi Muhammad s.a.w.

Mengapa maka Ja'far Shadiq mendapat kedudukan istimewa? Sehingga di Maluku ada Ja'far Shadiq dan di Kudus ada Ja'far Shadiq?

Ja'far Shadiq sebagai Imam yang keenam dalam kaum Syiah, terutama Syiah "Istna 'Asyriyah" (Imam Dua belas).

Beliau ini mendapat penghormatan yang istimewa pula dalam kalangan Ahli Sunnah, sebab beliau seorang alim besar. Dan yang teramat penting lagi ada berita dalam kalangan kaum Syiah bahawa Ja'far Shadiq inilah yang mengajarkan dengan jelas tentang "Nur Muhammad."

"Ketauhidan Allah serangkai dengan nubuat Muhammad. Namanya telah masyhur di langit sebelum dia diutus ke bumi. Tatkala tubuh Adam telah diciptakan, dinyatakanlah kelebihan kepada seluruh malaikat, sebab dia mempunyai ilmu tidak ada yang lain menyamai dia. Dia mengetahui segala nama. Adam adalah

Mihrab, Kaabah, pintu dan kiblat; Sujud kepadanya segala abrar dan rohani yang bersinar. Dalam Adam inilah tersimpan Nur Muhammad! Dan Nur itu tersembunyi di bawah zaman, sehingga sampailah dia zahir pada Muhammad.

Dan tubuh Muhammad kembali ke dalam bumi, tetapi "Nur" itu berpindah kepada kami, bersinar pada Imam-Imam kami. Kamilah Nur seluruh langit dan seluruh bumi. Dengan kami-lah jalan kelepasan dari siksa, pada kami-lah tersimpan rahsia ilmu, dan kepada kami kembali segala sesuatu. Dengan Mahdi kami terputuslah segala hujjah, penutup segala Imam, pembangun segala ummat, tujuan segala cahaya, sumber segala amar! Kamilah yang seutama-utama makhluk, semulia-mulia orang yang bertauhid, hujjah rabbul 'alamin. Selamatlah dan bahagialah barang siapa yang berpegang dengan kewalian kami dan mempercantungi tali kami."

Itulah ajaran Ja'far Shadiq menurut catetan kitab-kitab Syiah.

Di sini terdapatlah pertemuan kepercayaan kaum Syiah tentang Imam-imam yang menjadi titisan dari Nur Muhammad dengan kepercayaan kaum Sufi tentang "Quthub" dan "Nur Muhammad", tersebar di beberapa tempat di Indonesia, diambil sarinya, dijadikan "pakaian raja-raja", dipakai sejak dari Tanah Melayu, sampai ke Minangkabau dan sampai ke Maluku.

Adapun pergabungan kepercayaan kaum Syiah yang "extrim" (Ghulaat) dengan Tasauf yang sudah sangat jauh dari pangkalannya itu, telah dipaparkan panjang lebar oleh Ibnu Khaldum dalam Kitab "Muqaddimah"nya.

VI

DI TANAH Jawa pun subur pula usaha menyesuaikan ajaran Tasauf dengan keinginan mendewakan raja. Bahan-bahan untuk itu pun sudah lengkap lebih dahulu. Ajaran Agama Hindu dan Buddha banyak yang dapat disesuaikan dengan Tasauf, bahkan banyak ajaran Tasauf itu sendiri yang telah kemasukan ajaran Buddha dan Hindu. Dan pengaruh ini lebih terasa setelah Kerajaan Demak digantikan oleh Kerajaan Pajang dan Mataram.

Dalam salasilah keturunan Sutowijoyo, yang bergelar juga Raden Bagus dan terkenal juga dengan sebutan Pangeran Nga-

behi Ying Pasar, yang kemudiannya lebih terkenal dan lebih masyhur dengan sebutan Senopati, sebagai pembangun Kerajaan Mataram disebutkan bahawa baginda adalah keturunan: 1. Nabi Adam, 2. Nabi Syis, 3. Sang Hyang Nur Cahaya, 4. Sang Hyang Nur Rasa, 5. Sang Hyang Wening, 6. Sang Hyang Tunggal, 7. Batara Guru, 8. Brahma, 18. Arjuna, 19. Abimanyu, 20. Parikesit, 23. Jayabaya, 33. Gatayu, 35. Panji Candrakirana, 36. Kuda Lelian, raja Pajajaran, 41. Raden Susuruh, 44. Hayam Wuruk, 47. Bra-Wijaya (Putera dari Aria Damar, Raden Patah dan Bondan Kajawen). 48. Bondan Kajawen yang kemudiannya bernama Lembu Peteng (kahwin dengan puteri Ki Ageng Tarub dengan bidadari). 49. Ki Ageng Getas Pandawa, 50. Ki Ageng Sela, 52. Ki Ageng Pamanahan, dan akhirnya 53. Penembahan Senapati. (Banyak lagi nama-nama yang tidak jelas, yang tidak bisa disalin-kan).

Sebagaimana dilihat dalam salasilah keturunan Sawirigading yang menurunkan Raja-raja Bugis dan Makassar, terdapat Batara Guru dan Batara Latoa, maka dalam salasilah keturunan Mataram pun tersebut Batara Guru. Untuk "menyesuaikan" dia dengan Islam yang telah diterima menjadi Agama rasmi Kerajaan Jawa, dihubungkanlah nenek moyang raja-raja dengan Nabi Adam dan Nabi Syis. Tetapi itu belumlah cukup, sebab segala manusia pun keturunan Nabi Adam juga; apa kelak akan ubahnya dengan manusia biasa, padahal baginda bukanlah manusia biasa? Lalu disebutlah bahawa baginda adalah keturunan Sang Hyang Tunggal. Dan sebagaimana diketahui Sang Hyang Tunggal, yang disebut juga Sang Hyang Wedi adalah sebutan terhadap "Dewata Mulia Raya", yang dapat diertikan juga Tuhan Sarwa Sekalian Alam. Maka dapatlah dijelaskan bahawa baginda adalah jelmaan pula dari Tuhan (tajalli).

Dengan perkataan Sang Hyang Nur Cahaya, teringatlah kita kepada "Nur Muhammad," modal yang paling penting yang dimasukkan dari kepercayaan Kaum Sufi. Dan oleh kerana pengaruh kisah epos Mahabharata telah sangat mendalam kepada jiwa orang Jawa, dimasukkan pulalah nama-nama Brahma, Arjuna, Abimayu dan Parikesit. Dan supaya hubungan Mataram yang telah menerima Islam jangan putus samasekali dengan Kerajaan Hindu Majapahit dan Hindu Pajajaran di tanah Sunda, disebutkan pulalah bahawa beliau pun keturunan dari Hayam Wuruk dan Brawijaya, demikian pula keturunan dari Kuda Lelian Raja Paja-

jaran. Brawijaya berputerakan Ariya Damar, dan adik Arya Damar yang bernama Raden Patah Raja Demak yang pertama lahir di Palembang dan hidup dalam asuhan Arya Damar. Oleh sebab itu maka Raden Senapati Ing Alogo Sayyidin Panotogomo adalah berdarah yang sangat tinggi sekali; Keturunan Tuhan, keturunan Adam, keturunan Muhammad, keturunan Dewa, keturunan Raja-raja Majapahit dan Pajajaran, bahkan juga keturunan Demak!

Demikianlah disusun oleh pujangga istana yang mengarang "Babat Tanah Jawa."

"Pengolahan" sejarah cara demikian baru dimulai setelah Kerajaan Mataram berdiri. Dan kemudian setelah Sultan Agung Hanyokrokusumo naik takhta Kerajaan, baginda sendiripun melanjutkan usaha yang lebih meluas lagi, agar Islam Jawa itu lain sifatnya. Agama Islam yang dianut hendaklah bersifat sematamata Jawa, sehingga jika diakurkan dengan Islam yang asli sudah amat jauhlah perbedaannya. Baginda Sultan Agung sendiripun adalah seorang Pujangga. Baginda menciptakan fatwa-fatwa Filsafat yang baginda beri nama "Sastra Gending", menjadi hapalan dan nyanyian dalam istana, dan juga oleh rakyat Kerajaan.

Tidaklah heran bahawa setelah pengganti baginda naik nobat, iaitu Amangkurat I dan yang menggantikannya pula Amangkurat II, menolak sekeras-kerasnya usaha kaum Ulama, yang hendak mengajarkan Agama Islam yang sesuai dengan aslinya, sampai pernah diadakan pembunuhan besar-besaran di Mataram terhadap Kiyahi-Kiyahi dan para santrinya. Sampai sekarang terasa benar betapa seriknya usaha memajukan Agama Islam menurut ajaran Sunnah Nabi Muhammad s.a.w. di bahagian Jawa Tengah. Sampai timbul perkataan "Mutihan" dan "Ngabangan". Yang pertama orang yang berpakaian "putih" iaitu kaum santri dan yang kedua orang yang berpakaian "merah", yang mencukupkan memeluk Agama Islam sekadar nama, tidak perlu mengerjakan syariat.

Dan itu pula sebabnya maka bekasnya sampai sekarang terasa benar; Di daerah itu, asal saja yang selain Islam bisa maju; Walaupun Komunis dan walaupun agama Kristian!

Dalam rangkaian ini, terhadap kepada penyair-penyair Islam, yang mula-mula masuk ke tanah Jawa, yang dikenal dengan sebutan "Wali Songo" (Wali yang Sembilan) disadurkan pulalah

kepada diri mereka cara-cara ketasauvan dan kedewaan, sehingga tenggelamlah peribadi-peribadi Islam yang besar itu dalam bungkus dongeng, sehingga payahlah mencari peribadi beliau yang sebenarnya laksana mencari kutu dalam ijuk.

Yang lebih banyak sekali diselimuti dengan dongeng, ialah Peribadi Sunan Kali Jogo. Keris beliau sajumpun dapat berperang sesama keris dan bermain di udara, dan apabila beliau menyentak keris itu dari dalam sarungnya, akan timbullah hujan panas!

Beliau disebut "Wali", disebut juga para Aulia! Dari manusia biasa beliau diangkatkan menjadi Dewa yang sangat bertuah dan Keramat. Sunan Bonang hendak berlayar ke Mekah, ditinggalkannya Sunan Kali Jogo, muridnya, supaya melanjutkan memberi ajaran kepada Ummat Islam di tanah Jawa. Dan dia tidak boleh berpindah dari tempat itu, sampai gurunya datang. Dengan setia Sunan Kali Jogo memegang petaruh gurunya itu, menunggu siang dan malam, sampai berhujan dan berpanas, sehingga tumbulah rumpun bambu di atas tubuhnya.

Adapun Sunan Bonang sendiri, sebab tidak ada kapal tempat menumpang, "berkat keramat"-nya, naik berlayar dengan mengendarai tikar sembahyangnya sendiri sehingga sampai ke Mekah. Di tengah laut beliau bertemu dengan Nabi Khidir!

Lama-kelamaan sebutan Wali diimbangi dengan sebutan "Sunan". Orang Islam di Jawa telah menerima Kerajaan Jawa sebagai suatu kenyataan yang wajib dipatuhi. Tetapi cinta mereka kepada Guru-guru mereka yang telah meng-Islam-kan mereka tidaklah akan dapat dipadamkan. Maka supaya mereka tetap taat, kedudukan penghargaan terhadap diri para-Wali tadi dipertinggi lagi. Bukan saja mereka itu "Wali" yang keramat lambang daripada "Tasauf", *Quthub* dan *Autaad*, *Abdaal* dan *Akhyaar*, tetapi beliau-beliau itupun adalah Raja juga. Sebab itu kepada mereka itu dibahasakanlah "Sunan", singkatan daripada kata "Susuhunan", tempat menghadapkan "susunan" jari yang sepuluh, menekurkan kepala satu, menghunjamkan lutut yang dua!

Maka dikuatkanlah ajaran, bahawasanya yang penting bukan syariat, yang penting sekali ialah ilmu-ma'rifat, ilmu sejati, kesunyatan, kerawitan, bertapa dan semadi, sabda pendita ratu, wahyu cakraningrat!

Raja sendiri memperlengkap batinnya dengan ilmu ma'rifat itu. Setiap hari Isnin dan hari Kamis Raja berpuasa, untuk mem-

perkuat "sri" dan "wibawa"; Sri yang meliputi Raja adalah wahyu dari langit. Sebab itu baginda tidak pernah salah, suci bersih; sebab baginda adalah jelmaan dari Sang Hyang Nur Cahaya, Sang Hyang Nur Rasa, Sang Hyang Nur Wening! Dan kebesaran baginda itu akan melimpah ruah kepada Adipati di daerah Mancanegara. Dari Adipati melimpah kepada Patih, Demang dan Wedana! Bukan saja baginda mengatur Kerajaan dan peperangan (Senapati Ing Alogo), baginda pun adalah pengatur agama (Panatogomo)!

Khabarnya konon, tatkala Inggang Sinuhun kalian Inggang Wisaksono "Pakubuwono X" di Surakarta masih hidup, ratalah kepercayaan bahwa baginda itupun adalah, "Wali" yang sama tarafnya dengan "Wali Songo".

Pemerintah Belanda untuk kepentingan politik penjajahannya, menjaga sangat-sangat kebesaran itu. Tidak seorang pun diizinkan berjalan di muka Kraton (Keratuan) memakai alas-kaki. Dan ada beberapa warna dan corak kain yang dilarang keras rakyat memakainya.

Barulah setelah datang zaman merdeka, sesuai pula dengan semangat demokrasi yang mengalir dalam setiap urat darah Sultan Jogja yang sekarang, adat istiadat yang keras, yang tali bertali dengan "tasauif" itu dapat dihilangkan.

PENGHORMATAN demikian tinggal terhadap Raja-raja bukan saja sementara baginda masih hidup, bahkan terus sampai baginda mangkat. Telah menjadi adat bagi Raja-raja Melayu dan Bugis memberikan gelar pula kepada Raja sesudah Baginda mangkat. Sebagai Sultan Mahmud Shah Raja Melaka yang paling akhir, yang Kerajaannya dirampas oleh Portugis. Dia mangkat dalam memperlindungan dirinya di ujung Kerajaannya yang masih tersisa di pulau Sumatera, iaitu di Kampar (Bangkinang). Maka Baginda diberi gelar "Marhum Mangkat di Kampar." Sultan Abdul Jalil Raja Johor, mangkat sedang di atas julang (tandu-kebesaran), kerana ditikam oleh pengawalnya yang bernama Megat Sri Rama. Maka gelar beliau setelah mangkat itu ialah "Marhum Mangkat di Julang". Sultan Deli Amaluddin Sani Perkasa Alamshah yang mangkat pada bulan Oktober 1945, diberi gelar setelah mangkat "Marhum Rahimullah."

Di makan Raja-raja itu biasanya diadakan pegawai kuburan yang tertentu. Biasa juga diberi sebutan "juru-kunci". Mereka bertugas membacakan Surat Yasin setiap malam Jumaat di

kuburan itu, atau memberikan pertunjuk bagi orang-orang yang ziarah. Makam raja-raja Jawa di Imogiri tetap dihormati, tidak banyak kurangnya dengan penghormatan kepada yang masih hidup. Tidak juga boleh memakai kasut, terompah dan sepatu kepelataran makam. Bahkan makam "Sunan Tegalgwangi" di Tegal, tempat berkuburnya Amangkurat II masih dihormati sebagai menghormati Imogiri juga. Demikian juga makam-makam Sunan Giri di Giri. Sunan Ngampel, Kalijogo dan lain-lain. Perayaan Maulud Nabi di Makam Sunan Gunung Jati setiap tahun, tidak kalah besarnya dengan Sekaten di Jokjakarta.

Makam Raja-raja Minangkabau, yang sekarang telah sepi, kerana faham Islam sunnah telah mengalahkan faham tasauf di Minangkabau, tidak boleh disebutkan "Makam", atau "Pandam" atau "Pekuburan", melainkan disebutkan "Istano". Setelah Baginda-baginda mangkat, barulah tempat bersemayam tulangnya boleh disebut "ISTANA", mengharukan juga!!

VII

DONGENG-DONGENG kuno, baik pusaka orang Hindu atau pusaka orang Greek (Yunani) sangat besar pengaruhnya ke dalam "Ilmu Tasauf" setelah datang zaman kemundurannya. Di dalam kitab-kitab "Veda" kuno tertulis kepercayaan orang Hindu tentang asal-usul kejadian Alam ini. "Indra" adalah Dewa yang paling Agung, dialah yang disebut Dewata Mulia Raya atau Sang Hyang Tunggal. Dia juga lambang dari langit. Dia dibantu oleh dua Dewa lagi, iaitu "Rudera" dan "Ageni". Di samping itu adalah Dewa yang mencipta maut, yang dinamai "Gama", kemudian itu disebut pula Dewa fajar, iaitu "Usyasa". Kepercayaan Hindu yang paling tua ini, jauh sebelum kepercayaan Brahma tentang Wishnu, Krishna dan Shiwa.

Tuhan-Tuhan atau Dewa; orang Hindu itu merupai pula kepercayaan Yunani tentang "Zeus" dewa yang maha tunggal, Athena, Apollo dan lain-lain.

Kemudian disebut pula dewanya oleh Hindu yang disebut "Pratiwi", iaitu dewa "ibu" dan "bumi". "Dhewasa", ertinya "bapa" atau "langit". "Bayu" sebagai dewa dari angin dan "Parajania" dewa dari hujan dan "Ayasha" dewa dari air. (di sini dapat kita lihat bahawa kata-kata "ibu-pratiwi" yang selalu digembar-gemburkan dalam semangat cinta tanah air sekarang ini,

asal usulnya ialah daripada menuhankan bumi). Jadi sangat jelas pangkalnya daripada menyembah kepada yang selain Allah, sehingga kata "Nasionalis" dan "Patriot" dijiwai oleh kehinduan!

Adapun di tanah air kita Indonesia sendiri terdapatlah kepercayaan yang sangat istimewa terhadap "Dewa-Laut". Dewa-Laut itu sifatnya ialah perempuan. Sebab itu lebih sesuai kalau dikatakan "Dewi".

Kepercayaan kepada Dewi Laut itu merata pada seluruh bangsa-bangsa Indonesia, terutama pada suku bangsa Jawa dan Melayu. Tersebut di dalam "Sejarah Melayu" (Dongeng Kedua): "Sebermula pada suatu hari hanyut buih dari hulu sungai Palembang itu terlalu besar; maka dilihat orang di dalam buih itu seorang budak perempuan, terlalu baik parasnya. Maka dipersembahkan orang ke bawah duli Sang Suparba, maka disuruh baginda ambil; maka diberi nama baginda puteri Tunjung Buih, diangkat anak oleh baginda terlalu sangat dikasihi baginda".

Darihal Puteri Tunjung Buih itu terdapat juga menjadi dongeng kepercayaan pada Raja-raja Banjarmasin. Di dalam siri dongeng Raja-raja Melayu di Deli, Serdang dan Langkat muncul lagi dongeng Puteri Tunjung Buih dengan nama lain, iaitu "Puteri Hijau" yang hidup dalam lautan di sekitar Selat Melaka.

Pada kepercayaan suku Indonesia Jawa ialah tentang adanya "Nyi Roro Kidul", yang bertakhta di dalam lautan Selatan Jawa. Setiap tahun dalam upacara adat yang tertinggi Raja-raja Kerajaan Jawa (Surakarta dan Jogjakarta) menghantarkan pakaian-pakaian tua istana ke tengah lautan Selatan untuk pakaian "Nyi Roro Kidul", atau para pengiringnya. Ada lagi kepercayaan bahawa sejak zaman Senapati setiap Raja-raja Jawa ada hubungan kerabat dengan Nyi Roro Kidul. Kembang "Wijayakusuma" yang tumbuh di atas batu-batu karang di pulau Nusa Kambangan (nusa ertinya pulau, kambangan ertinya tempat tumbuhnya kembang yang bertuah itu). Kembang Wijayakusuma bukan saja sunting Raja Jawa seketika Baginda naik nobat, diapun sunting penghias sanggul "Nyi Roro Kidul". Dalam khayal yang indah, apabila hari sudah sore, seketika ombak laut yang besar-besar itu menggulung-gulung di pantai laut Selatan, demikian besar dan dahsyat hempasannya, kerana tidak ada pulau-pulau yang melindungi, maka terkhyallah seakan-akan "Nyi Roro Kidul" sedang naik kenderaan keemasannya, berkudakan empat ekor kuda semberani di atas "tunjungan buih" ombak itu. Me-

mang sifat laut di sebelah Selatan pulau Jawa itu amat menyeramkan. "Dongeng" ini masih saja dipertahankan di zaman sekarang. Kabarnya di Samudra Beach Hotel Pelabuhan Ratu di tepi Laut Jawa Barat - di antara Bogor dan Sukabumi, ada bilik hotel yang selalu dikosongkan, sebab dianggap tempat istirahat Nyi Roro Kidul.

Nescaya kepercayaan yang sudah sangat tua itu "dicarikan" sandarannya setelah Agama Islam masuk ke tanah air kita. Nescaya bahan-bahan itu dapat diperlengkapkan daripada buku-buku Tasauf, kerana Agama Islam berkembang di Indonesia ialah di zaman Tasauf sudah sangat jauh dari pangkalannya yang asal, yakni telah banyak dicampuri oleh dongeng-dongeng Israiliyah, Yunaniyah dan Hindiyah!

Di dalam kitab "Insan Kamil", karangan Syekh Abdul Karim Jailany amat banyaklah bahan yang dapat dipergunakan buat menguatkan kepercayaan yang sudah berurat berakar itu. Di antaranya ialah bahawa lautan "baharullah" itu adalah tujuh banyaknya. Di dalam dasar lautan itu ada Raja yang memerintah. Sama benar dengan dongeng (mythos) orang Yunani tentang dewa Neptunus dengan puterinya. Inilah yang mempengaruhi buat menyusun cerita tentang Raja Suran masuk ke dalam dasar laut, berjumpa dengan Raja laut yang bernama "Aftabul Ardh" dan kahwin dengan puterinya yang bernama "Mahtabul Bahr."

Di dalam kitab "Insan Kamil" itu juga disebutkan bahawa Nabi Khidir adalah wazir besar daripada Raja Iskandar Zulkarnain; maka Nabi Khidir itulah yang 'akadkan nikah puteri Raja Kida Hindi yang bernama "Syahrul Bariyah", dengan Iskandar Zulkarnain.

Kisah lautan agak panjang lebar diterangkan oleh Syekh Abdul Karim Jailany dalam kitab tersebut. Di antara dua penanjung terletaklah selat. Di selat itulah pertemuan di antara Musa dan Khidir, dan di sanalah bertemu Maul-Hayat (Air-Kehidupan), dan sempatlah Khidir meminum air itu sehingga dia tidak mati-mati buat selama-lamanya. Adapun Iskandar sendiri tidaklah meminum air itu, sehingga dia pun mati sebagai manusia biasa. Di dalam kitab itu disebutkan juga bahawa "Plato" (dalam bahasa Arab dituliskan "Iflathun") telah sampai ke sana dan sempatlah dia mereguk "Maul-Hayat" itu. Oleh kerana itu sampai sekarang "Iflathun" itu masih hidup!

Adapun "pertemuan di antara dua lautan" tempat pertemuan Nabi Musa dan Nabi Khidir itu, mengalirilah dia dari jihat Barat, dari satu negeri bernama "Azil". Khasiat lautan ini, siapa yang minum akan dia tidaklah mati! Dan kalau berenang di dalamnya, dapatlah dia memakan limpa ikan yang bernama "Bahmut". Bahmut itu ialah nama ikan dalam lautan yang luas itu, dan di atas ikan itu berdirilah seekor lembu yang bernama "Barhut" dan bumi kita ini terletak di ujung tanduk lembu Barhut itu. Apabila digelengkannya kepalanya, terjadilah gempa!

Disebut juga dalam "dongeng" kaum Tasauf itu bahawa selain Nabi Khidir, maka yang menurutkan Iskandar Zulkarnain ke lautan itu ialah "Aristun" murid dari "Iflathun". Aristun ialah Aristotles! Lalu disebutkan lagi bahawasanya Lautan "Bahrul Muhith" itu tidaklah berapa jauh letaknya dari bukit yang bernama "Qaaf". Laut di seberang bukit Qaaf itu sudah berlainan sifatnya. Siapa saja yang terminum airnya, matilah dia seketika itu juga. Dan ombak lautan ini memenuhi di antara langit dengan bumi, seribu-seribu (sejuta) kali. Kadang-kadang disebutkan juga sikap dan kelakuan penghuni lautan itu.

Selain dari kitab "Insan Kamil" adalah lagi kitab-kitab yang lain, bertambah dibaca bertambah berjumpalah dongeng-dongeng yang indah, yang penuh khayal, yang oleh penduduk yang baru saja memeluk Islam dapat diterima kerana menyangka dari buku "Agama"!!! Di antara kitab itu pula ialah "Badai'uz Zuhur" yang menerangkan bahawasanya yang disuruhkan oleh Nabi Nuh membuat perahunya yang terkenal itu adalah seorang manusia yang sangat tinggi badannya, entah berapa hasta, sehingga dia sanggup menangkap ikan paus yang sebesar-besarnya dari lautan, dan kakinya hanya terbenam dalam laut sehingga di bawah lututnya sedikit saja. Ditangkapnya ikan itu, lalu dipanggangnya kepada cahaya matahari, dengan mengangkat tangannya tinggitinggi sehingga hangus. Orang yang sangat tinggi besar itu - kata dongeng itu - bernama "UD".

Dongeng itu memudahkan orang Minangkabau buat membina pula satu "Peribadi" bernama Datuk Tantejo Guruwano, yang tingginya 30 hasta! Dia membuat rumah "menarah kayu sambil menelentang, merapatkan papan dinding di dalam air", dan ada kuburannya sampai sekarang di Pariangan Padang Panjang! (Tetapi belum ada orang Minangkabau yang berani

menggali kuburan itu untuk membuktikan benar-benarkah panjang tulangnya sepanjang kuburannya!!).

Sampai ke dalam mentera-mentera dukun menyeludupkan faham dan dongeng Tasauf kepada kepercayaan Hindu! Di waktu penulis masih kecil, masih menjadi buah-mulut tentang "ilmu kasar" dan "Ilmu halus"! Kalau suatu mentera dimulai dengan "Hong" atau "Aum", itu dinamakan "ilmu kasar".

"Aum"(Hong!), sikurimbak, si kurimbek,
Si Mambang Tunggal, si Bujang Hitam!
Nan di Bigak, nan di Bigau, nan di Sarajo Tuo!
Nan di puncak Gunung Marapi" dsb.

Ini disebut ilmu kasar!!

Dan menurut penyelidikan para ahli (di antaranya Prof. Dr. Husin Jayadiningrat), kalimat "Hong" atau "Aum" itu adalah mentera pusaka Agama Brahmana, sebagai kesatuan seruan terhadap "Trimurti" (Kresna, Syiwa dan Wishnu).

Setelah orang Indonesia mendapat Agama Islam, dan Islam ketika itu bercampur-aduk dengan "Tasauf" yang cukup mempunyai kitab-kitab dongeng, maka kalimat-kalimat mentera tadi diganti dengan kalimat yang berisikan pengaruh Tasauf, yang disebut "ilmu halus".

"Hong" atau "Aum" diganti dengan "Haqq".

Di antaranya:

"Haqq, kata taumanat tauminat!
Jangan engkau berkata-kata,
Aku mengatakan kata tamat!
Tertelungkup bumi, tertelentang langit,
Baru insan akan dapat terkicuh terpedaya kepada Aku!
Diriku tajalli dalam kalimat "La ilaha Illal Lah".

Atau:

"Haqq, engkau tak tahu siapa aku!
Besi adalah tulangku, kawat adalah uratku!
Kudaku kuda semberani,
Pedangku besi khurasani,
Serpihan besi Nabi Allah Adam!!
Guruh adalah suaraku, petir adalah pandang mataku!
Akulah 'Ali harimau Allah,
Aku berdiri dalam kalimat "La ilaha Illal Lah!".

Dan sebagai dimaklumi, "Al-Haqq" adalah satu di antara nama Allah. Kalimat "Al-Haqq" lebih banyak terpakai dalam kalangan kaum Sufi daripada nama-nama Tuhan yang lainnya.

Kadang-kadang dipakai perkataan "Kun" ertinya "Adalah, atau jadilah! Itulah yang dinamai "Kalimat Takwin", dengan kalimat itu Allah menjadikan Alam. Sekarang oleh kerana "insan" sudah bersatu dengan Tuhan, (Kawula Gusti), maka insan pun dapat mengucapkan "Kun", sebab yang sebenarnya mengucap bukan insan, tetapi Allah.

"Kun!! Tunduk, tunduk,
Barangsiapa lawanku datang,
Aku mengatakan kata Allah,
Jangan ditantang keningku,
Di sana terguris nama "Allah",
Jatuh hancurlah engkau,
Kembali ke asal engkau;
Api, angin, air, tanah!
Berkat "La ilaha Illal Lah!!".

Disetiap daerah ada saja mentera-mentera semacam ini.....!!
Demikianlah mentera dukun-dukun sakti pusaka zaman Jahiliah di "sesuai"kan dengan ajaran Ilmu Tasauf, dan dikatakan apabila telah ditukar "Hong" dengan "Haqq" atau dengan "Kun", namanya sudah menjadi "Ilmu Halus"

VIII

KEPERCAYAAN bahawa di akhir zaman akan datang Imam Mahdi membawa Keadilan dan Kebenaran setelah negeri menempuh kacau-balau yang tidak dapat diselesaikan, adalah agak mendalam di kalangan Islam. Malahan bagi kaum Syiah menjadi kepercayaan yang pokok. Kaum Syiah "Imamiyah Istana 'Asyiriah" (Dua Belas Imam) percaya bahawa Imam kedua belas telah ghaib di Samarra, (dekat kota Baghdad) dan beliau kelak akan datang kembali. Kaum Syiah Kisaniyah percaya pula bahawa yang ghaib di bukit Ridhwa bukanlah lain, melainkan Muhammad Ali Hanafiyah, anak Saidina Ali, saudara dari Hasan dan Husin dari lain ibu. Kaum Syiah Ismailiah (pengikut Agha Khan) percaya bahawa yang akan datang kembali itu ialah Ismail, Imam Ketujuh.

Perkara akan "datang kembali" ini menjadi pokok kepercayaan pada Agama Kristian tentang Nabi Isa akan turun. Pada kaum Buddhis, bahwa Buddha Gaotama sendiri akan kembali ke dunia. Pada orang Yahudi bahwa Messis akan datang. Pada pemeluk agama Hindu, bahwa Kresna akan datang.

Setengah kaum ahli-sunnah terpengaruh juga oleh kepercayaan ini, meskipun tidak termasuk kepercayaan yang dasar. Tidak termasuk dalam rukun iman yang 6 perkara. Yang jadi persandaran kepercayaan itu ialah akan datangnya Imam Mahdi. Memang terdapat beberapa buah Hadis Nabi tentang kedatangan Imam Mahdi (Mahdi ertinya penunjuk jalan).

Ibnu Khaldun ahli sosiologi dan filsafat sejarah yang besar dalam Islam, telah menulis panjang lebar dalam muqaddimahnyanya tentang hadis-hadis yang berkenaan dengan kedatangan Imam Mahdi itu. Beliau mengambil kesimpulan bahawasanya ditinjau dari ilmu mustalah Hadis dan Rijal (orang-orang) ahli hadis bahwa hadis-hadis itu pada umumnya tidaklah ada yang teguh kuat untuk dijadikan pegangan, sehingga kalau tidak kita percaya bahwa Imam Mahdi akan datang, tidaklah kita dihitung tersesat dari garis Islam. Dan setengah penafsir-penasir moden dalam Islam meninjau, bahawasanya hadis-hadis Mahdi itu telah timbul di waktu sangatnya pergolakan di antara pecatur-pecatur politik kaum Syiah Ali dengan Bani Umayyah dan Bani Abbas. Sebab hadis-hadis Nabi barulah dibukukan 100 tahun setelah wafatnya Nabi. Maka 100 tahun bukanlah sedikit untuk timbulnya hadis "buatan" yang diperbuat oleh satu golongan bagi memperkuat golongannya. Seumpama satu hadis yang menerangkan bahwa Imam yang adil itu akan datang mengibarkan bendera hitam dari jihat Khorasan. Hadis ini adalah pegangan Bani 'Abbas yang memulai pemberontakannya melawan Kerajaan Bani Umayyah, memang dari Khorasan, di bawah bendera Abu Muslim Al-Khorasany yang mengibarkan bendera hitam

Ibnu Khaldun juga mengatakan bahwa satu waktu kepercayaan dan pegangan kaum Syiah dengan kaum Sunni telah pengaruh mempengaruhi, terutama dalam lingkungan Tasauf. Al-Hallaj sendiri adalah seorang Ahli Tasauf yang terkenal dan mazhabnya ialah Syiah!

Berkali-kali telah terdapat dalam sejarah, muncul pemuka-pemuka agama merangkap pimpinan politik, mendakwakan bahwa dirinyalah Imam Mahdi yang ditunggu kedatangannya itu.

Khalifah Bani 'Abbas yang ketiga memakai gelar "Al-Mahdi" juga, kerana mengharapkan "pangestu" daripada gelaran itu, untuk menegakkan keadilan.

Yang terkenal pula memakai gelar "Mahdi" untuk menegakkan sebuah Kerajaan ialah "Mahdi" Ibnu Toumrot di Afrika Utara. Dan di zaman yang agak terakhir ialah Muhammad Ahmad "Al-Mahdi" yang berontak melawan Kerajaan Mesir dan Inggeris di Sudan di pertengahan Abad Kesembilan Belas. Di sanalah tewas wakil Inggeris Jeneral Gordon, Gerakan Mahdi itu dilanjutkan oleh "Khalifahnya yang bernama Abdullah Taaisyiy. Barulah habis gerakan itu setelah disapu oleh gabungan tentera Inggeris dan tentera Mesir di bawah pimpinan Lord Kitchener. Seketika itu Winston Churchill yang terkenal, telah turut berperang! Sampai masa terakhir sekali, Sayid Abdurrahman pemimpin Sudan, putera dari Mahdi Sudan, tetap memakai gelar "Al-Mahdi" di ujung namanya.

Kepercayaan kepada kedatangan Imam Mahdi ini diambil alih oleh suku-suku bangsa Indonesia, terutama suku Jawa dan suku Bugis.

Dalam kepercayaan suku Bugis-Makassar Imam Mahdi itu pasti akan datang kembali ke dunia. Beliau sekarang sedang bersemayam di atas gunung sakti "Bawa Karaeng". Baginda akan turun kembali ke Makassar, ke tanah lapang Karebosi! Iaitu alon-alon yang terletak di tengah kota Makassar itu. Dia akan datang diiringkan oleh 12 orang Imam yang dipercayai oleh kaum Syiah. Masing-masingnya akan membawa berbagai bendera, terutama sekali yang paling besar di antara 12 bendera itu ialah bendera hitam.

Payah sekali menghapuskan kepercayaan ini dari dasar jiwa anak Makassar dan anak Bugis. Karaeng Data juga disebut dengan jelas "Imam Mahdi". Pada tahun 1954 Jawatan Agama di Makassar memeriksa seorang perempuan yang telah datang berulang-ulang ke Karebosi, menyanyikan (makelong) lagu-lagu tua dalam sastera Bugis, memancang bendera-bendera kuning (lambang kerajaan) dan satu di antaranya yang paling besar ialah berwarna hitam! Rupanya demikian terpengaruh khayalnya oleh kitab-kitab pusaka tua (lontara), sehingga menjadi keyakinan yang tidak dapat dipadamkan bahawa sudah dekatlah masanya Raja Besar Karaeng Data itu akan datang. Dan keadilan akan meratalah di dunia ini!!

Kepercayaan inipun diseludupkan dengan halus dalam ke-susasteraan Jawa Kuno! Pujangga-pujangga Istana di tanah Jawa mengarangkan syair-syair yang indah, menjadi bacaan umum, yang terkenal dengan nama "Jayabaya."

Beberapa kekacauan akan timbul di tanah Jawa, satu perang besar akan kejadian. Pada masa itu orang, supaya hidup, terpaksa edan (gila). Barangsiapa yang tidak turut edan, tidaklah akan tahan! Kerana dia akan menderita. Sang Pujangga (Ranggawarsita) mengatakan bahawa yang kusut pasti akan selesai dan yang keruh akan jernih jua. Keadilan mesti menjelma di atas bumi ini. *Ratu Adil* akan datang!

Ratu Adil itulah Imam Mahdi. Kerana di dalam hadis-hadis tentang Imam Mahdi itu dinyatakan sifatnya. Beliau adalah "Hakaman adalan!" (Pemegang Hukum yang adil).

Demikian meresap kepercayaan ini, sehingga bagi orang suku Jawa jadi bacaan umum, menjadi pegangan yang utuh. Kaum cerdik-cerdikia sendiri, betapapun mereka mendapat didikan cara Barat apabila ditimpa suatu kesulitan fikiran menghadapi suasana zaman, terdengarlah mereka menyebut petua-petua Ranggawarsita itu sambil bergurau. Bahkan kaum santri dan Kiyahi, ada juga yang menghafalnya. Sebab pengaruh syair Ranggawarsita kepada jiwa orang Jawa, sama dengan pengaruh syair Iqbal kepada Pakistan! Dia dapat dinyanyikan (Gending)!

Apa-apa saja kejadian, dapatlah mereka sesuaikan dengan syair Pujangga Ranggawarsita.

Ada orang yang mengira bahawa dalam kalangan bangsawan tertinggi Jawa menyelinap juga kepercayaan bahawa Sri Susuhunan itu sendiri adalah Wali. Beliau adalah "Quthub". Dilambangkan dalam bahasa Jawa dengan susun kalimat "Paku Buwono", paku dari dunia ini!

Dan akhirnya keadilan akan meratalah! Kezaliman pemerintah Kompeni pun akan hilang. Sebab kelak datanglah Ratu Adil, Imam Mahdi. Bahkan Ulama-ulama dan pujangga dan ahli-ahli negara yang menyokong pemberontakan Kanjeng Pangeran Abdul Hamid Diponegoro memberikan juga kepada diri beliau tambahan gelaran "Heru Cokro"! Dan "Heru Cokro" itu adalah panggilan bagi Ratu Adil, Imam Mahdi!

PEMERINTAH Belanda sangatlah takut akan bekas kepercayaan yang mendalam ini. Sebab mau atau tidak mau, daripada seludupan kepercayaan kaum Syiah, dia dapat menjadi tunas pem-

berontakan politik. Berkali-kali telah terjadi perlawanan terhadap kekuasaan Kompeni Belanda dipelopori oleh guru-guru Agama yang mendakwakan dirinya Ratu Adil! Pengikutnya sangat setia kepadanya. Sehingga pemerintah Belanda menyelesaikannya dengan sangat payah. Maka pada tahun 1905 dikeluarkanlah sebuah Ordonansi yang isinya untuk mengawasi guru-guru Agama yang mengajarkan Agama Islam, dan di dalam fasal-fasal Ordonansi itu dijelaskan benar bahwa "Ratu Adil tidak boleh diajarkan!".

Bahkan di Banjar dalam tahun 1938 timbul pula suatu pemberontakan di bawah pimpinan seorang Guru di Klua (hulu Sungai). Khabarnya konon guru itu pun mendakwakan dirinya bernama "Gunti Kalambuai" jelmaan daripada Imam Mahdi. Tandanya kepercayaan ini merata pula dalam suku Banjar!

Dalam kepercayaan kaum Syiah disebutkan bahawa Nabi Bersabda bahawa Imam Mahdi yang akan datang itu, senama dengan Nabi Muhammad, dan ayahnya pun senama dengan ayah Nabi Muhammad. Jadi nama Imam Mahdi itu hendaklah "Muhammad bin Abdullah". Oleh kerana itu pada beberapa tempat orang berusaha menambahkan nama "Muhammad bin Abdullah" kepada orang yang mengaku dirinya atau diakui menjadi Imam Mahdi.

Kadang-kadang sampai demikian mendalam kepercayaan ini, diberi kekuatan oleh kepercayaan kaum Syiah, bahawasanya Alam ini seluruhnya terjadi daripada Nur Muhammad! Nur Muhammad itu adalah hakikat! Dia menjelma dalam diri manusia pertama, iaitu Nabi Adam. Turun kepada Syist, dan turun temurun lagi, sampai dia menyatakan dirinya kepada tubuh Muhammad! Dan kemudian setelah Nabi Muhammad wafat, menjelmalah Nur Muhammad pada 'Ali bin Abi Talib, pada Hasan pada Husin dan seterusnya Imam Kedua belas! Beliaupun ghaib. Sebab itu dinamai "Imam yang Ghaib". Maka Roh seluruh Imam-imam itu adalah hakikat daripada Nur Muhammad! Tubuhnya adalah laksana bajunya saja. Baju usang dapat diganti, namun yang dibajui hanya yang satu itu juga. Sekarang dia ada, tetapi tidak menyatakan dirinya! Nanti dia akan datang lagi ke dunia, dengan nama Muhammad Anak Abdullah, membawa keadilan ke dunia ini. Itulah Imam Mahdi!

Benar tidaknya kepercayaan ini, menurut dasar Al-Quran dan Al-Hadis, bukanlah maksudnya untuk dibicarakan pada waktu

ini. Sebab yang menjadi pokok pembicaraan kita sekarang ialah meninjau betapa hebat dan dalam serta hebatnya pengaruh "dongeng" kaum Sufi bagi mendewakan Raja!

Ada pula satu kepercayaan lain, bahawasanya Sunan Kalijaga bertemu langsung dengan Nabi Muhammad. Dan Nabi Muhammad memberi hadiah kepadanya suatu "gariba" (tempat air daripada kulit kambing)! Siapapun tidaklah akan dapat menyentuh gariba itu, kecuali orang yang berdarah keturunan Sunan Kalijaga! Dan tidak pula akan kita bicara bila zaman hidup Nabi Muhammad s.a.w., dan bila zaman hidup Sunan Kalijaga; Nabi Muhammadkah yang datang ke Kadilangu (Demak), atau Sunan Kalijagakah yang pergi ke Mekah dan Madinah! Kerana kalau ini semua telah dibicarakan, nescaya "dongeng-dongeng" yang indah itu akan habis sirna belaka, laksana sirnanya tumpukan salju terkena cahaya Matahari

IX

(Habis)

RAJA-RAJA itu sendiripun telah berusaha mengisi jiwanya dengan Tasauf, baik Tasauf yang campur aduk, ataupun Tasauf menurut Sunnah Nabi. Gunanya ialah untuk penambah "wibawa" dan kebesaran disertai kemurnian jiwa, sehingga beroleh kekuatan memerintah.

Kitab-kitab Tasauf yang dalam-dalam disuruh menyalin ke dalam bahasa Melayu. Naskah-naskahnya yang asli disimpan dalam perbendaharaan istana. Guru-guru yang besar didatangkan dari luar negeri, baik dari Tanah Arab atau dari India. Di zaman Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam Aceh, berduyunlah guru-guru Tasauf itu datang sehingga di dalam Abad Ketujuh Belas, masa pemerintahan beliau perbendaharaan perpustakaan Islam menjadi kaya kerana usaha demikian. Sampai terjadi pertikaian fikiran yang mendalam di antara golongan Hamzah Fansuri dengan golongan Nuruddin.

Sultan Daud Nadaruddin Palembang menitahkan kepada Syeikh Ahmad Kemas agar dia mengarangkan riwayat hidup dan ajaran guru Tasauf yang masyhur di Al-Madinatul Munawwarah, bernama Syeikh Mohammad Samman. Sampai kepada masa

sekarang inipun wirid-wirid dan doa ajaran Syeikh Samman itu masih menjadi pegangan ahli-ahli Tasauf di negeri Palembang. Di dalam kitab itu ada tersebut bahawasanya apabila seorang ditimpa oleh suatu bahaya, janganlah dipanggil nama Tuhan, kerana doa dan seruan kita makhluk lemah ini tidaklah akan langsung kepada Tuhan, kalau tidak memakai perantaraan (wasilah), dan wasilah itu ialah Syeikh Samman. Sebab itu panggillah "Ya Samman!".

Banyaklah Raja-raja yang selalu didampingi oleh ahli Tasauf. Syeikh Yusuf Tajul Khalwati Makassary, menantu dari Sultan Ageng Tirtayasa Banten, adalah ahli Tasauf Thariqat Khalwatiyah yang telah mencapai darjat tertinggi, sehingga beroleh gelar "Tajul Khalwati".

Raja-raja Islam di Jawa amat mementingkan ajaran-ajaran Tasauf itu untuk memperkuat "wibawa", sebagai kita katakan di atas tadi. Ada di antara Sultan-sultan itu yang melakukan puasa setiap hari Isnin dan Kamis, mengerahkan "penghulu istana" menyuruhkan para santri membaca Surat-surat Yasin dan doa-doa munajat dalam mesjid. Terutama malam Jumaat.

Sultan Mohammad Yusuf, iaitu Sultan Riau yang diri keturunan Bugis itu, di ujung namanya menyuntingkan Tariqat yang baginda anut, iaitu "Al-Khalidi". Maka nama rasmi beliau ialah Sultan Mohammad Yusuf Al-Khalidi An-Naqsyabandi. Untuk memperdalam pengalamannya dalam Tasauf baginda pernah memasuki suluk di bawah pimpinan Syeikh Ismail Al-Minangkabawiy, berasal dari Simabur Batu sangkar dan berulang-ulang datang ke Riau pulau Penyengat.

Sultan Langkat yang pertama, Sultan Musa Al-Moazzam Shah dan Puteranya Sultan Abdul Aziz Abdul Jalil Rahmat Shah pun amat tertarik kepada kehidupan bertasauf sampai baginda itu mendatangkan guru besar Tariqat Naksyabandi dan mengadakan sebuah kampung yang khusus untuk orang belajar tariqat dan memasuki suluk. Kampung itu sampai sekarang masih terkenal, iaitu kampung Besilam? Khabarnya konon kata Besilam itu berasal daripada "Babus Salam."

Dalam Kerajaan Deli ada pula dua negeri yang menjadi pusat kegiatan Tasauf, iaitu negeri Bandar Khalifah dan negeri Firdaus.

Aru Mapanyuki, Raja Bone, bekas anggota Dewan Nasional, dan salah seorang Raja di Bugis yang aktif bersama-sama Dr. Ratulangi melawan pemerintah Kolonial seketika per-

juangan Kemerdekaan di Indonesia Timur, pun baginda itu adalah seorang penganut Tasauf yang tekun.

Sampai sekarang dalam Kerajaan Goa Makassar masih dilakukan bacaan wirid setiap malam Jumaat, memohon berkat Allah dilimpahkan kepada Sultan Goa yang pertama yang berlantik gelaran "Awwalul Islam", dan dilimpahkan pula rahmat berkat atas diri guru Islam yang mula-mula datang ke Makassar dari Minangkabau. Datuk Yang Bertiga: Datuk Tiro, Datuk Bandang dan Datu Patimang dan Syeikh Yusuf Tajul Khalwati.

Raja Minangkabau yang pertama, iaitu Yang Dipertuan Alif (pada tahun 1600), memakai nama kebesaran "ALIF"; pun pemakaian nama itu terang dan nyata sekali dari pengaruh Tasauf; Alif adalah huruf pertama dari "Al-Hamdulillah" dan sebagai simpulan atas nama ALLAH!!

Dapatlah dengan jelas kita melihat kian lama Sultan-Sultan Islam itu telah beransur terlepas daripada Tasauf yang kacau kepada Tasauf yang berdasar Sunnah. Perubahan itu jelas benar setelah kemenangan Syeikh Nuruddin Raniri menentang Tasauf ajaran Hamzah Fansuri. Maka Sultan Shafiyatuddin dan Sultan Iskandar Tsani Aceh memerintah Nuruddin mengisi perpustakaan Islam dengan kitab-kitab Tasauf atau Fiqh yang berfaedah, akan ganti Tasauf yang kacau balau. Di antara karangan beliau ialah Kitab "Sirathul Mustaqim". Sultan Tamjid Banjarmasin memerintahkan Syeikh Arsyad Mufti Kerajaan Banjar mengarang Kitab Sabilal Muhtadin. Dan Sultan Palembang menitahkan pula kepada Syeikh Abdus Samad Palembang mengambil dari ringkasan Tasauf dan Fiqh Al-Ghazali ke dalam bahasa Melayu. Maka keluarlah salinan itu dengan nama "Siyarus Salikin".

Di Sambas, Syeikh Ahmad Khatib Sambas mengarang Tuntunan Tasauf menurut Tariqat Naqsyabandi. Ada kitab-kitab Tasauf "Kasyful Asrar", "Dalailul Khairat" yang khusus memuji-muji Nabi. Kitab "Dalail" inilah yang dipegangnya dengan tangan kirinya, dan badik (keris Bugis) di tangan kanan, seketika Raja Haji Riau tewas dalam peperangan dengan Kompeni Belanda di Teluk Ketapang Melaka.

Dan kitab "Hikam Ibnu 'Athillah" telah pula disalin ke dalam bahasa Melayu, sebelum kitab-kitab itu dicetak dengan cetakan moden, semuanya dari salin ke salin, dari tangan ke tangan, dan terutama terdapat dalam istana Raja-raja.

Kian lama kian mendalamlah pengaruh Kolonial Belanda dalam tanah Jajahan. Dengan secara halus, tetapi teratur dan beransur-ansur, bangsa Belanda memasukkan pengaruhnya ke dalam istana-istana. Salah satu sebab yang menimbulkan murkanya Pangeran Diponegoro, sehingga beliau memberontak melawan Belanda, ialah seketika Sultan Jogja yang masih kecil duduk dalam haribaan Resident Belanda!

Putera-putera Raja yang masih kecil, yang menurut adat istiadat lama disuruh beransur diantarkan ke sekolah-sekolah yang didirikan Belanda, khusus untuk anak Raja-raja dan anak-anak orang bangsawan. Itu sebabnya maka sekolah Belanda yang pertama di Bukittinggi diberi nama "Sekolah Raja". Dan di Sunda, Sekolah Menak. Maka ke dalam istana-istana itu diansurlah memasukkan candu! Mulailah beberapa Raja-raja mengisap candu. Anak-anak mereka dikirim ke sekolah Belanda dan disuruh menumpang di rumah orang Belanda. Dan mulailah putera-putera Raja tadi belajar meminum minuman keras dan berdansa. Maka apabila mereka kembali pulang ke kampung, kelihatanlah perbezaan hidup di antara ayah dengan puteranya. Ayah yang kurus kering lantaran candu dan anak yang hidup cara Eropah dalam istana Timur. Atau ayah yang masih taat beragama, berwirid malam Jumaat, masuk tariqat suluk, dengan putera yang tidak mengenal itu lagi samasekali. Maka jika ayah mangkat digantikanlah oleh putera yang tidak ada hubungan jiwanya lagi dengan rakyat yang diperintahnya. Kadang-kadang berkelahilah di antara dua putera; Yang tertua berhak menjadi Raja, disukai oleh rakyat kerana hidupnya masih sesuai dengan kehidupan mereka, dengan adiknya yang telah hidup cara Belanda. Rakyat menyukai yang pertama, tetapi Belanda mengangkat yang kedua!

Zikir yang ramai di istana pada malam Jumaat, berganti harinya dengan riuh muzik malam Minggu, kerana tuan-tuan besar bangsa Belanda datang dengan nyonya berhibur ke istana!

Maka tidaklah ada kehidupan Tasauf lagi di istana, baik yang dongeng dan khurafat, atau Tasauf Imam Ghazali. Melainkan yang ada hanyalah kehidupan yang amat bertentangan. Di sebelah luar orang berdansa dan orang minum minuman keras, di istana sebelah belakang kelihatan "haji-haji" berwirid membaca surat Yasin! Sekali-sekali muncullah Baginda. Sultan yang baru, hadir ke dalam mesjid hendak turut menghadiri pembacaan Maulud, atau pembacaan Mi'raj Nabi, yang dilagukan dengan nyanyian

merdu oleh pegawai Agama di bawah pimpinan Penghulu. Mufti atau Syaikhul Islam atau Kadi Besar. Sultan gelisah saja duduknya, kerana udara mesjid itu tidak sesuai dengan jiwanya yang biasa bebas berdansa!

Adapun dalam kalangan rakyat banyak, maka pusaka-pusaka tulisan dari ahli-ahli yang telah berlalu itu, baik dalam Ilmu Tasauf atau ilmu Fiqhi, kian lama kian tidak mereka kenal lagi. Sebab buku-buku itu ditulis dengan huruf Arab. (Huruf Melayu nama di Jawa, dan Huruf Jawa namanya di Melayu), sebab huruf yang terpakai sekarang ialah Huruf "Nasional" peninggalan pendidikan Barat yang menjajahnya dahulu; Belanda di Indonesia dan Inggeris di Malaysia!

Dan akhirnya sekali menanglah Pergerakan Kemerdekaan! Belandapun pergi, pimpinan agama sudah lama terlepas dari tangan sultan-sultan, sebab sudah lama diganti Belanda dengan Anak-anak raja yang tidak mengerti lagi agamanya.

Sehingga datanglah waktunya sekarang, Ulama Islam yang moden wajib melanjutkan usaha, menegakkan Islam dalam suasana yang baru.

III. GERAKAN WAHABI DI INDONESIA

SEKETIKA terjadi Pemilihan Umum, orang telah menyebut-nyebut kembali yang baru lalu, untuk alat kampanye, nama "Wahabi". Ada yang mengatakan bahawa Masyumi itu adalah Wahabi, sebab itu jangan pilih orang Masyumi.

Pihak Komunis pernah turut-turut pula menyebut-nyebut Wahabi dan mengatakan bahawa Wahabi itu dahulu telah datang ke Sumatera. Dan orang-orang Sumatera yang memperjuangkan Islam di tanah Jawa ini adalah dari keturunan Wahabi.

Memang sejak Abad Kedelapan Belas, sejak gerakan Wahabi timbul di pusat Tanah Arab, nama Wahabi itu telah menggegarkan dunia. Kerajaan Turki yang sedang sangat berkuasa, takut kepada Wahabi.

Kerana Wahabi adalah permulaan kebangkitan bangsa Arab, sesudah jatuh pamornya, kerana serangan bangsa Mongol dan Tar-tar ke Baghdad. Dan Wahabi pun ditakuti oleh bangsa-bangsa penjajah, kerana apabila dia masuk ke suatu negeri, dia akan mengembangkan mata penduduknya menentang penjajahan.

Sebab faham Wahabi ialah meneguhkan kembali ajaran Tauhid yang murni, menghapuskan segala sesuatu yang akan membawa kepada syirik.

Sebab itu timbullah perasaan tidak ada tempat takut selain Allah. Wahabi adalah menentang kepada JUMUD, iaitu memahamkan agama dengan membeku.

Orang harus kembali kepada Al-Quran dan Al-Hadis.

Ajaran ini telah timbul bersamaan dengan timbulnya kebangkitan Revolusi Perancis di Eropah.

Dan pada masa itu juga "infiltrasi" dari gerakan ini telah masuk ke tanah Jawa. Pada tahun 1788 di zaman pemerintahan Paku Buwono IV, yang lebih terkenal dengan gelaran "Sunan Bagus", beberapa orang penganut faham Wahabi telah datang ke tanah Jawa dan menyiarkan ajarannya di negeri ini. Bukan saja mereka itu masuk ke Solo dan Jogja, tetapi mereka pun meneruskan juga penyiaran fahamnya di Chirebon, Banten dan Madura. Mereka mendapat sambutan baik, sebab terang anti penjajahan.

Sunan Bagus sendiri pun tertarik dengan ajaran kaum Wahabi. Pemerintah Belanda mendesak agar orang-orang Wahabi itu diserahkan kepadanya. Pemerintah Belanda cukup tahu, apakah akibatnya bagi penjajahannya, jika faham Wahabi ini dikenal oleh rakyat.

Padahal ketika itu perjuangan memperkokoh penjajahan belum lagi selesai. Mulanya Sunan tidak mau menyerahkan mereka. Tetapi mengingat akibat-akibatnya bagi Kerajaan-kerajaan Jawa, maka ahli-ahli Kerajaan memberi adpis kepada Sunan, supaya orang-orang Wahabi itu diserahkan saja kepada Pemerintah Belanda. Lantaran desakan itu, maka merekapun ditangkapi dan diserahkan kepada Belanda dan oleh Belanda orang-orang itupun diusir kembali ke tanah Arab.

TETAPI di tahun 1801, ertinya 12 tahun di belakang, kaum Wahabi datang lagi. Sekarang bukan lagi orang Arab, melainkan anak Indonesia sendiri, iaitu anak Minangkabau. Haji Miskin Pandai Sikat (Agam), Haji Abdurrahman Piabang (Luhak Lima Puluh Koto), dan Haji Mohammad Haris Tuanku Lintau (Luhak Tanah Datar).

Mereka menyiarkan ajaran itu di Luhak Agam (Bukitinggi) dan banyak beroleh murid dan pengikut. Di antara murid mereka ialah Tuanku nan Rinceh Kamang. Tuanku Samik Ampat Angkat. Akhirnya gerakan mereka itu meluas dan melebar, sehingga ter-

bentuklah "Kaum Paderi" yang terkenal. Di antara mereka ialah Tuanku Imam Bonjol. Maka terjadilah "Perang Paderi" yang terkenal itu. Tiga puluh tujuh tahun lamanya mereka melawan Penjajahan Belanda.

Bila mana di dalam Abad Kedelapan Belas dan Sembilan Belas gerakan Wahabi dapat dipatahkan, pertama orang-orang Wahabi dapat diusir dari Jawa, kedua dapat dikalahkan dengan kekuatan senjata, namun di awal Abad Kedua puluh mereka muncul lagi!

Di Minangkabau timbullah gerakan yang dinamai "Kaum Muda".

Di Jawa datanglah K.H.A. Dahlan dan Syeikh Ahmad Soorkati.

K.H.A. Dahlan mendirikan "Muhammadiyah". Syeikh Ahmad Soorkati dapat membangunkan semangat baru dalam kalangan orang-orang Arab. Ketika dia mulai datang, orang Arab belum pecah menjadi dua, iaitu Arrabithah Alawiyah dan Al-Irsyad. Bahkan yang mendatangkan Syeikh itu kemari adalah dari kalangan yang kemudiannya membentuk Arrabithah Alawiyah.

Musuhnya dalam kalangan Islam sendiri, pertama ialah Kerajaan Turki. Kedua Kerajaan Sarif di Mekah, ketiga Kerajaan Mesir. Ulama-ulama pengambil muka mengarang buku-buku buat "mengkafirkan" Wahabi. Bahkan ada di kalangan Ulama itu yang sampai hati mengarang buku mengatakan bahawa Muhammad bin Abdil Wahab pendiri faham ini adalah keturunan Musailamah Al-Kazab!

Pembangun Wahabi pada umumnya adalah bermazhab Hanbali, tetapi faham itu juga dianut oleh pengikut Mazhab Shafie, sebagai kaum Wahabi Minangkabau. Dan juga penganut Mazhab Hanafi, sebagai kaum Wahabi di India.

Sekarang "Wahabi" dijadikan alat kembali oleh beberapa golongan tertentu untuk menekan semangat kesadaran Islam yang bukan surut ke belakang melainkan kian maju dan tersiar. Kebanyakan orang Islam yang tidak tahu di waktu ini, yang dibenci bukan lagi PELAJARAN Wahabi, melainkan NAMA Wahabi.

Seketika terdengar kemenangan gilang-gemilang yang dicapai oleh Raja Wahabi Ibnu Saud, yang dapat mengusir kekuasaan keluarga Syarif dari Mekah, Ummat Islam mengadakan Kongres besar di Surabaya dan mengirim telegram mengucapkan se-

lamat atas kemenangan itu (1925). Sampai mengutus dua orang pemimpin Islam dari Jawa ke Mekah, iaitu H.O.S. Cokroaminoto dan K.H. Mas Mansur. Dan Haji Agus Salim datang lagi ke Mekah tahun 1927.

Kerana tahun 1925 dan tahun 1926 itu belum lama, maka masih banyak orang yang dapat mengenangkan bagaimana pula hebatnya reaksi pada waktu itu, baik dari pemerintah penjajahan, walau dari Ummat Islam sendiri yang ikut kepada Wahabi, kerana hebatnya propaganda Kerajaan Turki dan Ulama-Ulama pengikut Syarif

BAHAGIAN KEENAM

I. DEWAN PERWAKILAN Rakyat di Aceh (Di abad Ketujuh Belas)

PADA ZAMAN Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (1603 - 1637) negeri Aceh dengan pimpinan Baginda mencapai kemajuan yang jarang tandingannya di negeri-negeri Islam yang lain, terutama dalam susunan pemerintahan, sehingga Sultan tidaklah memerintah dengan maunya sendiri. Dan cita susunan pemerintahan itu timbul dari Baginda sendiri.

Sultan sebagai penguasa tertinggi diapit di kiri kanannya oleh beberapa kekuasaan tertinggi. Ada Wazir Sultan, ada Perdana Menteri dengan para menterinya, ada Kadi Malikul Adil dengan 4 Mufti di bawahnya menggali hukum agama, ada balai Laksamana yang mengepalai Angkatan Laut dan Darat, ada Menteri Dirham (Kewangan) yang bertanggungjawab langsung kepada Sultan, ada pula Baitul Maal (Perbendaharaan Negara), dan di bawahnya ada pula suatu jawatan bernama "Balai Furdhan" yang memungut bea dan cukai pelabuhan. Semuanya itu pelaksana (Eksekutif).

Di samping itu terdapatlah tiga tingkat "Balai Mesyuarat" (Legislatif);

1. Balairung dilengkapi dengan 4 Hulubalang terbesar di Aceh Raya.
2. Balai Gading, dilengkapi dengan 22 orang Ulama besar.
3. Balai Majlis Mahkamah Rakyat, dilengkapi dengan 73 anggota yang datang dari 73 mukim.

laitu tiap satu mukim satu orang wakil rakyat. (Dahulu dituliskan nama-nama wakil rakyat yang terhormat dari ke-73 orang itu). 1-Sahil, 2-Bujang Jumaat. 3-Ahmad Bungsu. 4) Abdulyatim. 5) Abdurrasyid. 6) Faimir Said. 7) Iskandar 8) Ahmad Dewan. 9) Major Thalib (orang Turki). 10) Si Nyak Bunga. 11) (tak jelas). 12) Si Halifah. 13) Ahdal. 14) Abdul Ghani. 15) Abdul Majid. 16) Si Sanah. 17) Khoja Hamid (orang Turki). 18) Isa. 19) Hidayat. 20) Si Nyak Bunga. 21) Munabinah. 22) Siti Cahaya. 23) Mah-

kiyah. 24) Si Bukih. 25) Si Saman. 26) Ahmad Jamil. 27) Bin Muhammad. 28) Si Nyak Ukat. 29) Khoja Nasir orang Turki. 30) Si Banyak Puan. 31) Abdulwahit. 32) Malik Saleh Samir. 33) Kha-thib Mu'azhzhah. 34) Imam Mu'ahham. 35) Abdurrahman. 36) Badai. 37) Bujang Aransah. 38) Nadisah. 39) Major Muhammad orang Turki. 40) Ahmad Sah. 41) Penghulu Muallim. 42) Sri Dewa. 43) Si Syahid. 44) Si Banyak. 45) (tidak Jelas). 46) Si Nyak Reih. 47) Ahmad Ratib. 48) Si Minhan. 49) Si Jibah. 50) Mustafa. 51) Si Syidin. 52) Si Rajuna. 53) Si Aman Khan. 54)-(55) (Tidak Jelas). 56) Khoja Rahsia orang Turki. 57) Badai 'Atuq. 58) Uli Puan. 59) Siti Awan. 60) Si Nyak Angka. 61) Si Aman 62) Si Nyak Tampli. 63) Abdul Muqim. 64) Si Mawar. 65) Si Manis. 66) Abdul Majid. 67) Ibrahim. 68) Abdullah. 69) Umar. 70) Abdur Rahim. 71) Muhyiddin. 72) Harun dan ke-73). Abdulmuthalib.

"Syahdan" - kata lanjutan buku itu- "Sebermula pertama si Nyak Tampli, kedua Ibrahim Purba, ketiga Abdullah, tiga orang ini bahagian Paduka Tuan. Yang kedua, pertama Umar, kedua Abdurrahim, ketiga Muhyiddin, ketiga orang ini bahagian Pa(duka) Sri Rama. Yang ketiga, pertama Harun, kedua Abdulmuthalib, ketiga Muhyiddin, tiga orang ini bahagian Maharaja Lela. Maka yang sembilan orang ini masuk dalam bahagian Wazir. Dan 64 orang itulah anggota majlis yang duduk dalam Balai Majlis Mahkamah Rakyat yang menjunjung tinggi Qanun Mahkota Alam."

Tugas Balai Majlis Mahkamah Rakyat.

Di halaman lain dengan ringkas disebutkan tugas Majlis tersebut: "Dan Majlis Mahkamah Rakyat itu berhak mengurus hal negeri dan mengurus rakyat sempurna, supaya rakyat dapat senang hidup, dan dapat banyak hasil, makmur dan aman sentosa. Dan menjaga huru-hara negeri, dan ditimbang sekalian pekerjaan utusan rakyat besar dan kecil. Timur dan Barat, tunong dan baruh dan mengerjakan perbuatan kebenaran dan keadilan supaya aman negeri dan taat rakyat".

Yang menarik perhatian kita dengan keterangan ini ialah bahawa pada tahun 1059 Hijrah, Kerajaan Aceh Darussalam, di bawah Pimpinan Ratunya Shafiatuddin Tajul Alam Permaisuri, telah mengambil kebijaksanaan memasukkan orang perempuan ke dalam Perwakilan Rakyat, mewakili mukim-mukimnya masing-

masing. Padahal dalam zaman pemerintahan Baginda itu terkenallah Aceh Darussalam yang disebut "Serambi Mekah itu kerana banyak Ulama'nya. Bahkan dalam pemerintahan itu kaum Ulama' pun mendapat kedudukan yang rasmi dan Perdana Menteri'nya pun haruslah di samping ahli dalam hal adat istiadat dan qanun (undang-undang) dan resam (protokol) Wajiblah dia seorang yang alim Faqih. Dengan demikian nyatalah bahawa Alim-Ulama' di Aceh pada masa itu sudah sampai kepada Ijtihad bahawa orang perempuan boleh menjadi raja dan boleh menjadi anggota dari Balai Majlis Mahkamah Rakyat.

Nama-nama anggota perempuan sengaja kami beri huruf tebal; Yang merakukan pemberi keterangan kepada kami hanyalah seorang, iaitu anggota no. 62. Nyak Tampli, apakah dia perempuan atau laki-laki. Rupanya 9 orang terpilih dari yang 73 orang itu duduk dalam Dewan Harian Pemerintahan, sebagai Badan Pelaksana Harian (B.P.H.), istilah kita sekarang.

Balai Majlis Mahkamah Rakyat ini telah Baginda titahkan pada 12 Rabi'ul Awwal 1042 Hijrah.

Dalam perintah mendirikan itu Baginda berkata: "Supaya senang Rakyat semuanya dan membahagiakan Aceh Darussalam."

Setelah Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam mangkat, naik takhtalah menantu Baginda Sultan Iskandar Tsani, dan setelah Baginda inipun mangkat, naik takhtalah permaisuri dari Iskandar Tsani, puteri dari Iskandar Muda Mahkota Alam, Raja Perempuan Pertama dalam Sejarah Islam di negeri-negeri Melayu ini, iaitu: Sultanah Shafiyatuddin Tajul 'Alam, yang disebutkan juga Maharaja Permaisuri.

Atas titah Baginda pula, maka tahun Hijriah 1059 (seribu lima puluh sembilan). Anggota Balai Majlis Mahkamah Rakyat itu diperbaharu dan dilengkapi dengan anggota-anggota perempuan 15 orang banyaknya. Tersebut dalam catetan "Qanun Al-Asyi Darussalam", yang disalin turun termurun oleh anak cucu dengan tangan kerana percetakan belum ada. Salinan terakhir yang sampai ke tangan penulis ialah surat salinan yang berada di tangan Tengku di Abai, Ibnu Ahmad daripada Habib Abu Bakar bin Usman bin Hasan bin Wundi Molek Syarif Abdullah bin Sultan Jamalu' Alam Badrul Munir Jamalullail Ba'alawi, salah seorang Sultan keturunan Arab sehabis masa Raja-raja perempuan. Salinan terakhir itu ialah pada tahun 1310 Hijriah, semasa ber-

kecamuknya Perang Aceh. Akhirnya catetan itu jatuh ke tangan seorang pemuda Aceh, Muhammad Husin Hitam. Dari salinannya inilah penulis buku ini dapat membaca daftar nama-nama Anggota Balai Majlis Mahkamah Rakyat Aceh, yang di dalamnya terdapat nama 15 orang perempuan itu.

Amat mendalam kesan yang kita dapat setelah menggali kembali Sejarah suatu daerah yang penting dari Negara kita ini, iaitu daerah Aceh. Apatah lagi apabila kita bandingkan dengan perselisihan hebat yang terjadi di antara Kaum Ulama (Mulla) di Iran pada bulan Jun 1963 kerana maksud pemerintahnya akan memberikan hak memilih dan dipilih bagi kaum perempuan. Pertumpahan darah tidak dapat dielakkan dan penangkapan besar-besaran terhadap Ulama telah berlaku. Ini terjadi dalam pertengahan Abad Kedua puluh, sedang di bahagian Tanah Air kita, Ujung Utara pulau Sumatera, keadaan ini sudah dapat diselesaikan pada pertengahan Abad Ketujuh belas. Sedang di dalam "Qanun Asyin Darussalam" itu dengan tegas dinyatakan bahawa sumber hukum, adat, qanun dan resam, tidak lain ialah Quran, Hadis, Ijma' dan Qiyas, menurut Mazhab Ahlus-Sunnah wal Jama'ah, tidak boleh menyeleweng dari itu.

Rupanya hak-hak yang diberikan kepada kaum Perempuan, dengan persetujuan Ulama sendiri pun, sebab Ulama-ulama pun duduk dalam pemerintahan di samping Raja, menyebabkan kaum Perempuan pun setia memikul kewajibannya. Inipun berkesan kepada cara hidup mereka. Di seluruh tanah air kita ini, di Aceh-lah pakaian asli perempuan memakai celana panjang. Sebab mereka pun turut bekerja keras memegang peranan di dalam peperangan. Mereka menyediakan perbekalan makanan, mereka membantu di garis belakang dan mereka pun pergi ke medan perang mengubati yang luka-luka. Itu pula sebabnya maka Sejarah Teuku Umar Johan Pahlawan tidak dapat dipisahkan dari sejarah isterinya Teuku Cut Nyak Dhin yang bertahun-tahun setelah suaminya tewas mencapai syahid di medan jihad, namun beliau, pahlawan puteri itu masih meneruskan perjuangan, walaupun tinggal seorang diri. Dan hanya dapat ditangkap setelah salah seorang pengikutnya menunjukkan tempat persembunyiannya kepada serdadu Marsose Belanda, bukan kerana pengkhianatan pengikut itu, melainkan kerana mempunyai keyakinan tidak ada perlunya meneruskan hidup dalam hutan lagi, kerana seluruh Aceh telah ditaklukkan dan Sultan sendiripun telah me-

nyerahkan diri kepada Belanda, kerana tidak mungkin lagi meneruskan perjuangan. Si pengikut yang menunjukkan tempat persembunyian beliau itu melihat bahawa Perempuan Pahlawan itu telah mulai tua dan badan sakit-sakit kerana kurang makan di hutan, sedang pengiringnya tidak lebih dari 4 atau 5 orang lagi yang tinggal.

Seketika orang Belanda yang disuruh menjemputnya hendak menjabat tangannya, beliau telah berkata: "Bek kamat ke, kapeh celaka" (jangan pegang tanganku, kafir celaka).

Semangat perempuan pada suku bangsa yang seperti ini, menyebabkan tidak lagi kita heran jika ada di antara mereka yang sampai menjadi Anggota Balai Majlis Mahkamah Rakyat, bahkan 4 orang sampai menjadi Sultan Aceh.

Mereka diberi hak dan mereka pun memikul kewajipan untuk agama, bangsa dan negara dengan penuh rasa tanggungjawab; Ulampun menyokong mereka.

Dan fikirkanlah dengan dalam; Betapa jauh perbezaan latar belakang perempuan Aceh pada masa itu dengan perjuangan perempuan zaman sekarang. Mereka itu didorong oleh semangat jihat dan syahid kerana ingin bersama menegakkan Agama Allah dengan orang laki-laki, jauh daripada erti yang dapat kita ambil dari gerakan Vrouwen Emancipati atau Feminisme, zaman moden sekarang ini, iaitu kerana perempuan ingin bebas seperti laki-laki! Yang bukan berasal dari ajaran Islam tetapi berasal dari Westernisasi! (kebarat-baratan).

II. WASIAT ISKANDAR MUDA KEPADA ZURIATNYA

....., dan lagi Raja-raja hendaklah mengamalkan 8 perkara. *Pertama*, hendaklah selalu ingat akan Allah dan meneguhi janji dengan sekalian Wazir-wazir dan Menteri Hulubalang dan sekalian pegawai dan dengan sekalian rakyat. *Kedua*, janganlah Raja-raja menghinakan Alim-Ulama dan yang ahli akal bijaksana. *Ketiga*, segala yang datang pada pihak musuh daripada seterusnya jangan sekali-kali raja percaya. *Keempat* hendaklah raja memperbanyak alat senjata dan membeli kesayangan rakyat dan wazir Sipahi (tentera), supaya jauhlah musuh raja, sebab ada yang menghalaukan dengan sayang. *Kelima*, hendaklah raja menurunkan tangan, yakni murah. Hendaklah mengingat kesetiaan rakyat,

wazir dan Alim-Ulama dan sekalian Sipahi dengan membalas jasanya masing-masing dengan tertib. *Keenam*, hendaklah raja menjalankan hukum dengan hukum Kitab Allah dan Sunnah Rasul. Iaitu seperti yang telah tetap di dalam Qanun Al-Asyi Darussalam; Pertama Al-Quran, kedua Al-Hadis, ketiga Ijma', keempat Qiyas, maka keluar daripada itupun empat perkara: Pertama hukum, kedua adat, ketiga qanun, keempat resam. *Ketujuh*, janganlah raja-raja itu duduk dengan orang yang jahat budi dan jahil. *Kedelapan*, hendaklah raja-raja itu memelihara hati orang yang berbuat baik kepada raja dan kepada negeri dan kepada rakyat. Maka hendaklah raja memandang kepadanya serta memaniskan muka raja memandang mereka itu senantiasa senang hati, kerana ia banyak kebaktian kepada Raja. Hendaklah raja itu memeriksa sekalian wazir-wazir dan Hulubalang dan segala orang yang jahat dan durhaka dan tiada ia mengikut Qanun kerajaan. Maka tiap-tiap yang salah itu hendaklah dihukum dengan tertib menurut kesalahan dosa yang diperbuat, sesudah diperiksa dengan sehalus-halusnya, supaya jangan zalim menjatuhkan hukum.

Dan demikian lagi raja-raja hendaklah senantiasa ia memandang sekalian ulama dan bermesyuarat dengan Alim-Ulama dan mendengar nasihat ulama. Dan hendaklah raja-raja itu menjauhkan diri dari bersahabat dengan ulama jahat dan ulama jahil dan ulama tamak, iaitu ulama-ulama yang suka memuji-muji raja dan maghzul*)kan dia dan mengharap minta keridhaan raja. Maka ulama itu tamak, yakni tamak kepada dunia. Maka ulama itulah yang membikin huru-hara negeri dan yang memecah-belah rakyat, seperti dajjal

Kutipan dari
"Qanun Asyih Darussalam"
(Peraturan Pemerintahan Aceh),
di zaman Iskandar Muda Mahkota Alam
(1603 - 1637)

*) Maghzul - kata-kata lucah-cabul tentang perempuan, yang diucapkan dalam senda-gurau.

III. ISKANDAR TSANI'ALAUDDIN MOGHAYAT SHAH

SETELAH Mahkota Alam wafat dan menantunya Iskandar Tsani dengan gelaran rasmi 'Alauddin Al-Moghayat Shah naik takhta, terasa benarlah bagaimana besarnya Peribadi Almarhum Iskandar Muda.

Undang-undang Kerajaan yang dijalankan tidak lain daripada pusaka buah tangan beliau. Di mana-mana terasa bekas tangan dan bekas usaha beliau, sehingga meskipun Baginda telah wafat pada tanggal yang pertama daripada Abad Ketujuh belas, namun bekas jasa dan usaha Baginda itu masih terasa sampai sekarang ini, baik di seluruh Aceh, atau pun ke tanah Melayu. Seumpama dalam negeri Perak, yang pernah diperintah oleh Aceh sampai kepada masa ini masih ada pangkat "Hulubalang", iaitu apa yang dinamai menurut adat istiadat negeri Perak "Hulubalang Delapan."

Di seluruh negeri-negeri yang berbahasa Melayu, kecuali di Aceh, pangkat Hulubalang dipakai untuk gelar Komandan dalam peperangan. Sedang di Aceh ialah pangkat dari Orang Besar Sipil. Di Perak gelar itu adalah menurut contoh di Aceh.

Iskandar Muda juga menentukan pembahagian Meunasah dan Mukim. Masyarakat terkecil ialah masyarakat "gampong" (kampung). Kumpulan dari beberapa gampong mendirikan Meunasah, berasal daripada kata "Madrasah", tempat mempelajari agama. Apabila telah teguh berdiri beberapa gampong itu, berkumpullah dia menjadi "Mukim", dan wajiblah di sana berdiri sebuah Jumaat. Kepala masyarakat itu diberi gelar "Imeum", dari kata "Imam". Timbulnya nama mukim adalah ajaran Mazhab Shafie, iaitu apabila telah ada orang menetap (mukim atau mustautin) di dalam sebuah negeri sekurangnya 40 orang yang dewasa, barulah sah berdiri sebuah Jumaat. Kumpulan daripada beberapa mukim itu berbentuk menjadi sebuah negeri yang diperintah oleh seorang Hulubalang (Uelueblang).

Iskandar Tsani terkenal di dalam sejarah Aceh sebagai seorang Sultan yang adil dan baik hati, pengasih kepada Ulama-ulama dan suka akan pembangunan-pembangunan Agama. Baginda mau bertafakkur sejam dua jam untuk mendengarkan Tuan Syekh Nuruddin Ar-Raniri menghuraikan soal-soal agama berasal dari negeri Malabari, tetapi lebih lama usia beliau dihabiskan di Aceh. Tariqat Tasauf yang dipegangnya ialah Tariqat Qadi-

riah, yang dibangun oleh Sayid Abdul Kadir Al-Jailany. Beliau bertentangan faham dengan Shamsuddin As-Samatrani dan Hamzah Fansuri, berkenaan dengan Tasauf. Yang ditentanginya ialah faham "Wujudiyah" (Existensialisme) yang diajarkan oleh Shamsuddin dan Hamzah. Sebab dalam pelajaran mereka itu dikatakan bahawasanya Zat segala yang Maujud ini pada hakikatnya tidaklah ada. Yang ada hanyalah Zat Allah Taala. Adapun Zat yang lain daripada Zat Allah, hanyalah semata-mata seumpama Zhill atau bayang-bayang saja daripada Allah! Atau seumpama ombak dengan lautan, atau seumpama perpaduan di antara besi yang dibakar dengan apinya!

Bukan saya Syeikh Nuruddin ahli Tasauf, bahkan beliauah yang menyusun mula-mula sekali kitab ilmu Fiqhi di dalam bahasa Melayu. Itulah kitab Ash-Shirathal Mustaqim. Dan daripada kitab itulah kemudiannya Syeikh Arshad Mufti negeri Banjar di zaman Sultan Tamjid Billah, mengambil dasar daripada kitab itu untuk mengarang pula kitab Fiqhinya yang bernama "Sabial Muhtadin" dan beratus tahun lamanya kedua kitab Fiqhi itu menjadi pedoman guru-guru agama di alam menyebarkan ajaran Fiqhi Islam menurut dasar Mazhab Shafie. Besarlah jasa kedua kitab itu. Dari pengaruh kedua kitab itulah baru dilanjutkan usaha oleh Angkatan Pengarang-pengarang Fiqhi yang kemudian di dalam bahasa Melayu.

Dan Syeikh Nuruddin bukan saja berminat kepada Ilmu Tasauf dan Fiqhi, bahkan memperhatikan pula segi-segi sejarah. Beliau mengarang "Hikayat Raja-raja Pasai". Dalam hal sejarah beliau pernah bekerja sama dengan Tun Sri Lanang ketika beliau ini tertawan di Acheh.

Kebesaran Jiwa Iskandar Muda dan jasanya mendidik anak Raja-raja yang tertawan di Acheh menyebabkan rasa hormat kita kepada Baginda. Anak-anak Raja Perak, Pahang (Iskandar Tsani sendiri), Johor dan lain-lain disuruh belajar agama dan segala cabang ilmunya kepada tuan Syeikh Nuruddin, sebagaimana Iskandar Muda sendiri di waktu mudanya belajar kepada Syeikh Abdur Rauf di Kuala.

Dari segi pemerintahan tidaklah menurun kepada Sultan Iskandar Tsani itu kebesaran mertuanya. Dia tidak bertindak meluaskan daerah takluk. Baginda hanya sekadar memelihara pusaka yang ditinggalkan. Setelah Baginda naik nobat, Baginda hantarkanlah Raja Sulung, anak Raja Perak yang tertawan di

Acheh menjadi Raja kembali di negeri Perak dengan memakai gelar Sultan Muzaffar Shah II.

Siasat Marhum Iskandar Muda Mahkota Alam mengangkat menantunya jadi penggantinya itu, padahal dia adalah keturunan langsung dari Sultan Pahang, menyebabkan orang Pahang datang ke Acheh untuk menyatakan taat setia kepada Kerajaan Acheh. Tetapi hal ini menyakitkan hati Sultan Johor, sehingga Baginda melanjutkan kembali persahabatan dengan Belanda yang terbengkalai di kala Acheh dapat menaklukkan Johor, demi setelah Iskandar Muda mangkat, mereka sambung kembali. Iskandar Tsani tidak mempunyai kekuatan lagi buat datang kembali menyerang Johor sebab Belanda dengan izin Sultan Johor telah mendirikan benteng-bentengnya di daerah itu.

Pemegang pemerintahan di Acheh di zaman itu ternyata "dualistis". Sebab pada hakikatnya yang berkuasa bukanlah Sultan, tetapi Panglima Polim. Sultan Iskandar Tsani lebih terkenal hanya kerana baik hatinya, kerana taatnya memegang agama dan kasih sayangnya kepada Ulama, tidak terkenal sebagai ahli perang atau ahli siasat. Dia pun selalu harus menunjukkan bahawa dia tidaklah "berkulit berisi", dia adalah setia kepada wasiat mertuanya. Dia yang Sultan, tetapi kurang berkuasa. Abangnya Panglima Polim yang berkuasa, padahal tidak Sultan. Susunan pemerintahan seperti ini jualah yang kemudiannya dari tahun ke tahun, turunan demi turunan yang menyebabkan kelemahan kedudukan Sultan-sultan di Acheh! Panglima Polim mempunyai daerah merdeka sendiri, iaitu XXII Mukim. Pada Raja-raja yang datang di kemudian hari nampak juga pengaruh kuasa Panglima Polim. Kalau seorang Sultan dipandang oleh seorang Panglima Polim tiada layak atau tiada berkenan siasatnya, dia akan datang dengan tenteranya ke Kutaraja buat menyuruh Sultan turun dari singgahsana dan mengangkat Sultan lain.

Di samping kekuasaan Panglima Polim terdapat pula keinginan turut berkuasa dari permaisuri sendiri, Ratu Permaisuri Shafiatuddin. Banyak sekali pertolongannya kepada suaminya buat mempertahankan martabat Baginda jika ada desakan politik dari Panglima Polim. Dipergunakannya benar-benar kedudukannya yang tinggi sebagai Puteri Gahara, yang lebih tinggi martabatnya daripada Panglima Polim, sebagai putera selir, untuk membela kedudukan suaminya.

Oleh sebab itu maka pemerintahan Sultan Iskandar Tsani Alauddin Al-Moghayat Shah selama lima tahun, terlebih banyak hanyalah menjaga keteguhan di dalam, kerana menyatukan tiga unsur penting dalam membentuk kewibawaan kesultanan, iaitu Iskandar Tsani sendiri sebagai Sultan, Panglima Polim, sebagai "abang" menurut wasiat Marhum Mahkota Alam dan Ratu Permaisuri sendiri, sebagai seorang Puteri Aceh sejati yang bersemangat laki-laki.

"Merebut Melaka" dari tangan Portugis adalah dipandang sebagai satu "tuntutan nasional" oleh raja-raja Aceh. Tetapi dalam tahun 1640 telah berlekap dan bersekutu di antara Kompeni Belanda dengan Sultan Johor buat merebut Melaka. Sultan Johor pada masa itu ialah Sultan Abdul Jalil Ri'ayat Shah dan pemimpin armada Belanda ialah Admiral Cornelis Matelief.

Akhirnya pada tahun 1641 berhasillah pengepungan persekutuan Belanda dengan Johor merebut Melaka dan mengusir Portugis dari bumi Melayu. Di dalam Hikayat Hang Tuah disebutkan, bagaimana gagah perkasanya Bendahara Negeri Johor Datuk Paduka Raja dalam peperangan itu, sehingga benteng Melaka dapat dimasuki beliau dengan hanya bercawat saja dan di tangannya terhunus sebuah pedang.

Maka tidaklah dapat Aceh masuk dalam persekutuan itu. Seketika Melaka telah dapat direbut dengan sorak-sorai kemenangan, oleh persekutuan Belanda dan Johor, orang di Aceh tengah berkabung, kerana Sultan Iskandar Tsani Alauddin Moghayat Shah telah mangkat. Bahkan perkabungan itu disambut terus oleh kemelut yang lain, iaitu tentang siapa yang berhak menjadi Raja menggantikan kedudukan Baginda, kerana Baginda tidak meninggalkan putera.

IV. BOLEHKAH PEREMPUAN JADI SULTAN?

SATU perbincangan yang mendalam pula, di samping membicarakan ilmu Tasauf di zaman kejayaan Aceh itu ialah tentang sah tidaknya orang perempuan menjadi Sultan.

Timbulnya pembicaraan Ulama-ulama tentang boleh atau tidaknya perempuan menjadi Raja, menjadi bukti pula atas bagaimana telah tingginya perbincangan Hukum Fiqhi dan hukum kenegaraan di Aceh, di samping memperkatakan Tasauf.

Orang menghadapi satu kenyataan! Setelah Iskandar Muda Mahkota Alam yang Agung itu mangkat, Aceh tidak lagi mempunyai insan sebagai dia yang begitu besar dan berwibawa. Penggantinya dan menantunya Iskandar Tsani tidaklah memerintah dengan sepuas hati. Sebab dalam hati kecil Baginda masih terasa bahawa dia "Anak Dagang", atau "Bekas orang Tawanan" yang naik takhta atas belas kasihan tuannya. Dia mesti bertindak hati-hati menenggang hati abangnya Panglima Polim dan Permaisurinya Shafiatuddin!

Bila setiap orang datang menghadap menjunjung Duli Sultan datang menyembah dan mencium lutut Baginda sambil membahaskan Baginda dengan "Daulat Tuanku", namun Panglima Polim bila masuk ke dalam istana bebas dari adat-resam itu. Dia boleh mengatakan kepada Sultan "Gata", ertinya engkau sebagai bahasa abang kepada adiknya, bahkan Sultanlah yang membahaskan dirinya "Ulun Tuan" atau "Patik" kepada abangnya yang bukan Raja itu.

Demikian pula isterinya sendiri, Shafiatuddin seorang Puteri bangsawan yang penuh nafsu-nafsu kebesaran, kerana ingat bahawa dirinya adalah Puteri Gahara. (Padmi).

Masih Iskandar Tsani lagi hidup sudah berkembanglah bisik-desus bagaimana jadinya Aceh kalau Sultan Iskandar Tsani mangkat. Siapa yang akan naik takhta. Sejarah tidak menyebutkan bahawa Iskandar Tsani meninggalkan putera laki-laki dengan Shafiatuddin. Atau boleh juga disangka bahawa pertimbangan politik yang lebih mendalam. Oleh kerana kian lama hubungan dengan Johor dan Pahang kian renggang, sebab pengaruh Belanda dalam daerah itu mulai masuk, menyebabkan orang besar-besar Aceh berfikir tidaklah layak lagi putera dari Iskandar Tsani dijadikan Raja di Aceh, sebab pada hakikatnya putera itu bukan putera Aceh sejati. Maka kalau anak Iskandar Tsani menjadi Raja, berhaklah Pahang menuntut supaya Pahang dan Aceh disatukan, di bawah perintah Sultan keturunan Pahang. Dan Belanda yang telah mulai bercokol di Johor dapat berdiri di belakang layar!

Demi setelah Iskandar Tsani mangkat, sudah jelas betapa naik bintang Panglima Polim! Kalau tidaklah dia seorang anak gundik keturunan Naubi (Sudan) terang dialah yang berhak jadi Raja. Tetapi beliau tidak dapat naik takhta sebab wasiat yang jelas dari Baginda ayahanda Iskandar Muda Mahkota Alam,

bahawa engkau lebih baik menjadi orang yang mengangkat Raja, daripada naik takhta Kerajaan.

Nama beliau dalam sejarah Aceh dikenal sebagai "Imam Hitam", (kerana warna kulitnya hitam sebagai warna kulit ibunya), dan setelah wafat kemudian dikenal gelar sesudah wafatnya "pusthumus"-nya: "Teungku di Batee Timoh".

Setelah mangkat Iskandar Tsani, menjadi pembicaraanlah tentang siapa yang akan menjadi Raja. Kalau Panglima Polim ingin mengambil kesempatan, tentulah dengan segera dia dapat jadi Sultan. Tetapi dia hendak mencari jalan lain; Tak usah jadi Sultan, tetapi dapat menguasai Sultan! Dengan sebab itu namanya terpelihara kerana memegang teguh wasiat Paduka ayahandanya. Maka dicarinyalah jalan yang sangat sulit yang jarang sekali terjadi di dalam Sejarah Islam. Iaitu mencalonkan adiknya Permaisuri Shafiatuddin menjadi Sultan, menggantikan suaminya.

Dalam pada itu dirapatkannya pula Ulama-ulama, dimintanya hal ini dibicarakan! Sahkah dalam Islam seorang perempuan jadi Raja?

Ulama-ulama mengeluarkan pertimbangan bahawasanya, pada pokoknya tidaklah boleh perempuan dijadikan "Sultan" sebab Sultan itu adalah memang amar (perintah) sedang di dalam Hadis Nabi telah bertemu sabda yang jelas:

"Khasira qaumum allazina wallau umurahum 'mraatan". Rugilah suatu kaum apabila yang menjadi pemegang kekuasaannya ialah Perempuan!

Di Mesir di zaman Kerajaan Mameluk dan menggantikan Kerajaan Bani Ayub pernah seorang perempuan naik takhta Kerajaan Mesir, iaitu Tuan Puteri "Shajaratut Durr" (Pohon Permata). Dia hanya 80 hari saja dapat menduduki takhta Kerajaan, kerana sayang dan bencinya kepada seseorang sangat mempengaruhi cara pemerintahannya, sehingga turunnya dari takhta Kerajaan adalah kerana dibunuh.

Di Delhi atau Dehli setelah negeri itu jatuh dari tangan Kerajaan Ghori kepada Kerajaan Mameluk, pernah pula seorang perempuan diangkat menjadi Sultan. Iaitu Sultanah Rajiyah, saudara perempuan daripada Sultan Ruknuddin. Sampai dia dapat duduk di atas singgahsana Kerajaan 4 tahun lamanya. Tetapi kejatuhannya dari takhta Kerajaan setelah 4 tahun mendudukinya adalah amat memalukan, sebab kedapatan "bermain muda" dengan hamba-sahayanya seorang Habsyi.

Kejadian seperti itu memperkuat pendirian Ulama bahawa perempuan tidak boleh menjadi Sultan.

Tetapi Panglima Polim adalah seorang ahli siasat yang jarang taranya. Beliau berkata bahwasanya yang demikian tidak akan kejadian dalam Kerajaan Aceh. Sebab adat Aceh telah menentukan bahawa di samping Sultan atau Sultanah sudah ada "Polim"nya menurut adat, yang selalu mendampingi Sultan. Biar-pun Sultan itu perempuan, dia tidak akan dapat berbuat sekehendak hatinya, sebab Aceh mempunyai Kanun Mahkota Alam dan ada pula "Panglima" yang akan menjaga perjalanan Kanun itu. Panglima Polim pun mempelajari agama, khusus yang berkenaan dengan pemerintahan! Dia berkata bahawa dalam Islam bukanlah perintah dari Peribadi seseorang yang penting, melainkan Undang-undang, Kanun dan Resam yang penting, yang ber-sumber daripada Syariat.

Padahal tiada lain orang yang lebih berhak naik takhta Kerajaan melainkan adiknya Shafiatuddin, puteri dari Iskandar Muda Mahkota Alam, permaisuri dari Iskandar Tsani! Itulah "besi baik diringgiti!" Berkumpul dalam dirinya dua kebesaran. Adapun yang diminta oleh Panglima Polim hanya satu, ialah wasiat Paduka ayahanda Mahkota Alam diakui oleh orang besar-besar. Iaitu bagi Kerajaan Aceh ada "Polim"nya. Dia berhak memelihara wasiat itu, kerana halangannya buat naik takhta hanyalah semata-mata kerana dia anak gundik. Maka untuk menghormati Al-marhum dan menjunjung tinggi wasiat beliau, orang besar mesti memasukkan peraturan ini di dalam Kanun Kerajaan Aceh! Sebab dalam Pokok Ajaran Agama Islam sendiri, tidaklah ada perbezaan di antara Anak dari gundik atau anak Gahara.

Dalam pada itu dibujuknya pula adiknya Shafiatuddin, supaya sudi menerima menjadi Sultanah. Diucapkannya janjinya bahawa dia akan membela adiknya itu di dalam menghadapi sekalian kesukaran pemerintahan. Adiknya tahu senang saja! Segala kebesaran yang layak bagi Raja-raja Besar akan dipakaikan kepada adiknya itu. Serahkan saja kepada beliau, abangnya, menghadapi segala kemusykilan setiap hari. Dan bila duduk di balai penghadapan, Panglima Polim akan duduk di atas singgahsana yang lebih rendah dari singgahsana Baginda Ratu terletak di samping kirinya!

Pintar benar Panglima itu mengatur siasat. Sebab di samping saranan bertubi-tubi, meminta fatwa Ulama, membujuk adik-

nya pula, namun tentera dari daerah XXII Mukim senantiasa bersiap menyerang Darussalam jika siasatnya ini dibantah orang!

Akhirnya berhasillah maksud Panglima Polim. Tidak ada lagi suara yang dapat membantah kenyataan, bahawa Shafiatuddinlah yang berhak menggantikan suami menjadi Raja, sebab dia adalah Puteri Raja dan Permaisuri Raja! Naik Takhtalah Baginda dengan lantik gelaran: SULTANAH TAJU'L ALAM SHAFIATUDDIN SHAH, disertai gelaran Melayu: PUTERI SRI ALAM PERMAISURI.

Lama juga Sri Baginda Ratu itu memerintah, iaitu 31 tahun (1644-1675).

Di akhir hayatnya, dia dan kekandanya Panglima Polim sudah sama-sama tua. Dapatlah mereka berdua mengendalikan Kerajaan pusaka ayahnya itu dengan aman dan damai. Panglima Polim I terlebih dahulu mangkat daripada adiknya. Dia digantikan oleh puteranya Panglima Polim II, Satya Muda Sakti Lam Cot.

Masih untunglah bagi Panglima Polim II untuk memper-tahankan hak sebagai "Polim" yang tidak bertegah mengucapkan "Gata" (engkau) kepada Raja, sebab setelah mangkat pula Sultan Shafiatuddin Shah, diangkat pulalah puterinya menjadi Sultanah menggantikannya dengan gelar SULTANAH NURU'L ALAM NAQIYATUDDIN SHAH.

Sri Ratu ini memerintah hanya 3 tahun (1675 - 1678).

Setelah Ratu ini mangkat diangkat pula anaknya perempuan jua, dengan gelar SULTANAH 'INAYAT ZAKIYATUDDIN SHAH, dan gelar Melayunya PUTERI RAJA SETIA. Memerintah 10 tahun (1678 - 1688).

Setelah Sultanah ini mangkat, masih juga menang suara Panglima Polim, masih saja Raja perempuan yang dinaikkan ke atas takhta Kerajaan, iaitu adik dari Almarhumah PUTERI RAJA SETIA ini, iaitu SULTANAH KAMALAT SHAH (1688 - 1699).

Panglima Polim yang datang kemudian nescaya tidak sekuat neneknya yang dahulu lagi. Dan Raja-raja perempuan yang datang di belakang pun tidak pula sebijaksana Shafiatuddin Sultanah yang pertama lagi. Tidaklah diherankan jika perkembangan-perkembangan selanjutnya telah menyebabkan timbulnya rasa tidak puas. Tidak puas menimbulkan kacau dan kacau menimbulkan huru-hara, sehingga SULTANAH KAMALAT SHAH terpaksa diturunkan dari takhta (1699), Panglima Polim yang ketiga tidak dapat mempertahankannya lagi!!!

V. SALIK BUTA & PENGAJIAN TUBUH

MAKA RAMAI dan makmurlah negeri Aceh. Bersemarak Agama Islam, terutama di zaman Iskandar Muda dan Iskandar Tsani itu. Tercapai cita Iskandar Muda agar Aceh menjadi "Serambi Mekah". Nama Aceh telah masyhur ke atas angin. Terkenallah bahawa Raja-raja Aceh itu amat sayang kepada para ulama, amat gembira memajukan ilmu pengetahuan Islam. Kemasyhuran Aceh sampai ke Hindustan, sampai ke Mekah dan Mesir dan sampai ke Turki. Sultan menyediakan belanja yang seakan-akan tidak terbatas banyaknya untuk membelanjai perkembangan ilmu pengetahuan.

Iskandar Muda sendiri boleh dikatakan tidak berhenti berperang. Dalam perjalanan dibawanya seorang dua, untuk menjadi muallim mengajari para pahlawan. Dan di Aceh sendiri ramailah penuntut ilmu datang dari segala pelusuk Nusantara. Ada yang datang dari Minangkabau, Semenanjung Tanah Melayu, Makassar, Banten dan Jawa Timur. Itu pula sebabnya maka di zaman kedua Sultan Iskandar itu datang Syeikh Hamzah, Syeikh Shamsuddin, Syeikh Fadlullah Burhanpuri, Syeikh Saifur Rijaal; semua dari negeri Hindustan. Dan datang pula dari Mekah Tuan Syeikh Abu'l Khair dan Syeikh Muhammad Al-Yamani. Dan datang juga Syeikh dari Turki.

Dipelajarilah Ilmu Fiqhi menurut Mazhab Shafie sedalam-dalamnya. Apatah lagi bahasa Arab dengan segala alat kelengkapannya; nahu, saraf, manthiq, maani. Malahan maju pulalah pengarang dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu, sehingga perkembangan bahasa Melayu sekarang ini, hendaklah dikaji dengan mendalam tentang peranan yang diambil oleh Ulama-ulama itu.

Dalam pada itu senantiasa tumbuh keinginan dan kerinduan untuk mengenal (Ma'rifat) Allah, Ilmu Kalam (Sifat XX) yang mengajarkan dan mengasah fikiran untuk mempertahankan 'aqidah, yang telah dimulai oleh Abu'l Hasan Al-Asy'ari dan Syeikh Abu'l Mansur Al-Maturidiy dan telah disempurnakan oleh Al-Ghazali. Apabila kita telah mempelajari Ilmu-Kalam, ilmu "berbicara", kita telah dapat mempertahankan pendirian bahawa ALLAH taala ADA! Tanda ADANYA ALLAH taala adanya alam. Di "pinjam" manthiq Aristotles; Disusun Muqaddimah Syughra (Praemisse I), ditambahkan dengan Muqaddimah Kubra (Prae-

misse II), lalu dibuat Natijah (konklusi): "Aku melihat Alam berubah-ubah". (Muqaddimah I). Tiap-tiap yang berubah-ubah adalah baru (Muqaddimah II). Dihapuskan kata berulang (berubah), dipertemukan pangkal muqaddimah pertama (Alam) dengan ujung muqaddimah kedua (Baru), jadilah konklusinya: **ALAM ITU BARU!!**

Dibicarakan perkara Wujud; Mana yang Wajibul-Wujud, wujud yang pasti dan mana Mumkinul-Wujud, wujud yang mungkin. Kemudian timbullah hasil penyelidikan bahawasanya yang pasti ada hanyalah yang tidak diikat oleh ruang dan tidak ditentukan oleh waktu. Itulah Wujud yang Mutlaq, dan itulah ALLAH!!

Kian lama kian dirasakan bahawasanya ALLAH menurut Ilmu-Kalam tidaklah memuaskan dahaga jiwa. Hanya otak yang cerdas mengakui adanya Allah, tetapi jiwa merasa kosong. Aku tidak mau hanya sekadar berpengetahuan bahawa Allah Taala ada, dengan otakku; Aku ingin merasai adanya Allah dengan jiwa-ku! Meskipun ada Ilmu-Kalam atau tidak ada sama sekali.

Hati nuraniku merasa rindu-dendam kepada-Nya, bahkan merasai asyik dan cinta! Kalau boleh aku ingin Fana (lebur) ke dalam-Nya, supaya aku Baqa (kekal) selama-lamanya.

Iniilah rasa atau zauq yang menjadi pokok pangkal Tasauf.

Nabi Muhammad s.a.w. menunjukkan perbagai rupa ajaran bagaimana cara mendekati Tuhan. Namun demikian masih ada insan yang belum puas Dia hendak mencari lagi, supaya lebih terubat rindu dendam ini.

Maka berbagai rupalah usaha dan ikhtiar buat "ma'rifat" kepada Allah itu. Rabi'atul 'Adawiyah, guru Tasauf perempuan itu mengajarkan *cinta*. Abu Yazid Bustami mengajarkan *'Isyiq*. Al-Hallaj mengajarkan *hulul* (berpaduan) di antara AKU dan Dia! Al-Ghazali menyuruh berhati-hati, jangan sampai terperusuk ke jalan lain di dalam mencari hubungan dengan DIA.

Alangkah banyaknya guru-guru yang telah menghadapkan jurusan fikiran ke lapangan Tasauf ini. Terutama di dalam Abad-abad Ketujuh Hijriah yakni di abad jatuhnya Baghdad (656 Hijrah), dan seterusnya.

Rupanya pembicaraan Tasauf ini sampai juga ke Aceh.

Datanglah beberapa orang Ulama ahli Tasauf dari Mekah sendiri, di antaranya Syeikh Abu'l Khair dan Syeikh Muhammad Al-Yamani, keduanya mengajarkan "Man 'arafa nafsahu fa qad'arafa rabbahu", (siapa yang mengenal akan dirinya, nescaya

kenallah dia akan Tuhannya). Oleh sebab itu mencari Tuhan ialah dari pintu diri. Diri ini adalah hijab (dinding) yang membatasi Engkau dengan Tuhanmu!

Dan berkata pula Syeikh Muhammad Fadlullah Al-Burhanpuri: "Sesungguhnya segala yang ujud (ada) ini, dipandang dari segi adanya. Dialah 'ain Al-Haqq Allah Taala, dan daripada pihak 'ain, adalah lainnya."

Bersamaan dengan itu datang pulalah dua orang Ulama dari Hindustan yang lain, iaitu Hamzah dan Saifur Rijaal. Diadu pengajian dalam rahsia di antara Syeikh dari Mekah dengan Syeikh dari Hindustan, rupanya dapatlah persesuaian; Hamzah rupanya lebih alim lagi pendita. Cintanya kepada Allah adalah laksana cintanya Al-Hallaj: Kita alam ini hanyalah bayang-bayang belaka daripada Tuhan. Betapakah dapat diceraikan di antara bayang-bayang dengan yang empunya bayangan? Datang pula muridnya Shamsuddin Sumatrani, diapun berkata: "Kembali-kamlah sesuatu kepada pangkalnya, pulangkan insan pada asalnya, barulah bertemu hakikat Tasauf. Hanya nama yang berbilang, adapun hakikat hanya satu: Allah! Adam dan Muhammad, semuanya adalah satu belaka pada hakikatnya. Apabila diadakan zikir yang sejati", - kata Shamsuddin - maka nafikanlah diri, jangan lagi diingat akan adanya diri. Yang ada hanyalah Yang sebenarnya ada! Ada Aku dalam Adanya: "LA ANA ILLA HUWA" (Tidak ada aku kecuali Dia).

Di kala Iskandar Muda Mahkota Alam masih lagi hayat, meskipun Baginda tahu akan pengajian itu; "biarkan ada pengajian begitu! Tidak mengapa. Kerana suatu faham akan dibantah oleh faham yang lain!"

Lanjutkan lagi: LA HUWA ILLA ANA (Tidak ada Dia kecuali Aku).

Akhirnya engkau akan sampai kepada "ANA HUWA" (Saya Dia).

Tetapi setelah Raja Perkasa itu mangkat, pengajian Hamzah dan Shamsuddin telah tersebar kepada orang awam. Orang awam telah memperkatakan tariqat, syariat, ma'rifat dan hakikat. Mereka mengerjakan suluk, sebab itu bernamalah mereka Salik! Mata pandangan mereka tertuju hanya kepada satu belaka, iaitu Allah! Dan Allah ada dalam diri! Buta mereka dari yang lain, nyalang mata mereka kepada YANG ESA! Maka disebutlah mereka oleh

orang Aceh SALIK BUTA! Pengajian mereka bernama "WUJUDYIAH" (Existensialisme).

Tak perlu ke sawah ke ladang lagi, kerana hati sudah mencapai ma'rifat! Tidak perlu sembahyang lagi, kerana syariat hanya bagi orang mu'tadi (yang mula-mula menempuh jalan). Mereka mengerjakan zikir sampai jauh malam: "ALLAH, ALLAH, ALLAH", akhirnya "HU, HU, HU, HU, HU", dan sebagainya. Kadang-kadang kerana hebat dan asyiknya zikir, mereka pun tidak sadar diri lagi, sehingga kacau-bilaulah di antara laki-laki dengan perempuan! Mereka merasa diri telah bersatu dengan Tuhan!

Waktu itulah muncul seorang Ulama Besar, yang kemudiannya akan berjasa besar menyiarkan Mazhab Shafie dan membanteras Tasauf yang salah itu. Namanya Syeikh Nuruddin bin Muhammad Jailani bin Hasani bin Muhammad Hamid Ar-Raniri.

Beliau pun penganut tariqat Qadiriyyah, yang disebut berasal dari ajaran Sayid Abdulkadir Al-Jailany, tetapi beliau menolak faham WUJUDIAH!

Beliau banteras faham itu dan beliau tegakkan faham Salaf, faham yang diterima daripada Nabi dan sahabat-sahabatnya, yang disebut juga faham Ahli Sunnah wal Jamaah. (Penyelidik Barat menamai faham itu orthodox, iaitu erti asal dari kalimat SALAF. Sehingga orang-orang Indonesia yang "mencuba-cuba" membicarakan hal ini sebelum mengetahui pokok fikiran Islami, kerap kali mengertikan bahawa faham beliau ini adalah KOLOT atau KUNO dan faham Hamzah itulah "MODERNISASI").

Beliau banteras faham itu dalam tabligh-tablighnya, dalam karangan-karangannya, dalam fatwanya, sehingga gegerlah masyarakat Aceh kerananya.

Di zaman pemerintahan Iskandar Tsani pertengkaran ini sampai ke puncaknya, sampai Kerajaan Aceh mencampuri persoalan itu dan memanggil Syeikh Nuruddin meminta fatwanya yang tegas. Kalau ternyata faham Hamzah itu bertentangan dengan pokok syariat, maka Kerajaan akan mengambil sikap tegas! Dan Syeikh Nuruddin berani bertanggungjawab, bersola jawab di mana saja!

Kata setengah riwayat yang diterima dari mulut ke mulut di Aceh, bahawasanya kedua Syeikh dari Mekah, Abu'l Khair dan Muhammad Al-Yamani telah pulang ke negerinya. Syeikh Hamzah orang Fansur itu menebarkan pula tariqatnya ke Pariaman, Minangkabau, sedang Syeikh Shamsuddin, murid Hamzah telah

lama wafat! Yang dapat dihadirkan hanya beberapa guru yang menjalankan tariqat WUJUDIYAH itu di Aceh dan berpuluh-puluh pengikut yang lain.

Diadakanlah pertemuan besar di istana, di hadapan Sultan Iskandar Tsani sendiri. Diadakan bahas dan hujah. Syeikh Nuruddin menetapkan kafirnya atau zindiq-zindiq faham demikian! Kerana alam terjadi bukanlah sebagai bayang-bayang dari Allah, tetapi tercipta atas kehendak Allah dengan kalimat-Nya: "KUN". ZAT Allah adalah Qadim dan Zat Alam adalah Hadis, terjadi Alam atas kehendak-Nya!

Begitulah yang diterima dari Nabi. Adapun kepercayaan lain itu, adalah pengaruh faham ZINDIQ yang masuk dari luar ke dalam Islam, setelah banyak tukang bid'ah mencampur aduk Islam dengan ajaran Agama lain.

Nescaya tidaklah ada yang berani bertentangan dengan Ulama yang kuat hujahnya itu. Suaranya keras melengking dan keningnya sempit lekas marah! Sebagaimana bawaan Ulama-ulama dari Hindustan, walaupun telah lama makan siri dan pinang cara Aceh! Apatah lagi ilmu itu selama ini dirahsiakan, tidak dibuka kepada Ulama! Sekarang beliau buka, beliau kupas, dan akhirnya dengan tegas dia memohon kepada Sultan agar Kerajaan menentukan sikap tegas, supaya negeri jangan binasa. Supaya ladang dan sawah jangan ditinggalkan orang dan mesjid-mesjid jadi lengang kerana orang merasa tidak perlu sembahyang lagi kerana merasa diri sudah "wushul" (sampai) kepada Allah!

Beliau usulkan supaya orang belajar Tauhid terlebih dahulu sampai matang, barulah dibolehkan belajar tariqat atau masuk suluk. Beliau usulkan supaya Ulama-ulama yang memegang teguh syariat diberi kesempatan terus mengarang buku-buku yang berguna menuntun kepada jalan yang benar.

Tidak ada di kalangan pengikut WUJUDIYAH yang dapat menegakkan alasan, kerana memang ilmu Tasauf pada hakikatnya bukanlah ilmu, melainkan rasa (zauq), sehingga Al-Ghazali sendiri memesan berkali-kali supaya apa yang dirasakan di dalam kasyaf jangan diajarkan kepada orang "awam", tetapi simpanlah sendiri!

Maka mesyuaratlah Sultan dengan abangnya Panglima Polim, dan Permaisurinya Sri Ratu Shafiatuddin dan beberapa Ulama yang lain, mengambil sikap tegas. Akhirnya keluarlah keputusan Kerajaan menyatakan larangan kepada WUJUDIYAH atau

Salik Buta! Diperintahkan membakar kitab-kitab karangan Hamzah dan Shamsuddin, disuruh bongkar tempat-tempat kaum itu mengerjakan suluk.

Pengikutnya disuruh taubat. Mana yang tidak mau taubat dibunuh.

Maka ada yang taubat dan ada yang dibunuh dan ada yang lari ke daerah lain.

Kata setengah riwayat, Hamzah mati dibunuh sebagaimana membunuh Al-Hallaj di Baghdad dahulu. Dan kata setengahnya lagi, menurut riwayat yang penulis terima dari Tuan Haji Harun Ath-Thubuhiy Al-Faryamani, Hamzah ketika itu sedang berada di Pariaman. Mendengar keputusan Pemerintah Aceh itu dia tidak berani pulang lagi ke Aceh. Dia meneruskan mengajarkan tariqat itu sampai ke Calau si junjung, dan di sanalah dia meninggal. Kata Tuan Haji Harun tersebut, makamnya ada di Calau dan tariqatnya sampai sekarang masih ada dianut orang di sana dan dimasyhurkan orang **TUANKU CALAU**.

Ajaran Hamzah Fansuri itu dikenal di beberapa negeri dengan nama **PENGAJIAN TUBUH**, disebut juga **MARTABAT TUJUH**, kerana menurut ajarannya **WUJUD** itu melalui proses tujuh tingkat: Ahadiyah; Wahdah; Wahidiyah; Alam Arwah; Alam Misal; Alam Ajsam; dan Alam Insan.

Dan tersebar pula ajaran ini ke tanah Jawa, namanya disebut dalam Primbon Jawa "Kiyahi Hamzah" dan ajarannya disebut "Kawula-Gusti".

Tersebar pula ajaran ini ke Makassar, dinamai "Tariqat Haji Paloppo".

Adapun Syeikh Ar-Raniri, kerana sikapnya yang gagah perka mempertahankan Sunnah, atau Mazhab Salaf, yang disebut dalam istilah Orientalist Barat **ORTHODOX**, kerana ketegasan dan kekerasan sikapnya itu, di zaman Sultanah Tajul Alam Shafiyatuddin, diangkatlah beliau menjadi **MUFTI Kerajaan Aceh**. Waktu itulah dikarangnya buku "At-Tibyanfi ma'rifatil ad'yan. (Penjelasan, untuk mengetahui agama-agama), khusus membantah faham **WUJUDIYAH** dan diceritakannya dalam buku itu pertentangannya dengan kaum **WUJUDIYAH**!!

Di waktu itu pula dikarangnya kitab "Ash Shirathal Mustaqim" tentang hal ilmu Fiqhi. Dan dari buku inilah Syeikh Arshad Mufti Banjar mengambil dasar mengarang kitabnya "Sabilal Muhtadin" yang terkenal itu.

Dalam kitab Ash-Shirathal Mustaqim itu, Syeikh Nuruddin menjelaskan fahamnya bahawa seorang Muslim tidak sah sembahyang menjadi ma'mum di belakang orang yang berfaham WUJUDIYAH!!

Atas perintah Sultanah Tajul Alam Shafiyatuddin, kitab-kitab karangan Syeikh Nuruddin disalin banyak-banyak dan dikirim ke seluruh rantau jajahan takluk negeri Aceh, akan adanya

Wallahu 'alam bish-shawabi, wailaihil marji'u wal maabu !!!